

DIMENSI KEBAHAGIAAN GOLONGAN DEWASA MELAYU

KHAIRUDIN BIN CHE TAK

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**DIMENSI KEBAHAGIAAN GOLONGAN DEWASA
MELAYU**

KHAIRUDIN BIN CHE TAK

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **KHAIRUDIN BIN CHE TAK**

No. Pendaftaran/Matrik: **AHA090003**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

DIMENSI KEBAHAGIAAN GOLONGAN DEWASA MELAYU

Bidang Penyelidikan: **PSIKOLOGI POSITIF**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **26 JANUARI 2017**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: **26 JANUARI 2017**

Nama: **Prof. Madya Dr. Jas Laile Suzana Jaafar**

Jawatan: **Pensyarah**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya memberikan saya daya kekuatan untuk menunaikan tanggungjawab saya sebagai pelajar dalam menyempurnakan sebuah tesis.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Jas Laile Suzana Jaafar selaku penyelia tesis saya. Beliau telah memberi segala tunjuk ajar, idea, maklumat, teguran, bimbingan, dorongan, dan panduan dalam menghasilkan tesis ini dari awal hingga akhir. Ribuan terima kasih sekali lagi kepada beliau yang tidak pernah jemu melayan kerenah saya semasa di bawah penyeliaannya. Pengorbanan yang beliau lakukan amat saya hargai dan kenang hingga akhir hayat.

Buat insan yang paling istimewa dan bermakna dalam hidup, iaitu kedua ibu bapa saya, En. Che Tak bin Mat Arshad dan Pn. Kamariah bt. Jonad serta adik beradik yang tersayang iaitu Along, Angah, Alang, Atih, Acik, Acu dan Akak yang banyak memberikan semangat dan sokongan moral supaya saya terus berjaya dalam apa jua lapangan yang saya ceburi. Hanya padaMu ya Allah aku bermohon supaya Engkau bahagiakan hidup seluruh ahli keluargaku.

Ucapan terima kasih juga buat tenaga pengajar Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) dan tenaga pengajar Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kalian adalah guru-guru yang saya sanjung dari kemantapan ilmu dan banyak membantu saya dalam memberikan maklumat, nasihat, sokongan dan dorongan supaya saya gigih berusaha dan tidak kenal erti putus asa.

Kepada teman-teman seperjuangan yang banyak mengajar saya tentang erti pengorbanan dalam menghasilkan sebuah tesis ini. Terima kasih kerana menjadi teman berbicara, menumpang suka dan duka. Turut tidak dilupakan kepada responden dan *field workers* yang sudi membantu mengedarkan soal selidik dan menjawab soalan yang diberikan dengan penuh ikhlas dan jujur. Semoga dengan budi kalian semua akan dibalas oleh Allah SWT.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu. Terdapat dua isu utama dalam kajian ini. Pertama, penerokaan dimensi kebahagiaan dan kedua, penilaian skala kebahagiaan orang Melayu yang diadaptasi dari skala yang sedia ada. Bagi menjawab dua isu tersebut, tiga kajian khusus telah dijalankan. Kajian tersebut ialah penerokaan dimensi kebahagiaan, pengukuhan dimensi kebahagiaan dan psikometrik skala kebahagiaan orang Melayu. Kajian ini melibatkan 45 orang, 30 orang dan 1283 orang responden bagi kajian pertama, kajian kedua dan kajian tiga. Kaedah kualitatif digunakan bagi kajian pertama (temu bual kumpulan fokus) dan kajian kedua (temu bual semi berstruktur). Manakala, kajian tiga menggunakan kaedah kuantitatif (tinjauan) bagi menguji skala kebahagiaan orang Melayu. Keputusan analisis *NVivo* menunjukkan kebahagiaan masyarakat Melayu terdiri daripada 12 dimensi, iaitu hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain, pencapaian dalam hidup, agama, bersikap positif, persekitaran harmoni, penerimaan/redha, autonomi, ilmu pengetahuan, aktiviti masa lapang, kesihatan dan taraf hidup. Seperti yang telah diramal, setiap dimensi yang diperolehi mempunyai hubungan dengan nilai-nilai tradisi Melayu dan prinsip-prinsip Islam. Keputusan kajian turut menunjukkan hubungan kekeluargaan adalah penyumbang utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu, baik secara kualitatif mahupun kuantitatif. Berdasarkan psikometrik pula, didapati alat ukuran kebahagiaan orang Melayu adalah bersifat unidimensi, mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha=0.95$) dan kesahan yang baik (kesahan menumpu; kepuasan hidup keseluruhan ($r=0.72$), *Personel Well-Being Index* ($r=0.84$) dan *Satisfaction with Life Scale* ($r=0.64$); kesahan membeza; *Rosenberg Self-Esteem Scale* ($r=0.32$)). Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa dimensi kebahagiaan orang Melayu selari dengan nilai-nilai yang disanjung dalam masyarakat kolektivistik. Begitu pun, ada juga dimensi kebahagiaan yang unik seperti redha (penerimaan), konsep syukur dan nilai budi yang mencerminkan keunikan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang dijunjung orang Melayu sejak turun temurun. Dari segi alat ukuran pula, setakat ini skala kebahagiaan orang Melayu boleh diaplikasikan ke atas kajian-kajian lain disebabkan oleh nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik.

ABSTRACT

This study aims to identify the dimension of happiness in Malay adults. There are two main issues of this study. First, is the exploration of the dimensions of happiness, and second, evaluation of the scale of Malay happiness, which is adapted from an existing scale. To tackle these two issues, three specific studies were conducted. The studies were exploration of happiness dimensions, reinforcement of the dimension of happiness and the psychometric scale of happiness in Malay adults. The studies involved 45, 30 and 1283 respondents in the first, second and third study, respectively. Qualitative methods which were focus group interview and semi structured interview were used in the first and second study, respectively. A quantitative method (survey) was used in the third study to test the Malay Happiness Scale. Results of NVivo analysis indicated that the happiness of the Malay consisted of 12 dimensions, which were, family relations, good relationships with others, life achievement, religion, being positive, harmonious environments, acceptance (*redha*), autonomy, knowledge, leisure activities, health, and standard of living. As predicted, all dimensions were found to be related to Malay traditional values and the principles of Islam. The results also showed that the family relations were the main contributor to the happiness of the Malays, either qualitatively or quantitatively. In terms of psychometric, it was found that the instrument that was designed to measure the Malay happiness was unidimensional, has high internal consistency of reliability ($\alpha=0.95$) and good validity (convergent validity; overall life satisfaction ($r=0.72$), Personal Well-Being Index ($r=0.84$) and Satisfaction with Life Scale ($r=0.64$); divergent/discriminant validity; Rosenberg Self-Esteem Scale ($r=0.32$)). Overall, this study has shown that the dimensions of the Malay happiness are still closely related to the collectivistic values. There were also other culturally-related dimensions of happiness such as acceptance (*redha*), gratitude and *budi*. These dimensions of happiness illustrate the distinctiveness of the Malay customs, traditional values and Islamic teachings, which have been passed down from generation to generation. In terms of measurement, it was found that the Malay Happiness Scale has high applicability onto other studies as it has high reliability and validity.

KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI ILUSTRASI	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Teori Kebahagiaan	6
1.2.1 Teori Senarai (<i>List Theory</i>)	10
1.2.2 Homeostasis	12
1.2.3 Kebahagiaan dan Budaya	13
1.2.4 Kebahagiaan dan Islam	20
1.3 Sorotan Kajian Lepas	26
1.3.1 Penerokaan Dimensi Kebahagiaan	26
1.3.1.1 Kebahagiaan Masyarakat Barat	26
1.3.1.2 Kebahagiaan Masyarakat Timur	35
1.3.1.2.1 Kebahagiaan Asia Konfusian	36
1.3.1.2.2 Kebahagiaan Asia Tenggara	42
1.3.2 Kebahagiaan dan Masyarakat Melayu di Malaysia	48
1.3.3 Alat Pengukuran	54
1.4 Definisi Konsep	63
1.4.1 Kebahagiaan	63
1.4.2 Orang Melayu	68
BAB 2: KAJIAN SEKILAS PANDANG (<i>OVERVIEW OF STUDIES</i>)	
2.1 Pendahuluan	69
2.2 Nilai-nilai Masyarakat Melayu	69
2.3 Rasional Kajian	77
2.4 Persoalan Kajian	89
2.5 Objektif Kajian	89

2.5.1	Kajian 1	90
2.5.2	Kajian 2	90
2.5.3	Kajian 3	91
2.6	Metodologi Umum	91

BAB 3: KAJIAN 1 (PENEROKAAN DIMENSI KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU).

3.1	Pendahuluan	94
3.2	Metod Kajian	95
3.2.1	Rekabentuk Kajian	95
3.2.2	Responden Kajian	96
3.2.3	Prosedur Pengumpulan Data	100
3.2.4	Analisis Data	101
3.2.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	103
3.3	Keputusan Kajian	104
3.4	Perbincangan	114
3.4.1	Hubungan Kekeluargaan	114
3.4.2	Hubungan Baik Dengan Orang Lain	122
3.4.3	Agama	126
3.4.4	Penerimaan/Redha	130
3.4.5	Pencapaian Dalam Hidup	135
3.4.6	Kesihatan	138
3.4.7	Autonomi	141
3.4.8	Persekitaran Harmoni	143
3.4.9	Ilmu Pengetahuan	147
3.4.10	Aktiviti Masa Lapang	151
3.4.11	Bersikap Positif	154
3.4.12	Taraf Hidup	157
3.5	Kesimpulan	164

BAB 4: KAJIAN DUA (PENGUKUHAN DIMENSI KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU).

4.1	Pendahuluan	165
4.2	Metod Kajian	167
4.2.1	Rekabentuk Kajian	167
4.2.2	Responden Kajian	168
4.2.3	Prosedur Temu bual	169

4.2.4	Analisis Data	170
4.2.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	170
4.3	Keputusan Kajian	172
4.3.1	Kesepadanan Dimensi	172
4.3.2	Keutamaan Dimensi Kebahagiaan	180
4.4	Perbincangan	181
4.4.1	Kesepadanan Dimensi	182
4.4.2	Keutamaan Dimensi Kebahagiaan	185
4.5	Kesimpulan	198

BAB 5: KAJIAN TIGA (PSIKOMETRIK SKALA KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU YANG DIADAPTASI)

5.1	Pendahuluan	200
5.2	Metod Kajian	203
5.2.1	Rekabentuk kajian	203
5.2.2	Responden Kajian	204
5.2.3	Kajian Rintis	206
5.2.4	Alat Ukuran Kajian	209
5.2.4.1	Bahagian A: Demografi	210
5.2.4.2	Bahagian B: Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	210
5.2.4.3	Bahagian C: <i>Satisfaction With Life Scale</i>	212
5.2.4.4	Bahagian D: <i>Personal Wellbeing Index</i>	213
5.2.4.5	Bahagian E: <i>Affect Balance Scale</i>	215
5.2.4.6	Bahagian F: <i>Rosenberg's Self Esteem Scale</i>	217
5.2.5	Terjemahan/Terjemahan kembali (<i>Translation/Back Translation</i>)	218
5.2.6	Prosedur dan Tatacara Kajian	220
5.2.7	Analisis Kajian	220
5.3	Keputusan Kajian	222
5.3.1	Faktor Demografi	223
5.3.2	Takat Kebahagiaan Masyarakat Melayu	225
5.3.3	Keutamaan Dimensi e	228
5.3.4	Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	230
5.3.4.1	Kesahan Konstruk (Analisis Faktor)	230
5.3.4.2	Kesahan Penumpu (<i>Convergent</i>) dan Pembeza (<i>Discriminant</i>)	233

5.3.4.3	Kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	235
5.4	Perbincangan	239
5.4.1	Takat Kebahagiaan Masyarakat Melayu	239
5.4.2	Dimensi Kebahagiaan Mengikut Keutamaan	246
5.4.3	Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	250
5.4.3.1	Kesahan Konstruk (Analaisis Faktor)	250
5.4.4.2	Kesahan Menumpu dan Membeza	252
5.4.4.3	Kebolehpercayaan	254
5.5	Kesimpulan	256
BAB 6: PENUTUP		
6.1	Pendahuluan	258
6.2	Kesimpulan dan Implikasi Kajian	258
6.2.1	Dimensi Kebahagiaan	261
6.2.2	Takat Kebahagiaan	267
6.2.3	Kedudukan Dimensi Kebahagiaan	271
6.2.4	Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	275
6.3	Limitasi/Batasan Kajian	278
6.4	Saranan dan Cadangan Kajian	281
RUJUKAN		285
LAMPIRAN A		305
Surat Menjalankan Kajian Lapangan		
LAMPIRAN B		306
<i>Informed Consent</i>		
LAMPIRAN C		309
Borang Soal Selidik		

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Definisi Dimensi-dimensi Kesejahteraan Berasaskan Teori	29
1.2	Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Barat	34
1.3	Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Asia Konfusian	41
1.4	Dimensi Kesejahteraan di kalangan Warga Tua Thailand	45
1.5	Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Asia Tenggara	47
1.6	Beberapa Definisi Kebahagiaan (<i>Happiness</i>) Pengkaji Yang Terdahulu	65
1.7	Definisi Kebahagiaan Menurut Cendekiawan Islam	67
3.1	Taburan Umur dan Jantina Responden	98
3.2	Indeks Kebolehpercayaan <i>Cohen Kappa</i> ke Atas Temu Bual Kumpulan Fokus	104
3.3	Taburan Analisa Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu	110
3.4	Persamaan dan Perbezaan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu	111
3.5	Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu	113
4.1	Indeks Kebolehpercayaan <i>Cohen Kappa</i> ke Atas Temu Bual Mendalam	172
4.2	Taburan Analisa Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu Mengikut Responden	173
4.3	Dimensi kebahagiaan Berdasarkan Keutamaan dalam Masyarakat Melayu	181
5.1	Perubahan Item Kebahagiaan Masyarakat Melayu	208
5.2	Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	211
5.3	<i>Satisfaction With Life Scale</i>	212
5.4	<i>Personal Wellbeing Index</i>	214

5.5	Item Positif dan Negatif <i>Affect Balance Scale</i>	216
5.6	Item Positif dan Item Negatif <i>Rosenberg's Self-Esteem Scale</i>	217
5.7	Jumlah dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Faktor Demografi	224
5.8	Nilai Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Kebahagiaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Keseluruhan Kebahagiaan Hidup, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, Keseluruhan Kepuasan Hidup, <i>Personal Wellbeing Index</i> dan <i>Satisfaction With Life Scale</i> .	226
5.9	Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Keutamaan	229
5.10	KMO dan Ujian <i>Bartlett</i>	231
5.11	Nilai Setiap Komponen Kebahagiaan, <i>Eigenvalues</i> dan Varians Analisis Faktor	232
5.12	Varian Dikongsi (<i>shared varian</i>) dan Hubungan Antara Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu Dengan Kebahagiaan Hidup Secara Keseluruhan, Kepuasan Hidup Keseluruhan, <i>Personal Well-Being Index</i> , <i>Satisfaction with Life Scale</i> , <i>Rosenberg's Self Esteem Scale</i> , dan <i>Affect Balance Scale</i>	234
5.13	Pekali <i>Alpha Cronbach</i> dan Uji-uji Semula	236
5.14	Hubungan Di antara Item yang Betul Dengan Jumlah Keseluruhan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	236
5.15	Hubungan Antara Item-item Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	238
6.1	Perbezaan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu	261

SENARAI GAMBARAJAH

No. Rajah		Halaman
3.1	Tahap-tahap Dalam Proses Analisis Tematik.	102
3.2	Ringkasan Pengkategorian Dimensi Dalam Kebahagiaan masyarakat Melayu.	106-109
4.1	Keseluruhan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu	179
5.1	<i>Scree Plot</i> Pemilihan Faktor	232

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

ABS	<i>Affect Balance Scale</i>
BDI	<i>Beck Depression Inventory</i>
CHI	<i>Chinese Happiness Inventory</i>
ComQol	<i>Comprehensive Quality of Life Scale</i>
HLI	<i>Happy Life Inventory</i>
MBHS	<i>Mind-Balance Happiness Scale</i>
OHI	<i>Oxford Happiness Inventory</i>
PWI	<i>Personal Wellbeing Index</i>
S1	Sarjana 1 (Ijazah Sarjanamuda)
S2	Sarjana 2 (Ijazah Sarjana)
SCIF	<i>Social Cohesion Indicators Flanders</i>
SHS	<i>Subjective Happiness Scale</i>
SMA	Sekolah Menengah Atas
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SPWB	<i>Scale of Psychological Well-Being</i>
SWLS	<i>Satisfaction with Life Scale</i>
RSES	<i>Rosenberg's Self-Esteem Scale</i>
WVS	<i>World Values Survey</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penerokaan tentang kebahagiaan amat giat dijalankan oleh ahli-ahli psikologi terutama dalam aspek teori, instrumen dan sumber-sumber yang membawa kebahagiaan (seperti personaliti, harga sendiri, sokongan sosial dan sebagainya). Hal ini kerana kebahagiaan adalah satu isu yang baru hendak berkembang dalam kalangan ahli-ahli psikologi dan kebanyakan kajian kebahagiaan secara empirikal berlaku dalam era akhir 1960an dan 1970an (Headey dan Wooden, 2004). Selain itu, kewujudan aspek kebahagiaan juga disebabkan oleh kesedaran ahli-ahli psikologi tentang pentingnya melihat kehidupan dari sudut yang positif. Pemulihan dari sakit mental (*curing mental illness*), membantu manusia sejagat ke arah kehidupan yang lebih produktif dan mengenal pasti potensi yang sedia ada merupakan tunjang kepada wujudnya pengkajian ke atas aspek psikologi yang positif (Joseph & Linley, 2006).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, penilaian ke atas persoalan kesejahteraan ada kalanya merujuk kepada kepuasan hidup, ada kalanya kebahagiaan dan juga kesejahteraan subjektif keseluruhan (Cheng & Furnham, 2003; Diener, 2000; Kahneman, 2003; Lee, Park, Uhlemann & Patsula, 1999; Lu & Lin, 1998; Uchida, Norasakkunkit & Kitayama, 2004). Veenhoven (2006) telah menyatakan bahawa selain kebahagiaan, perkataan kesejahteraan, kepuasan hidup dan kualiti hidup turut merujuk kepada maksud yang sama. Dengan kata lain, tidak kira perkataan yang mana satu digunakan, namun maksud dan makna merujuk kepada perkara yang sama (Layard,

2005). Ye, Ng & Lian (2014) telah membuat kesimpulan berdasarkan data daripada *World Values Survey* (WVS), mendapati kedua-dua perkataan (kebahagiaan dan kesejahteraan) menunjukkan keputusan secara empirikal adalah sama dan mudah untuk membuat perbincangan. Jadi, kedua-dua perkataan digunakan secara silih ganti dalam menjelaskan kebahagiaan. Dengan itu, kajian ini turut menggunakan kedua-dua perkataan dalam menerangkan kebahagiaan masyarakat Melayu.

Salah satu isu penting yang menjadi matlamat utama pengkaji dalam kebahagiaan adalah berkaitan tentang takrifan kebahagiaan itu sendiri (Kafka dan Kozma, 2002). Setakat ini, konsep kebahagiaan masih menjadi perbincangan di kalangan ahli psikologi, baik dari segi teoritikal dan konseptual. Buat masa ini, para pengkaji bersetuju kebahagiaan hanya dipengaruhi oleh komponen kognitif dan perasaan sahaja (Diener, 1995; Kashdan, 2004; Shimmack, 2008; Van Hemert, Van De Vijver dan Poortinga, 2002) (dijelaskan dalam Bahagian 1.2). Ryff (1989) pula berpendapat bahawa kerangka konseptual dan teoritikal dalam kebahagiaan masih lagi belum kukuh dan faktor luaran perlu diambil kira sebagai salah satu kriteria dalam menjelaskan kebahagiaan. Hal ini disebabkan kebahagiaan bukan hanya dapat dinilai melalui kognitif dan perasaan tetapi ia juga dapat dilihat berdasarkan kriteria luaran seperti kesihatan, hubungan baik dengan orang lain, persekitaran dan sebagainya (Cummins, 1997; Diener, 1995; Kashdan, 2004; Ryff, 1989). Dengan itu, ahli-ahli psikologi menerima baik pandangan bahawa konsep kebahagiaan boleh dikembangkan dengan melihat komponen luaran sebagai penyumbang kepada kebahagiaan selain kognitif dan perasaan (huraian lebih lanjut dalam Bahagian 1.3; Harding, 1982; Hills & Argyle, 2001; Kim, Kim, Cha, & Lim, 2007; Lee, Park, Uhlemann, & Patsula, 1999; Lu & Shih, 1997; Ryff, 1989; Santos, 2009).

Hasil daripada perbincangan tersebut, pengkaji-pengkaji psikologi positif berusaha mencari jalan penyelesaian untuk membentuk takrifan kebahagiaan yang jelas dengan menggunakan metodologi yang tepat (Kashdan, 2004; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999; Lu dan Shih, 1997). Keputusan yang diperoleh menunjukkan kebahagiaan ada dua dimensi (Harding, 1982; Lee et al., 2007), ada juga yang mendapati enam dimensi (Ryff, 1989), tujuh dimensi (Hills & Argyle, 2001), sembilan dimensi (Lu & Shih, 1997), 12 dimensi (Santos, 2009), 14 dimensi (Lee et al., 1999) dan 16 dimensi (Kim et al., 2007). Hal ini wujud mungkin disebabkan oleh pengaruh budaya (individualistik dan kolektivistik) dan faktor-faktor luaran yang lain (seperti kesihatan, kerjaya, pendidikan dan sebagainya) (huraian lebih lanjut di Bahagian 1.3.1; Diener & Suh, 2003; Liao, Fu, dan Yi, 2005; Lu & Gilmour, 2004; Uchida & Kitayama, 2009).

Di Malaysia, kajian tentang takrifan kebahagiaan telah dijalankan oleh Jaafar, Haslina, Khairudin., Tina Afiatin dan Yogi Suprayogi. (2009) yang mendapati ada 12 dimensi dalam masyarakat Malaysia (melibatkan pelbagai etnik di Malaysia). Al-Naggar, Al-Jashamy, Yun, Isa, Alsaror, dan Al-Naggar (2010) pula menemui lima sumber kebahagiaan di kalangan pelajar universiti (juga melibatkan etnik Melayu, India dan lain-lain) dan Khairudin (2009) mendapati ada 10 dimensi kebahagiaan khusus dalam masyarakat Melayu (huraian lebih lanjut di Bahagian 1.3.2). Kajian ini hanya fokus kepada kebahagiaan dalam masyarakat Melayu dan setakat ini, hanya Khairudin (2009) sahaja melihat takrifan kebahagiaan masyarakat Melayu secara khusus. Walau bagaimanapun, kajian beliau adalah di peringkat penerokaan dan hanya menggunakan kaedah kualitatif yang mudah.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sekali lagi dan mengesahkan adakah dimensi kebahagiaan yang ditemui oleh Khairudin (2009) benar-benar menggambarkan nilai-

nilai tradisi masyarakat Melayu. Dengan kata lain, pendekatan yang lebih mendalam seperti pendekatan temu bual kumpulan fokus (*Focused group interview; FGI*) dan temu bual semi berstruktur akan digunakan sebagai langkah seterusnya untuk menilai dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu terutama bagi golongan dewasa. Barangkali dengan pendekatan yang akan digunakan ini mampu memberikan takrifan yang jelas terhadap kebahagiaan masyarakat Melayu.

Selain takrifan kebahagiaan, pengukuran kebahagiaan turut menjadi isu dalam Psikologi Positif. Ada ahli-ahli psikologi Asia Timur kurang bersetuju dengan pengukuran kebahagiaan yang dibentuk oleh pengkaji Barat disebabkan oleh pembentukan pengukuran adalah hasil daripada pandangan dan pengalaman yang dilalui oleh masyarakat Barat (terikat dengan ciri-ciri kehidupan individualistik; Kim et al., 2007; Lee et al., 2007; Lu & Gilmour, 2006; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Lu & Shih, 1997). Dengan berpandukan pengukuran dari Barat, belum tentu cukup untuk menerangkan kebahagiaan masyarakat Asia Timur secara keseluruhan disebabkan pengaruh budaya yang berlainan. Lu dan Shih (1997) menerangkan masih terdapat ketidakseimbangan dalam alat ukuran yang dibentuk oleh Barat tetapi para pengkaji silang budaya masih mengguna pakai konsep dan alat ukuran dari Barat dalam aspek kebahagiaan. Secara psikometrik, kajian silang budaya telah menunjukkan pengukuran dari Barat boleh diaplikasi dalam masyarakat Asia disebabkan oleh nilai kebolehpercayaan dan kesahan alat pengukuran adalah baik. Namun, dari aspek kandungan dan dimensi dalam pengukuran kebahagiaan Barat didapati lebih berpihak kepada masyarakat individualistik (huraian lebih lanjut di Bahagian 1.3; Chen et al., 2006; Dayton et al., 2001; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 2012; Lu & Gilmour, 2006).

Akibat daripada permasalahan dimensi, pengkaji-pengkaji dari Asia terutama di Asia Timur berusaha untuk membentuk satu pengukuran kebahagiaan mencakupi keseluruhan aspek kehidupan berteraskan budaya dan ideologi yang diamalkan (kolektivistik). Setakat ini, hanya Korea Selatan dan China yang sudah mula membina alat ukuran yang sesuai dalam masyarakat mereka (Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 2012; Lu & Shih, 1997). Antara alat ukuran yang telah dibina oleh masyarakat Cina ialah *Chinese Happiness Inventory* (Lu & Shih, 1997), *Mind-Balanced Happiness Scale* (Lee et al., 2007) dan *Peace of Mind* (Lee et al., 2014), manakala *Happy Life Inventory* direka oleh Kim et al. (2007) ke atas masyarakat Korea Selatan. Walau bagaimanapun, belum ada usaha yang dijalankan oleh sarjana Melayu dalam membina alat pengukuran kebahagiaan khusus untuk masyarakat Melayu. Walhal, sarjana Melayu sering menekankan bahawa orang Melayu mempunyai keunikan budaya dan jati diri berbeza dengan masyarakat lain, di samping Islam sebagai asas dalam pembentukan budaya Melayu (huraian lebih lanjut di bahagian 2.2; Idris, 2012; Mohd Azhar et al., 2004; Mohd. Koharuddin, 2005; Noriati, 2007; Syed Husin, 2008; Wan Abdul Kadir, 2007; Zakaria et al., 2012). Sehingga kini, kajian berkaitan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu masih menggunakan alat ukuran yang dibentuk oleh Barat (Jaafar & Khairudin, 2009; Noraini, 2001; Nor Ba'yah & Asmawati, 2004; Noraini & Nor Ba'yah, 2011). Oleh itu, kajian ini merupakan satu langkah awal dalam merancang pembentukan pengukuran kebahagiaan meliputi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu berteraskan budaya dan Islam.

Oleh itu, jika boleh diringkaskan disini, kajian ini berhasrat mengkaji dua isu besar, iaitu isu dimensi kebahagiaan dan isu pengukuran kebahagiaan. Huraian yang lebih terperinci akan diberikan dalam bahagian yang selanjutnya.

1.2 Teori Kebahagiaan

Terdapat banyak pendapat dari ahli-ahli psikologi dulu dan kini tentang pentafsiran, pengukuran dan teori dalam kebahagiaan (Kafka & Kozma, 2002; Kashdan, 2004; Shimmack, 2008; Ryff, 1989). Ketiga-tiga aspek tersebut merupakan tunjang utama permasalahan dan perbahasan yang dihadapi oleh ahli-ahli psikologi sehingga kini (Compton, 2005; Eid, 2008). Menurut Kashdan (2004), pengukuran kebahagiaan harus bersandarkan kepada definisi yang jelas, kerangka teoritikal yang kukuh dan metodologi yang bersesuaian serta tepat. Walau bagaimanapun, McGillivray and Clarke (2006) mendapati konsep kebahagiaan masih lagi kabur, penerimaan secara universal ke atas definisi kebahagiaan adalah kurang dan seringkali berdepan dengan persaingan interpretasi yang lain. Hal ini menunjukkan betapa longgarnya konsep kebahagiaan dan ia memerlukan penelitian yang lebih (walaupun isu ini telah dikaji lebih tiga dekad yang lalu).

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 1.1, ahli-ahli psikologi positif masih lagi mencari jawapan bagi membuktikan sejauh mana kebahagiaan boleh diukur secara konsep dan teori (Cummins, 1997; Diener, 1984; Harding, 1982; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Ryff, 1989). Memandangkan teori yang sedia ada tidak bersifat komprehensif, Bradburn (1969) telah mengemukakan pandangan bahawa kebahagiaan boleh ditakrif sebagai kesejahteraan emosi yang terdiri daripada perasaan atau angin (*mood*) positif dan negatif. Ia adalah hasil daripada tindak balas individu ke atas kepelbagaian peristiwa yang berlaku sama ada bahagia atau tidak bahagia dalam kehidupan seharian (Hills & Argyle, 2002). Walau bagaimanapun, ada ahli psikologi yang tidak bersetuju disebabkan perasaan positif dan negatif adalah dua komponen yang berbeza dan tidak bergantung antara satu sama lain (Argyle, 2001; Diener, 1984 &

1999; Harding, 1982; Ryff, 1989). Dengan itu, Larsen dan Eid (2008) telah menambah satu lagi aspek selain komponen perasaan, iaitu penilaian kognitif dalam kehidupan seseorang atau individu secara keseluruhan. Proses kognitif dapat membantu individu melihat sesuatu yang lebih positif dan menilai baik dan buruk sesuatu tindakan yang diambil (Argyle, 2001). Ini akan menjadikan individu berasa tenang dan tenteram kesan daripada proses kognitif.

Dengan menggabungkan kedua-dua komponen tersebut, Diener et al. (1985) telah mengambil inisiatif membentuk satu alat pengukuran iaitu "*Satisfaction with Life Scale*". Perkara utama yang ingin diketengahkan oleh Diener adalah (1) kebahagiaan boleh diukur dan dinilai melalui laporan sendiri dengan kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi, (2) setiap kaedah pengukuran mempunyai kelebihan dan tahap kesukaran tersendiri, dan (3) penilaian kebahagiaan yang lengkap memerlukan alat ukuran pelbagai kaedah (Larsen & Eid, 2008). Secara empirikalnya, kebahagiaan boleh dikelaskan kepada tiga komponen utama iaitu, (1) komponen kognitif berdasarkan kepada penilaian kepuasan hidup dan komponen emosi yang terdiri dari (2) tingginya tahap perasaan positif dan (3) rendah tahap perasaan negatif (Larsen & Prizmic, 2008). Oleh itu, definisi kebahagiaan yang dicadangkan oleh Diener diterima oleh ahli-ahli psikologi lain sehingga hari ini di samping pengukuran SWLS dapat menjelaskan kesejahteraan subjektif dengan baik (Hill & Argyle, 2002; Kashdan, 2004; Kim et al., 2007).

Walaupun pandangan yang dikemukakan oleh Diener (1985) disambut baik oleh ahli-ahli psikologi, namun masih ada kekurangan yang perlu diberi perhatian. Bertentangan dengan Diener, Ryff (1989) pula beranggapan bahawa konsep kebahagiaan masih kurang dan terhad kepada teoritikal yang asas sahaja dan ia boleh mengabaikan aspek-

aspek penting yang lain dalam fungsi Psikologi Positif (Kim et al., 2007). Ryff (1989) telah mengemukakan pandangan bahawa terdapat kriteria atau faktor luaran sebagai pendorong kepada kebahagiaan selain dari kognitif dan perasaan. Dengan pendekatan alternatif yang menggabungkan beberapa teoritikal yang utama, beliau menemui bahawa kebahagiaan boleh dinilai melalui enam dimensi (dijelaskan dengan lebih lanjut di Bahagian 1.3.1.1).

Berlainan pula dengan Hill dan Argyle (2002) yang telah membentuk *Oxford Happiness Inventory* (OHI) berpandukan kepada tiga komponen utama, iaitu adanya perasaan positif yang kerap, tahap kepuasan yang lebih, dan hilangnya perasaan negatif seperti kemurungan dan kebimbangan (Francis, 1999). Namun, Hills dan Argyle (1998) mendapati OHI boleh diklasifikasikan kepada beberapa dimensi lain melalui analisis faktor yang telah dijalankan (dijelaskan dengan lebih lanjut di Bahagian 1.3.1.1). Hal ini menunjukkan bahawa kebahagiaan bukan hanya dapat ditentukan oleh komponen kognitif dan perasaan, bahkan kriteria luaran boleh diambil kira seperti mana yang telah ditemui oleh Ryff (1989) serta Hills dan Argyle (2002).

Melihat kepada perdebatan ahli-ahli psikologi tentang definisi dan teori kebahagiaan, dapat disimpulkan bahawa kebahagiaan amat rumit dan kompleks untuk dihurai atau ditakrifkan (Bradburn, 1969; Diener, 1985; Hills & Argyle, 2002; Ryff, 1989). Namun begitu, perdebatan tersebut telah memberi ruang kepada ahli-ahli psikologi lain untuk meneroka isu kebahagiaan dengan lebih mendalam lagi. Di antara perdebatan yang wujud misalnya, Dierendonck (2005) mendapati bahawa dimensi kerohanian (*spiritual*) turut mempengaruhi kesejahteraan psikologi selain daripada enam dimensi yang diutarakan oleh Ryff. Begitu juga dengan Cummins (2004),

mendapati Diener (1984) hanya bertanya kepada responden tentang kepuasan hidup secara keseluruhan dan bersifat pelbagai item.

Tidak terikat dengan Barat, ahli-ahli psikologi Asia Timur turut mendapati konsep atau teori yang dicadangkan oleh Barat adalah berat sebelah (Kim et al., 2007; Lu & Shih, 1997; Lee et al., 2012) (lihat bahagian 1.3.1.2). Tambahan pula, ahli-ahli psikologi Asia Timur telah merumuskan bahawa masyarakat Barat mengkonsepkan kebahagiaan yang menjurus kepada individu yang berdiri sendiri sebagai norma yang baik dan ideal, berbanding masyarakat kolektivistik yang menekankan soal mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain (Kim et al., 2007; Lu & Shih, 1997; Lee et al., 2012). Ringkasnya, boleh dikatakan konsep dan teori kebahagiaan sangat terikat dengan kelompok budaya masing-masing, sama ada individualistik ataupun kolektivistik.

Jaafar (2008) telah menyatakan bahawa setiap teori yang dibina tidak boleh dianggap salah atau betul, sebaliknya berguna ataupun tidak. Teori yang baik adalah teori yang mudah difahami dan berupaya membuat ramalan tentang satu-satu fenomena. Tambah beliau lagi, teori yang baik juga boleh diuji secara empirikal dengan uji kaji tertentu dan dapat merangkumi aspek-aspek dalam fenomena yang dikaji. Menurut Argyle (2001), kajian mengenai kebahagiaan masih belum ada panduan teori khusus, walaupun terdapat perbincangan mengenai penjelasan ke atas dapatan kebahagiaan. Kebarangkalian menggunakan lebih dari satu teori dapat menerangkan dengan lebih lanjut tentang kebahagiaan (Argyle, 2001). Dengan itu, kajian ini akan mengemukakan teori dan pendekatan yang sesuai bagi menerangkan kebahagiaan masyarakat Melayu. Teori dan pendekatan tersebut ialah teori senarai (*list theory*), homeostasis, kebahagiaan dan budaya serta kebahagiaan dan Islam. Teori dan pendekatan ini digunakan kesan daripada perbezaan budaya dan fahaman keagamaan yang dianuti oleh sesebuah

masyarakat (terutama kelompok individualistik dan kolektivistik) yang menjadi isu dalam menentukan dimensi kebahagiaan (Dayton et al., 2001; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 2013; Lu & Shih, 1997). Teori dan pendekatan tersebut digunakan demi memperoleh dimensi-dimensi kebahagiaan khusus dalam masyarakat Melayu, seperti mana yang telah diterokai oleh ahli-ahli Psikologi Positif sebelum ini akibat daripada percanggahan pendapat, budaya dan ideologi (Cummins, 2000; Dayton et al., 2001; Diener, 1984; Kim et al., 2007; Lu & Shih, 1997; Ryff, 1989; Torras, 2008; Vitrano, 2010).

1.2.1 Teori Senarai (*List Theory*)

Teori senarai adalah mengenal pasti kesejahteraan subjektif dengan beberapa elemen yang baik dan berguna, seperti pengetahuan, persahabatan, pencapaian, keseronokan, dan lain-lain. Hal ini berikutan daripada pendekatan lain seolah-olah tidak berupaya untuk meliputi rangkaian penuh intuisi manusia tentang kesejahteraan. Setiap elemen tersebut memberikan banyak faedah secara intrinsik (motivasi) dalam kehidupan manusia (Haybron, 2008). Dari sudut pandangan yang lain, sekiranya tidak ada prinsip asas terhadap kelompokan senarai elemen yang baik dalam sesuatu keadaan, seluruh elemen tersebut kelihatan seperti tidak tersusun. Jadi, ia tidak dapat menerangkan elemen kesejahteraan dengan baik. Sekiranya item muncul dalam kebanyakan senarai, maka, ia perlu diambil kira dan menyediakan ruang yang secukupnya.

Apabila menilai tentang teori kesejahteraan, adalah penting untuk membezakan kesejahteraan daripada tanggapan yang lebih luas dalam kehidupan yang baik. Walaupun kadang-kadang kita menggunakan "kehidupan yang baik (*good life*)" hanya sebagai sinonim untuk "kesejahteraan (*well-being*)". Namun, ia seolah-olah memberi

makna dan pilihan yang wajar dalam kehidupan manusia. Bukan sahaja dari segi moral yang baik atau kebaikan yang individu lakukan, tetapi baik berdasarkan tempoh masa. Memandangkan tidak ramai yang menafikan bahawa keinginan dilihat berkembang dengan baik, beretika dan seiring dengan kesejahteraan. Jadi, nilai-nilai estetik dapat dikekalkan dalam kehidupan manusia.

Setiap manusia mempunyai elemen-elemen dalam mentadbir kehidupan. Elemen-elemen ini dilihat sebagai sokongan dalam memberi kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hidup. Sekiranya elemen-elemen ini tidak di tadbir dengan baik, maka ia boleh merosakan individu itu sendiri dan memberikan kesan negatif dalam hidup seperti kemurungan dan sebagainya. Kajian lepas banyak mendapati individu sangat bergantung pada elemen-elemen yang baik untuk menjadikan diri mereka hidup dalam keadaan yang sejahtera dan bahagia seperti kebergantungan dengan keluarga, bebas untuk melakukan apa sahaja, memerlukan orang lain sebagai sumber sokongan, harga sendiri yang tinggi dan banyak lagi (Jongudomkarn & Camfield, 2006; Kashdan, 2004; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999; Lee et al., 2007; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Lu & Shih, 1997; Ryff, 1989; Santos, 2009; Uchida et al., 2004; Uchida & Kitayama, 2009). Jelas menunjukkan bahawa setiap elemen yang baik mampu menjana kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hidup.

Seligman dan Royzman (2003) berpendapat bahawa sebahagian besar yang menilai kehidupan individu itu bahagia dan sejahtera adalah disebabkan oleh perasaan dan perlu diambil kira dalam kesejahteraan selain elemen-elemen yang baik. Walaupun terdapat kekurangan dalam konteks perasaan, namun teori ini masih memberi makna dalam menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia.

1.2.2 Homeostasis

Istilah 'homeostasis' telah digunakan oleh Cummins (2010) untuk menggambarkan mekanisme asas bagi menyokong kesejahteraan subjektif. Homeostasis ini memberi tumpuan di peringkat umum kebahagiaan dan merupakan teori motivasi yang menganggap bahawa manusia cenderung untuk mengekalkan tahap kebahagiaan yang selesa, walaupun dalam keadaan yang teruk (Veenhoven, 2006). Istilah ini membayangkan analogi antara pengurusan keadaan psikologi dalam badan, seperti suhu badan. Walaupun pengurusan homeostatik suhu badan terletak dalam sistem anatomi, namun kesejahteraan subjektif masih boleh diuruskan oleh pembawaan (*dispositional*), genetik pra-wayar, dan sistem neurologi.

Homeostasis kesejahteraan subjektif meramalkan bahawa kesejahteraan subjektif akan berada dalam julat titik-tumpu sama ada lebih rendah atau lebih tinggi. Cummins et al. (2003) telah menyatakan bahawa julat normatif populasi masyarakat Barat tanda aras mekanisme homeostatik didapati pada tahap 70-80%SM (nilai min peratus skala maksimum) daripada taburan skala 0-100 dengan nilai min 75%SM. Julat normatif seharusnya berada pada nilai emas (70-80%SM) sebagai rujukan untuk kajian kesejahteraan subjektif dalam populasi umum (Cummins, 1995). Namun, secara umumnya, julat normatif kurang 10 mata bagi kajian-kajian yang dijalankan dalam masyarakat Timur seperti Cina dan Algeria berbanding Barat iaitu 60-70%SM (Neilsen et al., 2010; Tiliouine & Meziane, 2012). Neilsen et al. (2010) menjelaskan bahawa kurang 10 mata dengan Barat mungkin disebabkan adanya bias budaya dalam menentukan kesejahteraan subjektif.

1.2.3 Kebahagiaan dan Budaya

Asas kajian budaya adalah memahami, menginterpretasi sesuatu tingkah laku dan nilai-nilai tradisi (termasuklah sosial, ekonomi, politik dan sejarah) yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat (Bonn & Tafarodi, 2013). Jadi, tidak semua tingkah laku boleh dijelaskan dengan menggunakan gagasan yang sama (Lu & Gilmour, 2004). Begitu juga dengan konsep kebahagiaan yang dikemukakan oleh ahli psikologi Barat berkemungkinan tidak sama dengan konsep kebahagiaan budaya masyarakat lain. Sebenarnya konsep asal kebahagiaan yang utama berada dalam lingkungan budaya yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat tertentu yang perlu didedah dan dibongkar secara sistematik (Lu & Gilmour, 2004). Ternyata perbezaan budaya yang diamalkan boleh memberi implikasi terhadap konsep kebahagiaan dalam sesebuah masyarakat. Dengan itu, ahli-ahli Psikologi Positif cuba meneroka sejauh mana sesebuah masyarakat yang dipandu oleh budaya dan tradisi mereka dapat mempengaruhi konsep kebahagiaan (Jang & Kim, 2004; Suh, 2002; Triandis, 2000; Uchida et al., 2004).

Secara tipikal, kajian psikologi cenderung kepada idea, asal usul dan alat ukuran dari Barat (Lu, Gilmour & Kao, 2001; Schmitt & Allik, 2005). Kebanyakan penyelidik Barat terikat dengan budaya masyarakat Barat termasuk kajian silang budaya yang biasanya melibatkan (1) penggunaan alat ukuran yang diperolehi daripada budaya tradisi Barat dan (2) membandingkan keputusan perbezaan negara dalam kerangka teoritikal Barat (Lu, Gilmour & Kao, 2001). Ini akan menyebabkan keputusan yang tidak seimbang ke atas kebahagiaan masyarakat Timur kesan daripada penggunaan teoritikal dan alat ukuran Barat. Misalnya, masyarakat Barat didapati cenderung mempunyai takat kebahagiaan yang tinggi dan harga diri yang tinggi, manakala Asia Timur rendah takat kebahagiaannya (Cha, 2003; Diener et al., 1995; Furnham & Cheng, 1999).

& 2000). Hal ini menunjukkan bahawa perlu ada kajian daripada masyarakat Asia untuk menyeimbangkan kembali isu kebahagiaan ini supaya tidak berat sebelah. Oleh itu, terdapat banyak kajian daripada sarjana-sarjana Asia terutama di Asia Timur khusus dari ahli-ahli psikologi silang budaya yang cuba meneroka isu kebahagiaan berdasarkan perspektif masyarakat Asia (Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999; Lee et al., 2007; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009; Uchida et al., 2004; Uchida & Kitayama, 2009). Keputusan kajian masing-masing mendapati kebahagiaan masyarakat Timur masih mengekalkan ciri-ciri budaya kolektivistik yang melihat hubungan keluarga dan orang lain lebih utama daripada minat sendiri (Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999; Lee et al., 2007; Santos, 2009).

Orientasi Budaya telah diklasifikasikan kepada dua, iaitu individualistik dan kolektivistik (Markus & Kitayama, 1991). Ada juga kajian yang menggunakan perkataan "*independents*" dan "*interdependent*" atau "masyarakat Barat (*Westerners*)" dan "masyarakat Timur (*Easterners*)" untuk membezakan dua budaya utama tadi (Markus & Hamedani, 2010). Secara ringkas, budaya kolektivistik menekankan hubungan interpersonal dan interaksi sosial yang saling bergantung di antara satu sama lain, sesuai dengan norma-norma masyarakat. Manakala masyarakat individualistik menekankan kepentingan dan sifat autonomi dalam diri sendiri dan interaksi sosial dicirikan sekadar satu perbualan yang baik (Jang & Kim, 2004). Hal ini menunjukkan kedua-dua budaya tersebut mempunyai peranan dan ciri-ciri utama yang tersendiri dan lantaran itu ada kebarangkalian yang takrifan kebahagiaan akan berbeza (mengikut ideologi dan pengalaman masyarakat individualistik dan kolektivistik).

Kebahagiaan masyarakat individualistik dapat dilihat menerusi aspek sendiri (*self*) (Lee et al., 1999; Lu & Gilmour, 2004; Lu & Gilmour, 2006; Suh & Oishi, 2004; Uchida et al., 2004). Harga sendiri, pencapaian peribadi, autonomi, konsep sendiri dan kebebasan (*independence*) didapati lebih mempengaruhi kebahagiaan dalam masyarakat individualistik berbanding dengan kolektivistik (Cha, 2003; Diener & Diener, 1995; Kim et al., 2007; Kwan et al., 1997; Kwon, 2008; Lu & Shih, 1997; Suh & Oishi, 2004; Uchida & Kitayama, 2009; Uchida et al., 2004). Menurut Uchida et al. (2004), masyarakat Barat percaya bahawa sendiri merupakan pusat segala pemikiran, perasaan, tindakan dan motivasi. Setiap individu itu mempunyai matlamat yang tersendiri dan ianya bermula dari dalam diri dan bukannya pengaruh luaran. Kejayaan, pencapaian, kebahagiaan dan kepuasan yang dimiliki adalah hasil titik peluh individu itu sendiri. Individu yang menunjukkan perasaan emosi dan lisan secara terang-terangan kepada individu lain dikatakan mempunyai kesihatan psikologikal yang baik (Kwon, 2008).

Lee et al. (1999) telah menyimpulkan bahawa masyarakat individualistik amat menekankan (1) pandangan, keperluan dan matlamat individu, (2) kebahagiaan, keseronokan, kesenangan individu, dan (3) kepercayaan individu merupakan sesuatu yang unik. Selain itu, hubungan sosial dianggap penting dalam masyarakat Barat, namun struktur kehidupan mereka bersandarkan kepada kebebasan diri dan yang lahir dalam diri individu (*internal attribute*) (Uchida et al., 2004). Menurut masyarakat Barat, ibu-ibu percaya bahawa pendekatan fizikal yang rapat dengan anak-anak akan membantu mereka berhadapan dengan kesepian, serta mereka membesar dengan sifat kebebasan (*independent*). Selain itu, mereka akan mendidik anak-anak mereka tentang bagaimana cara hidup bersendirian atau berseorangan di tahun-tahun awal (Kwon, 2008). Ini jelas menunjukkan bahawa sifat individualistik telah dipupuk ke dalam jiwa di peringkat kanak-kanak lagi.

Sehubungan dengan ini juga, Lu dan Gilmour (2004, 2006) mendapati bahawa kebahagiaan masyarakat Barat atau Euro-Amerika mempunyai dua ciri yang berbeza iaitu tanggungjawab individu (*personal accountability*) dan usaha atau matlamat yang jelas (*explicit pursuit*). Tanggungjawab individu menekankan kepada aspek pencapaian, emosi dan pengalaman individu itu sendiri. Dalam kelompok individualistik, kejayaan, kebahagiaan, kesenangan dan kepuasan adalah hasil daripada usaha mereka sendiri. Misalnya masyarakat Amerika amat menekankan kebahagiaan dan mereka menganggap kebahagiaan itu adalah hasil daripada pencapaian perseorangan dan bukan dari kelompok. Mereka juga akan cuba mengelak daripada merasa sedih dan kecewa (Lu & Gilmour, 2006).

Usaha dan matlamat yang jelas pula disifatkan sebagai berusaha ke arah mendapatkan kebahagiaan (Lu & Gilmour, 2006). Kebahagiaan tidak akan datang dengan sendiri tanpa usaha yang berterusan. Individu yang aktif mencari dan berusaha akan peroleh kehidupan yang baik dan bahagia seperti dapat mengawal persekitaran luaran, mengenal pasti potensi diri, kreatif, dan tahu matlamat yang hendak dicapai (Lu & Gilmour, 2006). Bagi merasai bahagia, individu juga tidak seharusnya berasa kecewa dengan peristiwa lepas. Selain itu, keseimbangan infrastruktur demokrasi dan sosial, perlembagaan yang mempertahankan hak-hak individu, sistem budaya yang menginginkan individu berusaha ke arah pencapaian dan ganjaran, peluang-peluang yang sedia ada dan kebebasan diri adalah di antara aspek penting dan pegangan masyarakat Barat untuk mendapatkan kebahagiaan. Kebahagiaan juga adalah hak mutlak setiap individu (Lu & Gilmour, 2004).

Kesimpulannya, Barat amat menekankan aspek individualistik. Segala apa yang dilakukan, keutamaan hanya pada diri individu itu sendiri. Begitu juga dalam mencapai

kebahagiaan, individu sentiasa memastikan bahawa mereka berusaha ke arah itu dan jangan berasa sedih atau kecewa dengan masa lalu. Pencapaian, ganjaran, peluang-peluang yang sedia ada, emosi dan pengalaman yang ditimba akan menjadi hak mutlak individu. Kwon (2008) juga telah mengklasifikasikan individualistik sebagai “*ego focused*” disebabkan emosi dan budaya hidup mereka lebih kepada aspek dalaman dan diri sendiri.

Kebahagiaan masyarakat kolektivistik pula dipengaruhi oleh interaksi sosial atau hubungan harmoni dengan individu lain dan keluarga (Cha, 2003; Jaafar et al., 2009; Khairudin, 2009; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Suh & Oishi, 2004; Uchida & Kitayama, 2009). Menurut Uchida et al. (2004), masyarakat kolektivistik saling berkaitan atau bergantung antara diri dengan individu yang lain. Pergantungan dengan orang lain dipercayai menjadi pusat kepada pemikiran, tindakan dan motivasi. Oleh itu, segala permasalahan yang dihadapi oleh individu seharusnya dirunding melalui interaksi sosial sama ada di peringkat keluarga atau masyarakat. Kebahagiaan peribadi seringkali dianggap sebagai pemutus hubungan sosial (Uchida et al., 2004). Hal ini menunjukkan betapa teguhnya semangat hidup bermasyarakat yang ditunjukkan oleh masyarakat Timur berbanding dengan sendiri.

Selain itu, ahli psikologi Barat menyatakan masyarakat kolektivistik (seperti Korea Selatan dan Vietnam) tidak menunjukkan emosi dengan baik dan tidak terbuka untuk berbicara soal peribadi dan ia membawa kepada psikologi yang tidak sihat kepada masyarakat (Kwon, 2008). Namun, perasaan dan emosi masyarakat kolektivistik adalah berteraskan masyarakat. Misalnya, konsep menjaga hati di kalangan masyarakat Melayu adalah salah satu sebab kenapa perasaan dan emosi tidak ditunjukkan secara terang (Wan Abdul Kadir, 2007). Hal ini disebabkan demi menjaga hubungan sosial

yang erat antara seseorang dengan seseorang yang lain. Dengan mengambil tindakan yang kasar tanpa pertimbangan boleh melukakan hati orang lain dan menjejaskan hubungan sosial atau kekeluargaan (Wan Abdul Kadir, 1994). Selain itu, dengan menunjukkan emosi secara terang dianggap sebagai pentingkan diri dan tidak matang (Kwon, 2008). Emosi yang ditunjukkan hendaklah bersesuaian dengan tempat dan caranya supaya ikatan kekeluargaan dan masyarakat lebih harmoni. Ini adalah satu contoh bagaimana masyarakat kolektivistik menjaga hubungan dengan orang lain melalui emosi.

Lee et al. (1999) menyatakan bahawa kebebasan diri dan autonomi masyarakat kolektivistik adalah rendah jika dibandingkan dengan kebergantungan dengan orang lain, identiti peribadi juga rendah berbanding dengan identiti berkumpulan, dan kurang berdikari atas kaki sendiri daripada semangat perpaduan dalam kumpulan. Hal ini menunjukkan segala perancangan yang dibuat, masyarakat atau kelompok adalah menjadi keutamaan. Menurut Uchida et al. (2004), sendiri juga agak penting dalam masyarakat Timur, namun secara asasnya pergantungan hidup bermasyarakat lebih kuat berbanding diri. Kwon (2008) mendapati bahawa ibu-ibu di Jepun akan mendukung anak di belakang badannya sehingga berumur dua tahun dan mereka akan mengajar anak-anaknya perasaan takut pada kesepian atau keseorangan. Cara ini dapat memupuk semangat bekerjasama dan bantu membantu dalam masyarakat dan menolak sifat pentingkan diri sendiri. Ini adalah satu lagi contoh bagaimana perbezaan pegangan dan nilai-nilai hidup yang membawa kepada perbezaan interpretasi kebahagiaan di antara masyarakat individualistik dengan masyarakat kolektivistik.

Lu dan Gilmour (2004 & 2006) telah membahagikan konsep kebahagiaan masyarakat kolektivistik kepada dua karakter, iaitu tanggungjawab peranan (*role*

obligation) dan keseimbangan dialektikal (*dialectical balance*). Tanggungjawab peranan disifatkan sebagai satu tuntutan dalam hidup bermasyarakat. Setiap pencapaian adalah hasil usaha semua pihak dan bukannya individu (Lu & Gilmour, 2006). Komitmen terhadap peranan sosial, tanggungjawab sosial, dan bersedia untuk bergerakbalas terhadap masyarakat adalah manifestasi dan motivasi yang berorientasikan sosial, untuk mencapai matlamat hidup bermasyarakat dan saling hubung antara satu sama lain (Uchida et al., 2004).

Manakala keseimbangan dialektikal pula merujuk kepada “bahagia” dan “tidak bahagia” yang diibaratkan seperti duit syiling. Seseorang itu tidak perlu mengejar kebahagiaan secara berlebihan, bahkan harus mencari dengan mendalam keseimbangan dalaman (*mood* dan perasaan) dan juga faktor luaran (persekitaran) untuk mendapatkan kebahagiaan (Lu & Gilmour, 2006). Selain itu, keseimbangan dialektikal mungkin dipengaruhi falsafah Ying dan Yang. Falsafah ini membicarakan soal kosmologi (alam sekeliling) yang di antara prinsipnya ialah hasil daripada proses kitaran perubahan hidup manusia dan alam sekitar adalah satu proses yang berterusan dan tiada penghujungnya (Lu & Gilmour, 2004). Misalnya, baik dan buruk, suka dan duka, sihat dan sakit. Begitu juga halnya tentang bahagia dan tidak bahagia; bahagia itu bergantung pada rasa tidak bahagia (dukacita), sedangkan tidak bahagia berada disebalik kebahagiaan. Hal ini menunjukkan ada keseimbangan dalam kehidupan dan semuanya saling bergantung antara satu sama lain.

Secara rumusannya, kebahagiaan masyarakat kolektivistik lebih berpihak kepada hidup bermasyarakat dan keluarga berbanding dengan individu. Segala apa yang diusahakan, keutamaan adalah pada masyarakat. Pencapaian dan ganjaran adalah hasil bersama dan dikongsi bersama masyarakat. Kwon (2008) telah mengklasifikasikan

kolektivistik sebagai “*other-focused*” disebabkan emosi dan budaya hidup mereka lebih kepada aspek pergantungan antara satu sama lain. Justeru itu, dapat dilihat bahawa kebahagiaan masyarakat Barat dan Timur mempunyai perbezaan dari aspek ideologi dan ini ada kemungkinan akan menyebabkan ada perbezaan dalam menentukan soal kebahagiaan. Persoalan inilah yang akan menjadi persoalan utama kajian ini (akan dibincang dengan lebih lanjut dalam Bahagian 2.3).

1.2.4 Kebahagiaan dan Islam

Selain budaya, kebahagiaan turut dilihat dari aspek fahaman atau agama yang dianuti oleh sesebuah masyarakat (Joshanloo, 2013; Uchida et al., 2004; Wan Abdul Kadir, 1994). Setiap agama yang dipegang oleh sesebuah masyarakat adalah ke arah keharmonian dan kebahagiaan bagi pengikutnya meliputi seluruh sistem kehidupan. Terdapat banyak pegangan agama dalam masyarakat di dunia seperti Kristian, Islam, Hinduisme, Buddhisme, Toisme dan Konfusianisme.

Masyarakat Barat didominasi oleh Kristianiti dan tatacara hidup mereka selari dengan apa yang diajar oleh agama tersebut. Berbeza dengan Barat, masyarakat di Asia pula terbahagi kepada beberapa agama yang besar seperti Islam dianuti oleh masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia, dan kebanyakan negara di Timur Tengah seperti Arab Saudi, Mesir, dan Jordan. Hinduisme pula majoritinya dianuti oleh masyarakat India. Manakala Toisme, Konfusianisme dan Buddhisme lebih kepada masyarakat China, Singapura, Korea Selatan, Thailand, Jepun dan Taiwan. Walau bagaimanapun, tipikal kajian-kajian lepas banyak mengaitkan kebahagiaan masyarakat Asia dengan Konfusianisme (Kim et al., 2007; Lu & Gilmour; Uchida et al., 2004) berbanding Islam

dan Hinduisme. Dengan itu, kajian ini akan memfokuskan konsep kebahagiaan dalam Islam kerana masyarakat Melayu adalah Islam (Ismail, 1991).

Islam merupakan agama kedua terbesar selepas Kristian dan jarang sekali dibicarakan oleh ahli-ahli akademik terutama dalam soal kebahagiaan (Joshanloo, 2012; Tiliouine, 2009). Secara semulajadi, setiap individu inginkan kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan seharian. Islam adalah agama yang menuju ke jalan kebahagiaan buat pengikutnya. Hal ini dapat dilihat melalui perkataan “Islam” itu sendiri yang membawa maksud kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan (Kheirabadi, 2004; Mohd. Fadli, 2003; Seman, 2012).

Menurut prinsip-prinsip Islam, kebahagiaan bukan ciptaan dan milik manusia tetapi kebahagiaan adalah hak mutlak Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* (SWT). Kepada siapa kebahagiaan itu hendak diberi, terpulang kepadaNya dan manusia hanya berusaha untuk mencari dan menikmatinya (Haron & Awang, 1994). Dalam Islam, kebahagiaan adalah satu tahap kesempurnaan hidup hasil daripada mematuhi peraturan-peraturan yang telah diajar dan ditetapkan oleh Allah SWT melalui dua sumber utama iaitu, Al-Quran dan As-sunnah (Joshanloo, 2012; Mattila, 2011; Tiliouine & Meziane, 2012). Sesiapa sahaja yang mematuhi dan melaksanakan semua peraturan tersebut pasti akan memperoleh kebahagiaan dan sebaliknya (Al-Faruqi, 2009).

Islam telah menganjurkan suatu kehidupan yang mengandungi nilai-nilai yang bersifat universal merangkumi semua aspek kehidupan termasuk aspek individu, kerohanian, ekonomi, sosial, politik dan keluarga (Joshanloo, 2012; Seman, 2012; Wan Abdul Kadir, 1994). Berbeza dengan Kristian dan Konfusian, masing-masing hanya melihat dari satu sudut sama ada berpaksikan individu atau masyarakat (Argyle, 2001;

Inoguchi & Shin, 2009; Joshanloo, 2013; Kim et al., 2007; Kwon, 2008; Lu & Gilmour, 2004; Snoep, 2008; Uchida et al., 2004). Tambahan pula, pengaruh agama dianggap sebagai satu cabang yang lain seperti cabang ekonomi, politik dan sosial dalam masyarakat Barat (Al-Faruqi, 2009; Wan Abdul Kadir, 1994). Ternyata semua ini menunjukkan ada perbezaan pendekatan dalam mengkonsepkan kebahagiaan berdasarkan fahaman keagamaan.

Islam meletakkan kebahagiaan dalam dua kategori utama, iaitu kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat (Al-Faruqi, 2009; Joshanloo, 2012; Mohd Fadli, 2003; Al-Attas, 2002). Kebahagiaan di akhirat merupakan kebahagiaan yang terakhir dan tiada melebihinya iaitu kesenangan dan nikmat yang berkekalan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT (Al-Attas, 2002). Sebelum memperoleh kebahagiaan di akhirat, manusia terlebih dahulu mengecapi kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia yang bergantung kepada peraturan moral dan perlu dilaksanakan dengan kesedaran tentang kewujudan Tuhan (Allah) (Al-Faruqi, 2009). Apa yang ingin ditunjukkan di sini ialah Islam bukan sahaja mengatur kebahagiaan di akhirat, malah Islam turut mengatur kebahagiaan di dunia.

Berikut, akan diuraikan sumber-sumber kebahagiaan dalam Islam yang boleh diperoleh setiap manusia. Antara sumber kebahagiaan yang utama dan perlu manusia patuhi adalah beriman dengan kewujudan Allah SWT (Al-Attas, 2002; Fadli, 2003; Joshanloo, 2012; Jamaluddin, 1986; Nurzahidah & Raihanah, 2011; Salasiah, 1999). Menurut Wan Abdul Kadir (1994), hubungan manusia dengan Allah adalah yang paling tinggi berbanding hubungan sesama manusia dan alam sekeliling. Dengan menjadikan Allah sebagai matlamat atau kegiatan yang dilakukan atas namaNya tanpa sebarang niat yang lain akan membuatkan manusia di dalam keredhaan Allah dan memperoleh

kesejahteraan dalam hidup (Zulkiflee et al., 2011). Al-Ghazali pula telah menyatakan mengenal Allah SWT adalah kunci kebahagiaan (Nurzahidah & Raihanah, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia, setiap manusia perlu mengenal Allah SWT dan mematuhi segala suruhan dan laranganNya.

Dalam proses mengenal Allah SWT, setiap manusia perlu memiliki ilmu pengetahuan (Jamaluddin, 1986; Salasiah, 1999; Zainal & Siti Meriam, 2009). Al-Ghazali membahagikan ilmu kepada dua, iaitu ilmu amali dan ilmu teori. Ilmu teori ialah ilmu mengenal Allah, Malaikat, Kitab, Rasul dan ilmu akidah kerana kesemuanya mempunyai matlamat yang tertinggi mengenal Allah. Manakala ilmu amali adalah ilmu yang dipraktikkan dalam perbuatan dan amalan seharian seperti sosial, undang-undang, politik, syariah, ekonomi dan sebagainya. Dengan gabungan kedua-dua ilmu tersebut, manusia akan memperoleh kebahagiaan dan kenikmatan dalam hidup (Jamaluddin, 1986; Nurzahidah & Raihanah, 2011). Pengetahuan dalam Islam bersumberkan kepada wahyu, ilham, akal dan pancaindera. Berbeza dengan Barat yang melihat ilmu pengetahuan dari sudut empirikal dan rasional, malah ilmu itu berdiri dengan sendiri tanpa ada kaitan dengan agama (Shahabuddin & Rohizani, 2007). Hal ini menunjukkan adanya perbezaan dalam penerokaan ilmu pengetahuan antara Barat dan Islam.

Selain ilmu pengetahuan, Islam meletakkan manusia kepada satu tahap yang lebih baik apabila manusia bertingkah laku ke arah kebaikan dan melaksanakan hak-hak Allah, hak-hak manusia dan alam sekeliling. Konsep ini dikenali sebagai syariah iaitu merujuk kepada peraturan yang ditanzilkan oleh Allah SWT ke atas hambanya supaya diimani dan diamali untuk kebahagiaan hidup dunia dan akhirat (Zulkiflee et al., 2011). Syariah merangkumi tatacara aturan kehidupan manusia yang terdiri dalam dua bentuk ibadah, iaitu ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus ialah ibadat yang

dikhususkan oleh Allah dari segi bentuk dan cara pelaksanaannya yang terangkum dalam konteks syahadat, solat, zakat, puasa dan haji (Zulkiflee, 2011). Ibadat khusus ini hendaklah dilaksanakan oleh setiap individu kerana ibadah ini adalah cara bagaimana individu mendekati diri dengan Allah SWT. Bagi mereka yang tidak melaksanakan ibadah khusus ini akan menyebabkan kekosongan pada jiwa dan tiada ketenteraman bagi individu tersebut (Mohd Fadil, 2003).

Kedua, ibadah umum iaitu segala aktiviti yang disukai oleh Allah meliputi kegiatan manusia yang baik dan menepati prinsip serta syarat-syarat yang ditentukan dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mestilah menepati aturan Allah dan tidak boleh keluar daripada sempadan ibadah (Zulkiflee, 2011). Menurut Nurzahidah dan Raihanah (2011), kedamaian dan kesejahteraan daripada Allah adalah melalui amal yang disertakan dengan niat yang membawa maksud dan tujuan yang baik. Akhlak pula apabila manusia mengamalkan nilai-nilai Islam seperti sifat mahmudah (syukur, ikhlas, berserderhana, tidak melakukan perkara yang di tegah dalam Islam), kemantapan hubungan yang baik dan positif dengan keluarga, komuniti dan masyarakat, melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dalam pekerjaan, memelihara keselamatan fizikal seperti kesihatan tubuh, mental, psikologi dan sebagainya. Justeru itu, apabila semua dicantumkan sudah tentu melahirkan satu perasaan yang damai, mendapat ketenangan jiwa, cinta mencintai dan kasih sayang. Dengan melakukan kedua-dua ibadah ini, manusia bukan sahaja mendapat kebaikan dan kebahagiaan di dunia, malah mendapat keberkatan dan pahala disisi Allah SWT serta jaminan kebahagiaan di akhirat kelak.

Al-Attas (2002) telah mengkategorikan bahagia itu ada tiga perkara; (1) diri (*nafsiyyah*), yang melibatkan ilmu dan sifat yang terpuji, (2) badan (*badaniyyah*),

seperti kesihatan badan dan keselamatan, dan (3) segala yang selain dari diri dan badan (*kharijiyyah*) seperti kekayaan dan selainnya yang menggalakan kesejahteraan diri, badan, dan perkara-perkara lain yang berkait dengannya. Oleh yang demikian, makna dan pengalaman kebahagiaan ini ditafsirkan oleh Al-Attas sebagai pengalaman mereka yang beriman dan tenang kerana mengingati Allah, perkara ini penting dalam usaha mencapai ketenangan dan ketenteraman diri. Secara ringkasnya, keadaan diri yang tenang dan tenteram terhasil daripada hati yang bebas daripada kerisauan akibat syak serta terlepas daripada rasa bimbang, bahkan merasa ketenangan batin, suatu kepuasan, suatu keriang dan kegembiraan yang tertinggi (Nurzahidah & Raihanah, 2011).

Selain itu, Al-Ghazali menggesa agar sifat kesederhanaan dapat mengimbangi akhlak manusia dengan sikap yang bersederhana dan tidak melampaui batas dalam semua aspek kehidupan kerana kebahagiaan yang dibina berlandaskan nafsu semata-mata adalah kebahagiaan yang sementara, hina dan membawa kehancuran. Beliau menjelaskan pengaruh luar berupa keseronokan dan kesenangan material serta fizikal seperti wang, pangkat, darjat yang hanya bersifat palsu dan sementara yang harus dibendung untuk memberi laluan terhadap kesuburan rohani dan akal (Nurzahidah & Raihanah, 2011).

Secara kesimpulannya, Islam meletakkan kebahagiaan berdasarkan sejauh mana manusia itu mengikut segala perintah yang telah diatitkan oleh Allah dalam bentuk ibadah khusus dan umum. Untuk mendapatkan kebahagiaan di akhirat, manusia perlu menanam kebaikan dan suruhan-suruhan Allah SWT di dunia. Islam merangkumi segala aspek kehidupan, maka kebahagiaan boleh dilihat dalam semua tingkahlaku dan aktiviti manusia. Siapa yang melakukan kebaikan dan beramal soleh, ganjaran pahala dan ketenangan jiwa akan diperolehi, tetapi siapa yang melakukan kerosakan di dunia,

maka hasilnya adalah ganjaran dosa dan jiwa yang tidak tenang. Dengan itu, ada kemungkinan prinsip-prinsip yang di bawa oleh Islam turut mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan Islam menjadi pegangan hidup masyarakat Melayu selari dengan perlembagaan Malaysia (lihat Bahagian 1.5.2).

1.3 Sorotan Kajian Lepas

Bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini tentang kebahagiaan. Terdapat tiga pecahan, iaitu penerokaan dimensi kebahagiaan, kebahagiaan dan orang Melayu di Malaysia dan alat pengukuran.

1.3.1 Penerokaan Dimensi Kebahagiaan

Para sarjana telah banyak melakukan penyelidikan terperinci tentang kebahagiaan (Kashdan, 2004; Kafka & Kozma, 2002). Namun, persoalan yang timbul dan menarik minat di kalangan sarjana adakah kebahagiaan itu boleh diukur (Eid, 2008). Kebanyakan sarjana sependapat bahawa kebahagiaan boleh dinilai melalui dimensi atau komponen (Cummins 2006; Diener et al., 1999; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008). Dengan itu, bahagian ini akan mengemukakan kajian-kajian lepas mengenai dimensi kebahagiaan masyarakat Barat dan masyarakat Timur.

1.3.1.1 Kebahagiaan Masyarakat Barat

Sekitar tahun 1960-an, kebahagiaan masyarakat Barat dinilai berdasarkan kepada kehidupan individu secara keseluruhan (Diener, 1984; Fordyce, 1987). Disebabkan isu kebahagiaan terlalu kompleks untuk dihurai, maka perbahasan mula berlaku dengan

persoalan-persoalan mudah seperti “Setakat manakah anda bahagia (*How happy are you?*)?” (Fordyce, 1987). Hasil daripada persoalan tersebut, ahli-ahli psikologi Barat merasakan perlunya ada satu struktur dalam mentakrif kebahagiaan (Diener, 1984).

Bradburn (1969) telah mendapati kebahagiaan boleh diukur dengan emosi atau perasaan. Beliau telah membahagikan perasaan kepada dua, iaitu perasaan positif (*positive affect*) dan perasaan negatif (*negative affect*). Perasaan positif berkait dengan keseronokan, kesenangan dan sebagainya. Manakala perasaan negatif pula berkaitan dengan aspek kemurungan, tekanan dan kebimbangan. Secara keseluruhannya, kebahagiaan meliputi aspek perasaan, *mood* dan tindak balas emosi ke atas individu. Keseimbangan dalam kehidupan yang menggunakan nilai kekerapan individu dalam menerangkan perasaan yang positif dan negatif di samping jangka masa tertentu dapat mencerminkan keadaan mood seseorang. Emosi adalah tindak balas positif atau negatif yang dipamerkan melalui perasaan yang dirasakan oleh individu. Jadi, seseorang yang tinggi takat kebahagiaan merupakan orang yang lebih aspek positif dan kurang aspek negatif. Begitu juga dengan rendahnya takat kebahagiaan seseorang adalah disebabkan tingginya aspek negatif dan kurangnya aspek positif (Hills & Argyle, 2001).

Dengan mengambil kira pandangan dan kritikan pengkaji-pengkaji Barat terdahulu, Diener (1984) telah merumuskan bahawa kebahagiaan terdiri daripada dua komponen, iaitu kognitif yang dinilai melalui kepuasan hidup, dan aspek emosi yang terdiri dari perasaan positif dan perasaan negatif (Diener, 1984). Kepuasan hidup ditakrifkan sebagai satu penilaian menyeluruh ke atas kehidupan harian individu (Diener & Diener, 1995; Eddington & Shuman, 2005; Kim et al., 2007; Kwan et al., 1997). Manakala emosi atau perasaan didefinisi berdasarkan kepada kekerapan

perasaan positif dan negatif sepanjang hayat seseorang itu (Diener, 1984; Schimmack, 2008).

Walau bagaimanapun, seperti yang telah disebut di Bahagian 1.1, masih ada sarjana yang kurang bersetuju dengan Diener kerana beliau tidak mengambil kira faktor luaran (Ryff, 1989). Tambahan pula, konsep kebahagiaan Diener lebih kepada aspek kognitif dan perasaan sahaja (Kafka & Kozma, 2002). Oleh itu, Ryff (1989) telah mencadangkan alternatif kepada konsep kebahagiaan bersandarkan kepada beberapa cabang teori yang digabungkan, termasuklah perspektif perkembangan sepanjang hayat, kesihatan mental, dan psikologi klinikal. Hasil daripada penelitian Ryff (1989) terhadap aspek-aspek positif dari setiap cabang psikologi tadi, beliau telah merumuskan bahawa kesejahteraan (kebahagiaan) ada enam dimensi iaitu penerimaan sendiri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan persekitaran, matlamat hidup dan perkembangan sendiri. Dimensi ini juga dikenali sebagai “Definisi Dimensi-dimensi Kesejahteraan Berasaskan-Teori (*Definitions of Theory-Guided Dimensions of Well-Being*)”. Dimensi ini ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Definisi Dimensi-dimensi Kesejahteraan Berasaskan Teori

Penerimaan sendiri	<p>Skor tinggi: Memiliki perlakuan/sikap positif terhadap diri; menghargai dan menerima segala sifat-sifat atau tabiat diri, sama ada baik mahupun buruk; mempunyai perasaan positif ke atas kehidupan yang dilalui.</p> <p>Skor rendah: Memiliki perasaan ketidakpuasan terhadap diri; rasa kecewa dengan apa yang berlaku dalam kehidupan yang dilalui; terdapat kesukaran yang dirasakan dalam beberapa hal peribadi; mengharapkan perubahan daripada apa yang dimiliki.</p>
Hubungan positif dengan orang lain	<p>Skor tinggi: Mesra, berpuas hati, percayakan hubungan dengan orang lain; mengambil berat terhadap kebajikan orang lain; semangat belas kasihan, kasih sayang dan mesra yang kuat; memahami dan mempunyai hubungan kemanusiaan.</p> <p>Skor rendah: Kurang mesra, percayakan hubungan dengan orang lain; sukar bermesra, bersifat terbuka dan ambil berat tentang orang lain apabila bertemu; rasa terasing dan kecewa dalam hubungan interpersonal; amat sukar untuk mendapatkan persetujuan bagi mengekalkan hubungan dengan orang lain.</p>
Autonomi	<p>Skor tinggi: Adanya penentuan sendiri dan kebebasan/berdikari; berupaya melawan tekanan sosial untuk berfikir dan bertindak mengikut prosedur; bertingkahtlaku yang sepatutnya; menilai diri dengan piawai peribadi/diri.</p> <p>Skor rendah: Mengambil kira jangkaan/pendapat dan penilaian orang lain tentang diri sendiri; mempercayai kata-kata/pandangan orang lain dalam membuat keputusan yang penting; akur dengan tekanan sosial untuk berfikir dan bertindak mengikut prosedur.</p>
Penguasaan persekitaran	<p>Skor tinggi: Ada penguasaan dan cekap dalam menguruskan persekitaran; mengawal aktiviti-aktiviti luaran yang kompleks/rumit; menggunakan peluang-peluang dalam persekitaran supaya ia lebih afektif; berupaya untuk memilih dan mencipta sesuatu konteks yang sesuai dengan keperluan dan nilai-nilai individu/personal.</p> <p>Skor rendah: Kesukaran untuk menguruskan urusan harian; merasa rumit untuk ubah atau memperbaiki sesuatu dalam konteks persekitaran; tidak peka dengan peluang-peluang persekitaran; kurangnya deria kawalan tentang dunia luar.</p>
Matlamat hidup	<p>Skor tinggi: Mempunyai matlamat dalam hidup yang berterusan; merasai kehidupan sekarang dan lampau adalah bermakna; percaya bahawa kehidupan yang diberi ada tujuan; mempunyai matlamat dan objektif sepanjang hidup.</p>

Perkembangan kendiri	Skor rendah: Kurangnya rasa kehidupan ini bermakna; mempunyai sedikit matlamat dan tujuan, kurang rasa berterusan (makna hidup); tidak melihat tujuan hidup masa lalu/silam; tidak percaya bahawa kehidupan itu mempunyai maksud dan matlamat.
	Skor tinggi: Mempunyai perasaan berterusan dalam perkembangan; melihat diri sebagai satu perkembangan dan mengembangkannya; ia membuka satu pengalaman yang baru; ada rasa untuk mengembangkan potensi diri; nampak kemajuan/perubahan diri dan tingkahlaku setiap masa; ada perubahan dalam cara bertindak balas dalam pengetahuan diri dan sangat afektif.
	Skor rendah: Mempunyai perasaan yang tidak berubah; kurang perasaan untuk merubah/mengembangkan dari masa ke semasa; rasa bosan dan tidak berminat dengan kehidupan; rasa tidak berupaya untuk mengembangkan tingkahlaku dan sikap yang baru.

(dipetik daripada Ryff, 1989, hal. 1072)

Penemuan Ryff (1989) telah membuka mata ahli-ahli psikologi bahawa kebahagiaan bersifat multidimensi, yang melibatkan kriteria-kriteria lain sebagai pendokong kepada kebahagiaan. Hal ini jelas menunjukkan kebahagiaan tidak berdiri dengan sendiri tanpa disokong oleh faktor-faktor yang mampu mempengaruhinya. Dierendonck (2005) seterusnya telah memperkembangkan dapatan ini dengan mengemukakan dimensi kesejahteraan spiritual (*spiritual well-being*). Hal ini kerana kesejahteraan spiritual berupaya memberikan kekuatan dalaman apabila menghadapi krisis dan mengawal tingkah laku positif, pemikiran dan perasaan. Hasil kajian Dierendonck juga mendapati kesejahteraan spiritual mampu menyumbang kepada kesihatan mental atau kebahagiaan. Oleh itu, ternyata kebahagiaan tidak terikat dengan hanya satu dimensi atau dua dimensi, malah lebih daripada itu.

Melihat kebahagiaan boleh dinilai melalui dimensi, penerokaan terhadap dimensi kebahagiaan mula berlaku dalam kalangan ahli-ahli psikologi positif di Barat. Kashdan (2004) menerangkan setiap sifat-sifat positif yang diperoleh boleh digabungkan di bawah dimensi, seperti maksud dan matlamat hidup, kebaikan,

keingintahuan, autonomi, perasaan kemanusiaan, harga sendiri, dan penilaian yang estetik. Setiap dimensi itu berhubung kait dengan kebahagiaan. Secara jelasnya, semakin tinggi takat kebahagiaan seseorang itu, maka semakin tinggilah individu itu mempunyai tret positif yang baik.

Begitu juga dengan hasil analisis faktor Hills dan Argyle (2002) yang telah menunjukkan kebahagiaan terdiri daripada tujuh dimensi, iaitu kepuasan dalam hidup, kekuatan peribadi, keramahan, simpati, pandangan yang positif, kesejahteraan fizikal, kegembiraan, dan harga sendiri. Bagi mereka, sekiranya manusia memiliki ciri-ciri tersebut, ia akan memiliki kebahagiaan dalam hidup. Hills dan Argyle (2002) turut menyimpulkan bahawa kebahagiaan itu terbahagi kepada tiga komponen yang lebih kepada perasaan individu, iaitu wujudnya aspek positif, tahap purata kepuasan dalam hidup, dan hilangnya perasaan yang negatif seperti kebimbangan dan kemurungan. Berbeza dengan Diener (1984) yang meletakkan penilaian kognitif sebagai salah satu aspek dalam kebahagiaan dan kesejahteraan hidup individu. Menurut Campbell (1981), kebahagiaan boleh dinilai melalui aspek yang berbeza. Beliau mendapati terdapat 12 dimensi yang menyumbang kepada kebahagiaan, iaitu kesihatan, kewangan, hubungan kekeluargaan, gaji pekerja, persahabatan, tempat tinggal, teman hidup, aktiviti rekreasi, agama, harga sendiri, pengangkutan dan pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa kebahagiaan merupakan gabungan penilaian yang menyeluruh terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan (Kwan et al., 1997).

Cummins (1996) telah melakukan analisis kandungan ke atas 32 kajian kebahagiaan dan mendapati sebanyak 351 dimensi telah dikenalpasti. Dimensi-dimensi yang disenaraikan telah dikategorikan kepada tujuh dimensi khusus, iaitu kesejahteraan material, kesihatan, produktiviti, intimasi, keselamatan, komuniti dan kesejahteraan

emosi. Namun, pada tahun 2001 terdapat rombakan ke atas tema atau kategori dimensi kebahagiaan disebabkan beberapa kelemahan, iaitu pengubahsuaian dimensi berulang dan terdapat dimensi yang bertindan dengan dimensi kepuasan. Pada tahun 2006, secara rasmi lapan dimensi kebahagiaan telah dikenalpasti, iaitu dimensi taraf hidup, kesihatan, pencapaian dalam hidup, hubungan individu, keselamatan individu (*personal*), hubungan dengan komuniti, masa depan yang selamat, dan spiritual/agama. Beliau turut berpendapat bahawa dimensi-dimensi yang diperolehi mesti berkait rapat dengan kepuasan hidup secara keseluruhan.

Selain itu, Lee et al. (1999) telah membuat perbandingan kebahagiaan antara masyarakat Kanada dan Korea Selatan. Hasil kajian mendapati ada 14 perkara yang menentukan kebahagiaan masyarakat Kanada dan Korea Selatan, iaitu keluarga, hubungan dengan masyarakat, kewangan/kebendaan, autonomi, agama, matlamat hidup, bebas daripada tekanan, kesihatan, kecekapan, pengiktirafan, pengetahuan, tingkah laku altruistik, kreativiti dan bakat seni. Walau bagaimanapun, ada satu perbezaan yang ketara atau menarik iaitu keluarga lebih penting kepada masyarakat Kanada berbanding dengan masyarakat Korea (yang meletakkan hubungan dengan masyarakat paling penting). Sepertimana yang telah ditunjukkan oleh beberapa kajian lepas, masyarakat Kanada bersifat individualistik (Arindell et al., 1997; Diener et al., 1995). Namun, keluarga menjadi faktor utama memberikan kebahagiaan dalam masyarakat Kanada. Hal ini tidak menghairankan kerana ada juga kajian Barat yang lain turut mendapati keluarga adalah penyumbang kepada kebahagiaan (Argyle, 2001; Campbell et al., 1976; Wilson et al., 2010). Menurut Kimweli dan Stilwell (2002), masih terdapat sub budaya kolektivistik dalam masyarakat individualistik tetapi bukan secara menyeluruh. Tambah mereka lagi, hubungan kekeluargaan diikat bersama terutama mereka yang berada di kawasan desa atau kampung dalam masyarakat yang bersifat individualistik.

Hal ini menunjukkan bahawa dalam hal-hal tertentu, kebahagiaan tidak mengenal status budaya seseorang, sama ada kolektivistik ataupun individualistik kerana ia bersifat universal.

Dimensi dan perkara yang membawa kepada kebahagiaan yang ditemui oleh Barat banyak ke arah aspek sendiri dan sedikit menyentuh tentang kelompok dan ada berbentuk umum. Antara dimensi yang melibatkan sendiri adalah seperti harga sendiri, autonomi, kepuasan sendiri, penerimaan sendiri dan kekuatan peribadi. Dimensi yang melibatkan kelompok seperti hubungan positif dengan orang lain, rakan dan kawan, hubungan keluarga. Manakala dimensi yang umum seperti perasaan positif dan negatif, kewangan, kesihatan dan sebagainya (Bradburn, 1969; Campbell, 1981; Hills & Argyle, 2001; Kashdan, 2004; Lee et al., 1999; Ryff, 1989). Secara rumusannya, Jadual 1.2 menunjukkan dimensi-dimensi kebahagiaan yang dikemukakan oleh penyelidik Barat.

Jadual 1.2 Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Barat

Masyarakat Barat						
Ryff (1989)	Bardburn (1969)	Kashdan (2004)	Hills&Argyle (2002)	Cummins (2006)	Campbell (1981)	Lee et al. (1999)
<ul style="list-style-type: none"> ●Penerimaan sendiri ●Autonomi ●Matlamat hidup ●Penguasaan persekitaran ●Hubungan positif dengan orang lain ●Perkembangan sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> ●Perasaan positif ●Perasaan negatif 	<ul style="list-style-type: none"> ●Keingintahuan ●Kebaikan ●Autonomi ●Harga sendiri ●Penilaian estetik ●Perasaan kemanusiaan ●Maksud /matlamat hidup 	<ul style="list-style-type: none"> ●Harga sendiri ●Kekuatan Peribadi ●Kegembiraan ●Pandangan yang positif ●Kesejahteraan fizikal ●Kepuasan dalam hidup ●Keramahan dan simpati 	<ul style="list-style-type: none"> ●Taraf hidup ●Spiritual-agama ●Kesihatan ●Hubungan individu ●Pencapaian dalam hidup ●Hubungan dengan komuniti ●Masa depan yang selamat ●Keselamatan 	<ul style="list-style-type: none"> ●Kesihatan ●Kewangan ●Rakan/kawan ●Teman hidup ●Pekerjaan yang bergaji ●Rumah ●Hubungan dengan keluarga ●Aktiviti rekreasi ●Agama ●Harga sendiri ●Pengangkutan ●Pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> ●Keluarga ●Pengiktirafan ●Kecekapan ●Kewangan/ kebendaan ●Bebas daripada tekanan ●Hubungan dengan masyarakat ●Tingkah laku altruistik ●Autonomi ●Matlamat hidup ●Bakat seni ●Agama ●Kesihatan ●Pengetahuan ●kreativiti

1.3.1.2 Kebahagiaan Masyarakat Timur

Pengkaji-pengkaji Barat telah membuka ruang dalam isu dimensi kebahagiaan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah diterangkan dalam Bahagian 1.3.1.1, dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh adalah berdasarkan kepada penilaian daripada pengalaman, pendapat dan perjalanan hidup masyarakat Barat. Persoalan yang ditimbulkan oleh ahli-ahli psikologi budaya dan silang budaya adalah adakah cukup dengan mengambil dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh daripada pengkaji Barat untuk mengukur dan menggambarkan keseluruhan dimensi kebahagiaan masyarakat Asia Timur yang berteraskan kepada budaya kolektivistik? (Matsumoto & Juang, 2008; Triandis, 2000). Inilah yang cuba dijawab oleh ahli-ahli psikologi dari Asia Timur (Dayton et al., 2001; Jaafar et al., 2009; Khairudin, 2009; Ku et al., 2008; Lee et al., 2012; Lee et al., 1999; Santos, 2009).

Menurut Triandis (2000), kajian kebahagiaan akan lebih menarik sekiranya dimensi-dimensi kebahagiaan boleh ditemui dalam semua budaya dan ditambah sekiranya ada dimensi yang unik dalam budaya lain. Dengan itu, ahli-ahli psikologi Asia Timur cuba menjelaskan dimensi kebahagiaan melalui perspektif budaya yang mereka amalkan selama ini (lebih berpegang kepada nilai mengekalkan hubungan yang harmoni dengan masyarakat dan keluarga). Bagi melihat dimensi kebahagiaan masyarakat Timur atau Asia, Gupta et al. (2002) telah mengkategorikan masyarakat Asia kepada dua, iaitu Asia Konfusian (Taiwan, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan, China dan Jepun) dan Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Filipina). Maka, bahagian ini akan dipecahkan mengikut kluster tersebut.

1.3.1.2.1 Kebahagiaan Masyarakat Asia Konfusian

Bahagian ini akan membincangkan dimensi kebahagiaan masyarakat Asian Konfusian kerana kajian silang budaya banyak menggunakan negara-negara Asia Konfusian sebagai perbandingan dengan negara-negara Barat (Inoguchi & Shin, 2009; Lee et al., 2012; Lee et al., 1999; Lu et al., 2001; Lu & Gilmour, 2004; Suh & Oishi, 2004; Swinyard et al., 2001; Uchida et al., 2004; Uchida & Kitayama, 2009). Tambahan pula, negara-negara ini berkongsi fahaman dan agama yang sama iaitu Konfusianisme (Inoguchi & Shin, 2009). Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh masyarakat Asia Konfusian dalam meneroka dimensi kebahagiaan. Antaranya Lu dan Shih (1997) telah mengenal pasti dimensi-dimensi kebahagiaan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai 54 orang penduduk di kawasan Kaohsiung telah ditemubual. Keputusan kajian mendapati terdapat sembilan kategori yang mendatangkan kebahagiaan, iaitu keinginan untuk dihormati, hubungan interpersonal yang harmoni, kepuasan mengumpul kebendaan (wang, harta benda), pencapaian dalam pekerjaan, menikmati hidup lebih senang, mencari keseronokan di atas kesusahan orang lain (*taking pleasure at others' expense*), kawalan sendiri dan kesempurnaan sendiri, perasaan positif dan bahagia serta kesihatan. Menurut mereka, apabila dibuat perbandingan, Barat mengkonsepkan kebahagiaan lebih kepada interpersonal atau penilaian dan pengiktirafan dalaman (individu). Manakala, China mengkonsepkan kebahagiaan melalui hubungan interpersonal atau penilaian dan kepuasan luaran (kelompok). Lu dan Shih (1997) turut menyatakan bahawa ada persamaan dalam masyarakat Barat dan Timur dari aspek perasaan positif dan bahagia.

Lu dan Shih (1997) sekali lagi mengenal pasti dimensi kebahagiaan masyarakat China. Mereka menyatakan bahawa konsep kebahagiaan masyarakat China berbeza

dengan konsep kebahagiaan masyarakat Barat. Mereka telah membandingkan dimensi kebahagiaan masyarakat China dengan dimensi kebahagiaan yang telah ditemui oleh Hills dan Argyle (2002). Hasil keputusan mendapati dimensi kebahagiaan masyarakat China berbeza dengan masyarakat Barat. Dimensi-dimensi yang ditemui adalah hubungan interpersonal yang harmoni, puji dan hormati orang lain, kepuasan keperluan harta benda, pencapaian dalam pekerjaan, mengurangkan jurang sosial, dan kedamaian (*peace of mind*). Lu dan Shih (1997) telah merumuskan bahawa faktor budaya turut mempengaruhi dimensi kebahagiaan.

Ku, Fox, dan McKenna (2008) pula telah menjalankan kajian tentang kebahagiaan dalam golongan dewasa tua China. Mereka turut berpendapat bahawa ada perbezaan budaya antara Timur dan Barat dalam kehidupan seharian golongan dewasa tua. Temubual telah dijalankan ke atas 23 golongan dewasa tua di Taiwan. Hasil kajian mereka mendapati ada tujuh dimensi, iaitu (1) kesejahteraan fizikal: sejauh mana anda rasa anda mengekalkan tahap kekuatan fizikal, badan yang sihat dan gaya hidup yang bertenaga, bebas daripada sebarang penyakit; (2) kesejahteraan psikologikal: sejauhmana anda rasa anda mengekalkan fungsi kognitif dan perasaan positif dalam kehidupan seharian berbanding dengan perasaan negatif; (3) kesejahteraan perkembangan: Sejauhmana anda rasa anda mampu untuk mengembangkan diri sendiri, mengejar perkembangan diri dan menjaga diri sendiri; (4) kesejahteraan metarial: sejauh mana anda rasa anda tidak perlu risau tentang situasi kewangan; (5) kesejahteraan spiritual: sejauhmana anda rasa kehidupan anda bermakna dan kepercayaan anda terhadap kerohanian; (6) kesejahteraan persekitaran: sejauhmana anda rasa anda berpuas hati dengan situasi politik, perkhidmatan kebajikan sosial kerajaan, persekitaran hidup, dan masa lapang; dan (7) kesejahteraan sosial: sejauhmana anda rasa anda mampu untuk

mengekalkan hubungan yang rapat dengan keluarga dan rakan-rakan serta memberikan sokongan kepada orang lain dalam komuniti.

Sementara kajian Lee et al. (1999) pula melihat kepada kategori kebahagiaan ke atas rakyat Kanada dan Korea. Hasil kajian mereka mendapati terdapat 14 perkara yang menyumbang kepada kebahagiaan dalam kedua-dua masyarakat (telah dijelaskan di halaman 29). Kim et al. (2002) pula meneliti struktur kehidupan dan hubungannya dengan kesejahteraan subjektif di kalangan pelajar kolej di Korea. Mereka mendapati ada 14 dimensi kebahagiaan, iaitu hubungan yang positif dengan orang lain, penerimaan sendiri, identiti keluarga, perkembangan sendiri, membantu orang lain, autonomi, agama, bertanggungjawab ke atas hidup sendiri, tujuan hidup, kasih sayang, hal-hal akademik, matlamat atau misi dalam hidup, kesihatan dan duit atau wang.

Kim et al. (2007) sekali lagi telah menguji struktur hidup yang bahagia di kalangan orang dewasa masyarakat Korea. Kajian mereka lebih kepada meneroka persepsi masyarakat Korea ke atas kebahagiaan. Kajian ini juga adalah untuk mengukuhkan dimensi-dimensi kebahagiaan sebagai lanjutan daripada kajian Kim et al. (2002). Hasil keputusan kualitatif (temubual fokus kumpulan) mendapati ada 18 dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Korea Selatan. Dimensi-dimensi tersebut ialah hubungan dengan pasangan, hubungan dengan kanak-kanak, hubungan dengan ibu bapa dan adik beradik, kesihatan, duit/wang, hubungan dengan orang lain, tujuan hidup, penerimaan sendiri, kebebasan dan masa lapang, membantu orang lain, perkembangan diri, penampilan, kecekapan sendiri, autonomi, sikap yang positif, status sosial, persekitaran sosial, dan hubungan dengan kawan lelaki dan perempuan. Manakala, keputusan kuantitatif pula telah menunjukkan hubungan dengan anak-anak adalah yang paling penting, diikuti dengan hubungan keluarga dan adik beradik, hubungan dengan pasangan, tujuan hidup, hubungan dengan orang lain, duit/wang, kesihatan, sikap yang

positif, kecekapan sendiri, penerimaan sendiri, autonomi, perkembangan sendiri, kebebasan dan masa lapang, status sosial, membantu orang lain, penampilan, persekitaran sosial, dan akhir sekali hubungan dengan kawan lelaki/perempuan. Seterusnya, keputusan daripada analisis faktor mendapati hanya 16 dimensi sahaja yang mempengaruhi kebahagiaan di kalangan masyarakat dewasa Korea. Faktor-faktor tersebut adalah wang, penerimaan sendiri, masa lapang, status sosial, perkembangan diri, autonomi, persekitaran sosial, agama, membantu orang lain, hubungan dengan kanak-kanak, hubungan dengan keluarga dan adik beradik, hubungan romantik (*intimate*), hubungan dengan orang lain, penampilan, sikap yang positif, dan kesihatan.

Dapatan kajian yang diperoleh daripada pengkaji-pengkaji masyarakat Asia Konfusian telah menunjukkan bahawa mereka masih mengekalkan budaya yang berpusat kepada keharmonian masyarakat dan keluarga walaupun mempunyai jumlah dimensi yang tidak konsisten dalam kalangan pengkaji (sila rujuk Jadual 1.4; Lee et al., 1999; Lu & Shih, 1997; Kim et al., 2002 & 2007; Ku et al., 2008). Keputusan dimensi yang tidak konsisten bergantung kepada usaha pengkaji dalam mengklasifikasikan tema-tema kebahagiaan hasil maklum balas daripada responden. Masalah dimensi yang tidak konsisten bukan terjadi dalam kalangan pengkaji-pengkaji Asia Konfusian, malah ia turut berlaku ke atas pengkaji Barat (lihat Bahagian 1.3.1.1). Selain itu, setiap kajian yang dilakukan mempunyai limitasi tertentu seperti persampelan dan metodologi yang digunakan serta bergantung kepada penilaian pengkaji dalam menafsirkan kebahagiaan. Dengan adanya limitasi tersebut, maka kajian-kajian lain amat diperlukan bagi menyokong dapatan yang diperoleh dalam menentukan dimensi kebahagiaan sesebuah masyarakat.

Dimensi yang tidak konsisten yang diperoleh setiap pengkaji juga memberitahu bahawa ada sumber-sumber lain yang boleh mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Asia Konfusian selain daripada kebahagiaan keluarga dan kelompok. Unikanya, dimensi-dimensi kebahagiaan diperoleh setiap pengkaji masih selari dengan kehendak budaya dan agama yang dianuti walaupun terdapat beberapa dimensi yang berkaitan dengan individualistik seperti autonomi dan penerimaan sendiri dalam kehidupan mereka (lihat Jadual 1.3). Hal ini bukan suatu yang asing kerana Lu (2006) menyatakan bahawa kemodenan telah merubah tradisi kehidupan masyarakat China. Ada beberapa dimensi kehidupan bersifat individualistik mungkin telah dipupuk, dikembang, diubahsuai, ditekankan supaya selaras dengan kehidupan moden seperti kebebasan, autonomi, dan pencapaian individu (Lu, 2006). Secara tidak langsung kehidupan individualistik ini menjadi sebahagian aspek yang mempengaruhi kebahagiaan hidup masyarakat China.

Jadual 1.3 Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Asia Konfusian

Masyarakat Asia Konfusian					
Lu dan Shih (1997a)	Lu dan Shih (1997b)	Ku et al. (2008)	Lee et al. (1999)	Kim et al. (2002)	Kim et al. (2007)
<ul style="list-style-type: none"> ●Kesihatan ●Kepuasan mengumpul kebendaan ●Keinginan untuk dihormati ●Pencapaian dalam pekerjaan ●Menikmati kesenangan hidup ●Hubungan interpersonal yang harmoni ●Perasaan positif dan bahagia ●Kawalan sendiri dan kesempurnaan sendiri ●Mengambil keseronokan di atas kesusahan orang lain (<i>taking pleasure at others' expense</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> ●Kedamaian (<i>peace of mind</i>) ●Pujian dan menghormati orang lain ●Keperluan harta benda ●Pencapaian dalam pekerjaan ●Mengurangkan jurang sosial ●Hubungan interpersonal yang harmoni 	<ul style="list-style-type: none"> ●Fizikal ●Psikologikal ●Perkembangan ●Material ●Spiritual ●Persekitaran ●Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> ●Keluarga ●Kecekapan ●Matlamat hidup ●Kesihatan ●Bebas dari tekanan ●Autonomi ●Agama ●Pengiktirafan ●Bakat seni ●Pengetahuan ●Kreativiti ●Tingkah laku altruistik ●Kewangan dan harta benda ●Hubungan signifikan dengan orang lain 	<ul style="list-style-type: none"> ●Penerimaan sendiri ●Identiti keluarga ●Perkembangan diri ●Autonomi ●Agama ●Tujuan hidup ●Kasih sayang ●Hal-hal akademik ●Kesihatan ●Duit atau wang ●Membantu orang lain ●Bertanggungjawab ke atas hidup sendiri ●Matlamat/misi dalam hidup ●Hubungan positif dengan orang lain 	<ul style="list-style-type: none"> ●Duit/wang ●Penerimaan sendiri ●Masa lapang ●Status sosial ●Perkembangan diri ●Autonomi ●Persekitaran sosial ●Agama ●Membantu orang lain ●Penampilan ●Sikap yang positif ●Kesihatan ●Hubungan dengan kanak-kanak ●Hubungan dengan ibu bapa dan adik beradik ●Hubungan romantik (<i>intimate</i>) ●Hubungan dengan orang lain

1.3.1.2.2 Kebahagiaan Masyarakat Asia Tenggara

Kajian kebahagiaan tidak terikat dengan masyarakat Asia yang didominasi oleh masyarakat Korea, China dan Taiwan atau lebih dikenali dengan Asia Konfusian (Lu & Shih, 1997; Lu et al, 2006; Lee et al., 1999; Kim et al., 2007). Malah, kajian-kajian tentang kebahagiaan turut dijalankan di negara-negara Asia Tenggara seperti Filipina, Malaysia, Indonesia, dan Thailand yang mempunyai budaya dan tradisi yang tersendiri. Santos (2009) telah mengkaji kesejahteraan subjektif masyarakat Filipina. Beliau cuba untuk meneroka tentang konsep kebahagiaan menerusi kaca mata masyarakat Filipina. Beliau telah menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk mendapatkan sumber-sumber yang mendatangkan kebahagiaan. Hasil kajian mendapati ada 12 perkara yang memberi kebahagiaan dalam masyarakat Filipina, iaitu keluarga, rakan-rakan, pencapaian, masa lapang dan melancong, memiliki harta, kesejahteraan emosi, agama, kesihatan fizikal yang baik, kebudayaan, keamanan dan kemakmuran, binatang kesayangan dan seksualiti. Hasil penelitian tersebut, keluarga merupakan sumber utama yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Filipina dan rakan-rakan menjadi sumber kedua penting.

Jaafar et al. (2009) pula telah menjalankan penyelidikan berkenaan dengan indeks kebahagiaan masyarakat Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua masyarakat ini mempunyai persamaan dari aspek budaya dan bahasa. Seramai 1942 responden telah melengkapkan soal selidik yang diberikan secara sukarela. Keputusan kajian mendapati ada 12 indeks yang mendatangkan kebahagiaan dalam masyarakat Malaysia dan Indonesia, iaitu keluarga, hubungan inter-intrapersonal dengan orang lain, harta, kesihatan, emosi yang stabil dan kesejahteraan, kerjaya dan pencapaian, pendidikan, agama dan keperluan rohani, autonomi dan kawalan sendiri, rekreasi, keselamatan dan

keperluan asas atau fisiologikal. Kajian mereka turut mendapati keluarga adalah penyumbang utama kebahagiaan masyarakat Malaysia dan Indonesia.

Sementara Khairudin (2009) telah mengkhususkan lagi kajian di Malaysia dengan hanya meneroka takrifan kebahagiaan melalui kaca mata orang Melayu. Kajian beliau merupakan percubaan pertama bagi mengenalpasti dimensi-dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Seramai 300 orang responden secara sukarela telah melengkapkan soal selidik yang diberikan. Hasil kajian mendapati ada 10 sumber yang mendatangkan kebahagiaan, iaitu keluarga, kesejahteraan emosi, sejahtera dan aman, hubungan dengan kerjaya/kerja dan cita-cita, agama/keTuhanan/amal ibadat dan kerja amal, hubungan dengan rakan-rakan/jiran dan masyarakat, kebebasan dan rasa selamat, kesihatan, harta benda/wang dan material, pendidikan dan rekreasi. Keluarga masih menjadi sumber paling utama memberikan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

Tidak cukup dengan melihat masyarakat Malaysia dan orang Melayu, Al-Naggar et al. (2010) pula telah melihat persepsi dan pandangan tentang kebahagiaan dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Temu bual telah dijalankan ke atas 33 pelajar perubatan (pelbagai etnik di Malaysia). Keputusan telah menunjukkan terdapat lima dimensi kebahagiaan yang diperolehi, iaitu, kewangan atau duit, hubungan baik dengan keluarga dan rakan-rakan, kestabilan hidup, kesihatan yang baik dan berjaya dalam hidup. Walau bagaimanapun, kewangan menjadi pilihan utama dalam mendatangkan kebahagiaan di kalangan pelajar universiti. Hal ini tidak menghairankan kerana golongan dewasa awal secara relatif kurang stabil dari aspek kewangan, keterampilan dan kerjaya termasuklah pelajar universiti (Khairudin, 2009).

Selain dari Jaafar et al. (2009), Anggoro dan Widhiarso (2010) turut menjalankan eksplorasi dalam menentukan dimensi kebahagiaan masyarakat Indonesia. Mereka telah melibatkan sebanyak 604 responden yang terdiri daripada tiga latar pendidikan, iaitu Sekolah Menengah Atas (SMA), Sarjana 1 dan Sarjana 2. Hasil kajian mereka mendapati kebahagiaan masyarakat Indonesia telah dikategorikan kepada lapan (8) dimensi, iaitu hubungan kekeluargaan, prestasi akademik, hubungan dengan orang lain, pencapaian/keinginan, keperluan spiritual, hobi/masa lapang, kesejahteraan dan lain-lain. Daripada lapan dimensi yang ditemui, mereka kecilkan menjadi empat (4) dimensi, iaitu hubungan kekeluargaan, prestasi atau pencapaian peribadi, hubungan sosial, keperluan spiritual. Dapatan kajian mereka turut mendapati hubungan kekeluargaan adalah penyumbang terbesar kepada kebahagiaan masyarakat Indonesia sebanyak 218 yang dilaporkan oleh responden kajian. Hal ini menunjukkan hubungan kekeluargaan sangat bermakna kepada masyarakat Indonesia sama seperti yang telah dikaji oleh Jaafar et al. (2009). Tambahan pula, dimensi-dimensi yang diperoleh selari dengan dimensi yang ditemui oleh Jaafar et al. (2009) ke atas masyarakat Indonesia (lihat Jadual 1.5).

Dalam masyarakat Thailand pula, Dayton et al. (2001) telah meneroka dimensi kesejahteraan psikologikal melalui perspektif warga tua. Kajian ini bertujuan untuk memahami kesejahteraan psikologikal di kalangan orang tua di Asia umumnya dan Thailand khususnya. Seramai 67 orang responden yang berumur 60 tahun ke atas telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan dua kaedah temubual, iaitu kumpulan fokus dan temubual mendalam untuk mendapatkan maklumat tentang kesejahteraan psikologikal. Hasil keputusan telah menunjukkan terdapat lima dimensi kesejahteraan psikologikal warga tua Thailand. Dimensi-dimensi tersebut seperti harmoni (*harmony*), saling bergantung (*interdependence*), penerimaan

(*accepted*), penghormatan (*respect*) dan keseronokan (*enjoyment*) (Lihat Jadual 1.4). Mereka turut menjelaskan bahawa interaksi dengan orang lain seperti keluarga dan rakan-rakan merupakan pusat kepada kesejahteraan.

Jadual 1.4 Dimensi Kesejahteraan di kalangan Warga Tua Thailand

Dimensi	Huraian
Harmoni (“ <i>Samakki prongdong</i> ”)	Pengalaman yang bahagia apabila berinteraksi bersama ahli keluarga, rakan-rakan dan jiran; kejayaan anak-anak dalam kerja dan hubungan keluarga.
Saling bergantung (“ <i>Peung pa asai gan</i> ”)	Memberikan bantuan dan menerima bantuan dari ahli keluarga dan masyarakat.
Penerimaan (“ <i>Yom rab</i> ”)	Menghilangkan perasaan sedih dan menerima keadaan hidup seadanya.
Penghormatan (“ <i>Kaorob nabtue</i> ”)	Nasihat dari seseorang diterima dan kebijaksanaan individu di hargai.
Keseronokan (“ <i>Berg baan</i> ”)	Mudah menghargai kegembiraan atau keseronokan bersama orang lain atau bersendirian.

(dipetik daripada Dayton et al., 2001, hal. 288)

Sekali lagi kebahagiaan masyarakat Thailand telah dikaji oleh Jongudomkarn dan Camfield (2006). Mereka telah menjalankan perbincangan kumpulan fokus dan temu bual separa struktur dalam masyarakat di utara dan selatan Thailand. Keputusan menunjukkan terdapat 18 perkara yang mendatangkan kebahagiaan, iaitu hubungan kekeluargaan, kesihatan dan umur panjang, pendapatan dan mempunyai wang, pekerjaan, rumah dan makanan, pendidikan, hutang, tanah, *materials of living*, agama, infrastruktur dan perkhidmatan, penampilan, kerajaan tempatan, kawan dan jiran, sokongan dari luar, pasar/gerai, air untuk tanaman dan berdikari serta hidup yang ideal. Secara keseluruhannya masyarakat Thailand telah melaporkan bahawa kebahagiaan mereka terletak pada hubungan kekeluargaan (757 kali disebut oleh responden).

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa keluarga dan hubungan baik dengan orang lain adalah penyumbang terpenting kepada kebahagiaan di kalangan masyarakat

Filipina, Malaysia, Indonesia, Thailand dan Melayu khususnya (Jaafar et al., 2009; Jongodomkarn & Camfield, 2006; Khairudin, 2009; Santos, 2009). Hal ini tidak menghairankan disebabkan kesemua masyarakat tersebut sememangnya tergolong dalam masyarakat kolektivistik dan mengutamakan keluarga dan masyarakat (Diener et al., 1995; Hofstede, 2001). Bahagia hidup bersama ibu bapa, ada masa dengan keluarga, keluarga sempurna, rakan yang memahami, dan bahagia bersama rakan-rakan adalah antara luahan yang dikemukakan oleh responden (Jaafar et al., 2009; Santos, 2009). Kuan dan Juan (2010) telah membuat perbandingan kesejahteraan subjektif ke atas lima buah negara di Asia Tenggara, iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand, Singapura dan Filipina. Hasil kajian mereka mendapati masyarakat Malaysia adalah yang paling bahagia pada tahun 2004 dan diikuti Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand. Pada tahun 2006/7, rakyat Malaysia dan Singapura menunjukkan mereka bahagia dan diikuti Filipina, Thailand dan Indonesia. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia antara negara Asia Tenggara mempunyai kualiti hidup yang baik dan kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah demi kesejahteraan masyarakatnya (Azahan et al., 2008). Jadual 1.5 adalah ringkasan dimensi-dimensi yang ditemui oleh penyelidik-penyelidik dari Asia Tenggara.

Jadual 1.5 Ringkasan Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Asia Tenggara

Masyarakat Asia Tenggara						
Santos (2009)	Jaafar et al. (2009)	Khairudin (2009)	Anggoro Widhiarso (2010)	& Jongudomkarn & Camfield (2006)	Al-Naggar et al. (2010)	Dayton et al. (2001)
<ul style="list-style-type: none"> ●Keluarga ●Rakan-rakan ●Pencapaian ●Masa lapang dan melancong ●Memiliki harta ●Kesejahteraan emosi ●Agama ●Kesihatan fizikal yang baik ●Kebudayaan ●Keamanan dan kemakmuran ●Binatang kesayangan ●Seksualiti 	<ul style="list-style-type: none"> ●Keluarga ●Hubungan inter-intrapersonal dengan orang lain ●Harta ●Kesihatan ●Emosi yang stabil dan kesejahteraan ●Kerjaya dan pencapaian ●Pendidikan ●Agama dan keperluan rohani ●Autonomi dan kawalan sendiri ●Rekreasi ●Keselamatan ●Keperluan asas atau fisiologikal 	<ul style="list-style-type: none"> ●Keluarga ●Kesejahteraan emosi, tenang dan aman ●Hubungan dengan kerja, kerjaya dan cita-cita ●Agama, keTuhanan, amal ibadat dan kerja amal ●Hubungan dengan rakan-rakan, jiran dan masyarakat ●Kebebasan dan rasa selamat ●Kesihatan ●Harta benda, wang dan material ●Pendidikan ●Rekreasi 	<ul style="list-style-type: none"> ●Hubungan kekeluargaan ●Prestasi atau pencapaian peribadi ●Hubungan sosial ●Kebutuhan spiritual 	<ul style="list-style-type: none"> ●Pekerjaan ●Rumah dan makanan ●Pendidikan ●Hutang ●Tanah ●Harta benda ●Agama ●Penampilan ●Air untuk tanaman ●Pasar/gerai ●Kawan dan jiran ●Sokongan dari luar ●Hubungan kekeluargaan ●Kesihatan dan umur panjang ●Pendapatan dan mempunyai duit ●Infrastruktur dan perkhidmatan ●Kerajaan tempatan ●Berdikari dan hidup yang ideal 	<ul style="list-style-type: none"> ●Kewangan ●Hubungan baik dengan keluarga dan rakan-rakan ●Kesihatan yang baik ●Kestabilan hidup ●Berjaya dalam hidup 	<ul style="list-style-type: none"> ●Harmoni ●Saling bergantung ●Penerimaan ●Penghormatan ●Keseronokan

Secara kesimpulannya, dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Timur atau Asia (Konfusian dan Asia Tenggara) menggambarkan yang masyarakat tersebut masih mengekalkan ciri-ciri budaya kolektivistik. Hasil yang diperoleh mendapati keluarga dan hubungan dengan orang lain adalah dimensi yang penting membawa kebahagiaan dalam masyarakat. Berbeza dengan Asia Konfusian, Asia Tenggara mempunyai pelbagai fahaman dan agama (seperti Thailand berfahaman Buddha, Filipina lebih kepada Kristian, Malaysia dan Indonesia majoriti beragama Islam). Walau bagaimanapun, masing-masing telah menunjukkan nilai-nilai tradisi mereka sangat cenderung kepada budaya kolektif. Walaupun masyarakat Filipina majoritinya beragama Kristian, namun nilai-nilai tradisi mereka lebih ke arah kehidupan masyarakat kolektivistik. Ada kalanya, kebahagiaan itu hanya dilihat berdasarkan perbezaan budaya dan nilai-nilai tradisi sesebuah masyarakat tanpa mengambil kira sistem kepercayaan mereka (bacaan lanjut, sila rujuk Diener et al., 2005; Triandis, 2000; Swami et al., 2008).

Relatifnya, kedua-dua masyarakat Barat dan Timur sangat menekankan budaya dan tradisi hidup masing-masing (individualistik vs kolektivistik). Berpandukan dengan budaya asas kehidupan masyarakat Barat dan Timur, kajian ini cuba untuk melihat dimensi-dimensi kebahagiaan hidup masyarakat Melayu, adakah dimensi-dimensi yang diperoleh selari dengan nilai-nilai tradisi masyarakat kolektivistik ataupun individualistik?

1.3.2 Kebahagiaan dan Masyarakat Melayu di Malaysia

Seperti yang telah dinyatakan di Bahagian 1.3.1.2., masyarakat Asia Konfusian dan Asia Tenggara berpegang kepada budaya kolektivistik yang mengutamakan kebajikan

keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun, dimensi kebahagiaan masyarakat tertentu tetap terikat dengan nilai-nilai tradisi tersendiri yang diamalkan dari generasi ke generasi. Tambahan pula, sistem kepercayaan juga berlainan seperti Konfusianisme, Hinduisme, Toisme dan Islam. Begitu juga halnya dengan masyarakat Melayu yang mempunyai nilai-nilai tradisi tersendiri yang sering dibicarakan oleh pengkaji-pengkaji alam Melayu dan Islam sebagai panduan hidup (Abdul Halim, 1993; Norazit et al., 1997; Noriati, 2007; Syed Husin, 2008; Wan Abdul Kadir, 1994). Barangkali nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam mempengaruhi kebahagiaan hidup masyarakat Melayu. Sebelum kita meneroka lebih jauh, elok kiranya dilihat dahulu kajian-kajian lepas yang berkait dengan kebahagiaan masyarakat Melayu di Malaysia.

Kajian-kajian tentang kebahagiaan di Malaysia telah menunjukkan ada peningkatan sejak akhir-akhir ini (Dahlan, Nicol & Maciver, 2010; Haslina, 2006; Jaafar et al., 2009; Khairudin, 2009; Ma'rof dan Asnarulkhadi, 2006; Nor Ba' yah dan Kamsiah, 2002). Hal ini disebabkan ada kesedaran sarjana-sarjana psikologi di Malaysia untuk melihat kebahagiaan dalam kontek sosio-budaya masyarakat tempatan. Untuk kajian ini fokus diberikan kepada masyarakat Melayu (di Malaysia) sahaja atas dasar 52% penduduk di Malaysia adalah terdiri daripada masyarakat Melayu (atas talian: www.epu.gov.my).

Setakat ini, Khairudin (2009) telah meneroka kebahagiaan dalam masyarakat Melayu dan mendapati kebahagiaan ada 10 dimensi (lihat Bahagian 1.3.1.2.2). Masih terlalu awal untuk menyatakan dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh mampu menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu lantaran tiada kajian susulan atau lanjutan. Kim et al. (2007) mendapati ada perbezaan dimensi yang diperoleh kesan daripada kajian lanjutan yang dijalankan ke atas masyarakat Korea Selatan. Dengan itu,

berkemungkinan ada dimensi-dimensi lain yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu kesan daripada kajian susulan yang akan dilaksanakan.

Merujuk kepada kajian-kajian terdahulu, terdapat beberapa pengkaji Melayu sudah mula menghubungkan beberapa aspek-aspek tertentu dalam mempengaruhi kebahagiaan (seperti kesihatan, agama, dan harga sendiri). Barangkali aspek-aspek yang dikaitkan memberi sumbangan yang besar dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Misalnya, Ma'rof dan Asnarulkhadi (2006) yang mengkaji tentang latar belakang terpilih dengan kesejahteraan subjektif di kalangan orang tua di Malaysia. Kajian ini meneliti bagaimana orang tua di Malaysia menilai tentang kehidupan mereka. Seramai 1993 orang tua telah terlibat dalam kajian ini (majoriti masyarakat Melayu; 99.3% atau 1979 orang). Latar belakang terpilih dalam kalangan orang tua seperti jantina, umur, tahap pendidikan, bilangan anak kandung yang masih hidup, jumlah nilai aset yang dimiliki, jumlah pendapatan bulanan, status pekerjaan dan status perkahwinan serta hubungannya dengan empat domain kesejahteraan, iaitu kesejahteraan mental, kesejahteraan fizikal (kesihatan), kesejahteraan sosial dan kesejahteraan ekonomi. Hasil kajian telah merumuskan bahawa latar belakang terpilih yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan keempat-empat domain kesejahteraan subjektif. Kesejahteraan subjektif mental dan sosial didapati mempunyai skor yang tinggi. Manakala kesejahteraan mental/psikologi yang berkaitan dengan kesunyian dan kesukaran untuk tidur didapati rendah.

Selain itu, orang tua yang mempunyai kesejahteraan subjektif yang lebih baik adalah terdiri dari orang tua lelaki, yang berumur lebih muda, mempunyai pendidikan yang baik, mempunyai anak kandung yang ramai dan masih hidup, mempunyai kedudukan ekonomi (asset dan pendapatan) yang lebih baik, masih bekerja dan

berkahwin. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat empat domain sahaja dan kaitannya dengan hubungan latar belakang terpilih.

Selain itu, Nor Ba' Yah dan Kamsiah (2002) telah menjalankan kajian tentang indikator kesejahteraan di kalangan ibu tunggal Melayu di Sarawak. Kajian mereka cuba melihat hubungan di antara umur, pendapatan, orientasi kehidupan, kesejahteraan emosi, kesejahteraan psikologikal dan kesejahteraan sosial. Seramai 170 orang ibu tunggal telah di ambil sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati pendapatan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan orientasi kehidupan, kesejahteraan psikologikal, kesejahteraan sosial dan kepuasan hidup di kalangan ibu tunggal Melayu. Selain itu, kajian ini turut mendapati sederhana tinggi tahap kepuasan hidup ibu tunggal Melayu dan kebahagiaan berhubungan dengan kesejahteraan emosi.

Haslina (2006) pula telah mengkaji tentang kebolegunaan *Big Five Inventory* dalam masyarakat Melayu. Komponen kesejahteraan subjektif turut diambil kira sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi personaliti di kalangan masyarakat Melayu. Seramai 302 (152 lelaki dan 150 perempuan) remaja Melayu telah melengkapkan soal selidik yang diberikan secara sukarela. *Big Five Inventory* telah digunakan untuk mengukur personaliti dan *Bradburn Affect Balance Scale* (ABS) digunakan untuk mengukur kesejahteraan subjektif remaja Melayu. Hasil kajian beliau mendapati terdapat hubungan di antara kesejahteraan subjektif dengan tiga tret personaliti, iaitu *extraversion*, *neuroticism* dan *conscientiousness*.

Jaafar dan Khairudin (2008) pula telah melihat takat kebahagiaan dan harga diri di kalangan orang Melayu. Kajian ini bertujuan melihat sejauhmana hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Seramai 300 orang responden telah melengkapkan

soal selidik yang diberikan. Alat ujian *Oxford Happiness Inventory* (OHI) telah digunakan untuk mengukur kebahagiaan dan *Rosenberg's Self-Esteem Scale* (RSES) pula digunakan untuk mengukur harga diri orang Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kebahagiaan dan harga diri ($r=0.43$). Hubungan yang ditunjukkan dalam masyarakat Melayu masih bersifat sederhana jika dibandingkan dengan masyarakat Barat yang didapati tinggi tahap penghargaan diri mereka.

Penglibatan dalam aktiviti sosial dengan kebahagiaan di kalangan orang tua telah dilakukan oleh Hazwani (2010). Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kedua-dua pemboleh ubah ini berhubungan. Seramai 30 orang tua mengambil bahagian. *Oxford Happiness Inventory* (OHI) telah digunakan untuk mengukur kebahagiaan orang tua dan Tahap Peserta dalam 28 aktiviti (*Level of Participation in 28 Activities*; terdiri dari lapan domain, iaitu aktiviti penggunaan bahan media dan komunikasi, aktiviti pembangunan pendidikan, aktiviti di rumah dan hobi, aktiviti kreatif, aktiviti di luar rumah, aktiviti khidmat masyarakat, aktiviti permainan, dan aktiviti sosial). Hasil kajian beliau mendapati hanya aktiviti sosial sahaja berhubungan dengan kebahagiaan ($r=0.44$) di kalangan orang tua. Orang tua yang terlibat dengan aktiviti sosial menunjukkan lebih rasa bahagia dan gembira serta sihat jika dibandingkan dengan orang tua yang langsung tidak terlibat dengan aktiviti sosial.

Khairudin dan Jaafar (2010) telah meneroka tentang penglibatan agama dan hubungan positif dengan orang lain sebagai penyumbang kepada kebahagiaan orang Melayu. Kajian ini secara objektif mengkaji tentang hubungan kedua-dua pembolehubah dengan kebahagiaan. Seramai 665 orang responden telah mengambil bahagian secara sukarela. *Oxford Happiness Inventory* (OHI) digunakan untuk menilai

kebahagiaan, skala 7 item tentang agama dan *The Scale of Psychological Well-Being* (hanya dimensi hubungan positif dengan orang lain sahaja digunakan). Hasil kajian telah mendapati adanya hubungan di antara kebahagiaan dengan agama ($r=0.39$) dan hubungan positif dengan orang lain ($r=0.35$). Islam menjadi teras kepada tingkahlaku dan tindakan, bentuk dan hubungan, nilai, sikap, dan pandangan orang Melayu (Wan Abdul Kadir, 1994). Tambahan pula, Islam merangkumi semua aspek kehidupan (Seman, 2012) dan ini bermakna setiap perbuatan dan tingkah laku hendaklah bersesuaian dengan peraturan Islam. Selain itu, masyarakat Melayu juga tidak boleh dipisahkan daripada anggota-anggota kelompok dan menjadi tanggungjawab setiap individu dalam kelompok berusaha untuk mengeratkan hubungan dengan pelbagai cara (Mohd. Koharuddin, 2005; Wan Abdul Kadir, 1994).

Dahlan, Nicol dan Maciver (2010) pula melihat elemen kepuasan hidup kalangan warga tua yang tinggal di institusi penjagaan warga tua di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan hidup dan memeriksa elemen kepuasan hidup di kalangan orang-orang tua yang tinggal di institusi. Sebanyak 68.3% (56 orang) warga tua Melayu yang terlibat dalam kajian ini. Keputusan kajian kuantitatif menunjukkan terdapat hubungan di antara kepuasan hidup dengan tempoh masa tinggal di institusi (.02). Manakala, keputusan kualitatif didapati ada dua tema utama pengalaman hidup mereka tinggal di institusi itu ialah, syukur (*contentment*) dan redha (*acceptance*). Menurut mereka, ini merupakan elemen baru dalam menilai kepuasan hidup warga tua di institusi.

Dapat dirumuskan bahawa kajian tentang kebahagiaan boleh dikatakan di peringkat penerokaan di kalangan sarjana Melayu. Masih terdapat banyak lagi isu kebahagiaan orang Melayu yang masih lagi belum diteroka sepenuhnya. Lebih-lebih

lagi dalam mengembangkan isu dimensi yang mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Seperti yang dinyatakan di awal bahagian ini, masyarakat Melayu masih terikat dengan 10 dimensi yang mempengaruhi kebahagiaan. Tambahan pula, kajian Khairudin (2009) merupakan percubaan pertama melihat dimensi dalam konteks masyarakat Melayu. Berkemungkinan juga, kajian yang melihat aspek-aspek tertentu yang membawa kebahagiaan mampu memberi implikasi yang besar dalam menentukan dimensi kebahagiaan khusus dalam masyarakat Melayu. Dengan itu, kajian ini akan meneroka sekali lagi dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

1.3.3 Alat Pengukuran

Bahagian 1.3.1 telah menerangkan pembentukan struktur dalam mentakrifkan kebahagiaan melalui soalan-soalan yang mudah untuk ditanya tentang kebahagiaan. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan apabila diajukan soalan yang terus dan mudah, iaitu terdapat ralat dan individu tidak terlepas daripada kesilapan bertingkah laku (Argyle, 2001; Compton, 2005; Veenhoven, 1984). Maka, ahli-ahli psikologi positif beralih pula kepada kaedah laporan-kendiri. Menurut Freud (dalam Compton, 2005), laporan-kendiri “sangat bahagia” boleh menunjukkan keputusan yang bersifat mekanisma bela diri untuk melindungi tahap kesedaran seseorang daripada tindakbalas yang tidak boleh diterima. Hal ini bermaksud bahawa laporan-kendiri terikat dengan skala yang diberikan dan responden tidak perlu menghuraikan dengan lebih terperinci serta dapat mengelakkan daripada jawapan yang tidak sepatutnya diberikan. Hasil kajian kebahagiaan mendapati bahawa orang yang melaporkan tahap kebahagiaan dan kepuasan hidup yang tinggi cenderung untuk bertingkah laku yang mereka bahagia dan menunjukkan kepuasan hidup yang lebih (Compton, 2005).

Hasil daripada permasalahan yang telah dinyatakan, terdapat banyak instrumen atau alat ukuran kebahagiaan telah dibina oleh ahli-ahli psikologi sebagai langkah permulaan untuk menakrifkan kebahagiaan berdasarkan perspektif psikologi. Hampir semua mereka beranggapan bahawa kebahagiaan dan kepuasan hidup boleh disusun dan diatur berdasarkan kontinuum daripada “sangat bahagia” kepada “sangat tidak bahagia” (Compton, 2005). Dengan alat ukuran yang sedia ada, para sarjana psikologi mula membuat penilaian dan pemerhatian secara terperinci terhadap definisi, metodologi dan pengukuran kebahagiaan, baik masyarakat Barat mahupun masyarakat Timur.

Diener (1984) telah mendapati ada 16 alat ukuran kebahagiaan yang telah dibentuk oleh pengkaji Barat. Ada yang menggunakan skala satu item, skala pelbagai item dan skala berstruktur (multidimensi) dalam mengukur kebahagiaan. Sehingga kini, Jarden (2011) telah mendapati terdapat 41 alat pengukuran Psikologi Positif yang dibentuk oleh Barat dan digunakan untuk mengukur kebahagiaan dan aspek positif yang lain. Setiap alat pengukuran yang dibina atau dibentuk mempunyai kerangka konseptual sendiri. Alat-alat pengukuran yang dibentuk telah diuji kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*). Kebolehpercayaan dan kesahan adalah dua aspek penting yang sering digunakan bagi memastikan sama ada alat pengukuran itu lemah, sederhana atau kuat untuk mengukur sesuatu pembolehubah terutamanya kebahagiaan (Lounsbury, Gibson dan Saudargas, 2006).

Disebabkan agak banyak alat pengukuran yang telah dibentuk oleh Barat, maka kajian ini hanya memberi fokus kepada beberapa alat ukuran kebahagiaan yang dibentuk oleh Barat yang biasa digunakan dalam kajian silang budaya. Antaranya *Satisfaction With Life Scale* (SWLS) yang telah dibentuk oleh Diener et al. (1985). Alat ukuran ini terdiri daripada lima soalan bertanyakan tentang kepuasan hidup secara

keseluruhan. Pembentukan skala ini disebabkan oleh kebanyakan alat ukuran kebahagiaan terdiri daripada satu item dan tidak dapat menerangkan semua aspek dalam kebahagiaan (Diener, 1984; Diener et al., 1985). Keputusan telah menunjukkan nilai kebolehpercayaan (*reliability*) SWLS ialah $\alpha=0.87$ dan nilai kesahan penumpu (*convergent*) dengan Fordyce 1 ($r=0.58$), Cantril ($r=0.62$), Andrews dan Withey ($r=0.68$) dan Campbell ($r=0.75$) (Diener et al., 1985). Secara keseluruhan SWLS boleh digunakan disebabkan memenuhi ciri-ciri psikometrik yang dikehendaki.

Ryff pula telah membentuk *Scale of Psychological Well-Being* (SPWB) pada tahun 1989 dan diuji semula bersama Keyes pada tahun 1995. Alat ukuran ini dibentuk kerana pengabaian ahli-ahli psikologi terdahulu ke atas fungsi psikologi yang bersifat positif dan kriteria atau faktor luaran perlu diambil kira bagi mengukur kesihatan mental (Ryff & Keyes, 1995). Ryff (1989), Kafka dan Kozma (2002) turut menyatakan alat ukuran yang terbaik seharusnya bersifat multidimensi, bukan hanya dinilai melalui kognitif dan perasaan sahaja. Dengan itu, Ryff (1989) telah menggabungkan beberapa cabang teori psikologi, iaitu perkembangan sepanjang hayat, kesihatan mental, dan psikologi klinikal. Ryff (1989) mendapati kebahagiaan itu ada enam dimensi (lihat Bahagian 1.2.1.1) dan setiap dimensi terdiri daripada 14-item. Kajian mendapati kesemua dimensi saling berhubungan antara satu sama lain (lihat Ryff & Keyes, 1995). Dalam aspek nilai kebolehpercayaan SPWB adalah sederhana, iaitu Penerimaan Kendiri (PK; $r=0.52$), Penguasaan Persekitaran (PP; $r=0.49$), Hubungan Positif (HP; $r=0.56$), Matlamat Hidup (MH; $r=0.33$), Perkembangan Kendiri (KK; $r=0.40$) dan Autonomi (AU; $r=0.37$). Manakala nilai kesahan penumpu dengan kebahagiaan (satu item; PK= $r=0.36$, PP= $r=0.40$, HP= $r=0.26$, MH= $r=0.13$, KK= $r=0.15$ dan AU= $r=0.08$) dan kepuasan hidup (satu item; PK= $r=0.42$, PP= $r=0.39$, HP= $r=0.35$, MH= $r=0.10$, KK= $r=0.18$ dan AU= $r=0.12$). Menurut Ryff & Keyes (1995), hubungan sederhana dianggap

sebagai satu perkaitan antara kajian empirikal dengan pengabaian aspek utama fungsi positif yang ditekankan dalam teoritikal. Hal ini penting bagi mengenal pasti teori-teori yang digunakan memberikan gambaran tentang kebahagiaan atau kesan positif dalam menentukan ciri-ciri kesihatan individu. Dengan itu, SPWB masih boleh digunakan untuk menilai kebahagiaan individu atau masyarakat.

Pada tahun 1989, Argyle et al. telah membina *Oxford Happiness Inventory* (OHI) bagi mengukur kebahagiaan keseluruhan. OHI dibina mengikut format alat pengukuran *Beck Depression Inventory* (BDI). Item-item di dalam BDI telah diubah dan ditambah dengan item-item yang baru meliputi aspek kebahagiaan (Hills & Argyle, 2002; Kashdan, 2004). Pada asasnya, OHI digunakan di Jabatan Psikologi Eksperimen di Oxford pada akhir tahun 1980 (Argyle, 2001; Hills & Argyle, 2002; Kashdan, 2004). Terdapat 29-item dan hasil analisis faktor mendapati ada tujuh dimensi kebahagiaan (lihat Bahagian 1.3.1.1). Nilai kebolehpercayaan OHI adalah stabil iaitu $\alpha=0.85$ dan nilai kesahan antara skala kebahagiaan yang lain seperti *The Delighted-Terrible* (D-T) antara $r=0.50$ dan $r=0.60$ (Argyle, 2001).

Selain itu, Lyubomirsky dan Lepper (1999) pula telah mengetengahkan *Subjective Happiness Scale* (SHS). Mereka mendapati alat pengukuran kebahagiaan sebelum ini terikat dengan item tunggal (skala satu item) dan ada skala yang hanya mengukur salah satu dimensi sama ada kognitif atau afektif. Mereka juga berpendapat menggunakan alat ukuran tersebut adalah tidak begitu kondusif dalam ujian psikometrik. Satu kekurangan kajian lepas adalah mengukur keseluruhan “kebahagiaan subjektif”- yakni penilaian global dan subjektif sama ada individu bahagia atau tidak bahagia. Hal ini dapat mencerminkan kategori yang lebih luas dan membawa kepada fenomena psikologi global (Diener, 1994). Terdapat 4-item SHS, iaitu dua item

bertanyakan tentang karakter diri menggunakan kedua-dua penilaian mutlak dan relatif kepada rakan-rakan, manakala dua item lain menerangkan sejauh mana individu itu gembira dan tidak gembira. Hasil keputusan nilai kebolehpercayaan berdasarkan 14 sampel berlainan antara $\alpha=0.79$ dan $\alpha=0.94$. Manakala, kesahan skala yang mengukur fenomena yang sama (*Affect-Balance Scale*, *Delighted-Terrible Scale*, *Global Happiness item*, *Recent Happiness item* dan *Satisfaction with Life Scale*) antara $r=0.52$ hingga $r=0.72$. Lyubomirsky dan Lepper (1999) turut menyatakan bahawa SHS direka untuk tidak membebankan responden atau mengancam struktur unidimensi dengan item yang banyak. Walaupun SHS ringkas tetapi dalam psikometrik, ia menyediakan bukti yang minimum bagi ketepatan pengukuran terhadap kebahagiaan.

Pada tahun 1997, Cummins telah membentuk *Comprehensive Quality of Life Scale* (ComQol) yang menggabungkan antara kebahagiaan atau kualiti hidup subjektif dan objektif. Beliau berpendapat bahawa kedua-dua kebahagiaan subjektif dan objektif mesti selari dan berhubungan antara satu dengan yang lain. Dimensi kebahagiaan yang diperoleh telah diidentifikasi berdasarkan kajian-kajian lepas. Pada tahun 2001, ComQol terhenti seketika (lihat Bahagian 1.2.1.1) dan akhirnya pengubahsuaian dilakukan serta diberi nama baru iaitu *Personel Wellbeing Index* (PWI). Secara rasmi buku panduan penggunaan PWI dikeluarkan pada tahun 2006. PWI terdiri daripada lapan dimensi utama dan setiap dimensi menyumbang kepada kebahagiaan keseluruhan (Cummins, 2004). Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh PWI antara $\alpha=0.70$ dan $\alpha=0.85$ di Australia dan negara-negara lain. Hubungan antara dimensi adalah sederhana antara $r=0.30$ dan $r=0.55$. Manakala kesahan penumpu didapati mempunyai hubungan yang tinggi dengan SWLS iaitu $r=0.78$ (Cummins, 2006).

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa SWLS, SPWB, OHI, SHS dan PWI telah dibentuk dengan kriteria-kriteria tertentu yang telah digariskan oleh pencipta instrumen kajian. Hal ini berlaku bagi memastikan kebahagiaan dapat ditakrifkan dengan jelas dan boleh menggambarkan semua aspek kehidupan masyarakat. Ujian psikometrik menunjukkan alat ukuran SWLS, SPWB, OHI, SHS dan PWI mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik. Alat-alat ukuran tersebut bukan sahaja digunakan dalam komuniti Barat sahaja (contoh OHI, SWLS, SHS dan PWI), bahkan turut diperluas dalam masyarakat dan budaya yang berbeza (seperti Cina, Algeria, Jepun, Filipina, Malaysia) dan diterjemah dalam pelbagai bahasa di dunia termasuklah bahasa Melayu.

Implikasi daripada alat ukuran yang dibentuk oleh Barat ialah wujud ketidakseimbangan dalam menilai dan mentafsir kebahagiaan berdasarkan masyarakat. Hal ini kerana budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat Barat sangat mempengaruhi dalam pembentukan alat ukuran. Maka, tidak hairan sekiranya terdapat banyak keputusan kajian silang budaya yang menggunakan alat ukuran Barat cenderung memihak kepada kelompok Barat berbanding dengan masyarakat Timur atau Asia (Cha, 2003; Furnham & Cheng, 1999; Lee et al., 2007; Lu et al., 2001; Nielsen et al., 2010; Tiliouine, 2009; Uchida et al., 2004). Menurut sesetengah pengkaji, menggunakan alat ukuran yang dibina oleh Barat berkemungkinan tidak dapat menggambarkan keseluruhan dimensi kebahagiaan sesebuah masyarakat terutama dalam kalangan masyarakat Timur dan boleh mengabaikan nilai-nilai tradisi masyarakat setempat (Joshnloo, 2013; Ku et al., 2008). Tambahan pula, masyarakat Timur menekankan nilai-nilai kehidupan kolektivistik dan ini bertentangan dengan masyarakat Barat yang lebih kepada individualistik. Dengan itu, ahli-ahli psikologi Timur berusaha untuk

membentuk alat ukuran sendiri yang merangkumi budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakatnya.

Setakat ini, pembentukan alat ukuran kebahagiaan dalam masyarakat Asia Timur banyak dipelopori oleh masyarakat Asia Konfusian (China, Taiwan dan Korea). Menurut Chen dan Davey (2008), 10% kajian tentang kebahagiaan masyarakat China telah menggunakan pengukuran yang dibentuk oleh pengkaji-pengkaji China. Dengan itu, jelas menunjukkan adanya usaha dalam membentuk alat ujian kebahagiaan berdasarkan kelompok masyarakat kolektivistik khususnya dalam masyarakat Asia Konfusian.

Antara alat ukuran yang dibentuk oleh masyarakat Asia Konfusian ialah *Chinese Happiness Inventory* (CHI; Lu & Shih, 1997a). CHI dibentuk berdasarkan alat ukuran OHI (*Oxford Happiness Inventory*). Hasil ujian kebolehpercayaan dan kesahan OHI ke atas masyarakat China mendapati ada satu item dalam OHI telah dibuang disebabkan makna kurang jelas dalam masyarakat China. Lu & Shih (1997b) telah merujuk semula keputusan kualitatif yang diperolehi dan sedar konsep kebahagiaan masyarakat China berbeza dengan Barat. Mereka telah mengambil keputusan menambah 20 item yang merangkumi dimensi kebahagiaan masyarakat China. Format alat ukuran masih mengikut *Beck Depression Inventory* (BDI). Hasil keputusan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu $\alpha=.95$ dan kesahan penumpu antara skala kepuasan hidup, perasaan positif berdasarkan perasaan bahagia, yakin dan mesra antara $r=0.62$ dan $r=0.48$. Bukti awal telah menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan pembentukan CHI adalah baik dan boleh digunakan.

Selain CHI, *Mind-balance Happiness Scale* (MBHS) telah dibentuk oleh Lee et al. (2007). Mereka tidak begitu bersetuju dengan keputusan kajian yang menunjukkan kebahagiaan masyarakat Asia Timur berada pada tahap yang rendah. Dengan itu, mereka cuba membentuk pengukuran yang sesuai untuk masyarakat Asia. Terdapat 10 item dalam alat ukuran ini. Keputusan kajian mendapati nilai kebolehpercayaan MBHS ialah $\alpha=.93$ dan kesahan penumpu antara $r=0.61$ dan $r=0.70$ dengan *Life Satisfaction Scale* dan *Chinese Happiness Inventory*. Mereka turut menyatakan bahawa MBHS dibentuk bukan hanya untuk masyarakat Asia sahaja, malah ia boleh digunakan dalam masyarakat Barat untuk kajian selanjutnya.

Ku et al. (2008) telah membentuk *The Chinese Aging Well Profile*. Alat kajian ini khusus untuk golongan berusia atau warga emas. Alasan pembentukan alat ukuran ini ialah dengan menggunakan alat ukuran Barat yang berlatar belakang sosio-budaya dan responden dari Barat tanpa bentuk penyesuaian sosio-budaya yang sesuai mungkin mengakibatkan tafsiran separa atau tidak lengkap di kalangan warga emas dalam masyarakat Timur. Terdapat 42 item yang terdiri daripada tujuh dimensi (telah dinyatakan dalam Bahagian 1.3.1.2.1) dalam mengukur warga emas masyarakat China. Keputusan menunjukkan nilai kebolehpercayaan berdasarkan tujuh dimensi antara $\alpha=.77$ - $\alpha=.93$. Manakala, kesahan antara tujuh dimensi *The Chinese Aging Well Profile* dengan *Satisfaction life Scale*, *Rosenberg's Self Esteem Scale*, *Positive Affect* dan *Negative Affect* antara $r=0-.011$ dan $r=0.66$. Dengan itu keputusan ini telah menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan yang baik. Tambahan lagi, masyarakat warga emas China menunjukkan konsep kebahagiaan yang berbeza dengan Barat.

Happy Life Inventory (HLI) telah dibentuk oleh Kim et al. (2007) ke atas masyarakat Korea. Pembentukan alat ukuran ini disebabkan konsep kebahagiaan yang berbeza antara masyarakat individualistik dan kolektivistik. Dengan itu, Kim et al. (2007) cuba melihat konsep kebahagiaan berdasarkan kaca mata masyarakat Korea. Terdapat 150 item yang bertanyakan tentang kebahagiaan. Analisis faktor telah menunjukkan kebahagiaan masyarakat Korea terdiri daripada 16 dimensi (telah dinyatakan dalam Bahagian 1.3.1.2.1). Keputusan kajian mendapati nilai kebolehpercayaan berdasarkan 16 dimensi antara $\alpha=.64$ dan $\alpha=.88$. Manakala, kesahan alat ukuran ini dengan PWBS antara $r=0-.03$ dan $r=0.45$. Menurut Kim et al. (2007), HLI mampu untuk menilai tahap keseluruhan kebahagiaan hidup masyarakat dewasa Korea.

Dengan itu, jelas menunjukkan alat ukuran yang dibentuk oleh Barat kurang mengambil kira tentang sosio-budaya masyarakat Timur. Alat ukuran yang dibentuk dalam masyarakat Timur mampu menyeimbangkan kebahagiaan kedua-dua budaya. Walau bagaimanapun, alat ukuran yang dibentuk oleh masyarakat Asia atau Timur cenderung ke arah masyarakat Asia Konfusian sahaja yang berpegang kepada fahaman Konfusianisme, Toisme, dan Buddhisme. Sedangkan, masih belum ada usaha yang dilakukan oleh masyarakat di sebelah Asia Tenggara dalam membentuk skala kebahagiaan berdasarkan budaya dan tradisi masyarakatnya sendiri terutamanya dalam masyarakat Melayu di Malaysia.

Dengan kata-kata lain, masih belum ada satu skala kebahagiaan yang dibentuk untuk melihat kebahagiaan masyarakat Melayu secara keseluruhan. Tambahan pula, masyarakat Melayu mempunyai budaya dan tradisinya tersendiri serta berpegang kepada ajaran Islam (Wan Abdul Kader, 2007; Mohd. Koharuddin, 2005). Mungkin

juga dengan fahaman dan pegangan agama yang berbeza akan membentuk tafsiran kebahagiaan yang berbeza dengan masyarakat Barat dan Asia Konfusian. Buat masa ini, ahli-ahli psikologi di Malaysia masih menggunakan alat ukuran Barat sebagai medium utama bagi mengukur kebahagiaan masyarakat Malaysia amnya dan Melayu khususnya (Haslina, 2006; Jaafar et al., 2010; Khairudin, 2009; Noraini, 2001; Noraini & Nor Ba'yah, 2011; Swami, 2008; Swami & Premusic, 2009).

Dengan itu, kajian ini akan cuba membentuk skala kebahagiaan khusus untuk melihat keseluruhan aspek kebahagiaan hidup masyarakat Melayu berdasarkan nilai dan budaya serta pegangan agama yang diamalkan. Di samping itu, kajian ini akan turut melaporkan aspek psikometrik, iaitu nilai kebolehpercayaan dan kesahan bagi membuktikan alat pengukuran ini benar-benar mengukur kebahagiaan masyarakat Melayu secara keseluruhan.

1.4 Definisi Konsep

Bahagian ini akan menghuraikan definisi beberapa pemboleh ubah yang akan digunakan.

1.4.1 Kebahagiaan

Kebahagiaan boleh dirujuk sebagai penilaian seseorang terhadap kehidupan yang mereka lalui. Penilaian ini termasuklah penilaian kognitif (pemikiran) seperti kepuasan hidup, dan perasaan (*mood* dan emosi) seperti emosi yang bersifat negatif dan positif (Eddington & Shuman, 2005). Kebanyakan individu mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap kebahagiaan yang dilaluinya. Bahagia juga turut didefinisikan

sebagai (a) sifat positif yang kuat berbanding dengan sifat negatif dan, (b) kepuasan dalam kehidupan secara keseluruhannya (Argyle et al., 1989; Diener et al., 2001; Lu et al., 2001).

Selain itu, Diener (1984) telah mendefinisikan kebahagiaan kepada tiga kategori, iaitu kriteria luaran seperti kebaikan dan kesucian, fokus kepada persoalan tentang sebab yang membawa kepada penilaian kehidupan positif dan perasaan positif mengatasi perasaan negatif. Menurut Compton (2005) pula, kebahagiaan adalah hasil sampingan (*by product*) dan bukannya hasil terakhir (*end product*). Hal ini membawa maksud, dalam usaha mencapai matlamat hidup, kita akan mengalami atau merasai banyak kebahagiaan sepanjang kehidupan dan bukannya merasai satu kebahagiaan sahaja di akhir kehidupan. Diener (2000) mengatakan kesejahteraan subjektif atau kebahagiaan itu adalah kualiti hidup yang bersifat demokratik dalam memenuhi hak-hak individu untuk menjalani kehidupan yang sangat berharga atau bernilai. Kebahagiaan juga merujuk kepada penilaian individu terhadap kehidupan menerusi aspek kognitif dan perasaan.

Secara konseptualnya, kebahagiaan adalah tret yang lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan emosi yang sementara (Lu et al., 2001; Veenhoven, 1984). Argyle dan Crossland (1987) dan Francis et al. (2003) berpendapat bahagia itu boleh dibahagikan kepada tiga komponen, iaitu kekerapan kesan positif atau keseronokan yang dialami dalam hidup, purata ke atas tahap kepuasan melebihi sesuatu tempoh tertentu, dan hilangnya perasaan negatif seperti kemurungan dan kebimbangan.

Ma'rof dan Asnarulkhadi (2006) menyatakan bahawa ukuran kesejahteraan subjektif telah dibentuk berdasarkan kepercayaan bahawa kualiti psikologi kehidupan seseorang

tidak dapat difahami hanya daripada pengetahuan tentang keadaan objektif. Maksudnya, apa yang seseorang itu rasakan tentang keadaan kesejahteraan adalah penting berbanding kesejahteraan sebenar (objektif). Oleh itu, jelas bahawa kebahagiaan merupakan satu perkara yang subjektif dan sukar ditafsir secara objektif atau nyata. Kebahagiaan merupakan satu penafsiran tentang segala keadaan hidup secara keseluruhan.

Veenhoven (1984) telah mendefinisikan kebahagiaan sebagai satu ukuran keseluruhan kehidupan seseorang. Beliau juga turut menyenaraikan beberapa definisi kebahagiaan (lihat Jadual 1.6)

Jadual 1.6 Beberapa Definisi Kebahagiaan (*Happiness*) Pengkaji Yang Terdahulu

Bil	Nama Tokoh Dan Tahun	Pendefinisian Kebahagiaan (<i>Happiness</i>)
1	Beusekom, 1973:109	Kebahagiaan adalah kepuasan yang dialami daripada hubungan dengan persekitaran sosial.
2	Cassel, 1954:79	Kebahagiaan adalah suatu keadaan yang lebih menyeronokkan termasuklah “matlamat yang teratur dan matlamat yang dilakukan bersungguh-sungguh dengan ego yang melibatkan sebahagian daripada individu itu”.
3	Chekola, 1974:202	Kebahagiaan adalah “pencapaian sepanjang kehidupan dan menghindari perasaan ketidakpuasan dan sikap ketidakseronokan atau tidak suka hidup keseorangan”.
4	Fordyce, 1972:227	Kebahagiaan adalah emosi yang khusus. Ianya secara keseluruhan penilaian yang dibuat oleh individu dalam keseluruhan kesan ke atas kegembiraan dan ketidakgembiraan yang dilalui sepanjang hidup.
5	Goldings, 1954:31	Kebahagiaan mungkin diambil kira sebagai satu kontinum terhadap kesan <i>hedonic</i> yang mana perasaan gembira, kesenangan, kepuasan dan keseronokan terletak pada aspek positif. Manakala kemurungan, ketidakseronokan dan ketidakseronokan terletak pada aspek negatif.
6	Gumpert, 1951:2	Kebahagiaan itu merupakan satu keseronokan yang kekal “terletak pada minda yang disebabkan kehilangan tekanan”.
7	Hart, 1940:183	Kebahagiaan merupakan satu keadaan sedar yang

- 8 Hartman, 1934:202 mana seseorang itu menjaga dan menggapinya. Ciri-ciri kesejahteraan yang relatif dan kekal dengan domain emosi yang stabil dan nilai-nilai kesenangan yang lebih kepada kebahagiaan positif.
- 9 Hutschnecker, 1964 Kebahagiaan mempunyai maksud yang luas terhadap makna sesuatu matlamat. Ianya bertentangan dengan kedudukan.
- 10 McNaughton, 1953:172 Kebahagiaan bermaksud “kecenderungan pengalaman yang dialami demi kepentingan diri sendiri”.
- 11 NSS, 1970:200 “Bahagia seseorang itu adalah mereka yang merangkumi (nafsu, kesedaran, kefungisian ego) dan sesiapa yang memilikinya mempunyai potensi yang baik”.
- 12 Rümke, 1926:41 Kebahagiaan adalah pengalaman yang dicirikan sebagai “bahagia” oleh subjek yang mana melalui pengalaman secara keseluruhan hidup.
- 13 Schulz-Hageleit, 1979:12 Kebahagiaan adalah intergrasi (identiti), memenuhi (keperluan) dan keseluruhan (bertentangan dengan sakit jiwa).
- 14 Tatarkiewicz, 1975:16 Kebahagiaan adalah pengakhiran, kesempurnaan dan kenalpasti kepuasan hidup.
- 15 Wessman & Ricks, 1966: 240/41 Kebahagiaan wujud sebagai penilaian secara keseluruhan pengalaman yang dilalui oleh seseorang. Misalnya kebahagiaan mewakili konsep yang abstrak daripada kehidupan yang efektif dan mempunyai sikap yang positif.

(dipetik daripada Veenhoven, 1984, hal 16)

Penakrifan pengkaji-pengkaji yang tertera dalam Jadual 1.7 adalah berdasarkan kepada budaya Barat. Memandangkan masyarakat Melayu berpegang kepada Islam, maka diperturunkan definisi kebahagiaan menurut prinsip-prinsip Islam. Penakrifan yang diutarakan oleh cendekiawan Islam ada sedikit perbezaan. Menurut Jamaluddin (1986), terdapat beberapa pendefinisian yang diutarakan oleh cendekiawan Islam (lihat Jadual 1.7).

Jadual 1.7 Definisi Kebahagiaan Menurut Cendekiawan Islam.

Bil	Nama tokoh Islam	Pendefinisan Kebahagiaan
1	Imam al-Ghazali	Kebahagiaan adalah pada kemenangan memerangi hawa nafsu dan menahan kehendaknya yang berlebih-lebihan.
2	Ibnu Khaldun	Bahagia ialah tunduk dan patuh mengikuti garis-garis ketentuan agama Allah SWT, dan berperikemanusiaan.
3	Hutaiyah	Kebahagiaan akan dicapai dengan taqwa kepada Allah SWT.

(dipetik daripada Jamaluddin, 1986, hal. 4)

Selain itu, Imam Ghazali (Jamaluddin, 1986) telah mengatakan kebahagiaan sebagai:

..... tak ubah seperti bahan-bahan kimia atau bahan-bahan beku, yang hanya didapati apabila kita mencarinya di makmal-makmal milik tuannya. Bukan sebarang tempat dan bukan sebarang orang boleh memasukinya. Demikian pula dengan kimia-kimia kebahagiaan itu, selain sifatnya yang spiritual yang tersimpan dan hanya dapat dicari di dalam makmal kepunyaan Tuhan. Tidak mungkin semua orang dapat memilikinya tanpa perantaraan nabi. Siapa yang mencarinya ditempat lain tentu tidak tercapai, kecewa dan menyesatkan. Sebab itu, setiap orang yang berhasrat memperoleh kebahagiaan itu terlebih dahulu haruslah membersihkan jiwanya dari segala sifat rendah diri dan hina, yakni harus memiliki dan mempunyai akhlak yang mulia (hal. 7).

Menurut Imam Ghazali kebahagiaan adalah hak mutlak Allah SWT. Seseorang yang inginkan kebahagiaan hendaklah membersihkan dirinya dari segala kejahatan dan sifat yang buruk. Mereka mestilah memperbanyakkan sifat mahmudah dalam jiwa. Kebahagiaan tidak akan datang sekiranya kita melakukan perbuatan yang menyesatkan. Ini membolehkan kita menemui jalan buntu tanpa ada penyelesaian yang baik. Selain itu, hendaklah kita melakukan amal ibadat supaya diri kita menemui ketenangan jiwa dan sekali gus mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat (Jamaluddin, 1986).

Secara kesimpulannya, kebahagiaan dapat ditafsirkan sebagai satu penilaian secara keseluruhan pengalaman hidup yang dilalui oleh seseorang itu. Selain itu, kebahagiaan juga bukan hanya dikaitkan dengan perasaan dan pemikiran, malah turut melibatkan tingkah laku.

1.4.2 Orang Melayu

Perlembagaan persekutuan dalam perkara 160 (2), orang Melayu ditakrifkan sebagai:

Seorang yang beragama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat (budaya) Melayu, lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapura atau pada hari merdeka, dia bermastautin di persekutuan atau di Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut
(dipetik daripada Ismail, 1991, hal.04)

Menurut Wan Abdul Kadir (2002), pengertian ini agak khusus yang mempunyai kepentingan politik tersendiri. Bagi beliau definisi tersebut bersesuaian dengan kepentingan orang Melayu sebagai penduduk majoriti negara ini.

Selain daripada definisi yang dijelaskan dalam perlembangan, masyarakat Melayu juga boleh dinilai atau dilihat melalui tatacara kehidupan seharian mereka. Sarjana-sarjana yang mengkaji masyarakat Melayu telah menyifatkan bahawa orang Melayu itu sebagai orang yang beragama Islam. Ini sinonim dengan masyarakat Melayu di Malaysia (Abdul Halim, 1993; Ismail, 1991; Mat Saat; 1993; Metzger, 2007; Norazit, 1997; Wan Abdul Kadir, 1994 & 2002; Zakaria et al., 2003). Selain itu, orang Melayu juga mempunyai budi pekerti yang tinggi, bersifat sederhana, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, menjaga maruah dan harga diri, mempunyai adat dan nilai sebagai satu panduan hidup dan ada rasa malu. Menurut Wan Abdul Kadir (2002), ciri-ciri orang Melayu itu mempunyai tiga komponen yang utama, iaitu mengikut adat resam Melayu dari segi cara hidup atau budayanya, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan beragama Islam. Selain itu, anggota-anggota masyarakat Melayu dihalang untuk mementingkan diri dan mengenyepikan kepentingan orang lain. Huraian terperinci tentang masyarakat Melayu boleh dirujuk di Bahagian 2.2.

BAB 2

KAJIAN SEKILAS PANDANG (OVERVIEW OF STUDIES)

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan tentang adat dan nilai-nilai masyarakat Melayu yang diramalkan akan memberi implikasi kepada kebahagiaan. Segala persoalan tentang kebahagiaan masyarakat Melayu akan dijelaskan berdasarkan teori dan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini (berada di Bahagian 2.3, Rasional Kajian). Disamping itu, persoalan, objektif dan metod juga dijelaskan dalam bab ini. Sekilas pandang Kajian 1, 2 dan 3 turut dihuraikan.

2.2 Nilai-Nilai Tradisional Masyarakat Melayu

Bahagian 1.2.1 telah menjelaskan tentang kedudukan budaya dalam konteks kebahagiaan. Budaya disifatkan sebagai konservatif kerana memelihara nilai dan norma masyarakat serta menyampaikan kepada generasi akan datang tanpa perubahan (M. Bakri, 2016). Budaya juga menjadi satu kayu ukur untuk menerangkan dimensi kebahagiaan sesebuah masyarakat. Sarjana Barat banyak meneroka dimensi dan teori kebahagiaan. Namun, dimensi kebahagiaan dan teori yang dibina oleh pengkaji Barat dipertikaikan kesesuaian dan ketepatannya bila diaplikasikan dalam masyarakat Timur disebabkan nilai-nilai dan keutamaan dalam kehidupan yang berbeza (lihat Bahagian 1.2.1). Masyarakat Barat sangat kuat berpegang kepada aspek sendiri (autonomi, perkembangan sendiri, penerimaan sendiri) dan masyarakat Timur pula lebih menekankan keharmonian dalam masyarakat (kekeluargaan, hubungan dengan

masyarakat). Bukan sahaja melibatkan masyarakat Barat dan Timur, malah ada kajian yang mengkaji dimensi kebahagiaan ke atas kelompok minoriti yang mempunyai nilai-nilai kehidupan yang tersendiri seperti orang Amish, Inuhuit dan Masai (Diener et al., 2005), dan penduduk di Springfield, Amerika Syarikat dan Aix-en Provence, Perancis (Ostroot et al., 1982) juga mengemukakan isu yang sama. Setiap kelompok minoriti tersebut menunjukkan keutamaan dimensi kebahagiaan yang berlainan. Perbezaan ini mungkin berlaku kerana cara hidup yang berbeza dan perkembangan sejarah yang tidak sama (Wan Abdul Kadir 1994). Apa yang ingin dikatakan di sini ialah budaya sangat memainkan peranan dalam mempengaruhi cara individu berfikir, menilai, menafsir dan menggambarkan kebahagiaan (Ku et al., 2008; Oishi, 2010). Walau bagaimanapun, kajian ini bukan untuk melihat sejauh mana perbezaan dimensi kebahagiaan orang Barat dan Timur, tetapi lebih kepada mengetengahkan dan mencari elemen-elemen tersendiri dalam masyarakat Melayu (yang sebelum ini belum ada) yang ada mungkin berperanan dalam menentukan dimensi kebahagiaan orang Melayu. Ini akan dihurai lanjut selepas ini.

Seperti masyarakat Amerika Syarikat, Australia, Taiwan, dan China, masyarakat Melayu juga mempunyai nilai-nilai yang telah lama diamalkan sebelum datangnya budaya asing, antaranya nilai menghormati dan bantu-membantu antara masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2007). Jaafar et al. (2004) mendapati remaja Melayu masih membuat penilaian moral (*moral judgment*) berdasarkan nilai-nilai dan adat tradisional Melayu seperti menjaga hati, menghormati, bersopan santun, balas budi dan mentaati keluarga berbanding dengan remaja Amerika yang lebih kepada hak-hak individu dan minat sendiri. Ini menunjukkan masyarakat Melayu lebih mengutamakan kepentingan masyarakat berbanding individu (Haslina, 2007; Khairudin, 2009; Mahathir, 2011; Wan Abdul Kadir, 2007; Zulkiflee et al., 2011). Namun, kepentingan nilai-nilai masyarakat

Melayu jarang dibincang secara saintifik (Mahathir, 2011) terutamanya dari perspektif psikologi. Setakat ini, ada perbincangan tentang pengaruh nilai-nilai masyarakat Melayu terhadap penilaian moral (Jaafar et al., 2004), personaliti (Haslina, 2007; Mastor et al., 2000), dan perapatan (Jamal et al., 2012). Seperti yang telah disebut dalam Bahagian 1.3.2, Khairudin (2009) telah mendapati ada pengaruh nilai-nilai masyarakat Melayu antaranya hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian beliau masih di peringkat awal dan barangkali masih terdapat nilai-nilai masyarakat Melayu yang lain yang dapat menyumbang kepada kebahagiaan seperti konsep syukur, redha (*acceptance*), dan bersederhana. Akibat dari kekangan yang wujud sebelum ini, maka kajian ini sekali lagi ingin meneliti dengan lebih mendalam pengaruh nilai-nilai masyarakat Melayu ke atas kebahagiaan.

Antara nilai masyarakat Melayu yang dipegang ialah mendahulukan keluarga. Menurut Zainal Abidin dan Zamre (2006), keluarga dalam masyarakat Melayu ditakrifkan sebagai satu kesatuan emosi dan pengakuan terhadap adanya hak dan tanggungjawab bersama yang menyatukan anggota keluarga sebagai satu unit sosial. Mereka menambah lagi, ikatan emosi merupakan unsur asas dalam pembentukan keluarga Melayu dan dipandang tinggi oleh orang Melayu. Ikatan emosi penting kerana ia penggerak utama kepada nilai-nilai lain dalam keluarga Melayu seperti kasih sayang, manfaat, kesenangan dan kepentingan (Zainal Abidin dan Zamre, 2006). Secara tidak langsung, keluarga dilihat memberi impak dalam membawa kebahagiaan masyarakat Melayu kesan daripada ikatan emosi yang kuat dalam kalangan ahli-ahlinya.

Keluarga juga dianggap sebagai agen bagi menyampaikan berbagai-bagai asas pengetahuan, peraturan dan keperluan sosial yang telah ditentukan dalam kelompok

masyarakat (Mohd Koharuddin, 2007; Wan Abdul Kadir, 1993 & 2007). Membentuk akhlak seseorang seharusnya bermula dari rumah dan ibu bapa adalah model pertama yang dicontohi (Noriati, 2007). Tanggungjawab ibu bapa adalah memastikan anak-anak mereka dididik dengan nilai-nilai sosial supaya mereka dapat membezakan suatu tingkah laku sama ada baik atau salah (Wan Abdul Kadir, 2000). Sebarang penyelewengan dalam tingkah laku yang bercanggah dengan nilai-nilai sosial adalah satu kelemahan atau kegagalan dalam rumah tangga dan kedudukan ibu bapa akan terjejas (Wan Abdul Kadir, 2000). Ternyata dalam masyarakat Melayu, keluarga berperanan menyalurkan segala maklumat supaya anak-anak dapat membezakan antara tingkahlaku dan nilai-nilai yang baik dan tidak baik serta tingkah laku tersebut boleh diterima dalam masyarakat.

Selain itu, keluarga disifatkan sebagai kelompok di mana seseorang itu dapat memenuhi keperluan fizikal, perlindungan, berpeluang untuk bekerjasama dari segi ekonomi, memperoleh pendidikan, latihan dan kemahiran, mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan nilai dan kawalan tingkah laku, di samping menerima dan memberi, kemesraan, kasih sayang serta sokongan moral di antara satu dengan yang lain (Fatimah, 1995). Menjaga nama keluarga dan buat keluarga bahagia antara nilai moral yang dipegang oleh remaja Melayu (Jaafar et al., 2004). Dengan ini, keluarga menjadi sumber rujukan utama dalam masyarakat Melayu dan memberikan kepuasan dan kebahagiaan dalam kehidupan.

Dengan demikian, keluarga adalah asas dalam menjalinkan hubungan mesra antara ahlinya dan kemudian baru kepada masyarakat (Noriati, 2007). Keluarga menjadi orang penting dalam aturan rasmi perkahwinan walaupun pasangan adalah pilihan anak sendiri (Zainal Abidin & Zamre, 2006). Mengikut analisa yang telah

dijalankan oleh Khairudin (2009), hubungan kekeluargaan telah membawa paling banyak kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Secara etik, keluarga antara dimensi yang paling penting mempengaruhi kebahagiaan dalam semua budaya (Lu & Lin, 1998). Walau bagaimanapun, kesan dari nilai moral yang tinggi (berdasarkan hak-hak individu dan minat sendiri), konflik antara keluarga dan pencapaian individu timbul menyebabkan institusi keluarga menjadi kurang penting, sehinggakan kepuasan dan keinginan individu menjadi keutamaan dalam masyarakat Barat (Al-Faruqi, 2009). Walau bagaimanapun, kajian Kimweli & Stilwell (2002) mendapati keutamaan dalam hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Barat masih ada, terutama di kawasan pedalaman dan kampung-kampung. Bagi masyarakat China pula, keluarga sentiasa berada pada tahap paling tinggi dan penting (Lu & Lin, 1998). Ini selari dengan Konfusianisme yang menyatakan keluarga adalah dimensi paling kuat dalam mempengaruhi budaya dan mentaliti masyarakat China (Lu & Lin, 1998). Ternyata keluarga adalah antara dimensi kebahagiaan yang bersifat universal dan ia bergantung kepada sistem nilai dan budaya masing-masing (telah dibincangkan sebelum ini di Bahagian 1.3).

Selain keluarga, masyarakat Melayu amat menekankan hubungan dengan masyarakat sebagai asas kebahagiaan hidup (Khairudin, 2009). Ini selari dengan kebanyakan masyarakat di negara-negara Asia (Taiwan, China, Korea Selatan, Thailand, Filipina) yang mendapati komuniti atau masyarakat adalah penyumbang dalam kebahagiaan hidup mereka (Kim et al., 2007; Kwon, 2008; Lee et al., 2013; Santos, 2009; Uchida et al., 2004). Hubungan ini lebih luas skopnya meliputi hubungan dengan rakan-rakan, jiran dan komuniti. Menurut Wan Abdul Kadir (1994), hubungan sosial ini dianggap sesuatu yang penting bagi meneguhkan hubungan seorang dengan seorang yang lain. Dalam masyarakat Melayu, setiap individu mesti setia kepada

kelompok masyarakat kerana masing-masing saling memerlukan antara satu sama lain (Norazit, 1997; Wan Abdul Kadir, 2000). Masyarakat Melayu juga sangat menjaga hati individu lain dan apa jua pertimbangan mereka sentiasa mengutamakan perasaan orang lain dan ini menjadi pengukur dalam membuat sebarang keputusan (Noriati, 2007).

Nilai kerjasama, bergotong royong dan bantu-membantu sangat dititik beratkan dalam masyarakat Melayu (Najib et al., 2008; Norazit, 1997; Wan Abdul Kadir, 2002). Segala kerja yang dilakukan memerlukan penggembelangan tenaga semua ahli dan tanpa kerjasama berkemungkinan kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna (Norazit, 1997). Menurut Wan Abdul Kadir (2002) pula, kerjasama dan bantu-membantu dapat membawa kepada keseimbangan sosial dan keharmonian dalam masyarakat. Tambah beliau lagi, dengan berbuat demikian, bukan sahaja mengeratkan hubungan sosial, malah dapat menghindari daripada terbinanya jurang sosial, terutama antara golongan yang berada dengan golongan yang miskin. Najib et al. (2008) menjelaskan dorongan untuk bekerjasama bukannya harapan untuk mendapatkan pertolongan daripada orang lain pada masa akan datang sebagai balasan, tetapi merupakan satu keperluan untuk menyiapkan diri dengan segala aktiviti dalam komuniti, supaya anggota komuniti tidak dilabelkan sebagai sombong.

Kunjung-mengunjung dalam kalangan jiran tetangga juga adalah satu bentuk perapatan sosial di kalangan kelompok Melayu dan merupakan tanda mereka saling ingat mengingati serta ingin terus mengekalkan hubungan yang sedia ada (Wan Abdul Kadir, 2002). Anggota kelompok amat mengenali antara satu dengan yang lain, maka mereka dikehendaki menunjukkan sikap merendah diri. Hal ini bertujuan untuk menghalang anggota-anggota kelompok daripada mementingkan diri dan mengenyakan kepentingan orang lain (Wan Abdul Kadir, 2002). Masyarakat Melayu juga amat

berjaga-jaga dengan perkataan yang ingin dikeluarkan dan berfikir dahulu sebelum bercakap (Goddard, 1997). Masyarakat Melayu digalakkan untuk merendahkan suara apabila bertutur supaya tiada tanda-tanda emosi negatif yang boleh menyebabkan individu lain berasa hati (Goddard, 1997). Oleh itu, kesepaduan dalam masyarakat Melayu seperti kerjasama, kunjung-mengunjung dan bantu-membantu amat ditekankan dalam kehidupan. Nilai-nilai yang ditunjukkan adalah demi menjaga keharmonian dalam masyarakat supaya tidak wujud konflik atau krisis antara ahli. Haslina (2007) mendapati nilai-nilai kunjung-mengunjung, kerjasama, perpaduan dan bantu-membantu memberi kesan kepada personaliti masyarakat Melayu lebih ke arah *extraversion* berbanding *introversion*. Dengan itu, menjaga kepentingan bersama antara ahli mampu mendatangkan kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan.

Secara ringkasnya, hidup bermasyarakat mengajar orang Melayu untuk saling bantu membantu, bekerjasama dan galakan untuk ziarah menziarahi individu lain sama ada dalam keadaan susah ataupun senang (Mohd Koharuddin, 2005; Norazit, 1997; Noriati, 2007; Wan Abdul Kadir, 2002). Orang Melayu juga turut berpegang kepada pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” (Norazit, 1997). Pepatah ini yang membuat masyarakat Melayu bersatu dalam komuniti. Oleh itu, dapat dilihat betapa berpengaruhnya hubungan sosial yang ditunjukkan dalam masyarakat Melayu untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam komuniti. Sekaligus hubungan baik antara masyarakat mencerminkan kebahagiaan orang Melayu.

Kajian Haslina (2006) mendapati sifat kesederhanaan dan bersyukur antara yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Sifat kesederhanaan menggalakkan masyarakat Melayu menjalani hidup dalam semua aspek (ekonomi, politik, sosial) dan cuba untuk mengelak daripada menunjukkan sifat keterlaluan

(*extreme*) kerana ia akan menimbulkan kesan yang buruk dalam masyarakat (Wan Abdul Kadir, 1994). Abdul Halim dan Md. Shuaib (1993) pula menyatakan bahawa kesederhanaan adalah satu kriteria yang ideal yang dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang. Masyarakat Melayu juga diajar untuk bersyukur dengan apa yang mereka ada walaupun sedikit (Asrul, 2002). Dengan bersyukur, masyarakat Melayu telah melahirkan rasa kepuasan, kebahagiaan dan sebagai tanda terima kasih kepada Allah SWT atas apa yang telah diberikan (Haslina, 2006).

Dahlan, Nicol dan Maciver (2010) turut menemui konsep redha (*acceptance*) yang menyumbang kepada kebahagiaan warga tua. Dalam masyarakat Melayu, individu digalakkan berusaha (ikhtiar) melakukan sebarang tugas atau pekerjaan harian. Sekiranya hasil yang diperoleh kurang memuaskan atau tidak berjaya, maka dibolehkan mereka berserah atau redha kepada nasib sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Wan Abdul Kadir (1994) telah menerangkan pegangan seperti ini dapat mengurangkan tekanan dan kemurungan dalam hidup. Secara tidak langsung, kebahagiaan akan diperoleh apabila individu redha dengan apa yang berlaku dalam kehidupannya.

Dalam perlembagaan Malaysia, tertera bahawa orang Melayu itu adalah seorang yang menganut agama Islam (Ismail, 1991; Noriati, 2007; Mohd Koharuddin, 2005; Zakaria et al., 2012). Islam telah menjadi asas dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Melayu, baik dari segi kelakuan dan tindakan, bentuk dan hubungan, intisari nilai, sikap, pandangan, sosial, ekonomi dan politik (Noriati, 2007; Zakaria et al., 2012). Nilai-nilai masyarakat Melayu yang diamalkan turun temurun sebelum kedatangan Islam yang tidak bercanggah adalah diterima. Oleh itu, nilai-nilai yang dihurai sebelum ini datangnya dari ajaran Islam juga. Islam mengajar supaya umatnya menghormati,

bersifat sederhana, bersyukur, berbudi bahasa, bekerjasama, mengekalkan keharmonian masyarakat, toleransi dan sebagainya. Melayu dan Islam adalah satu seperti yang telah dibincangkan dalam Bahagian 1.2.2. Oleh itu, diramalkan prinsip dalam Islam turut menyumbang kepada kebahagiaan dan keharmonian masyarakat Melayu.

Rumusannya, berdasarkan kerangka teori yang menggunakan pendekatan prinsip-prinsip Islam yang telah dijelaskan dalam Bahagian 1.2.2 dan juga berdasarkan penerangan dalam bahagian ini tentang nilai-nilai orang Melayu. Maka pengkaji meramalkan nilai-nilai tradisional dan prinsip-prinsip Islam ini akan tergambar pengaruhnya dalam dimensi kebahagiaan. Di antara nilai-nilai tradisional dan prinsip-prinsip Islam yang diramalkan berperanan ialah mendahulukan keluarga, mengutamakan hubungan dengan masyarakat, bekerjasama, kesederhanaan, bersyukur dan redha.

2.3 Rasional Kajian

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kebahagiaan bersifat subjektif dan banyak dihurai dalam bentuk falsafah dan keagamaan oleh cendekiawan–cendekiawan terdahulu seperti Aristotle, Hendrik Ibsen, Ibnu Khaldun dan Imam Al-Ghazali (Jamaluddin, 1986; Joshanloo, 2013; Lee et al., 2013; Snyder & Lopez, 2007; Sun, 2008). Mutakhir ini, ahli-ahli Psikologi Positif mengambil langkah awal bagi mencari jalan penyelesaian bagaimana kebahagiaan boleh dinilai atau diukur? Hasilnya mendapati kebahagiaan boleh dilihat melalui pelbagai sudut dan dimensi (sila rujuk bahagian 1.3.1; Bradburn, 1969; Cummins, 2006; Dayton et al., 2001; Diener et al., 1985; Hills & Argyle, 2002; Larsen & Eid, 2008; Ryff, 1989). Pendek kata, banyak usaha yang dilakukan pengkaji psikologi bagi menguatkan tafsiran terhadap kebahagiaan itu sendiri.

Penyelidikan kebahagiaan telah dijalankan lebih tiga dekad (Diener, 1984). Namun, ia lebih tertumpu kepada masyarakat Barat terutama di Eropah dan Amerika Syarikat (Argyle, 2001; Cummin, 1996; Diener, 1984; Ryffs, 1989). Hasil penemuan yang diperoleh terikat dengan adat (*custom*), norma-norma sosial, kepercayaan agama dan prinsip-prinsip falsafah yang diamal oleh masyarakat Barat (lebih kepada individualistik; Selin dan Davey, 2012). Ada kemungkinan boleh memberikan *bias* dan dapatan yang ditemui barangkali tidak sesuai untuk digeneralisasi dan diaplikasikan ke atas masyarakat lain seperti kebanyakan masyarakat di Asia, budayanya bertentangan dengan Barat yang lebih kepada komuniti dan masyarakat (Anggoro & Widhiarso, 2010; Kim et al., 2007; Lee et al., 2013). Pendek kata, budaya dan nilai-nilai tradisi yang berbeza akan memberi tafsiran kebahagiaan yang berbeza juga. Maka, dengan itu, dapatan kajian yang diperoleh pengkaji Barat tidak boleh dijadikan garis asas kebahagiaan bagi masyarakat lain terutama masyarakat Timur (Selin & Davey, 2012). Jadi, kebahagiaan harus dinilai dan diuji mengikut konteks budaya khusus sesebuah masyarakat dan tidak boleh disamaratakan mengikut budaya lain (walaupun terdapat budaya yang sudah kukuh dari aspek teori dan alat pengukuran). Seperti yang telah disebut dalam Bahagian 1.3.1.2, sebaik mana kerangka kebahagiaan Barat sekalipun, adakah cukup untuk menggarap isu kebahagiaan masyarakat Timur?

Merujuk kepada kajian-kajian sebelum ini, terdapat tiga kesimpulan yang boleh dibuat. Pertama, penilaian paras atau tahap kebahagiaan hidup secara keseluruhan dianggap sebagai asas utama atau sari pati dalam mengukur kebahagiaan dan diterima pakai oleh ahli-ahli psikologi merentas budaya (Hill & Argyle, 2002; Kashdan, 2004; Kim et al., 2007; Oishi, 2010). Kedua, kebahagiaan adalah bersifat multidimensi kerana ada di kalangan pengkaji mendapati kebahagiaan ada dua dimensi, enam dimensi dan 18 dimensi (lihat Bahagian 1.3; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Lu &

Shih, 1997). Dimensi-dimensi yang diperoleh bergantung kepada analisa dan cara pengkaji menentu atau mengklasifikasi sesuatu pembolehubah bagi mentakrif kebahagiaan. Ketiga, setiap dimensi yang diperoleh terikat dengan budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat yang dikaji (individualistik lawan kolektivistik; lihat Bahagian 1.2.1). Hal ini disebabkan oleh kecenderungan penyelidik untuk meneroka kebahagiaan berdasarkan masyarakatnya sendiri (lihat Bahagian 1.3). Tambahan pula, responden yang dikaji akan lebih selesa memberi maklumat kepada pengkaji yang mempunyai persamaan budaya dan nilai-nilai tradisi mereka berbanding dengan orang asing (Ku et al., 2008). Justeru itu, kebahagiaan wajar diselidiki dengan mendalam mengikut perspektif masyarakat yang ingin dikaji, terutama dalam meneroka dimensi-dimensi kebahagiaan, walaupun kebahagiaan hidup secara keseluruhan boleh diterima pakai dalam semua budaya. Oleh itu, atas dasar dan persoalan inilah, kajian ini dilakukan untuk pertamanya, apakah dimensi kebahagiaan orang Melayu. Adakah sama 10 dimensi seperti yang telah ditemui oleh Khairudin (2009) atau mungkin ada dimensi lain yang tercicir sebelum ini? Adakah nilai atau prinsip-prinsip Islam yang tertinggal? Inilah yang cuba dijawab. Seperti yang telah disebut sebelum ini, kajian ini bukan kajian yang membandingkan dua budaya, iaitu Barat dan Timur, tetapi satu kajian yang cuba menjelaskan dan meneroka nilai-nilai tradisi Melayu yang mungkin ada ditemui oleh pengkaji-pengkaji Psikologi Positif sebelum ini.

Setakat ini, kajian tentang kebahagiaan di Malaysia masih di peringkat penerokaan. Dengan kata-kata lain, ahli-ahli psikologi di Malaysia baharu sahaja mengupas isu kebahagiaan dengan beberapa pembolehubah (contohnya harga sendiri, personaliti, agama, identiti sosial), melihat takrifan kebahagiaan mengikut perspektif masyarakat Malaysia dan memeriksa skala pengukuran kebahagiaan (Azahan et al., 2008; Haslina, 2006; Jamal et al., 2010; Jaafar et al., 2009, 2010; Jaafar & Khairudin,

2008; Khairudin, 2009; Khairudin & Jaafar, 2010; Noraini & Nor Ba' Yah, 2011; Nor Ba' Yah & Kamsiah, 2002; Swami, 2008; Swami & Premuzic, 2009). Maka, kajian ini merupakan satu lagi usaha bagi meneroka dan menghurai aspek penting dalam kebahagiaan khusus kepada masyarakat Melayu yang menetap di Malaysia (sila rujuk Bahagian 2.6).

Buat masa ini, Khairudin (2009) telah melaporkan bahawa kebahagiaan masyarakat Melayu ada 10 dimensi (sila lihat Bahagian 1.3.1.2.2). Dimensi-dimensi tersebut jelas menerangkan masyarakat Melayu mempunyai pandangan dan tafsiran sendiri tentang kebahagiaan sama seperti masyarakat lain (seperti US, UK, Australia, China, Korea, Filipina; sila rujuk Bahagian 1.3). Tambahan pula, dimensi-dimensi kebahagiaan yang beliau temui turut dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu, iaitu hubungan kekeluargaan dan hubungan baik dengan orang lain. Beliau juga telah mendapati agama turut mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Nampaknya, kebahagiaan sangat berkait dengan nilai-nilai tradisi dan budaya sesebuah masyarakat seperti yang telah diterangkan di atas tadi.

Walau bagaimanapun, kedua-dua faktor ini bukan lah dimensi unik bagi masyarakat Melayu sahaja kerana masyarakat lain turut menyatakan bahawa mereka bahagia apabila bersama keluarga dan menjalin hubungan sosial terutama masyarakat kolektif seperti China, Korea Selatan, Filipina, Thailand dan Indonesia (lihat Bahagian 1.3; Lee et al., 1999; Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Kim et al., 2002; Kim et al., 2007; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009). Bahkan, hubungan kekeluargaan dan orang lain turut dirasai oleh masyarakat Barat walaupun keutamaan diberikan kepada hak-hak dan minat individu (Al-Faruqi, 2009; Kimweli & Stilwell, 2002; Lu & Lin, 1998). Jelas menunjukkan bahawa keluarga dan hubungan

dengan orang lain bukan khusus untuk masyarakat tertentu, tetapi lebih universal sifatnya. Mungkin interpretasi hubungan dengan keluarga dan orang lain berbeza mengikut masyarakat yang dikaji.

Merujuk Bahagian 2.2, nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu tidak terhad dengan hubungan kekeluargaan dan hubungan baik dengan orang lain. Malah, lebih dari itu. Misalnya, Haslina (2006) telah mendapati masyarakat Melayu bahagia disebabkan oleh rasa syukur dan sifat kesederhanaan. Begitu juga Dahlan et al. (2010) yang melaporkan bersikap redha dan bersyukur antara aspek yang membuatkan orang tua Melayu bahagia. Malah, sarjana-sarjana alam Melayu juga telah mengenalpasti dan merekodkan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu seperti nilai budi, pemurah, kerjasama, bertolak ansur dan banyak lagi (lihat Bahagian 2.2; Asma, 2007; Hashim, 2008; Ismail, 1991; Mohd. Koharuddin, 2005; Norazit, 1997; Noriati, 2007; Wan Abdul Kadir, 2002). Dengan itu, ada kemungkinan terdapat nilai-nilai tradisi lain dalam masyarakat Melayu yang dapat menyumbang kepada kebahagiaan selain dimensi hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan orang lain. Tambahan pula, kajian sebelum ini masih di peringkat awal (Khairudin, 2009) dan perlu pemahaman selanjutnya bagi mengenal pasti nilai-nilai tradisi yang dominan ke atas kebahagiaan orang Melayu.

Selain nilai-nilai tradisi, sistem kepercayaan juga membawa implikasi yang kuat terhadap kebahagiaan dalam sesebuah masyarakat, antaranya Kristianiti, Islam, Konfusianisme, Buddhisme, Hinduisme, dan Toisme (Day, 2010; Dierendonck, 2005; Francis et al., 2003; Kim et al., 2007; Lavric & Flere, 2008; Lee et al., 1999; Khairudin, 2009; Snoep, 2008; Tilibouine, 2009). Segala tingkah laku dan tatacara hidup seharian hendaklah selari dengan apa yang dituntut oleh agama yang dianuti sesebuah

masyarakat. Misalnya, agama Kristian menuntut pengikutnya untuk mempertahankan hak individu kerana ia merupakan nilai moral yang paling tinggi dan pencapaian individu itu amat bermakna lebih daripada kelompok (Diener & Suh, 2003; Lu & Gilmour, 2004). Manakala Konfusianisme menyeru pengikutnya bahawa kehidupan setiap individu hanya berhubung dengan keturunan keluarga dan ia merupakan kesinambungan daripada nenek moyang mereka terdahulu serta turut menekankan kebajikan kelompok (keluarga dan hubungan dengan orang lain) (Lu & Lin, 1998). Islam pula menganjurkan kebahagiaan yang merangkumi tiga aspek utama iaitu *nafsiyyah*, *badaniyyah* dan *kharijiyyah* (lihat Bahagian 1.2.2) dalam menjalani kehidupan di dunia. Segala perlakuan yang baik di dunia akan dibalas dengan kebahagiaan di akhirat kelak (Syed Muhammad Naquib, 2002).

Walau bagaimanapun, ahli-ahli psikologi silang budaya cenderung menyamaratakan fahaman masyarakat Asia kepada Konfusianisme dan Buddhisme (Cheung, 2007; Diener et al., 2003; Funham & Cheng, 1999; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999; Lu, 2006; Uchida et al., 2004; Suh, 2002). Dalam masyarakat Asia, terdapat juga anutan agama lain selain Konfusianisme dan Buddhisme, iaitu Islam dan Hindu. Pengkaji Barat tidak pernah mengupas isu kebahagiaan dari kacamata Islam (Snyder & Lopez, 2007; Uchida & Kitayama, 2009). Setakat ini, hanya Abdul-Khalek (2010), Joshanloo (2012), Tiliouine (2009), Tiliouine dan Belgoumidi (2009) yang telah mengkaji secara khusus kebahagiaan menurut perspektif Islam. Menurut Tiliouine (2009), Islam merupakan agama kedua terbesar selepas Kristian dan banyak dianuti oleh masyarakat di Asia berbanding dengan fahaman Konfusianisme dan Buddhisme tetapi untuk memahami kebahagiaan dari sudut Islam amat kurang dijalankan. Menurut Tiliouine dan Meziane (2012), kebanyakan negara Islam dikira sebagai negara “dunia ketiga” dan terdapat banyak stereotaip yang disebarluaskan oleh media dalam kalangan

komuniti ahli-ahli akademik berkaitan dengan Islam seperti Islam menggalakkan umatnya bersifat agresif terhadap bukan Islam (Tessler, 2003). Hal ini menunjukkan suatu sekatan bagi para pengkaji dalam meneroka kebahagiaan terutama melibatkan negara-negara Islam. Selain itu, berkemungkinan juga kebahagiaan dalam Islam banyak dihurai dalam bentuk falsafah di samping mengemukakan bukti melalui dua sumber utama dalam Islam iaitu Al-Quran dan As-Sunnah.

Dalam masyarakat Melayu, sudah tertera dalam perlembagaan persekutuan Malaysia bahawa orang Melayu itu beragama Islam (lihat Bahagian 1.5.2). Muhammad (2004) telah menjelaskan bahawa Islam telah membantu dan membolehkan masyarakat Melayu memiliki identitinya tersendiri, menggarap dan mengolah nilai-nilai kemelayuan yang diwarisi dari zaman pra-Islam, dan mempengaruhi serta mencorakkan *world-view* orang Melayu. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan amalan tradisi yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam akan terus diwarisi dan diamalkan oleh orang Melayu kerana sebahagian besar sistem sosial di Malaysia selari dengan tuntutan Islam itu sendiri. Wan Abdul Kadir (2002) telah menyatakan prinsip-prinsip Islam adalah asas yang paling utama dalam pembinaan sistem nilai bagi kehidupan orang-orang Melayu. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam adalah selari dalam mempengaruhi tatacara hidup masyarakat Melayu sepertimana fahaman Kristianiti dan Konfusianisme terhadap nilai-nilai tradisi masyarakat Barat dan China. Jadi, nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam ini akan menjelaskan setiap dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang diperoleh nanti.

Sekiranya dilihat proses yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam menentukan dimensi kebahagiaan, boleh dikatakan ia melalui beberapa fasa. Bukan mudah untuk menentukan dimensi kebahagiaan sesuai dengan budaya yang dikaji dan ia

memerlukan kajian sokongan bagi mengukuhkan dimensi yang diperolehi. Kebiasaannya proses pengukuhan ini melibatkan metodologi yang berlainan. Misalnya, Kim et al. (2007) telah melakukan kajian lanjutan bagi mengenalpasti adakah dimensi kebahagiaan yang diperolehi sebelum ini (pada tahun 2002) betul-betul mewakili masyarakat Korea? Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek dimensi (hanya lapan dimensi yang didapati sama dan terdapat tambahan lapan dimensi yang baru ditemui) dan bilangan dimensi (14 dimensi, 2002; 16 dimensi, 2007) yang diperolehi. Kajian ini dilakukan disebabkan Kim et al. (2007) tidak begitu yakin dimensi yang diperolehi sebelum ini cukup komprehensif bagi mewakili kebahagiaan masyarakat Korea dengan menggunakan pelajar sebagai sampel (lihat Bahagian 1.3.1.2.1). Cummins (1996) pula telah mengklasifikasikan tujuh dimensi kebahagiaan berdasarkan analisis kandungan ke atas 152 artikel. Pada tahun 2001, beliau mendapati ada beberapa masalah dalam mentakrifkan dimensi yang diperolehi. Antara masalah yang dihadapi oleh beliau adalah terdapat dimensi yang bertindan dengan kebahagiaan keseluruhan (lihat Bahagian 1.3.1.1).

Walau bagaimanapun, pada tahun 2006, beliau telah mengekalkan dimensi tersebut dan mengkategorikan dimensi yang sebelum ini dengan nama yang baru serta menambah satu lagi dimensi (lihat Bahagian 1.3.1.1). Hal ini menunjukkan bahawa dimensi kebahagiaan itu bersifat terbuka dan boleh berubah mengikut interpretasi responden dan penyelidik. Selain itu, dimensi baru yang dikenal pasti perlu diambil kira dan diketengahkan serta definisi kebahagiaan perlu dikembangkan supaya bersesuaian dengan kehidupan manusia yang kompleks (Aspinwall dan Staudinger, 2003). Dapat difahami juga kebahagiaan tidak terikat dengan bilangan dimensi yang diperolehi. Selagi pengkaji menemui dimensi baru dalam sesebuah masyarakat, maka bilangan dimensi akan bertambah. Hal ini menjelaskan bahawa dimensi kebahagiaan

tidak terikat dengan apa yang telah ditemui oleh kajian sebelumnya. Lebih banyak kajian sokongan dijalankan, maka lebih kuat dimensi kebahagiaan terhadap sesebuah masyarakat kesan daripada keputusan yang diperoleh.

Setakat ini, tidak terdapat kajian lanjutan atau sampingan bagi mengukuhkan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang telah diutarakan oleh Khairudin (2009) sebelum ini. Tambahan pula, kajian beliau merupakan percubaan pertama dan masih di peringkat penerokaan dalam menentukan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Dapatan kajian beliau mendapati hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan orang lain merupakan faktor yang paling penting dan utama dalam mempengaruhi kebahagiaan. Namun, Islam dilihat sebagai faktor kurang penting tetapi masih mendatangkan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Berkemungkinan dengan menjalankan kajian lanjutan, terdapat perbezaan antara kajian beliau dengan kajian yang akan dijalankan seperti mana yang berlaku kepada Cummins (2006) dan Kim et al. (2007). Maka, dengan itu, persoalan yang ditimbulkan kesan daripada kurang kajian susulan; pertama, adakah dimensi kebahagiaan yang ditemui oleh Khairudin (2009) benar-benar mewakili kebahagiaan atau terdapat dimensi lain yang boleh mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu? Kedua, adakah nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu yang ditemui oleh Khairudin (2009) masih mempengaruhi kebahagiaan dan hubungan kekeluargaan kekal sebagai faktor paling utama dalam mendatangkan kebahagiaan masyarakat Melayu? Persoalan ini yang cuba dijawab dalam kajian ini supaya dimensi yang diperolehi memberi impak yang tinggi dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Kajian ini turut menggunakan dua pendekatan berbeza, iaitu kualitatif (temu bual kumpulan fokus dan semi berstruktur) dan kuantitatif (soal selidik) sebagai kajian lanjutan supaya tidak terdapat keraguan dalam mentafsir dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Selain dimensi kebahagiaan dan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu yang unik, kajian ini turut menilai alat pengukuran kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan dimensi yang ditemui. Setakat ini, masih belum ada usaha daripada ahli-ahli psikologi di Malaysia dalam membentuk alat pengukuran kebahagiaan yang sesuai dengan masyarakat di Malaysia amnya dan masyarakat Melayu khususnya. Menurut Joshanloo (2013), penggunaan teori dan alat pengukuran dari Barat boleh mengakibatkan pengabaian sesetengah aspek budaya masyarakat yang dikaji. Hal ini menerangkan terdapatnya kekurangan apabila menggunakan teori dan alat pengukuran Barat akibat daripada sosio budaya yang berbeza dan berkemungkinan berlakunya *bias* dalam menginterpretasi kebahagiaan terhadap masyarakat yang dikaji. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian perintis dalam membina skala pengukuran kebahagiaan masyarakat Melayu khususnya golongan dewasa.

Lounsbury et al. (2006) telah menjelaskan bahawa dalam membina sesebuah skala seharusnya mempunyai tujuan tertentu. Mereka telah menggariskan enam rasional yang telah dikenal pasti, iaitu mengemaskini alat ukuran yang dahulu dari segi bahasa dan konsep, menyemak semula skala yang ada dengan lebih terperinci melalui proses psikometrik seperti analisis pengesahan faktor (*confirmatory factor analysis*), membina skala dalam versi yang ringkas atau pendek bagi menjimatkan masa dan mengurangkan tekanan responden, skala dalam konteks yang umum kepada yang lebih khusus seperti subkumpulan responden (biasanya berkait dengan faktor demografi), menambah baik skala yang sedia ada dengan menjadikan ia relevan dan boleh dipertimbangkan dan mencipta skala yang baru untuk tujuan penyelidikan tertentu.

Berdasarkan enam rasional yang diberikan, kajian ini tidak bertujuan untuk membentuk alat ukuran yang baru memandangkan jumlah alat ukuran kebahagiaan yang

agak banyak (lihat Bahagian 1.3.2). Tambahan pula, nilai kebolehpercayaan skala Barat yang ditunjukkan oleh responden di Malaysia adalah tinggi. Antaranya *Oxford Happiness Inventory* (OHI; $\alpha = 0.94$; Jaafar et al., 2009 & 2010; Khairudin, 2009), *Satisfaction with Life Scale* (SWLS; $\alpha = 0.85$; Khairudin, 2006; Swami & Premuzic, 2009, $\alpha = .83$), *Affect Balance Scale* (ABS; perasaan positif $\alpha = 0.61$ dan perasaan negatif $\alpha = 0.74$; Haslina, 2006) dan *Subjective Happiness Scale* (MSHS; $\alpha = 0.93$; Swami, 2008). Berkemungkinan tingginya nilai kebolehpercayaan disebabkan adanya elemen-elemen yang dikongsi bersama (Kimweli dan Stilwell, 2001; Lu, 2006). Jadi, pembentukan skala ini lebih kepada mengadaptasi skala yang sedia ada dengan menambah elemen-elemen seperti nilai-nilai tradisi khusus yang terdapat dalam masyarakat Melayu atau ada dimensi yang boleh dipertimbangkan sesuai dengan kebahagiaan.

Hal ini dapat dilihat melalui penyelidikan dari China yang mengubahsuai skala pengukuran kebahagiaan dari Barat (misalnya, *Chinese Happiness Inventory* yang diadaptasi daripada *Oxford Happiness Inventory*) sesuai dengan adat dan nilai tradisi masyarakat China. Item-item yang tidak sesuai dengan adat dan tradisi dibuang dan ditambah dengan item-item baru yang sesuai dengan norma masyarakat China. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan diuji semula kesan daripada penambahbaikan skala yang diubahsuai (Chen & Davey, 2008).

Buat masa ini, masih belum dapat dilihat secara universal konsep dan pengukuran Barat yang bersifat saintifik untuk digunakan tanpa mengira budaya (Lu & Shih, 1997). Sedangkan budaya dan sistem nilai mempunyai impak yang mendalam terhadap konsep dan dianggap sebagai sumber kebahagiaan hidup. Ku et al. (2008) turut menyatakan bahawa penggunaan instrumen pengukuran yang dibangunkan dengan

latar belakang sosial-budaya Barat akan mengakibatkan tafsiran separa atau tidak lengkap dalam sosial-budaya masyarakat Timur. Selain itu, Oishi (2010) turut menyatakan bahawa cara masyarakat itu berfikir tentang kebahagiaan adalah berbeza mengikut budaya. Setiap pembentukan alat ukuran yang ingin dibentuk seharusnya melihat kepada budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat tersebut disebabkan pandangan, pengalaman, dan persekitaran hidup yang tidak sama. Dengan demikian, masyarakat Timur telah mengambil inisiatif untuk membentuk alat ukuran yang bersesuaian dengan adat dan nilai-nilai tradisi masyarakat masing-masing.

Di Timur, hanya masyarakat China dan Korea Selatan telah membentuk alat ukuran kebahagiaan sesuai dengan adat dan budaya mereka. Antaranya, *Chinese Happiness Inventory* (Lu & Shih, 1997), *Chinese Aging Well Profile* (Ku et al., 2008), *Happy Life Inventory* (Kim et al., 2007), *Peace of Mind* (Lee et al., 2012) dan *Mind Balanced Happiness Scale* (Lee et al., 2007). Terdapat lebih kurang 10 % kajian yang menggunakan pengukuran yang dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji Cina (Chen & Davey, 2008). Oleh itu, ada usaha-usaha dari masyarakat Timur ke atas pengukuran kebahagiaan terutama masyarakat China dan Korea Selatan, tetapi belum ada usaha yang dibuat untuk mengukur aspek-aspek kebahagiaan berdasarkan nilai dan budaya masyarakat Melayu. Sedangkan, kebanyakan sarjana-sarjana alam melayu sering menyentuh soal nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu yang berkait dengan moral, personaliti, identiti dan kebahagiaan (lihat Bahagian 2.2). Dengan itu, kajian ini akan cuba membentuk satu alat ukuran yang merangkumi aspek budaya dan tradisi dalam masyarakat Melayu. Alat ukuran yang dibentuk adalah hasil adaptasi dari skala kebahagiaan yang sedia ada.

2.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan perdebatan yang wujud dalam pengkajian dimensi kebahagiaan yang telah dijelaskan dengan panjang lebar di Bahagian 2.3, kajian ini yang paling utama ingin menjawab persoalan di bawah:

1. Adakah dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini sama ataupun sebaliknya?
2. Adakah dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam?
3. Adakah keluarga dilihat sebagai penyumbang utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu?
4. Sejauh mana nilai kesahan dan kebolehpercayaan skala kebahagiaan orang Melayu yang diadaptasi?

2.5 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif yang telah digariskan berdasarkan teori (lihat Bahagian 1.2), sorotan kajian (lihat Bahagian 1.3) dan rasional kajian (lihat Bahagian 2.3). objektif-objektif tersebut ialah:

1. Mengenal pasti perubahan tema dan bilangan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.
2. Mengenal pasti pengaruh nilai-nilai tradisional dan prinsip-prinsip Islam dalam kebahagiaan masyarakat Melayu.

3. Mengetahui pasti sama ada hubungan kekeluargaan masih merupakan faktor penyumbang utama kepada kebahagiaan masyarakat Melayu.
4. Menilai secara psikometrik skala kebahagiaan masyarakat Melayu yang diadaptasi.

Bagi menjawab empat objektif utama yang telah dinyatakan di atas, kajian ini telah dibahagikan kepada tiga kajian khusus dalam meneliti kebahagiaan masyarakat Melayu. Setiap kajian mengandungi objektif khusus bagi melicinkan proses penyelidikan ini. Berikut diperjelaskan kajian-kajian tersebut satu persatu secara ringkas.

2.5.1 Kajian 1

Kajian ini akan meneroka dimensi kebahagiaan orang Melayu melalui temubual kumpulan fokus (*focus group interview*). Pada peringkat ini, dapat diketahui dimensi-dimensi yang mempengaruhi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu secara spesifik, sama ada selari dengan kajian sebelum ini atau sebaliknya. Objektif kajian ini secara khusus adalah eksplorasi atau meneroka tema dan bilangan dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 3.

2.5.2 Kajian 2

Kajian kedua lebih kepada pengukuhan dimensi yang ditemui dalam kajian 1. Temubual semi berstruktur akan digunakan dalam kajian ini. Kajian ini adalah mengkaji kesahan dimensi kebahagiaan dalam kajian 1 dan sejauhmana keluarga, hubungan baik

dengan orang lain dan Islam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 4.

2.5.3 Kajian 3

Kajian ketiga adalah menilai alat ukuran yang komprehensif mengikut dimensi yang telah ditemui berdasarkan keputusan kajian 1 dan 2 ke atas masyarakat Melayu. Sekurang-kurangnya kita dapat mengenalpasti dimensi mana yang paling utama berdasarkan alat ukuran sendiri. Objektif khusus kajian ini adalah menguji skala kebahagiaan masyarakat Melayu yang diadaptasi dari skala sedia ada secara psikometrik. Ini akan dijelaskan dalam Bab 5.

2.6 Metodologi Umum

Umumnya, terdapat tiga etnik yang utama di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Setiap etnik mengamalkan cara hidup, budaya, bahasa dan pegangan agama yang berlainan tetapi berada di bawah sistem politik yang sama (Nazri et al., 2011; Syed Husin, 2008). Ketiga-tiga etnik ini tidak begitu sukar untuk dikenali dengan melihat daripada bentuk zahir, ciri dan norma kebudayaan mereka (Syed Husin, 2008). Dengan itu, kumpulan etnik yang berbeza berkemungkinan akan mengkonsepkan dimensi kebahagiaan yang berbeza.

Menurut Howell et al. (2012), kesan daripada perbezaan budaya dan kepercayaan tersebut, penilaian moral, nilai dan kebahagiaan boleh diukur secara khusus mengikut kumpulan etnik. Maka kajian ini akan dijalankan khusus ke atas etnik Melayu sahaja. Antara sebab masyarakat Melayu menjadi pilihan adalah menurut

Bancian Penduduk pada tahun 2010, sebanyak 51.02% penduduk di Malaysia terdiri dari etnik Melayu dan ini menunjukkan etnik Melayu adalah penduduk majoriti (atas talian: www.epu.gov.my). Walaupun begitu, kajian-kajian tentang kebahagiaan dalam kalangan etnik Melayu masih lagi kurang dijalankan, terutamanya dalam menentukan dimensi kebahagiaan (Haslina, 2006; Jas et al., 2009; Khairudin, 2009). Bukan sahaja isu kebahagiaan, sistem nilai dan budaya masyarakat Melayu juga kurang dijalankan secara saintifik kerana kebanyakan masyarakat Melayu sukar memberi pandangan tentang perkara-perkara atau isu-isu sensitif (Mahathir, 2011). Hal ini jelas menunjukkan masih banyak lagi kajian-kajian saintifik yang perlu dilaksanakan ke atas etnik Melayu terutama dalam soal kebahagiaan.

Selain itu, kajian ini hanya fokus kepada golongan dewasa masyarakat Melayu. Golongan dewasa ini dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu 20-34 tahun, 35-49 tahun dan 50 tahun dan ke atas (berdasarkan kepada kajian Kim et al., 2007). Menurut Kim et al. (2007), pemilihan golongan dewasa merupakan sampel perwakilan yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan dimensi-dimensi kebahagiaan. Manakala penggunaan sampel pelajar yang mudah belum tentu dapat menentukan keseluruhan dimensi-dimensi kebahagiaan secara komprehensif. Selain itu, orang dewasa dilihat mempunyai pengalaman dan pengetahuan hidup yang luas serta memperoleh makna daripada pekerjaan, keluarga dan kebahagiaan di peringkat ini (Mahmood Nazar, 2005).

Mod campuran akan digunakan di dalam kajian ini, iaitu melibatkan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Menurut Clark dan Creswell (2008), gabungan kedua-dua pendekatan ini lebih mencerminkan sifat-sifat realiti dan tingkah laku dalam penyelidikan sosial. Mereka telah menyatakan bahawa terdapat enam rekabentuk utama dalam mod campuran ini, iaitu penerangan berurutan, penerokaan berurutan,

transformatif berurutan, triangulasi serentak, kumpulan serentak dan transformatif serentak. Maka, kajian ini akan menggunakan reka bentuk penerokaan berurutan. Pengkaji akan menggunakan pendekatan kualitatif dahulu, kemudian diikuti dengan pendekatan kuantitatif. Terdapat tiga kajian khusus; Kajian 1 dan 2 menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu temubual fokus kumpulan dan temubual semi berstruktur. Kedua-dua kaedah ini adalah untuk mengenalpasti dimensi-dimensi kebahagiaan dalam masyarakat dewasa Melayu. Kajian 3 pula akan menggunakan pendekatan kuantitatif bagi membentuk pengukuran kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Soal selidik akan diedarkan kepada responden (keterangan terperinci akan dijelaskan dalam Bab Tiga (3), Bab Empat (4) dan Bab Lima (5)).

BAB 3

KAJIAN 1 PENEROKAAN DIMENSI KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU

3.1 Pendahuluan

Seperti yang telah disebut pada Bahagian 1.3 dan 2.3, kebahagiaan sangat dipengaruhi oleh adat dan nilai-nilai tradisi masyarakat yang dikaji, baik masyarakat Barat mahupun Timur. Nilai-nilai tradisi dan budaya akan terabai sekiranya menggunakan teori dan pengukuran masyarakat lain. Hal ini menunjukkan ada kemungkinan nilai-nilai tradisi dan budaya yang dikaji akan dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisi masyarakat sebelumnya disebabkan penggunaan teori dan alat ukuran masyarakat tersebut. Dengan itu, bagi mengenalpasti dimensi-dimensi kebahagiaan sesebuah masyarakat, seharusnya diteliti terlebih dahulu budaya masyarakat setempat kerana setiap nilai-nilai tradisi yang ditunjukkan adalah berbeza, kesan daripada faktor geografi dan ekologi yang pelbagai (Heine, 2008).

Seperti yang telah dijelaskan secara terperinci di Bahagian 2.2 dan 2.3, kajian satu (1) ini dimulai atas dasar mungkin wujud nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang barangkali mempengaruhi kebahagiaan. Hal ini kerana individu lebih suka mengaitkan aspek budaya (nilai-nilai tradisi) apabila bercerita tentang pengalaman hidup sama ada positif atau negatif berbanding dengan aspek lain (Bonn & Tafarodi, 2014). Kajian Khairudin (2009) sebelum ini telah menemui 10 dimensi. Besar kemungkinan ada lagi nilai-nilai tradisi masyarakat melayu dan prinsip-prinsip Islam yang lain yang menyumbang kepada kebahagiaan. Kajian ini dimulai dengan persoalan tersebut.

Sebagai langkah awal, bab ini akan menjelaskan objektif 1, meneroka semula tema dan bilangan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

3.2 Metod Kajian

Berikut dinyatakan tentang prosedur dalam menjalankan kajian, iaitu rekabentuk kajian, responden kajian, prosedur pengumpulan data, analisis data dan kebolehpercayaan dan kesahan.

3.2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif. Pengkaji telah memilih kaedah temubual kumpulan fokus (*focus group interview*). Kumpulan fokus ditakrifkan sebagai gaya temubual yang dibentuk dalam kumpulan yang kecil (Berg, 2004). Kebiasaannya, kumpulan fokus terdiri daripada jumlah responden tidak melebihi daripada tujuh orang dan di kawal oleh seorang moderator (Berg, 2004). Kumpulan fokus bukan sahaja bertujuan untuk mencari kesepakatan tetapi untuk menentukan persepsi, perasaan dan cara berfikir (Puvesnesvary et al., 2008). Menurut Vaughn et al. (1996), kumpulan fokus sangat baik digunakan apabila menjalankan kajian penerokaan. Selain daripada itu, kaedah ini juga dapat membantu penyelidik memahami sesuatu topik dengan mendalam dan fokus kepada konteks pemikiran manusia dan pengalamannya (Puvesnesvary et al., 2008). Kumpulan fokus ini dapat membantu pengkaji dalam menentukan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

3.2.2 Responden Kajian

Persampelan bukan kebarangkalian digunakan untuk meneroka dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu. Menurut Puvenesvary et al. (2008) dan Noraini (2010), sampel kumpulan fokus kebiasaannya dipilih melalui persampelan bertujuan dan penyelidik menyediakan senarai responden mengikut kriteria tertentu. Kriteria yang diambil kira biasanya berdasarkan sama ada jantina, umur, bangsa atau ciri-ciri lain yang penting dalam sesuatu kajian (Esterberg, 2002). Dalam kajian kualitatif, bilangan responden adalah kecil dan sekiranya kajian yang melibatkan data demografi yang sama, saiz sampel sekecil lima orang boleh diterima (Piaw, 2006). Berdasarkan kepada objektif, kajian ini cuba meneroka dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu, lalu ia amat bersesuaian dengan penggunaan persampelan bertujuan. Terdapat dua kriteria utama dalam pemilihan responden kajian ini, iaitu (1) masyarakat Melayu dan (2) golongan dewasa yang berumur 20 tahun dan ke atas.

Seramai 45 orang responden (20 lelaki dan 25 perempuan) telah mengambil bahagian dalam temubual kumpulan fokus (*focus group interviews*) secara sukarela. Menurut Patton (2009), tidak ada peraturan atau anggaran yang jelas terhadap jumlah responden, tetapi ia bergantung pada faktor tertentu seperti matlamat temu bual, apa yang dipertaruhkan, adakah ia berguna dan mempunyai kredibiliti di samping masa dan sumber yang mencukupi. Dengan demikian, jumlah responden yang diperolehi cukup untuk mengenal pasti dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Responden telah dibahagikan kepada tiga kumpulan umur, iaitu kumpulan umur 20-34 tahun (min=24.4), 35-49 tahun (min=44.6) dan 50 tahun dan ke atas (min=56.8) (15 responden setiap peringkat umur). Ketiga-tiga kumpulan mewakili dewasa awal,

pertengahan dan akhir. Memandangkan kajian ini fokus kepada golongan dewasa, maka ketiga-tiga kumpulan umur ini terlibat dalam menginterpretasikan kebahagiaan mengikut pemikiran dan pengalaman hidup masing-masing. Mahmood Nazar (2005) telah menjelaskan bahawa perkembangan dewasa bukan berada pada satu tahap sahaja tetapi sama seperti perkembangan kanak-kanak. Tahap perkembangan dewasa agak rumit sekiranya dilihat sebagai sesuatu yang diskret kerana ia sukar hendak dibezakan di antara satu tahap dengan tahap yang lain. Dalam kehidupan, setiap tahap dewasa turut mempunyai peranan dan perjalanan hidup yang tersendiri seperti yang digariskan oleh Erikson (1963). Disebabkan perkembangan dewasa mempunyai tahap tertentu, maka kajian ini memecahkan kumpulan dewasa mengikut tahap-tahap yang telah dikategorikan seperti di atas.

Terdapat 9 kumpulan fokus dan setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang ahli. Menurut Esterberg (2002), kumpulan fokus hanya terdiri daripada sebilangan kecil jumlah peserta. Dengan bilangan responden yang kecil ini, perbincangan dapat dijalankan dengan efektif (King & Horrocks, 2010). Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa jumlah penglibatan dalam kumpulan fokus adalah kurang daripada 10 orang (Esterberg, 2002; King & Horrocks, 2010; Krueger & Casey, 2009; Polio et al., 2006). King dan Horrocks (2010) menyatakan bahawa kumpulan fokus yang lebih daripada 10 orang berkemungkinan sukar untuk mengawal perbincangan dan terlalu sedikit juga sukar untuk mengekalkan perbincangan. Jadual 3.1 menunjukkan taburan umur dan jantina temubual kumpulan fokus dalam kalangan dewasa Melayu.

Jadual 3.1 Taburan Umur dan Jantina Responden.

Kumpulan Fokus	Umur	Lelaki	Perempuan
1	20-34 tahun		
	21 tahun	1	3
	22 tahun	2	
	23 tahun	1	2
	25 tahun	1	1
	27 tahun		1
	30 tahun		1
	31 tahun	2	
2	35-49 tahun		
	37 tahun		1
	38 tahun		1
	39 tahun		2
	41 tahun		1
	44 tahun		1
	46 tahun		2
	47 tahun	2	
	49 tahun	1	4
3	50 tahun dan ke atas		
	50 tahun	1	1
	51 tahun	1	
	54 tahun	2	
	55 tahun		1
	57 tahun	3	1
	61 tahun	2	1
	62 tahun		1
65 tahun	1		

Nota: 1=dewasa awal, 2=dewasa pertengahan, 3 dewasa akhir

Temu bual kumpulan fokus telah dijalankan di beberapa kawasan seperti Perumahan PDRM Miharja Fasa 2, Perumahan Rakyat Kampong Muhibbah, Felda Bukit Rokan Utara, Taman Perumahan Gunung Emas, *The New Straits Times Press* (NSTP), Agro Bank, dan Universiti Malaya. Tempat-tempat ini dipilih bagi keseimbangan taburan masyarakat dewasa Melayu. Ada yang hidup di bandar besar, pekan kecil, pinggir bandar, kawasan kampong, suasana tempat kerja dan mahasiswa berumur 20 tahun dan ke atas di universiti. Tidak dinafikan, sukar untuk melihat dari setiap penjuru masyarakat dewasa Melayu seluruh Malaysia. Rozita Radhiah dan Abdul Rashid (2012) dalam kajian mereka telah menyatakan bahawa pemilihan sekolah yang

dibuat mempunyai latar belakang yang berbeza bagi membolehkan pengkaji melihat amalan pengajaran karangan dalam situasi yang berlainan. Dengan itu, dapat dirumuskan dalam kajian ini, bahawa tempat-tempat temu bual kumpulan fokus yang dijalankan seperti yang disebut di atas berkemungkinan dapat memberikan pandangan yang berbeza tentang kebahagiaan hidup akibat daripada persekitaran dan suasana yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kajian kualitatif bukan untuk melihat populasi atau tempat kajian yang dijalankan, tetapi pemilihan subjek dibuat adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan bersesuaian dengan permasalahan penyelidikan yang hendak dikaji (Fatimah et al., 2008; Flick, 1998). Maka, pemilihan responden kajian ini bersesuaian dengan permasalahan kajian iaitu meneroka kebahagiaan golongan dewasa Melayu.

Bagi mendapatkan kerjasama dari responden, pengkaji telah pergi ke tempat kajian yang ingin dijalankan untuk kali pertama bagi berjumpa dengan individu yang bertanggungjawab. Dalam proses perjumpaan tersebut, pengkaji telah mengemukakan surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi sebagai kebenaran menjalankan kerja lapangan. Pengkaji turut menerangkan serba sedikit tentang kajian yang ini dijalankan dan objektifnya.

Setelah mendapat persetujuan, pengkaji dan individu yang bertanggungjawab akan menetapkan tarikh, masa dan tempat bagi melaksanakan temu bual kumpulan fokus. Hal ini memberi peluang kepada individu terbabit mencari atau memilih individu yang mempunyai masa dan hadir secara sukarela tanpa ada paksaan. Tambahan pula, keadaan ini membantu individu yang ditemu bual bersedia lebih awal.

3.2.3 Prosedur Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data mentah, pengkaji telah menjalankan temu bual kumpulan fokus dengan pergi ke tempat responden bagi mendapat maklumat dan maklum balas. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.2.1, kajian ini menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus yang dapat membantu pengkaji meneroka dan memahami pengalaman dan pemikiran ke atas kebahagiaan masyarakat Melayu.

Sebelum memulakan temubual kumpulan fokus, pengkaji memberitahu terlebih dahulu serba sedikit tentang kajian yang akan dijalankan supaya setiap responden faham akan peranan mereka dalam temubual tersebut. Di samping itu, pengkaji turut membina kemesraan (*rapport*) antara yang ditemu bual. Setelah mendapati keselesaan dan minat responden untuk ditemu bual, Pengkaji mengedarkan “*informed consent*” kepada responden untuk ditandatangani sebagai persetujuan mereka menyertai temu bual kumpulan fokus ini (lihat Lampiran A). Kerahsiaan amat dititikberatkan dan pengkaji tidak menggunakan nama sebenar responden untuk dilaporkan dalam kajian tanpa persetujuan mereka. Maka, cukup sekadar dengan menggantikan kepada perkataan “responden atau nama samaran/rekaan” apabila ingin menerbitkan keputusan kajian bagi melindungi hak-hak peribadi individu yang terlibat (Punevesvary, 2008).

Semasa temu bual kumpulan fokus dijalankan, responden diminta untuk membincangkan topik kebahagiaan berdasarkan beberapa soalan atau pertanyaan yang akan diberikan. Pengkaji sendiri bertindak selaku *moderator* dan responden diminta untuk memahami soalan yang ditanya dan mengkonsepkan dimensi kebahagiaan mengikut pengalaman dan persepsi mereka. Merujuk kepada kajian-kajian lepas, terdapat banyak soalan terbuka tentang kebahagiaan yang telah dibentuk oleh pengkaji-


pengkaji terdahulu (Dayton et al., 2001; Lu & Shih, 1997; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008). Menurut Compton (2005), bertanyakan soalan yang mudah amat digalakkan supaya ia dapat difahami oleh responden. Oleh itu, kajian ini menggunakan soalan kebahagiaan yang diutarakan oleh Kim et al. (2007). Hal ini disebabkan kajian mereka juga melibatkan golongan dewasa sahaja. Terdapat tiga soalan terbuka yang ditanyakan kepada responden: (1) Apa yang membuatkan anda bahagia? (2) Apa yang anda perlu untuk lebih bahagia? (3) Apakah ciri-ciri atau perwatakan seseorang yang hidupnya bahagia? Setiap responden digalakkan untuk menyatakan perasaan dan pengalaman tentang kebahagiaan hidup mereka. Selain itu, tiada had masa yang ditentukan dan responden bebas untuk memberi pandangan. Pengkaji akan menghentikan temu bual apabila tiada maklumat baru yang diperolehi daripada responden.

3.2.4 Analisis Data

Bagi melancarkan lagi perbincangan temubual kumpulan fokus, pita rakaman (*tape-recorder*) digunakan. Setiap maklumat yang dibincang, dirakam dan seterusnya disalin semula dalam bentuk tulisan pada setiap sesi temu bual kumpulan fokus dijalankan. Analisis tematik digunakan dalam kajian ini untuk mengelaskan tema-tema kebahagiaan. Menurut King dan Horrocks (2010), terdapat tiga perkara asas yang perlu diambil kira dalam analisis tematik: pertama, kesukaran dalam mengenalpasti tema-tema dalam data yang diperolehi dan ia sentiasa melibatkan pengkaji untuk membuat pemilihan tema yang sesuai dan tidak sesuai serta menginterpretasi maklumat daripada responden. Kedua, istilah 'tema' mungkin terdapat pengulangan dalam analisis – isu ini timbul sekali dan tidak sepatutnya dipanggil tema, walaupun ia memainkan peranan dalam analisis. Kebiasaannya pengulangan ini melibatkan dua atau lebih kes dan kebarangkalian tema ini berguna dalam kes-kes yang terpencil dan unik. Ketiga, tema

mestilah berbeza di antara satu sama lain walaupun terdapat sedikit pertindihan yang tidak dapat dielakkan.

Dalam memenuhi objektif kajian, terdapat tiga tahap asas analisis tematik yang dilakukan oleh pengkaji, iaitu pengkodan deskriptif, pengkodan interpretif dan tema paling utama (King & Horrocks, 2010). Rajah 3.1 menunjukkan tahap-tahap dalam menjalani analisis tematik. Proses pengkelasan tema kebahagiaan dilakukan sehingga tahap ketepuan data. Bagi memudahkan pengkaji mengorganisasi data, aplikasi atau perisian *NVivo* versi 8.0 digunakan dalam kajian ini.



(dipetik daripada King & Horrocks, 2010, hal. 153)

Rajah 3.1 Tahap-tahap Dalam Proses Analisis Tematik

3.2.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi menguji kesahan dalam kajian ini, pengkaji terlebih dahulu melakukan kesahan melalui bias pengkaji atau penyelidik. Menurut Creswell (2007), melakukan bias penyelidik dari awal kajian adalah penting supaya pembaca memahami kedudukan penyelidik dan mana-mana bias atau andaian yang memberi kesan terhadap penyelidikan. Dengan itu, pengkaji telah membaca transkrip, menganalisis dan menyemak sebanyak tiga kali data yang diperoleh berdasarkan kepada pandangan dan andaian pengkaji sendiri. Setelah berpuas hati dengan andaian dan dapatan yang dibuat, pengkaji meminta rakan sekerja, iaitu seorang ahli psikologi (nama dirahsiakan) untuk proses semakan semula, perbincangan dan pengesahan supaya tidak ada pertindihan dalam mengenalpasti dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu. Proses perbincangan dan penyemakan perlu untuk mencapai intersubjektiviti dan kebolehpercayaan serta kesahan dimensi tersebut diterima dalam kajian yang dijalankan (Lu & Shih, 1997).

Selain itu, kajian ini turut melakukan ujian kebolehpercayaan dengan menggunakan *interrater* atau *intercoder*. Menurut Roberts et al. (2006), bagi mengatasi masalah bias pengkaji dalam interpretasi data, maka, data temu bual kumpulan fokus boleh dihantar kepada pengkaji bebas untuk mengesahkan berapa banyak persetujuan terhadap data yang diperoleh dan dikenali sebagai persetujuan *interrater* atau *intercoder* (*interrater agreement*). Dengan itu, pengkaji telah meminta perkhidmatan dua pengkaji bebas dari bidang psikologi untuk memberikan komen dan persetujuan terhadap data yang diperolehi. Data kajian adalah berbentuk nominal, pengkaji bebas bersetuju mewakili “1” dan tidak bersetuju mewakili “0” berdasarkan kesepadanan kenyataan dan dimensi tersebut. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan

yang baik, pengkaji telah menggunakan kaedah indeks kebolehppercayaan *Cohen kappa* (k) dalam perisian *MedCal Statistical Software 12.5*. Keputusan menunjukkan nilai kebolehppercayaan berdasarkan *Cohen kappa* secara keseluruhannya ialah $k = 0.819$. Menurut Landis dan Koch (1977), nilai kebolehppercayaan menggunakan *Cohen kappa* yang melebihi 0.75 menunjukkan persetujuan yang kuat ataupun tahap konsistensi pengkodan data yang dilakukan oleh pengkaji adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehppercayaan data dalam temu bual kumpulan fokus adalah baik. Jadual 3.2 menunjukkan indeks kebolehppercayaan *Cohen Kappa*.

Jadual 3.2 Indeks Kebolehppercayaan *Cohen Kappa* ke atas Temubual Kumpulan Fokus.


Pengkaji Bebas 2	Pengkaji Bebas 1		
	0	1	
0	5	1	6 (8.1%)
1	1	67	68 (91.9%)
	6 (8.1%)	68 (91.9%)	74
<i>Kappa</i>	0.819		
Ralat Piawai	0.125		
95% CI	0.574 – 1.000		


3.3 Keputusan Kajian


Berdasarkan sembilan sesi temubual kumpulan fokus yang dijalankan, keputusan menunjukkan terdapat 305 kenyataan berkenaan kebahagiaan telah dilaporkan oleh responden kajian. Setiap kenyataan yang diberikan, pengkaji telah menapis dengan mengkategorikan mengikut tema-tema yang sesuai untuk kali kedua. Bagi penapisan terakhir, pengkaji telah plotkan tema-tema yang telah dikategori tadi menjadi dimensi utama mengikut kesesuaian dan tidak berlakunya pertindihan antara tema tersebut.


Rajah 3.2 menunjukkan ringkasan bagaimana sesebuah tema utama atau dimensi utama diplotkan. Terdapat dua langkah pengkategorian yang dapat dilihat dalam rajah tersebut. Pertama, tema diperoleh hasil daripada gabungan tema yang sesuai berada di bawah tema yang sama menjadikan ia sebagai tema utama (Misalnya, sub-tema keluarga, anak-anak, dan peranan suami isteri berada di bawah tema utama iaitu hubungan kekeluargaan). Kedua, kenyataan yang diberikan oleh responden yang telah dikategori secara terus menjadi tema utama kesan daripada tema tunggal yang tidak boleh diletakkan di bawah mana-mana tema utama (Misalnya, tema agama, pencapaian dalam hidup dan sebagainya). Dengan itu, secara keseluruhan, kajian ini mendapati kebahagiaan masyarakat Melayu terdiri daripada 12 dimensi. Dimensi-dimensi tersebut terdiri daripada hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain, agama, autonomi, bersikap positif, ilmu pengetahuan, penerimaan/redha, taraf hidup, persekitaran harmoni, pencapaian dalam hidup, kesihatan dan aktiviti masa lapang (akan diterangkan dengan terperinci di Bahagian 3.4.1-3.4.12).

Kajian ini turut mendapati bahawa keluarga, hubungan baik dengan orang lain dan agama kekal sebagai dimensi yang mendatangkan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu seperti mana yang telah ditemui oleh Khairudin (2009). Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu dipengaruhi oleh corak kehidupan kolektivistik yang mendahulukan keluarga dan masyarakat (perbincangan terperinci di Bahagian 3.4).









Rajah 3.2 Ringkasan Pengkategorian Dimensi Dalam Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Jadual 3.3 pula menunjukkan taburan dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh hasil daripada temubual kumpulan fokus. Hasil kajian mendapati hubungan kekeluargaan dan taraf hidup dilihat antara yang menyumbang kepada kebahagiaan pada setiap kumpulan fokus. Manakala hubungan dengan orang lain, agama dan bersikap positif dilihat menyumbang kepada tujuh kumpulan fokus sahaja. Penerimaan dan pencapaian dalam hidup hanya lima kumpulan fokus yang menunjukkan mereka bahagia. Empat kumpulan fokus telah yang menyatakan mereka bahagia dengan tahap kesihatan, ilmu pengetahuan, aktiviti masa lapang dan persekitaran harmoni. Akhir sekali autonomi hanya tiga kumpulan fokus yang menyatakan mereka bahagia.

Jadual 3.3 Taburan Analisa Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Kump. Fokus (KF)	Umur	Jantina													
				A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
		L	P												
KF 1	21-22	2	3	√	√	√	√		√		√		√	√	√
KF 2	22-25	2	3	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√		√
KF 3	25-31	3	2	√	√	√	√		√	√	√	√	√		√
KF 4	37-49	1	4	√	√	√		√			√	√	√		
KF 5	41-49		5	√	√		√			√	√			√	√
KF 6	44-49	2	3	√	√	√			√	√	√		√	√	
KF 7	50-54	4	1	√		√	√	√			√			√	
KF 8	57-62	2	3	√		√					√	√	√		
KF 9	55-65	4	1	√	√						√		√		√

Nota: N=45, A=Hubungan kekeluargaan, B=Hubungan dengan orang lain, C=Agama, D=Penerimaan/Redha, E=Autonomi, F=Kesihatan, G= Ilmu pengetahuan, H=Taraf hidup, I=Aktiviti masa lapang, J=Bersikap positif, K=Persekitaran harmoni, L=Pencapaian dalam hidup

Merujuk kepada dimensi yang telah ditemui oleh Khairudin (2009), didapati ada sedikit perubahan dalam tema dan bilangan dimensi yang mana sebelum ini, kebahagiaan didapati ada 10 dimensi tetapi kajian ini ada 12 dimensi. Perubahan yang

ditunjukkan adalah tidak ketara seperti mana yang berlaku dalam masyarakat Korea Selatan (Kim et al., 2002; Kim et al., 2007), hanya nama dimensi sahaja diubahsuai seperti pendidikan kepada ilmu pengetahuan, kesejahteraan emosi, tenang dan aman kepada bersikap positif dan kebebasan dan rasa selamat kepada autonomi. Terdapat juga dimensi baru yang dikenal pasti yang boleh menggabungkan beberapa dimensi di bawahnya, iaitu harta benda, wang dan material dan hubungan kerja/kerjaya dan cita-cita digabungkan di bawah dimensi taraf hidup seperti yang dibuat oleh Cummins (1997). Selain itu, ada beberapa dimensi yang telah ditambah hasil daripada analisis yang dijalankan seperti penerimaan/redha, pencapaian dalam hidup dan persekitaran harmoni. Dimensi-dimensi yang ditemui ini lebih tersusun berbanding dengan apa yang telah dirangka oleh Khairudin (2009) sebelum ini. Jadual 3.4 menunjukkan persamaan dan perbezaan dimensi-dimensi tersebut.

Jadual 3.4 Persamaan dan Perbezaan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Kajian 1	Khairudin (2009)
Hubungan kekeluargaan	Keluarga
Hubungan baik dengan orang lain	Hubungan dengan rakan-rakan, jiran dan masyarakat
Agama	Agama, ketuhanan, amal ibadat dan kerja amal
Bersikap positif	Kesejahteraan emosi, tenang dan aman
Autonomi	Kebebasan dan rasa selamat
Kesihatan	Kesihatan
Taraf hidup	Hubungan kerja/kerjaya dan cita-cita
Ilmu pengetahuan	Pendidikan
Aktiviti masa lapang	Rekreasi
Penerimaan/Redha	Harta benda, wang dan material
Pencapaian dalam hidup	
Persekitaran harmoni	

Berdasarkan kajian-kajian lepas, setiap dimensi yang diperoleh mempunyai ciri-ciri dan penjelasan tersendiri (Cummins, 1997; Dayton et al., 2001; Ryff & Keyes, 1995). Begitu juga dengan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu, ada kriteria-kriteria dan penjelasannya hasil daripada saringan tema yang telah dilakukan. Hal ini

membolehkan pembaca atau pengkaji lain memahami apa yang terkandung pada setiap dimensi tersebut. Jadual 3.5 menunjukkan dimensi dan penerangan secara umum terhadap kebahagiaan masyarakat Melayu.

University of Malaya

Jadual 3.5 Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Bil	Dimensi	Huraian
1	Hubungan kekeluargaan	Pertalian yang baik dan mesra dengan ahli keluarga; saling percaya mempercayai, bekerjasama, bertolak ansur, kejujuran, persefahaman, bertanggungjawab, ambil berat dan kasih sayang yang kuat di antara ahli keluarga; tiada masalah dalam keluarga.
2	Hubungan baik dengan orang lain	Pertalian yang baik dan mesra dengan kawan-kawan, jiran tetangga, masyarakat sekeliling; sikap bantu-membantu, tolong-menolong, bergotong-royong, bekerjasama, bertolak ansur, ambil berat dan persefahaman dengan orang lain dititikberatkan; ada semangat setiakawan; tiada masalah dengan orang lain.
3	Agama	Pertalian dengan Tuhan; sentiasa memohon pertolongan kepadaNya; melaksanakan perkara yang disuruh dalam agama seperti solat, puasa, ibadah haji, melakukan perkara yang baik-baik dan meninggalkan perkara yang buruk.
4	Penerimaan/Redha	Sentiasa menerima dan menghargai keadaan diri dan hidup seadanya; diri diterima dan dihargai dalam keluarga dan kelompok masyarakat; redha.
5	Pencapaian dalam hidup	Memperolehi kejayaan dalam pelajaran atau pendidikan; berjaya ditempat kerja; apa yang diinginkan selama ini tercapai dan berjaya; apa yang dilakukan berhasil.
6	Kesihatan	Sentiasa dalam keadaan yang sihat dan tidak mendapat penyakit yang memudaratkan.
7	Autonomi	Ada kebebasan untuk melakukan sesuatu yang disukai; berdikari; bergantung pada diri sendiri/peribadi; bertindak dan membuat keputusan berdasarkan piawaian diri/peribadi.
8	Persekitaran harmoni	Hidup dalam suasana yang aman; terhindar dari bencana alam dan peperangan; politik yang stabil; negara yang aman dan damai.
9	Ilmu pengetahuan	Dapat menyambung pelajaran di peringkat menara gading; sentiasa menuntut ilmu agama dan ikhtisas; hidup mesti ada ilmu; didikan yang diberikan oleh keluarga.
10	Aktiviti masa lapang	Dapat melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat; pengembaraan; bersantai; beriadah; rekreasi; dan melancong.
11	Bersikap positif	Peramah; tersenyum; bersopan santun; berbudi bahasa; ceria; lemah lembut; boleh berdepan dengan masalah dengan tenang; berfikiran terbuka dan positif; hilangnya perasaan negatif.
12	Taraf hidup	Pekerjaan yang baik; sumber kewangan yang mencukupi; makan dan minum yang cukup; keperluan asas; harta seperti rumah, kereta dan sebagainya.

3.4 Perbincangan

Hasil analisa yang telah dijalankan dalam Bahagian 3.3 menunjukkan kebahagiaan masyarakat Melayu terdiri daripada 12 dimensi. Satu keputusan yang berbeza dengan kajian sebelum ini yang hanya menemui 10 dimensi (Khairudin, 2009). Walau bagaimanapun, dimensi-dimensi yang diperoleh menunjukkan tidak banyak perubahan yang dilakukan ke atas tema kebahagiaan (lihat Jadual 3.4 dan huraiananya). Bukan sahaja kajian ini yang didapati ada perubahan, malah keadaan ini juga turut berlaku dalam penentuan dimensi kebahagiaan masyarakat Korea Selatan (lihat Jadual 1.4; Kim et al., 2002; Kim et al., 2007). Namun demikian, penempatan dimensi kebahagiaan bergantung sepenuhnya kepada pengkaji dalam mengkategorikan dimensi-dimensi tersebut (lihat Bahagian 2.3). Kebiasaannya, pengkategorian kali kedua dibuat sebagai penambahbaikan dan mengenal pasti tema yang sesuai serta mengelak daripada berlakunya pertindihan dimensi.

Dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang ditemui akan dibincangkan secara terperinci satu persatu selepas ini:

3.4.1 Hubungan Kekeluargaan

Keputusan kajian mendapati bahawa hubungan kekeluargaan menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Dimensi ini bukan suatu yang asing kerana dapatan sebelum ini turut menunjukkan keluarga menjadi faktor yang membawa kebahagiaan masyarakat Melayu terutama golongan dewasa (Khairudin, 2007, 2009). Hubungan kekeluargaan ini tidak hanya dilihat dalam masyarakat Melayu sahaja tetapi pelbagai etnik di Malaysia juga telah melaporkan bahawa mereka bahagia apabila bersama

dengan keluarga (Jaafar et al., 2010, 2012; Noraini et al., 2012). Hal ini memberitahu bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan hidup secara berkelompok yang mengutamakan kehidupan berkeluarga sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Asia Timur lain seperti Indonesia, China, Thailand, Filipina, Korea Selatan dan Taiwan (lihat Bahagian 1.2.1.2; Chen et al., 2006; Dayton et al., 2001; Kim et al., 2007; Lu & Shih, 1997, Santos, 2009).

Hubungan kekeluargaan masyarakat Melayu yang berasaskan faktor emosi dan sentimen ekoran daripada pertalian darah dan ikatan perkahwinan yang wujud di kalangan anggota keluarga adalah suatu perhubungan yang intim dan kuat (Yaacob, 1995). Setiap individu yang lahir, pasti akan menjalinkan hubungan dengan keluarganya terlebih dahulu sebelum berhadapan dengan masyarakat yang lebih luas (Mohd Koharuddin, 2005; Yaacob, 1995). Kebiasaannya, kepentingan keluarga diutamakan dan menjadi satu tanggungjawab moral yang tidak boleh diabaikan (Yaacob, 1995). Hal ini menunjukkan hubungan kekeluargaan terletak pada kekuatan biologikal atau pertalian darah. Segala yang berkaitan dengan keluarga menjadi penting dalam masyarakat Melayu. Dengan kata-kata lain, keluarga memberi pengaruh besar dalam kebahagiaan masyarakat Melayu dan kemudian baru hubungan sosial yang lain. Keluarga juga dilihat sebagai aset utama dalam mencorakkan kehidupan dan mendatangkan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu (Khairudin, 2009).

Hubungan kekeluargaan yang ditunjukkan dalam masyarakat Melayu boleh dikatakan hampir sama dengan apa yang diamalkan oleh masyarakat China. Antara bukti yang dapat dilihat, pertama, terdapat tiga hubungan utama masyarakat China dalam hidup berkeluarga, iaitu hubungan antara ibu bapa dan anak, hubungan antara suami dan isteri dan hubungan antara adik-beradik (Rozeyta, Suaibah & Syaharizatul,

2004). Kedua, setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam keluarga dan meneruskan apa yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka. Ketiga hubungan kekeluargaan merupakan matlamat utama sekali dalam menafsirkan dan menterjemahkan kebahagiaan bagi masyarakat China (Lu & Lin, 1998). Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat kolektivistik mempunyai pandangan yang sama dalam kehidupan berkeluarga, baik masyarakat Melayu mahupun China. Walau bagaimanapun, hubungan keluarga di kalangan masyarakat China menjadi dominan disebabkan sering dijadikan rujukan oleh pengkaji-pengkaji silang budaya menjadikan ia satu kelebihan (Guangzhou & Jun, 2013; Lee et al., 1999; Lu & Gilmour, 2006; Lu & Lin, 1998). Tetapi, yang membezakan dalam hubungan kekeluargaan antara masyarakat China dan Melayu pula adalah pegangan hidup masing masing. Masyarakat China lebih menekankan konsep Konfusianisma manakala Melayu sangat menitik beratkan Islam sebagai panduan hidup dalam berkeluarga (lihat Bahagian 2.3).

Merujuk kepada kenyataan responden Melayu apabila bertanyakan tentang “Apa yang membuatkan anda bahagia?”, secara spontan atau tidak langsung terlintas dalam fikiran responden adalah aspek kekeluargaan. Dalam masyarakat Melayu dulu dan hari ini, nilai kekeluargaan amat ditekan dan dititik beratkan dalam kehidupan (Koharuddin, 2005; Wan Abdul Kadir, 2007; Zainal Abidin & Zamre, 2006) sama seperti masyarakat kolektivistik yang lain. Berdasarkan temu bual kumpulan fokus menunjukkan kesemuanya bersetuju bahawa keluarga memberikan kebahagiaan dalam kehidupan. Antara luahan hati responden tentang kebahagiaan hidup berkaitan dengan hubungan kekeluargaan adalah seperti berikut:

Bagi saya, perkara yang membuat saya bahagia sampai sekarang ini, bermula daripada institusi kekeluargaan. Bermula dengan keluarga saya tidak ada masalah. Dari kecil sampai besar dibelai dengan kasih sayang. Diberi dengan apa yang saya mahu. Bermula dari situ sampai sekarang saya bahagia. Jadi, apabila ada masalah, saya diajar untuk berkongsi dengan keluarga. Kalau saya ada masalah, saya akan berkongsi dengan semua orang. Daripada situ kita ada keluarga yang boleh bantu kita.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/25 tahun)

Kalau saya berada disisi keluarga. Terutamanya, saya rasa bahagia sebab tindak tanduk kita tu. Contohnya, ibubapa saya, adik beradik saya perhatikan, ambil tahu apa yang saya buat. Kemudian, apabila dia tahu, dia macam ambil berat dengan kita. Jadi, disitu saya rasa bahagia sebab dia ambil tahu pasal kita.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/23 tahun)

Bagi saya, *happiness* saya dari kecil sampai sekarang. Kalau kecil dengan *family* lah *but we all very loving family*. Bagi saya kebahagiaan dari kecil adalah kasih sayang sebab saya dicurahi dengan apa ni...kasih sayang lah. Daripada kecil macam itu, mungkin sebab saya anak *last* kan. Mak bapak kan...saya *develop* hidup saya penuh kasih sayang sampai sekarang.

(Kumpulan Fokus 7/Lelaki/54 tahun)

Kenyataan responden-responden tersebut menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan sangat menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu terutama golongan dewasa. Tidak dinafikan bahawa semangat kekeluargaan dalam masyarakat Melayu telah dibentuk sejak individu itu lahir sehingga membentuk sebuah keluarga asas yang baru. Hal ini silih berganti dari satu generasi ke generasi yang lain. Sehingga kini, dapat dilihat hubungan kekeluargaan masih kukuh walaupun hanya sekadar sebuah keluarga asas. Zainal Abidin dan Zamre (2006) telah menyatakan nilai hubungan kekeluargaan masyarakat Melayu antara bandar dan luar bandar adalah sama walaupun tinggal berjauhan. Nilai-nilai ini boleh dilihat melalui aktiviti kunjung-mengunjung semasa hari perayaan, menziarahi kaum keluarga semasa krisis hidup, amalan balik kampung dan kiriman wang kepada ibu bapa di kampung (Zainal Abidin & Zamre, 2006; Wan Abdul Kadir, 2007). Ringkasnya, jelas menunjukkan hubungan

kekeluargaan memainkan peranan penting dalam mendatangkan kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kebahagiaan sesebuah hubungan kekeluargaan turut dilihat dengan kehadiran anak-anak dalam hidup bagi mereka yang berkeluarga. Bagi responden yang belum mendirikan rumah tangga, berkumpul dan bermesra dengan ibu bapa dan adik beradik merupakan satu nikmat kebahagiaan dalam hidup mereka. Manakala responden yang telah berkahwin atau mendirikan rumahtangga, anak-anak merupakan penyeri hidup dan penyambung generasi seterusnya. Anak dalam masyarakat Melayu merupakan punca rezeki atau kemewahan yang dikurniakan oleh Allah SWT dan merupakan sumber keseronokan, kesejahteraan, kebahagiaan dan ketenangan jiwa bagi sesebuah keluarga (Zainal Abidin & Zamre, 2006). Hal ini dapat dijelaskan melalui tindak balas responden tentang kebahagiaan dalam rumahtangga berkaitan dengan anak:

Kita rasa perlu ada anak. Kita bertambah anak, kita akan bertambah kasih sayang dalam keluarga. Tapi, kalau kita tidak ada anak, saya rasa sunyi sikit, kita akan jadi sunyi ataupun kalau kita sudah ada anak, kita akan rapat lagi dengan dia punya hubungan. Kurang-kurang, kita nak buat satu perkara kita akan ingat anak, sayang anak. Anak perlu, kita perlu dalam keluarga. Zuriat kita.
(Kumpulan Fokus 8/Lelaki/61 tahun)

Kalau anak-anak kita tidak banyak masalah. Kita pun rasa bahagia. Anak ni, kita bukan nak dia pandai, tidak dapat anak pandai, anak sederhana pun tidak apa, janji dia dengar cakap kita. Daripada anak pandai, banyak masalah hisap dadah apa semua. Anak tu kita cuba yang terbaik, dapat sederhana pun tidak apa. Yang penting dia mahu dengan cakap kita.
(Kumpulan Fokus 6/Lelaki/47 tahun)

Kenyataan responden-responden di atas telah menunjukkan bahawa kehadiran anak-anak dalam keluarga amat membantu dalam aspek kebahagiaan dan kesejahteraan. Menurut Yaacob (2001), mendapat anak yang bakal meneruskan keturunan adalah menjadi matlamat dalam perkahwinan. Anak bukan sahaja dapat mengukuhkan ikatan

perkahwinan tetapi dapat memberi suasana kemeriahan dalam keluarga (Yaacob, 2001). Orang Melayu turut memberi nilai yang tinggi kepada keluarga yang mempunyai anak ramai dan boleh meningkatkan jaminan keselamatan pada hari tua (Zainal Abidin & Zamre, 2006). Hal ini menjelaskan betapa hebatnya kehadiran anak-anak dalam keluarga. Selain itu, apabila ditanyakan kepada responden “apa yang anda perlu untuk lebih bahagia?”, Responden daripada kumpulan fokus 9 menyatakan “anak soleh-solehah” dan “anak-anak mahu dengar kata kita jadi bahagia la hidup kita”. Ini menunjukkan bahawa anak-anak yang baik merupakan hasrat sebuah keluarga. Anak-anak yang tidak mendatangkan banyak masalah kepada keluarga dan mendengar kata akan membahagiakan ibubapa. Anak-anak yang cerdik pandai merupakan bonus kepada mereka.

Walau bagaimanapun, anak yang pandai dan sederhana bukanlah menjadi kayu ukur kebahagiaan ibu bapa, tetapi anak-anak yang tahu menjaga diri dan maruah keluarga. Selari dengan pendapat Wan Abdul Kadir (1994) yang menyatakan bahawa ibu bapa dalam masyarakat Melayu sangat menekankan anak-anak supaya berkelakuan baik dan sesuatu kejahatan yang dilakukan oleh anak-anak boleh menconteng arang kepada muka kedua ibu bapa mereka. Selain masyarakat Melayu, masyarakat Thailand turut melaporkan yang mereka bahagia sekiranya anak-anak mereka melakukan sesuatu dengan baik dan berjaya (Dayton et al., 2001). Begitu juga dengan masyarakat Korea Selatan yang mendapati bahawa hubungan dengan anak-anak antara dimensi yang paling berpengaruh dalam kebahagiaan hidup berkeluarga (lihat Bahagian 1.3.1.2).

Masyarakat Melayu juga berpendapat bahawa kebahagiaan wujud andainya suami isteri dan anak-anak memahami peranan dan tanggungjawab yang dimainkan dalam keluarga. Misalnya, sikap bertolak ansur, persefahaman dan hormat

menghormati. Menurut Nik Azis (2005), ibu bapa yang berjaya merujuk kepada mereka yang melaksanakan tugas sebagai ibu dan bapa sehingga anak mereka dapat mengembangkan potensi diri untuk menjadi manusia beriman, berakhlak mulia dan berguna kepada masyarakat. Perkara asas yang perlu dipelajari atau dikuasai oleh ibu bapa termasuklah pengetahuan agama tentang keibubapaan, kebolehan mendidik anak, kemahiran berkomunikasi, kebolehan mendirikan kasih sayang, kebolehan menguruskan rumah tangga, dan kecekapan mengatasi ketegangan dalam keluarga (Nik Azis, 2005). Hal ini memberitahu bahawa hubungan kekeluargaan dapat diertakan melalui peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap ahli dalam keluarga. Antara tindak balas yang diberikan oleh responden ke atas peranan dan tanggungjawab dalam hubungan kekeluargaan seperti berikut:

Rumah tangga pakcik, pertama sekali yang boleh buat bahagia adalah kerjasama di antara satu sama lain. Itu paling penting dalam rumahtangga. Kemudian, kita banyak bertolak ansur. Kedua, saya seorang suami, kita jaga segala kelengkapan maksudnya barang dapur. Sudah tanggungjawab kita.

(Kumpulan Fokus 8/Lelaki/61 tahun)

Dalam satu keluarga, suami isteri mesti ada persefahaman, bertolak ansur, saling memberi dan menerima pendapat. Kalau ada kecacatan, kekurangan sebelah pihak, kita boleh terima.

(Kumpulan Fokus 6/Lelaki/47 tahun)

Kebahagiaan pada suami kita, macam kita menjalankan tanggungjawab kita sebagai seorang isteri. Kita sebagai seorang isteri, kita tidak mahu beban suami berat. Terutama tanggungan pada suami. Kepada anak, bila anak kita berjaya, macam dari segi pelajaran, dari segi dunia akhirat, itu sudah menjadi ibu yang berjaya.

(Kumpulan Fokus 5/Perempuan/49 tahun)

Oleh itu, setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawabnya tersendiri. Sikap bertanggungjawab, kejujuran, bertolak ansur, percaya-mempercayai amat dititikberatkan dalam institusi kekeluargaan. Wan Abdul Kadir (1998) telah

menyatakan tentang nilai-nilai yang menjadi tumpuan untuk melahirkan keharmonian, termasuklah saling menghormati antara satu sama lain, bertolak ansur, bekerjasama, serta mengeratkan ikatan kekeluargaan. Dengan adanya sikap sebegini akan menambahkan lagi kebahagiaan dan seri hidup dalam keluarga. Jelas menunjukkan keluarga menjamin kebahagiaan hidup masyarakat Melayu. Merujuk kepada kajian Khairudin (2009) sebelum ini keluarga juga dilihat sebagai penyumbang nombor satu dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Sejauhmana benarnya penemuan tersebut akan dilihat sekali lagi dalam Kajian 2 (Bab 4).

Persoalan penting di sini ialah adakah dimensi ini unik bagi orang Melayu? Ternyata tidak seratus peratus (100%) kerana menurut Lu dan Lin (1998) serta Al-Faruqi (2009), sebenarnya hubungan kekeluargaan dapat dilihat dalam semua budaya dan masyarakat di dunia termasuk masyarakat Barat. Namun, hubungan kekeluargaan masyarakat Barat sangat terhad dan hanya dapat dilihat di kawasan desa atau kampung-kampung (Kimweli & Stilwell, 2002). Selain itu, Barat sekadar melihat kepentingan berkeluarga sebagai jalan untuk mencapai matlamat dan kepuasan secara personal atau individu. Ini menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Barat sangat terbatas di kawasan-kawasan tertentu dan kebahagiaan peribadi atau personal menjadi keutamaan (lihat Bahagian 1.3.1). Bertentangan dengan masyarakat Asia Timur yang melihat keluarga adalah satu keutamaan, baik di bandar mahupun desa. Kepuasan dan kebahagiaan hidup lebih bermakna sekiranya dapat dikongsi bersama ahli keluarga berbanding dengan sendiri. Isu ini akan dibincang dengan lebih lanjut lagi dalam Kajian 2.

Melihat keputusan kajian ini dari perspektif Islam pula, keluarga sangat diutamakan. Menurut Nik Azis (2005), pembangunan keluarga mestilah

berorientasikan sistem nilai hidup yang dianjurkan oleh syariah Islam sebagai usaha ke arah mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Terdapat banyak kelebihan di sisi Allah dalam mengutamakan keluarga, lebih-lebih lagi ibu bapa, iaitu hidup akan tenang, bahagia selalu, dimurahkan rezeki, berjaya di dunia dan di akhirat (H. Abu Bakar, 1979). Effendy (2004) menyatakan bahawa individu yang mengabaikan keluarga amat teruk balasannya di sisi Allah. Jelas menunjukkan Islam turut menganjur kepada penganutnya menjaga hubungan dengan keluarga kerana di situ ada jaminan kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

3.4.2 Hubungan Baik dengan Orang Lain

Berdasarkan kajian-kajian lepas, hubungan baik dengan orang lain turut menyumbang kepada kebahagiaan, baik masyarakat Barat mahupun masyarakat Asia (lihat Bahagian 1.3.1). Hubungan baik dengan orang lain termasuklah rakan-rakan, jiran tetangga dan komuniti atau masyarakat setempat. Orang Melayu sangat menitik beratkan hubungan sosial yang erat antara seorang dengan seorang yang lain, terutama dalam kalangan anggota kelompok (Wan Abdul Kadir, 2002). Semestinya masyarakat Melayu hidupnya dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya berkelompok dan bukannya bersikap keperibadian.

Masyarakat Melayu juga sedar bahawa apabila mereka menghadapi masalah dan kesusahan, mereka memerlukan bantuan daripada orang lain (Wan Abdul Kadir, 2002). Oleh itu, jelas menunjukkan saling kebergantungan dengan orang lain merupakan salah satu aspek yang membawa kepada kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Bahagian 2.2 telah menghuraikan bagaimana orang Melayu saling memerlukan dan ini tergambar

dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama seperti gotong royong, bantu-membantu, ziarah menziarahi, menajaga kepentingan bersama dan bertolak ansur.

Selain daripada keluarga, orang Melayu turut merasa bahagia apabila bersama rakan-rakan atau kawan-kawan, baik di tempat kerja mahupun di universiti. Kebiasaannya, orang Melayu akan mencari rakan-rakan yang sesuai dan serasi untuk mereka berkongsi segala suka duka apabila berjauhan dengan keluarga. Hubungan dengan rakan banyak dilaporkan dalam kumpulan fokus dewasa awal disebabkan oleh perasaan ingin mengenali individu lain sangat tinggi. Mahmood Nazar (2005) menjelaskan bahawa dewasa awal yang telah mengenali identiti dirinya sendiri cuba untuk berkongsi dengan individu lain. Dengan itu, dewasa awal kerap berhubung dengan rakan sebaya disebabkan keinginan untuk berkongsi dan menyelami pernan hidup masing-masing. Antara kenyataan yang dikeluarkan oleh responden seperti berikut:

Mungkin kawan rapat. Macam kawan untuk kita berkongsi segala masalah. Maknanya macam masalah kita tu boleh berkongsi dengan kawan, makna antara dua nilah...*two person*

(kumpulan fokus 1/Lelaki/21 tahun)

Macam kalau buat aktiviti bersama kawan-kawan. Kalau kita duduk kat kolejkan. Ada banyak aktiviti . *So*, macam contohnya saya dekat rumah, saya dan kawan-kawan agak jauh daripada kawasan perumahan saya lah. Pastu, macam nak jumpa kawan-kawan masa cuti sekolah je. Jadi, bila ada dekat sini, saya duduk kolej, pastu , saya banyak join aktiviti. *So*, kita orang banyak macam bersama-sama lah.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/23 tahun)

Kawan-kawan lah. Alhamdulillah, macam sekarang saya dapat kawan-kawan yang baik. *So*, tak memberi masalah langsung kepada saya. Ada juga masalah, *so* saya biarkan benda tu. Sekadar pengalaman je lah. Biarkan ia berlalu. Kalau orang tu jahat, saya maafkan dia, tak ada masalah, *as long as* saya masih lagi waras.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/25 tahun)

Begitu juga dengan rakan ditempat kerja, orang Melayu akan cuba untuk mengurangkan tekanan dan selisih faham dengan rakan sekerja mereka. Responden menyatakan bahawa mereka bahagia apabila “kerja tu tidak ada tekanan orang sekeliling, kita tidak selisih faham” (Kumpulan Fokus 3). Jelas menunjukkan bahawa kebahagiaan itu hadir dengan adanya hubungan baik dengan rakan-rakan.

Manakala orang Melayu yang tinggal di kawasan perumahan atau kampung, menjaga hubungan baik dengan jiran tetangga amat ditekankan. Hubungan kejiiran merupakan hubungan yang lama dan mereka menyedari bahawa jiran-jiranlah orang yang paling rapat, terutama untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan apabila mereka menghadapi krisis atau kesusahan (Wan Abdul Kadir, 2002). Jawapan yang diberikan oleh responden adalah seperti berikut:

Ye lah, kalau jiran tetangga kita, kita baik dengan jiran tetangga, bahagia hidupan. Dalam rumah pun mesti juga, kira cukup la syarat semua ni.

(Kumpulan Fokus 5/Perempuan/49 tahun)

Jiran tetangga, ada sikap memberi dan menerima (*give and take*), mengalah, kalau dalam sesuatu situasi panas, atau sama-sama tak suka, kita pun jadi tidak bahagia juga. Kalau dapat jiran-jiran yang baik, saling tolong-menolong, faham-memahami (celahan: pasal kita dengan jiran rapat. Jiran itu macam keluarga kan) kita boleh hidup harmoni.

(Kumpulan Fokus 6/Perempuan/44 tahun)

Masyarakat kita dalam Felda ni tidak ada masalah dan masyarakat bersatu hati la kan.

(Kumpulan Fokus 9/lelaki/57 tahun)

Bersandarkan kepada sifat-sifat semangat kerjasama, bantu-membantu, bergotong-royong, kunjung-mengunjungi, hormat-menghormati amat dituntut dalam menjalin hubungan baik dengan orang lain dalam masyarakat Melayu, kehidupan akan lebih harmoni, sejahtera dan bahagia. Sikap bertanggungjawab antara individu dengan individu yang lain sangat diperlukan disamping menjaga kepentingan bersama. Responden turut melaporkan tentang semangat bantu-membantu, sikap bertolak ansur, saling berkerjasama dan konsep jaga tepi kain orang. Lapornya seperti berikut:

Bila kita duduk satu kumpulan atau satu taman atau kampung, satu muafakat, saling bekerjasama (Celahan: gotong royong). Cuba kalau ada sebarang masalah ataupun kita berunding. Bila berunding dapat satu kata putus, barulah buat satu keputusan. Jangan kita ikut, bila kita ada satu ketua, kita mesti dengar cakap ketua sahaja, itu betul tapi ketua ni, kalau jadi ketua yang bagus, dia mesti minta pendapat anak-anak buah dia sebelum dapat satu keputusan yang muktamad. Dia nak merancang sesuatu majlis, panggil semua penduduk tu berkumpul, berbincang, mana yang ada boleh tambah ke, kurang ke, tapi dah berbincang dapat kata putus, baru lah ketua ini memainkan peranan dia.

(Kumpulan Fokus 6/Lelaki/47 tahun)

Lagi satu, sikap sepatutnya setiap jiran ada "sikap jaga tepi kain". Dulu orang marah kita gunakan bahasa jaga tepi kain orang. Dalam situasi sekarang ini zaman moden, ibu di rumah, kadang-kadang anak kita keluar rumah, jiran-jiran nampak anak kita di manakan. Jiran-jiran sepatutnya menegur bagi pihak ibu bapa. Sekiranya jiran pun ambil tidak tahu, apa akan terjadi pada anak tersebut. Pada saya, sikap jaga tepi kain orang tu sepatutnya sekarang ini sudah ada balik. Seperti zaman dulu, "anak kau anak aku, anak aku pun anak kau". Jadi senang dibentuk. Budak-budak bila orang lain tegur, mungkin mak bapak tegur dia tak boleh terima, bila jiran-jiran tegur, mungkin dia boleh terima, dia segan, dia malu kan. Nanti dia tidak akan buat benda-benda yang tidak senonoh ni.

(Kumpulan Fokus 6/Perempuan/44 tahun)

Dapat disimpulkan hubungan baik dengan orang lain dapat membahagiakan masyarakat Melayu. Semangat setiakawan dan hidup berjiran adalah fokus utama ke arah membentuk masyarakat yang harmoni. Dengan adanya sifat-sifat tersebut, segala kerja dapat dijalankan dengan mudah, hasil daripada kerjasama dan muafakat daripada kelompok. Menurut Asma (2007), bekerjasama dan mempunyai rasa saling bergantung dan hubungan yang harmoni dengan orang lain adalah penting untuk

membolehkan seorang Melayu itu menjadi anggota rangkaian sosial. Jelas menunjukkan pergantungan kepada orang lain menjadi salah satu aspek kebahagiaan dalam masyarakat dewasa Melayu.

Sekali lagi, aspek ini juga ada dalam prinsip-prinsip ajaran Islam (lihat Bahagian 1.2.2). Isu ini akan dibincang dengan panjang lebar dalam Bab yang berikut. Dilihat dari perspektif kolektivisme pula, masyarakat Timur memang sinonim dengan mengekalkan keharmonian dalam kelompok (lihat Bahagian 1.2.1). Ini akan dibincang dengan lebih lanjut.

3.4.3 Agama

Masyarakat Melayu turut menggariskan agama sebagai salah satu dimensi yang mempengaruhi kebahagiaan. Keputusan kajian yang diperoleh selari dengan apa yang telah ditemui oleh Khairudin (2009 & 2010) sebelum ini yang mendapati agama menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa sumber kebahagiaan masyarakat Melayu dipengaruhi oleh agama yang dihayati dan diamalkan iaitu Islam.

Islam dan masyarakat Melayu begitu sinonim di Malaysia sepertimana yang telah dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa orang Melayu itu beragama Islam (Lihat Bahagian 1.5.2). Dengan itu, masyarakat Melayu bukan sahaja berpegang teguh kepada nilai-nilai tradisi dan budaya bangsa semata-mata, tetapi mereka juga berpegang dengan prinsip-prinsip Islam sebenar yang tidak bercampur dengan sebarang bentuk fahaman atau pegangan dan amalan yang salah (Zakaria et al. 2012). Tambahan pula, Islam merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah ibadah, budi pekerti,

pergaulan antara manusia, ekonomi, pentadbiran, sains, ilmu pengetahuan, rumahtangga, peperangan, susunan politik masyarakat, sikap terhadap mereka yang bukan beragama Islam dan sikap manusia terhadap segala makhluk Allah seperti binatang dan sebagainya (Syed Hussein, 1965). Prinsip-prinsip Islam turut dianggap sebagai asas yang paling utama dalam pembinaan sistem nilai dalam kehidupan masyarakat Melayu dan mereka akan kembali kepada prinsip Islam setiap kali mereka menghadapi krisis (Wan Abdul Kadir, 1998). Apabila berlaku percanggahan antara nilai-nilai tradisi dan agama, seringkali nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu perlu dilihat sebagai faktor penghakis atau dimodifikasikan supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam (Zakaria et al., 2012). Dengan demikian, dapat dilihat pergerakan nilai-nilai tradisi dan agama perlu seiring dalam kehidupan masyarakat Melayu dan dianggap sebagai jaminan kehidupan menjadi lebih tenang dan aman (lihat Bahagian 2.2).

Tidak terikat dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu dan Islam, Ysseldyk et al. (2010) dan White (1968) mempunyai pandangan yang sama dengan pengkaji-pengkaji Melayu bahawa agama bukan hanya dianggap sebagai sistem kepercayaan tetapi juga sebagai sumber identiti sosial yang memberikan kekuatan dan kebahagiaan kepada individu dalam sesebuah masyarakat. Perlembagaan Massachusetts tahun 1780 telah menyatakan kebahagiaan rakyat Amerika, ketenteraman dan kerajaan awam “pada dasarnya bergantung kepada ketaatan beragama, agama dan moraliti” (Huntington, 2008). Hal ini jelas menunjukkan bahawa agama berkait rapat dengan kebahagiaan hidup bagi masyarakat yang menganutinya. Hasil keputusan kajian-kajian lepas turut mendapati kebahagiaan sesebuah masyarakat ada hubungan dengan agama, baik Kristianiti, Buddhisme, Toisme, Hinduisme, Islam dan Konfusianisme (Argyle, 2001; Cummins, 2006; Campbell, 1981; Inglehart, 2010; Jongudomkarn & camfield, 2006;

Joshanloo, 2012; Kim, 2003; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Santos, 2009; Snoep, 2008; Stavrova, Fetchenhauer & Schlösser, 2013).

Masyarakat Melayu dilihat mempunyai berbagai-bagai tindakan dan usaha ke arah membina hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar sepertimana yang telah digariskan oleh Islam (Norazit, 1997; Noriati, 2007). Dengan usaha sedemikian, masyarakat Melayu hanya mencari “keselamatan”, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Wan Abdul Kadir, 1998). Hal ini disebabkan kebahagiaan dalam Islam adalah bersifat kejiwaan dan maknawai; sesuatu yang tidak boleh dilihat dengan mata dan dihitung dengan angka dan hanya dapat dikecap melalui jiwa (Mohd Fadli, 2003). Tambahan pula, kebahagiaan itu hak mutlak Allah SWT dan manusia perlu berusaha dengan mematuhi segala nilai-nilai yang dianjurkan merangkumi semua aspek kehidupan (lihat Bahagian 1.2.2). Menurut Al-Ghazali, kunci kebahagiaan paling utama dengan menjadikan Allah SWT sebagai matlamat atau kegiatan yang dilakukan atas namaNya tanpa sebarang niat lain dan ini akan membuatkan manusia berada dalam keredhaan Allah dan memperoleh kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan (Nurzahidah & Raihanah, 2011; Zulkiflee et al. 2011). Dengan demikian, masyarakat Melayu berusaha sebaik mungkin mendekati diri kepada Allah SWT dan melaksana segala perintahNya yang telah diterangkan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah semata-mata inginkan ketenangan dan kebahagiaan hidup, baik di dunia dan di akhirat.

Apabila masyarakat Melayu berhadapan dengan dugaan, kesusahan dan cabaran hidup, mereka akan terus merujuk kepada agama dan meminta pertolongan kepada pencipta-Nya. Ini dapat membantu seseorang itu dari berasa resah dan gelisah kepada ketenangan dan kebahagiaan (Wan Abdul Kadir, 1994). Semua ini tergambar dalam

reaksi responden yang mengaitkan agama sebagai salah satu pengaruh kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Contohnya:

Kita berpegang pada agama. Itu juga dapat membantu. Bila kita solat apa semua, InsyaAllah, diri kita tidak akan lari daripada perbuatan-perbuatan yang tidak baik. Dengan kita mendoakan anak-anak kita, keluarga kita. Jadi, bahagia itu memang kita minta pada Allah SWT.

(Kumpulan Fokus 4/Perempuan/39 tahun)

Dari segi keagamaan pun. Bukan Islam sahaja, maksudnya kita semua ada agama. Sebenarnya kalau orang hidup berteraskan agama, dia boleh cari kebahagiaan secara kepuasan dalaman.

(Kumpulan Fokus 1/Perempuan/21 tahun)

Satu lagi, kalau dari segi agamakan, masa itu ekonomi kita tidak ada. Perhubungan kita dengan orang pun kurangkan. Bila kita ada agama, sebagai orang Islam, kita diwajibkan solat lima waktu, di situ kita berhubung dengan Allah. Kita berdoa di situ, bila kita rasa lepas kita menunaikan solat. Kita lepas, kita macam rasa bahagia tau. Kita rasa, apa-apa masalah kita dapat diluahkan. Disitu satu faktor. Agama pun penting sebenarnya sebab agama itu boleh mencapai kebahagiaan walaupun dia rasa hidup dia macam teraniaya, tapi bila kita ada didikan agama, ada agama, pegangan agama, InsyaAllah ada kebahagiaan dalam diri dia. Walaupun orang tengok dia tu macam tak bahagia tapi bagi dia bahagia.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/25 tahun)

Agama pun penting. Kita orang Islam kene hidup suasana orang Islam. Makan minum kita, kemudian sampai waktu kita sembahyang. Itu agama memang perlu ada dalam kita punya kehidupan kita. Bila kita dapat anak. Ikut cara agama kita juga. Kene didik cara agama kita penting. Agama memang penting. Dalam Islam kita la kan, apa yang kita perlu dalam Islam.

(Kumpulan Fokus 8/Lelaki/61 tahun)

Kenyataan-kenyataan yang diutarakan oleh responden menunjukkan agama memainkan peranan yang tersendiri dalam menentukan kebahagiaan di kalangan masyarakat Melayu. Hidup berpaksikan kepada agama akan menjamin masyarakat Melayu ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan. Pegangan agama yang kuat mampu mencegah orang Melayu daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam

Islam seperti perjudian, arak, kemaksiatan dan sebagainya. Memandangkan agama ialah tiang kehidupan, semestinya rukun Islam menjadi panduan dan proses sosialisasi Melayu yang penting (Asma, 2007; Metzger, 2007). Dengan itu, kebahagiaan masyarakat Melayu seharusnya selari dengan tuntutan-tuntutan Islam bagi menjamin kesejahteraan, keselamatan dan kebahagiaan hidup.

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Khairudin (2009), sumbangan agama kepada kebahagiaan masyarakat Melayu dilihat kurang penting. Inglehart (2010) turut menunjukkan perkara yang sama bahawa hubungan di antara kebahagiaan dan agama dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sangat rendah (.17). Benarkah agama kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu, sedangkan nilai-nilai masyarakat Melayu dilihat selari dengan tuntutan Islam dan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam adalah ditolak. Tambahan pula, kajian Khairudin (2009) masih di peringkat penerokaan. Maka, dengan itu, Bab 4 dan Bab 5 akan menunjukkan sejauhmana penglibatan agama dalam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Adakah sama dengan apa yang ditemui oleh Khairudin atau sebaliknya?

3.4.4 Penerimaan/Redha

Dimensi penerimaan antara dimensi yang baru ditemui dalam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Wujudnya dimensi baru menunjukkan bahawa kebahagiaan tidak terikat dengan dimensi kebahagiaan yang telah ditemui sebelum ini (Khairudin, 2009). Hal ini selari dengan apa yang telah diterangkan oleh Triandis (2000), sekiranya ada dimensi-dimensi baru yang ditemui boleh dimasukkan menjadi satu pembolehubah yang lain dalam mempengaruhi kebahagiaan. Merujuk kajian-kajian terdahulu, penerimaan seringkali dikaitkan dengan kebahagiaan masyarakat Barat

(lihat Bahagian 1.2.1). Ryffs (1989) telah menerangkan orang yang tinggi tahap penerimaan sendiri menunjukkan mereka mempunyai perlakuan/sikap positif terhadap diri, menghargai dan menerima segala sifat-sifat atau tabiat diri sama ada baik atau buruk, dan mempunyai perasaan positif ke atas kehidupan yang di lalui. Nampaknya, pandangan yang dikemukakan oleh Ryffs (1989) berat ke arah aspek sendiri (lihat Bahagian 1.3.1.1).

Walau bagaimanapun, penerimaan didapati turut mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Timur (lihat Bahagian 1.3.1.2). Hal ini menunjukkan bahawa penerimaan boleh diterima pakai dalam konteks kebahagiaan masyarakat Timur dan Barat. Menurut Lu (2006), arus kemodenan telah merubah struktur dan nilai-nilai tradisi kehidupan masyarakat China sehingga dimensi-dimensi hidup yang bersifat individualistik telah dipupuk, dikembang, diubahsuai dan ditekankan supaya selaras dengan kehidupan moden. Hal ini bukan sahaja terjadi dalam masyarakat China, malah turut berlaku ke atas masyarakat Melayu. Wan Abdul Kadir (1994) menyatakan budaya moden (proses pembaratan) mulai meresap dan berkembang dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman pemerintahan kolonial dahulu. Secara tidak langsung kehidupan bersifat individualistik menjadi aspek yang boleh menyumbang kepada kebahagiaan hidup masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu melihat penerimaan sebagai nasib dan rezeki. Menurut Wan Abdul Kadir (1994), konsep ini memberi kekuatan masyarakat Melayu untuk bekerja dengan lebih keras dan terus berusaha. Apabila seseorang telah berusaha (berikhtiar) melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan, tetapi tugas itu tidak berhasil atau berjaya, maka mereka dibolehkan berserah kepada nasib sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Pegangan seperti ini dapat mengurangkan tekanan kehampaan dalam

kehidupan dan ini menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Melayu. Sesuatu bencana atau kegagalan yang diterima tidaklah memberi tekanan perasaan yang mendalam dan mereka masih mempunyai harapan untuk terus hidup dan berserah kepada Allah (Wan Abdul Kadir, 1994).

Nasib dan rezeki yang dipegang oleh masyarakat Melayu selari dengan apa yang ditunjukkan dalam Islam. Islam menggunakan istilah “redha” dalam menggambarkan penyerahan yang sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan pulangan sama ada baik atau buruk, menang atau kalah, berjaya atau gagal, untung atau rugi, lulus atau sebaliknya (Seman, 2012). Hari ini, kebanyakan masyarakat Melayu menggambarkan penerimaan sesuatu perkara yang telah dilakukan banyak menggunakan perkataan redha dalam kehidupan seharian. Dahlan, Nicol dan Maciver (2010) telah mendapati kebanyakan responden terutama golongan tua Melayu telah melaporkan yang mereka redha apabila mereka ditempatkan di rumah kebajikan. Dengan ini, konsep redha dapat mengurangkan tekanan, kekecewaan dan kehampaan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sebaliknya, redha juga mengembalikan mereka kepada kepuasan, kebahagiaan dan kesejahteraan. Berikut antara luahan hati responden dalam menggambarkan kebahagiaan hidup mereka menerusi dimensi penerimaan:

Terima apa yang ada dekat kita. Apa yang ada dekat sekeliling kita. Kita rasa bersyukur, kita rasa berterima kasih, ataupun rasa macam apa-apa yang kita ada sekarang ini. Kita akan lebih menerima, masalah sekeliling kita ataupun benda tu buat kita ada kepuasan.

(Kumpulan Fokus 1/Perempuan/21 tahun)

Kita bahagia datang dari hati, ikhlas kita buat semua tawadu', redha apa yang terjadi dekat kita. Benda-benda tu yang buat kita rasa seronok, kita rasa *happy*, kita rasa *free* atau lapang.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/31 tahun)

Kebahagiaan kalau boleh semua orang hendak duit banyak, rumah besar, kalau boleh semua hendak yang besar-besar tetapi kemampuan kita takat mana yang mampu-rasanya kejayaan anak-anak, suami kita pun baik, perjalanan hidup kita dan rezeki kita semua cukup, itu sudah bahagia

(Kumpulan Fokus 5/Perempuan/45 tahun)

Kalau boleh mahu lah kan rumah besar, kereta mahal tapi kalau tidak boleh, kita terima apa yang ade jelah.

(Kumpulan Fokus 7/Lelaki/50 tahun)

Apa yang disebut oleh responden di atas menggambarkan bahawa menerima sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah setelah berusaha sepenuhnya akan membuatkan individu itu tenang dan bahagia. Penerimaan akan memperlihatkan perlakuan yang positif dan menerima sesuatu perkara dengan hati yang ikhlas tanpa ada unsur-unsur keterpaksaan (Zulkiflee et al., 2011). Dengan itu, masyarakat Melayu akan lebih merasa bahagia dan menghargai diri mereka apabila menerima sesuatu perkara atau tindakan yang dilakukan dengan berlapang dada dan berserah kepada Allah.

Penerimaan juga dapat dilihat melalui perhubungan sosial. Menurut Szentagotai dan David (2013), individu yang mempunyai penerimaan sendiri yang tinggi ada kaitan dengan emosi yang positif, kepuasan dalam hubungan sosial, dan pencapaian. Pergaulan yang baik dengan individu lain dapat mengurangkan tekanan dan memberikan kepuasan dan kebahagiaan. Ferriss (2010) menyatakan individu yang mempunyai etnik yang sama dapat meningkatkan hubungan sosial dan penerimaan yang baik di antara mereka berbanding dengan etnik yang berlainan. Yuan (2008) pula telah mendapati masyarakat berkulit gelap (*negro*) menunjukkan kesejahteraan emosi yang tinggi dan rendah tahap tekanan apabila mempunyai jiran yang sama etnik dengannya. Hal ini jelas menunjukkan etnik yang sama disebabkan perkongsian budaya yang sama akan meningkatkan tahap penerimaan. Secara tidak langsung, kesejahteraan, emosi yang positif dan kebahagiaan turut meningkat.

Begitu juga dengan masyarakat Melayu yang mempunyai budaya dan nilai-nilai tradisi yang dibentuk sebelum kedatangan kolonial lagi. Masyarakat Melayu diminta untuk mematuhi nilai-nilai tradisi yang telah digariskan selari dengan nilai-nilai Islam. Menurut Wan Abdul Kadir (1994), peraturan sosial yang dibentuk dalam masyarakat Melayu adalah penting bagi individu menyesuaikan diri dan hidup bermasyarakat. Setiap individu sentiasa berusaha supaya dirinya wujud dan dapat diterima oleh masyarakat. Dengan itu, setiap individu seharusnya mempelajari, memahami dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak masyarakat. Bagi mereka yang melanggar peraturan sosial ini akan dikenakan tekanan sosial seperti dipulaukan, hukuman dan sebagainya (Wan Abdul Kadir, 2007). Berikut kenyataan yang diutarakan oleh responden kajian:

Macam kita cakap tadi, kalau kita diterima oleh orang ramai. Kalau kita join aktiviti tu maknanya kita dapat kenal perangai dia. Kita dapat, satu hilangkan boring. Lagi, kita rasa macam bila kita buat sesuatu tu, kita pulak dihargai, diterima oleh orang ramai

(Kumpulan Fokus 2/Lelaki/22 tahun)

Nampaknya, kenyataan responden tersebut telah menunjukkan bahawa penerimaan individu dalam masyarakat Melayu sangat ditekankan. Penerimaan individu dalam masyarakat menjadikan individu itu wujud dan dihargai. Banyak sokongan yang diberikan apabila individu diterima dalam masyarakat seperti sokongan emosi, spiritual, ihsan, ambil berat dan sebagainya (Compton, 2005). Hal ini menjadikan individu kurang rasa tekanan dan meningkatkan kualiti hidup yang lebih bahagia dan ceria.

Kesimpulannya di sini, penerimaan adalah satu lagi dimensi yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. konsep ini ada dalam masyarakat Barat dan

Timur walaupun kedua-dua budaya berbeza. Ini akan diterokai dengan lebih lanjut selepas ini.

3.4.5 Pencapaian Dalam Hidup

Pencapaian dalam hidup turut mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Dimensi ini juga adalah dimensi baru yang ditemui selain dari penerimaan. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa pencapaian turut mempengaruhi kebahagiaan dalam masyarakat Australia, Taiwan, Indonesia, dan Filipina (Anggoro & Widhiarso, 2010; Cummins, 2006; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009). Tafarodi et al. (2012) juga telah mendapati rakyat Kanada, China, Jepun dan India menunjukkan yang mereka bahagia setelah mencapai sesuatu perkara yang hebat. Ternyata, dengan tercapai sesuatu perkara yang dihajati atau diingini membantu seseorang itu memperoleh kebahagiaan dalam hidup.

Maslow (dalam Schultz & Schultz, 2005) telah menyatakan bahawa individu yang mempunyai kesempurnaan sendiri perlu mencapai tahap-tahap yang telah digariskan seperti keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan penghargaan sendiri. Walaupun Maslow melihat kepada kesempurnaan sendiri, kesan daripada pencapaian individu pada setiap tahap tersebut boleh mendatangkan kepuasan dan kebahagiaan. Hal ini sesuai dengan sifat kebahagiaan yang dikatakan sebagai hasil sampingan (*by product*; lihat Bahagian 1.5.1).

Dari perspektif pandangan hidup (*world-view*) orang Melayu, individu yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji dan mencapai kejayaan atau pencapaian dalam hidup sangat dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2007).

Perkara ini dapat dilihat selepas kemerdekaan, pelajar-pelajar Melayu terus membina impian untuk mencapai kejayaan hidup dengan memasuki sektor awam (Wan Abdul Kadir, 1994). Keazaman ini disebabkan untuk merubah kehidupan dan status hidup. Tambahan pula, masyarakat Melayu disifatkan sebagai seorang yang rajin, gigih, patuh dan amanah (Muhammad Haji, 1993). Dengan sifat tersebut memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk berjaya dan ini akan menjurus kepada kebahagiaan dalam hidup mereka. Murray (dalam Schultz & Schultz, 2005) turut menerangkan individu yang inginkan kejayaan dan pencapaian dalam hidup kebiasaannya akan menyandang jawatan yang baik. Tambah beliau lagi, mereka yang bekerja keras lebih berjaya dan melaporkan lebih kepuasan dan kebahagiaan berbanding dengan individu yang mempunyai pencapaian yang rendah. Pandangan Murray (Schultz & Schultz, 2005) dilihat selari dengan sifat yang ada dalam orang Melayu yang telah dinyatakan di atas. Nampaknya, pencapaian yang dimiliki oleh orang Melayu menjadikan individu itu berada dalam kelas yang tersendiri dan disegani oleh masyarakat. Berikut adalah kenyataan responden kajian berkaitan dengan pencapaian dalam hidup yang menyumbang kepada kebahagiaan.

Macam apa yang kita lalui dalam hidup, kadang-kadang ada tahap-tahap dia. Bila kita capai satu tahap atau matlamat yang kita mahu, itu akan membawa kepada kebahagiaan

(Kumpulan Fokus 1/Perempuan/21 tahun)

Kalau keinginan kita tercapai. Maksudnya, kalau kita impikan benda ni, kemudian kita dapat dan kita rasa bahagia lah.

(Kumpulan Fokus 2/Lelaki/22 tahun)

Saya dah lalui banyak peringkat kalau saya masa muda dulu. Kehendak saya lain. jadi, saya fikir bila saya mencapai salah satu kehendak, saya anggap saya dah bahagia. Bila saya sudah ada isteri, saya bahagia. Saya berangan dapat kereta, saya dapat kereta, saya bahagia.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/31 tahun)

Apa yang kita usahakan daripada dulu sampai hari ini, berjaya. Itu satu kebahagiaan lah.

(Kumpulan Fokus 9/Lelaki/57 tahun)

Berpandukan kepada kenyataan responden, jelas menunjukkan bahawa apa yang diusahakan selama ini, sekiranya berjaya atau tercapai akan menghasilkan kebahagiaan dalam hidup. Mereka turut melaporkan bahawa pencapaian yang dinikmati dan rasai tidak hanya sekali dalam hidup, malah ia berperingkat-peringkat. Dengan itu, setiap kehidupan yang dilalui sudah pasti banyak kejayaan yang ditempa dan keinginan yang telah dicapai seperti akademik, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya.

Bahagian 1.2.1 telah menerangkan bahawa masyarakat Timur melihat pencapaian sebagai satu hasil usaha bersama berbanding dengan Barat yang lebih kepada hak mutlak individu. Wan Abdul Kadir (1994) berpendapat dengan persaingan dalam mengejar kejayaan atau tahap pencapaian, individu boleh mengabaikan nilai-nilai tradisi dan mementingkan diri sendiri tanpa menimbangkan kedudukan orang lain. Bagi mengelak keadaan yang sedemikian, masyarakat Melayu sangat memberi penekanan terhadap nilai rendah diri. Nilai rendah diri adalah suatu nilai yang terpuji dalam masyarakat Melayu baik dari sudut tutur kata dan tingkah laku (Ismail, 1991; Norazit, 1997). Menurut Norazit (1997), nilai rendah diri ini adalah intipati keperibadian yang berteraskan Islam dan Melayu seperti mana peribahasa Melayu, ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk, yang telah diterapkan dalam jiwa individu Melayu sejak mereka kecil lagi. Perasaan bangga diri dan rasa ego yang ditonjolkan dengan cara berlebihan adalah tidak disukai oleh masyarakat (Norazit, 1997; Wan Abdul Kadir, 1994). Dengan itu, individu yang berjaya dalam masyarakat Melayu seharusnya menjaga perlakuan dan tutur kata supaya mereka tidak dilabel sebagai sombong dan kurang ajar. Tambahan pula, setiap usaha yang dilakukan hasil dorongan daripada keluarga dan masyarakat.

Sama seperti hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain, agama dan penerimaan, aspek ini akan dibincang dengan lebih lanjut lagi selepas ini.

3.4.6 Kesihatan

Kesihatan adalah satu dimensi yang bersifat universal. Kebanyakan kajian-kajian terdahulu telah melaporkan yang masyarakat Australia, Amerika Syarikat, Kanada, Korea Selatan, Taiwan, Filipina, Indonesia, Malaysia dan Thailand bahagia dengan tahap kesihatan (lihat Bahagian 1.3.1). Keputusan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Khairudin (2009) terhadap orang Melayu yang mendapati kebahagiaan antara dimensi yang menyumbang kepada kebahagiaan. Kebahagiaan dan kesihatan adalah dua aspek yang penting dan saling bergantung antara satu dengan yang lain (Compton 2005; Pierewan & Tampubolon, 2014; Zajacova & Dowd, 2014). Tiada masyarakat beranggapan bahawa kesakitan itu membawa kepada kebahagiaan. Malah, masing-masing berusaha untuk mengekalkan tahap kesihatan mereka, baik kesihatan fizikal mahupun mental.

Bahagian 1.1 telah menyatakan wujudnya kajian berkaitan dengan aspek positif adalah untuk mengurangkan atau memulihkan individu dari penyakit mental dan menjalani hidup yang lebih produktif dan bahagia. Hal ini menunjukkan bahawa kesihatan adalah satu nikmat yang sangat besar dan berharga dalam kehidupan manusia. Apabila fizikal dan mental sihat, banyak aktiviti harian boleh dilakukan dengan baik berbanding individu yang sakit. Compton (2005) telah mengatakan bahawa masyarakat dulu-dulu percaya kesihatan fizikal boleh mempengaruhi emosi dan psikologi. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian Hills dan Argyle (2001) yang mendapati emosi yang stabil dan ekstraversi mempunyai hubungan yang kuat dengan kebahagiaan. Begitu juga

dengan Bradburn (1969) yang telah menyatakan bahawa perasaan positif dan negatif adalah gabungan perasaan, angin (*moods*) dan tindak balas emosi individu yang mewujudkan pelbagai peristiwa yang bahagia atau tidak bahagia dalam kehidupan harian. Dengan ini, kesihatan dilihat sebagai penyumbang dalam kebahagiaan hidup setiap masyarakat tidak kira budaya dan latar belakang.

Sekiranya dilihat kembali masyarakat Melayu dahulu, kebanyakan mereka sedar akan kepentingan menjaga kesihatan. Walaupun teknologi pada masa itu belum lagi moden, namun masyarakat Melayu sudah menguasai ilmu perubatan. Menurut Mohd Koharuddin (2005), sebelum kedatangan perubatan moden, orang Melayu bergantung sepenuhnya kepada perubatan tradisional. Perubatan tradisional biasanya melibatkan jampi serapah, alam sekitar (ramuan akar kayu, daun-daun dan sebagainya), bacaan doa dan lain-lain (Pisol & Mohd Nor, 2014; Wan Abdul Kadir, 2002). Sehingga hari ini, perubatan tradisional masih lagi dipraktikkan sekiranya perubatan moden gagal mengubati penyakit yang dihadapi oleh orang Melayu.

Selain itu, ahli perubatan Melayu melihat kesihatan dan penyakit berpunca daripada amalan pemakanan (Mohd Koharuddin, 2005; Pisol dan Mohd Nor, 2014). Lantaran itu, orang Melayu sangat berhati-hati dalam pengambilan makanan (Mohd Koharuddin, 2005). Ahli perubatan Melayu juga tidak menggalakkan individu mengambil ubat kecuali benar-benar diperlukan. Mereka berpendapat, badan yang sakit tidak semestinya memerlukan ubat, kerana sifat ubat boleh mengubah sifat tubuh badan (Pisol dan Mohd Nor, 2014). Nampaknya, orang Melayu sangat mengambil berat tentang faktor kesihatan dengan mengambil kira amalan pemakanan sebagai punca kepada penyakit. Justeru itu, kesihatan dilihat sebagai agen penting dalam meneruskan

kelangsungan hidup dan secara tidak langsung mampu menghadirkan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

Hari ini, masyarakat Melayu masih menekankan bahawa kesihatan sebahagian daripada kebahagiaan hidup mereka. Di bawah adalah tindak balas responden dalam menerangkan kebahagiaan berdasarkan tahap kesihatan.

Kesihatan. Serius, kalau macam kita sakitkan, bangun pagi sahaja mesti tidak gembira. Jadi, satu hari tu tak seronok. Kalau sihat, cukup tidur, cukup makan, cukup kasih sayang semestinya bahagia satu hari tu.

(Kumpulan Fokus 1/Perempuan/21 tahun)

Salah satu daripada kebahagiaan tu, saya rasa aspek kesihatan. Kalau kita tidak sihat macam mana hendak buat sesuatu kan. Kesihatan itu saya rasa yang paling penting.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/25 tahun)

Macam kesihatan tu, bila kita sakit, kita akan mengeluh. Kita dah tak bahagia dah. Sakit gigi, anak menangis pun kita marah. Bila kita semua sihat semua tubuh badan, kita boleh bercampur orang. Boleh melakukan aktiviti semula, itu satu kebahagiaan lah. Bila dah sakit, macam satu nikmat tu dah hilang, masa tu kita mengeluh, kenapa gigi aku sakit ni, mula marah. Nak bercampur orang pun kita dah tak nak dah. Sampai dah lega sakit baru nak campur orang.

(Kumpulan Fokus/Lelaki/47 tahun)

Responden kajian ini bersetuju dengan tahap kesihatan yang baik menjadikan individu aktif dan dapat melakukan aktiviti harian dengan cekap dan sempurna berbanding individu yang kurang tahap kesihatan akan nampak murung dan aktiviti harian menjadi tidak produktif. Dengan itu, kesihatan berperanan dalam menyumbang kebahagiaan kepada masyarakat Melayu.

Islam juga amat menitikberatkan amalan gaya hidup sihat dalam kehidupan manusia. Kesihatan adalah satu nikmat yang terbesar selepas nikmat iman (Muhammad

Haniff, 2000). Dengan kesihatan manusia boleh melakukan banyak aktiviti yang bermanfaat terutama menjalankan ibadah yang dianjurkan dalam Islam (seperti solat, puasa dan sebagainya) dengan cara yang paling sempurna. Secara tidak langsung kesihatan menjadikan individu lebih ceria, bahagia dan jauh dari sebarang penyakit.

3.4.7 Autonomi

Keputusan kajian ini turut menunjukkan bahawa autonomi turut menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Dapatan ini selari dengan apa yang telah ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini. Walau bagaimanapun, nama dimensi sebelum ini adalah kebebasan dan rasa selamat yang telah digantikan kepada autonomi. Penukaran nama dimensi ini dilihat lebih sesuai dan mudah difahami. Tambahan pula, ia adalah terma yang biasa digunakan oleh ahli-ahli psikologi.

Autonomi didapati mempunyai pengaruh yang besar terhadap kebahagiaan. Autonomi bukan sahaja mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu, tetapi turut memberi impak ke atas masyarakat Barat, Korea Selatan, Indonesia dan Malaysia (lihat Bahagian 1.3.1). Walau bagaimanapun, Barat dilihat lebih tinggi sifat autonominya berbanding masyarakat Timur. Hal ini berlaku kerana Barat sangat memberi kebebasan sepenuhnya kepada individu dalam membuat sebarang keputusan atau tindakan tanpa melibatkan pengaruh luar (ibubapa, rakan, guru dan sebagainya). Berbeza dengan masyarakat Timur yang melibatkan keluarga dan masyarakat dalam membuat sebarang keputusan (lihat Bahagian 1.2.1). Ini tidak bermakna masyarakat Timur tidak boleh membuat keputusan secara peribadi tetapi keputusan yang dibuat seharusnya dirujuk kepada keluarga atau masyarakat untuk dinilai sama ada baik ataupun buruk keputusan yang dibuat.

Dalam masyarakat Melayu, setiap individu mempunyai kebebasan dalam melakukan sesuatu atau bertingkah laku mengikut keinginan. Disebabkan oleh kebergantungan kepada keluarga dan masyarakat lebih kuat, maka tingkah laku adalah terhad dan hendaklah sejajar dengan nilai-nilai sosial yang telah diajar oleh ibu bapa dan masyarakat. Setiap kesalahan yang melanggar nilai-nilai sosial akan dikenakan tekanan sosial seperti memukul, memarahi, dan seumpamanya (Wan Abdul Kadir, 1994). Selari dengan pandangan Islam yang membenarkan kebebasan kepada penganutnya membuat keputusan secara bebas dalam melakukan sesuatu perkara atau melibatkan diri berdasarkan kepada kebolehan yang terserlah padanya (Al-Faruqi, 2009). Kebebasan yang dianjurkan oleh Islam termasuklah kebebasan bersuara, berfikir, memilih, bekerja, dan lain-lain yang diharuskan oleh Islam. Walau bagaimanapun, segala kebebasan yang diperuntukan dalam Islam adalah bersifat terbatas, iaitu mengikut etika dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Zulkiflee et al., 2011). Ternyata kebebasan dilihat sebagai nilai yang boleh mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kebebasan mesti selari dengan nilai-nilai masyarakat Melayu dan syariat Islam. Sebarang percanggahan tidak diterima dan dikenakan tekanan sosial bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Berikut adalah kenyataan responden berkaitan dengan dimensi autonomi:

Buat sesuatu yang kita suka.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/23 tahun)

Daripada pendapat sendiri, kalau kebahagiaan tu saya perlukan kebebasan daripada diri sendiri. Macam diri saya ni perlukan kebebasan. Jadi, isteri saya tak kongkong apa-apa. Dia tidak akan tanya mana saya pergi.

(Kumpulan Fokus 4/Lelaki/49 tahun)

Cuma sekarang ni, kita dah kahwin. Suami *control*kan. Tak sebebass dulu. Kalau dapat bebas macam dulu. Seronok lah.

(Kumpulan Fokus 7/Perempuan/50 tahun)

Kenyataan yang responden berikan di atas telah menunjukkan bahawa wujud kebebasan dalam kehidupan masyarakat Melayu apabila melakukan sebarang aktiviti atau keputusan yang ingin dibuat. Namun, mereka akur dengan kehendak keluarga dan masyarakat sekiranya wujud percanggahan pendapat. Berbincang bersama keluarga atau masyarakat adalah untuk mengelakkan individu Melayu daripada terkeluar dari norma-norma masyarakat dan tidak dipandang serong dengan keputusan yang dibuat. Kebiasaannya keputusan yang dibuat melibatkan hal-hal yang besar seperti akademik, pekerjaan, pemilihan pasangan, tempat tinggal dan banyak lagi. Hal ini adalah demi menjaga kelestarian hidup bermasyarakat. Tambahan pula, masyarakat Melayu sangat menekankan sifat hormat menghormati, bantu membantu dan tolong menolong antara satu sama lain (lihat Bahagian 2.2). Segala keputusan yang diambil akan memberikan kebahagiaan dan kegembiraan apabila mendapat persetujuan bersama ahli keluarga dan masyarakat.

3.4.8 Persekitaran Harmoni

Kebahagiaan masyarakat Melayu turut dipengaruhi oleh dimensi persekitaran harmoni. Dimensi ini juga antara dimensi baru selain dari penerimaan dan pencapaian dalam hidup. Bukan sahaja masyarakat Melayu, bahkan masyarakat China, Taiwan, Amerika Syarikat, Korea Selatan dan Filipina turut melaporkan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam kebahagiaan hidup (lihat Bahagian 1.3.1). Kajian Mackerron dan Mourato (2013) juga mendapati ada kaitan antara persekitaran semula jadi dan kebahagiaan. Menurut Ryff (1989), persekitaran adalah keupayaan dan kecekapan

individu untuk memilih, mewujudkan, memanipulasi peluang yang ada, mengawal dan mengubah sesebuah keadaan sesuai dengan keperluan dan nilai-nilai individu. Ada juga yang melihat persekitaran disebabkan oleh sokongan sosial (melibatkan pelbagai faktor individu dan hubungan dengan orang lain) yang memberi impak secara langsung dalam meningkatkan kebahagiaan (Lu dan Shih, 1997). Dengan itu, boleh dikatakan persekitaran adalah hasil interaksi antara individu dan masyarakat dengan alam sekitar atau semula jadi yang mendatangkan kesan kepada kebahagiaan.

Persekitaran yang baik dan selesa menjamin kehidupan yang harmoni dan bahagia. Begitu juga dengan persekitaran yang kurang selesa akan memberi tekanan kepada individu dan masyarakat seperti pencemaran, gangguan tidur, tahap kesihatan rendah, huru hara, permusuhan dan sebagainya. Masyarakat Melayu di Malaysia beruntung disebabkan jarang berlakunya bencana alam tidak seperti di negara jiran Indonesia yang kerap terjadinya fenomena seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, tsunami, gunung berapi dan lainnya dalam lingkungan 20 tahun terakhir (Akmal dan Nurwianti, 2012). Banyak nyawa yang terkorban, harta benda musnah dan memberi kesan psikologi kepada rakyat Indonesia. Begitu juga Korea Selatan dan Taiwan yang mengalami pencemaran air yang mengakibatkan bekalan air dan pertanian tercemar dan berbahaya sehinggakan petani-petani mereka sendiri tidak mahu menggunakan hasil tanaman untuk keperluan sendiri (Muhammad Haji, 1993). Negara-negara maju juga mengalami masalah yang sama dan mereka bernasib baik disebabkan mempunyai kos dan kepakaran yang tinggi bagi mengatasi masalah pencemaran ini (Muhammad Haji, 1993). Nampaknya, fenomena alam ini sangat mempengaruhi kehidupan individu dan masyarakat dan boleh mengakibatkan gangguan psikologikal yang akhirnya menggugat kebahagiaan.

Masyarakat Melayu bertuah dengan kedudukan Malaysia yang dikelilingi oleh negara jiran seperti Singapura, Filipina, Indonesia, Vietnam, Cambodia dan Thailand. Secara tidak langsung boleh mengelak dari bencana besar seperti tsunami dan taufan Haiyan. Tambahan pula, tanah di Malaysia adalah subur disebabkan kelembapan dan panas sepanjang tahun (Muhammad Haji, 1993). Di Malaysia turut berlakunya fenomena akibat perubahan iklim iaitu banjir. Walau bagaimanapun, persiapan awal telah dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga terutama pada musim tengkujuh (Mohd Zulhafiz, Salfarina dan Abd Malik, 2013). Dengan langkah yang diambil, masyarakat Melayu boleh menjalankan aktiviti harian seperti biasa tanpa ada masalah dan sekaligus memberikan kepuasan dan kebahagiaan.

Antara keunikan di Malaysia adalah masyarakatnya yang berbilang bangsa. Tanpa mengasimilasikan bangsa dan keturunan, tiga (3) kaum utama (Melayu, Cina dan India) hidup di bawah sistem politik yang sama (Nazri et al., 2011; Syed Husin, 2008). Walaupun hidup dengan budaya yang berbeza, setiap daripada mereka dapat hidup dengan sejahtera dan bahagia kerana mengamalkan sikap toleransi dan hormat menghormati budaya masing-masing (Che Su dan Rasilah, 2008). Muhammad Haji (1993) telah menyatakan pertikaian dan konflik sesuatu yang universal dan terjadi dikebanyakan negara sama ada melibatkan antara kaum yang berbeza ataupun sesama kaum seperti di India, Bosnia dan Afghanistan. Di Malaysia bukanlah tidak ada pertikaian dalam soal politik tetapi masalah ini boleh diatasi dengan sikap orang Melayu yang bertolak ansur, bersifat sederhana, toleransi, berhati-hati dan sentiasa patuh pada undang-undang (Musafir, 2008). Dengan ini, kestabilan politik menjamin keharmonian hidup orang Melayu di samping berkongsi kesenangan dengan kaum lain.

Berikut adalah reaksi responden kajian dalam mengaitkan persekitaran harmoni dengan kebahagiaan hidup mereka.

Pada saya ia banyak pada persekitaran kita. Macam negara kita tidak berperang semua itu kan, jadi bahagia la hidup.

(Kumpulan Fokus 1/Perempuan/21 tahun)

Macam politik kan. Ye la, kalau misal kata politik kucar kacir, kita pun nak cari rezeki pun susah kan, macam kata rusuhan, tak de kebahagiaan juga kan. Kita nak keluar, nak cari rezeki itupun utama juga tu.

(Kumpulan Fokus 6/Perempuan/49 tahun)

Sebagai makhluk manusia yang beruntung di lahirkan di Malaysia ini. dengan tiada malapetaka gempa bumi apa semua.

(Kumpulan Fokus 7/Lelaki/51 tahun)

Dapat dilihat kenyataan yang telah diberikan oleh responden menekankan soal persekitaran dalam menyumbang kepada kebahagiaan. Hal ini menjelaskan bahawa persekitaran yang baik dan selesa menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat Melayu. Sikap toleransi, bertolak ansur, hormat menghormati membolehkan masyarakat Melayu berkongsi hidup secara harmoni dengan dua etnik besar lain iaitu Cina dan India yang berada di bawah sistem pentadbiran yang sama. Tambahan pula, seperti yang disebut tadi, persekitaran di Malaysia jarang berlaku bencana alam yang besar dan krisis antara kaum yang membimbangkan.

Melihat persekitaran dari perspektif agama, hidup secara harmoni dan berinteraksi dengan alam sekitar adalah satu prinsip yang diterima oleh semua agama termasuk Islam (Zulkiflee et al., 2011). Berdasarkan kepada ajaran beberapa agama yang dianuti oleh manusia kini, alam sekitar digambarkan sebagai satu anugerah daripada Tuhan kepada kehidupan manusia dan makhluk lain yang hidup dimuka bumi

ini serta manusia juga berperanan dalam mentadbir alam dengan sebaiknya (Zulkiflee et al., 2011). Hubungan manusia dan alam sekitar sangat ditekankan dalam Islam dan kedua-duanya perlu disepadukan agar dapat membawa kepada pengenalan terhadap Allah (ma'rifat Allah) (Noriati, 2007; Wan Abdul Kadir, 1994; Zulkiflee et al., 2011).

Selain itu, Islam juga tidak mengalakkan umatnya bermusuhan dengan kaum lain tetapi Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik (Muslim, Nik Yusri dan Ahmad Hidayat, 2011). Muslim, Nik Yusri dan Ahmad Hidayat (2011) telah menyatakan bahawa manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian ini bukanlah faktor untuk berpecah belah dan bermusuhan tetapi seharusnya kita perlu mengenali dan membantu antara satu dengan yang lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai (Muslim, Nik Yusri dan Ahmad Hidayat, 2011). Ternyata, konsep persekitaran yang dibawa oleh Islam selari dengan apa yang diterapkan dalam masyarakat Melayu dan ini akan membawa kepada keharmonian dan kebahagiaan masyarakat.

3.4.9 Ilmu Pengetahuan

Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan antara yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Dapatan ini selari dengan apa yang ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini. Asalnya dimensi pendidikan tetapi ditukarkan kepada ilmu pengetahuan disebabkan ia lebih umum dan pendidikan terangkum di dalamnya. Pendidikan terbahagi kepada dua, iaitu formal (melibatkan pendidikan tinggi seperti diploma, ijazah dan PhD) dan tidak formal seperti melibatkan

pembelajaran di luar (tiada kaitan dengan diploma dan sebagainya), media, kerja-kerja seni dan budaya, latihan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengalaman, interaksi sosial dan kerja-kerja harian (Michalos, 2008; Mohd Koharuddin, 2005; Wan Abdul Kadir, 1994). Dengan ini, ilmu merangkumi pelbagai skop pengetahuan sama ada melalui pembelajaran secara formal ataupun tidak formal.

Manurut Muhammad Haji (1993), mana-mana bangsa bertamadun dan maju, ilmu adalah aspek yang begitu dominan dalam proses pembinaannya. Budaya ilmu itu berkembang dan dikembangkan kepada setiap lapisan masyarakat pada tahap awal era perubahan hinggalah ke zaman peningkatan dan konsistensi kecemerlangan. Ilmu pengetahuan yang mendalam juga menjadi jaminan utama bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati kerana melaluinya manusia mendapat kemuliaan, kehormatan, ketenangan dan kebahagiaan (Nur Zahidah & Raihanah, 2011). Dilihat semula kajian-kajian terdahulu, masyarakat Amerika Syarikat, Kanada, Korea Selatan, Thailand, Malaysia dan Indonesia mendapati ilmu pengetahuan (atau pendidikan) menyumbang kepada kebahagiaan hidup mereka (lihat Bahagian 1.3.1). Chen (2012) turut melaporkan negara Jepun, Taiwan dan Korea Selatan menunjukkan pola yang sama bahawa kewangan bukan faktor yang penting terhadap hubungan antara pendidikan dan kebahagiaan. Berbanding dengan negara China yang melihat kewangan memberi sumbangan kepada kebahagiaan di sebabkan oleh negara China antara negara yang berpendapatan rendah dan kewangan sangat penting dalam kebahagiaan hidup mereka. Jelas menunjukkan bagaimana ilmu pengetahuan merubah kehidupan sesebuah masyarakat menjadi maju dan menjamin kehidupan yang lebih selesa dan bahagia.

Masyarakat Melayu juga tidak ketinggalan dalam meneroka bidang ilmu pengetahuan yang dikatakan bermula seawal abad ke-14 atau ke-15 tetapi tidak

menyeluruh (Muhammad Haji, 1993). Walau bagaimanapun, pendidikan formal telah berkembang dengan pesatnya di kalangan orang Melayu semenjak perkembangan Islam di rantau ini (Wan Abdul Kadir, 2007). Sistem pendidikan ini telah berjaya menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan hingga mencapai tahap yang tinggi dan dalam masa yang sama melahirkan golongan ulama dan cendekiawan Melayu yang ulung seperti Munsyi Abdullah (Mohd Koharuddin, 2005). Orang Melayu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas akan dihormati dan dipandang tinggi dan menjadi sebutan oleh masyarakat (Wan Abdul Kadir, 2007). Bukan sahaja dalam bidang keagamaan, malah bidang-bidang lain turut menjadi perhatian seperti ekonomi, kedokteran, sosial dan sebagainya. Secara tidak langsung orang Melayu yang berilmu akan menjadi rujukan kepada masyarakat dan ini akan memberikan mereka kemuliaan, penghormatan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Menurut Wan Abdul Kadir (2007), pendidikan kini merupakan mobiliti penting dan ramai orang Melayu yang menyedari dan memberikan pendidikan kepada anak-anak sebagai satu jaminan masa depan. Bagi orang Melayu yang kurang berilmu pengetahuan akan merasa rendah diri dan dianggap sebagai ketinggalan. Antara luahan responden tentang ilmu pengetahuan adalah seperti berikut:

Bagi saya, kita nak bahagia pun kene ada ilmu. Macam pengalaman saya sendiri kan. Dulu macam saya benda ni saya tak puas hati dua kali saya rasa tak *happy*. Tapi bila saya pegi macam banyak kem, *talk*, dia kata “kebahagiaan tu apa yang kita fikir, apa yang kita cari. So maksudnya untuk mencari kebahagiaan tu, kita sendiri kena ada ilmu untuk mencari kebahagiaan itu.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/25 tahun)

Didikan yang saya dapat daripada awal. So, itu membuatkan saya matang dan berfikiran terbuka.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/25 tahun)

Selain daripada itu, mesti ada ilmu agama, terbentuknya keluarga bahagia salah satu daripadanya ada ilmu agama. Jika keluarga tu tidak ada ilmu agama, anak-anak, suami akan beralih kepada satu keadaan yang tidak boleh dibendung. Punca keruntuhan rumahtangga salah satu dia, suami boleh minum arak, berjudi.

(Kumpulan Fokus 6/Perempuan/44 tahun)

Luahan responden telah menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan satu medium penting dalam memberikan kebahagiaan kepada mereka. Dengan ada ilmu pengetahuan, individu dan masyarakat akan terhindar daripada masalah-masalah sosial dan keruntuhan rumahtangga. Ilmu pengetahuan juga dapat meningkat taraf hidup masyarakat Melayu. Terdapat banyak peribahasa Melayu yang menekankan tentang ilmu pengetahuan seperti “kurang budi teraba-raba, tiada ilmu suluh padam”, “jika tidak pecah ruyung, manakan dapat sagunya” (Omar, 2003). Peribahasa tersebut adalah di antara puluhan peribahasa Melayu yang jelas menggambarkan pentingnya ilmu pengetahuan dalam masyarakat Melayu.

Menimba ilmu juga sangat dituntut dalam Islam. Ilmu pengetahuan merupakan prasyarat terpenting untuk mendapatkan nilai kebahagiaan kerana setiap perkara di dunia ini mestilah disandarkan kepada ilmu seperti iman dan perkara keagamaan, ekonomi, politik, sosial dan perpaduan (Nur Zahidah & Raihanah, 2011). Orang Islam yang berilmu harus bertindak sesuai dengan ilmunya dalam proses bertaqwa kepada Allah SWT (Nur Zahidah & Raihanah, 2011). Nampaknya Islam juga menyuruh penganutnya menimba ilmu pengetahuan untuk kesejahteraan di dunia dan ganjaran di akhirat. Sejauhmana ilmu pengetahuan ini mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu akan dihuraikan dalam Bab 4.

3.4.10 Aktiviti Masa Lapang

Individu akan melakukan berbagai aktiviti apabila mempunyai masa terluang, sama ada berbentuk hiburan, permainan, perkembangan sendiri, bersantai dan sebagainya. Aktiviti yang dilakukan memberikan kesan positif dalam kehidupan dan cenderung ke arah kebahagiaan individu (Argyle, 2001). Keputusan kajian telah menunjukkan masyarakat Melayu bahagia apabila melakukan aktiviti masa lapang sama ada sendiri, bersama kawan ataupun dengan keluarga. Penemuan ini selari dengan kajian yang dijalankan sebelumnya (Khairudin, 2009). Begitu juga dengan masyarakat Filipina, Amerika Syarikat, Malaysia, Indonesia dan Korea Selatan turut melaporkan yang mereka semua bahagia apabila melakukan aktiviti masa lapang (lihat Bahagian 1.3.1). Selain itu, kajian-kajian lepas turut mendapati ada hubungan di antara aktiviti masa lapang dengan kebahagiaan (Liang et al., 2013; Nawijn & Veenhoven, 2011; Pagán, 2014; Rodri'guez et al., 2008). *The World Database of Happiness* melaporkan ada 91 kajian yang mendapati hubungan di antara aktiviti masa lapang dan kebahagiaan (Veenhoven, 2008). Dengan itu, jelas aktiviti masa lapang berupaya menghilangkan tekanan dan memberikan keseronokan dan kebahagiaan.

Menurut Rodri'guez (2011), kebiasaannya aktiviti masa lapang dilakukan selepas memenuhi segala tanggungjawab harian seperti selepas waktu bekerja atau tugas lain. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan adakalanya unik mengikut budaya dan tidak semua aktiviti boleh dilakukan serentak. Misalnya orang Amerika Syarikat tidak bermain sepak takraw tetapi lebih kepada *baseball*, *skiing*, atau *chess*. Sepak takraw lebih kepada negara di Asia Tenggara (Rodri'guez, 2011), termasuklah masyarakat Melayu. Berdasarkan data GSOEP (*German Socio-Economic Panel*) didapati masyarakat German lebih suka melakukan aktiviti melancong (*holiday trips*) yang

memberikan impak yang tinggi dalam kepuasan dan kebahagiaan hidup mereka daripada aktiviti-aktiviti lain (Pagán, 2014). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Hazwani (2010) yang mendapati daripada 8 domain aktiviti yang dikemukakan, hanya aktiviti sosial yang berhubungan dengan kebahagiaan bagi golongan tua dan didapati warga tua Melayu yang ada aktiviti lebih rasa sihat berbanding dengan warga tua yang tidak terlibat dengan aktiviti sosial. Walau bagaimanapun, Nawijn dan Veenhoven (2011) telah menyatakan tidak perlu dijelaskan aktiviti-aktiviti yang dilakukan pada masa lapang satu persatu (secara khusus) dalam menyumbang kepada kebahagiaan, hal ini kerana aktiviti masa lapang itu merangkumi semua aktiviti khusus seperti mendengar musik, melancong, menonton televisyen dan sebagainya.

Seperti masyarakat lain, masyarakat Melayu turut mempunyai aktiviti-aktiviti sendiri bagi memenuhi masa yang terluang. Tambahan pula, bagi masyarakat Melayu tradisional, ekonomi hanya bergantung kepada keperluan-keperluan asas dalam sektor pertanian dan mereka mempunyai banyak masa lapang untuk mengisi penghidupan harian seperti mengadakan upacara-upacara khas tradisional (mak yong, dikir barat dan sebagainya) dan berbagai jenis permainan tradisional (congkak, sepak takraw, batu seremban, dan banyak lagi) yang dapat dilakukan bertujuan untuk kepuasan dan kebahagiaan (Wan Abdul Kadir, 2007). Setakat ini, Wan Abdul Kadir (2007) telah mendapati terdapat perbezaan antara masyarakat Melayu di bandar dan di kampung dalam melakukan aktiviti masa lapang kesan daripada pemodenan. Masyarakat Melayu di kampung masih lagi berusaha mengekalkan unsur-unsur budaya tradisi tetapi sedikit demi sedikit dilupakan disebabkan oleh modenisasi. Kebebasan untuk keluar rumah dan bersosial juga tidak terbatas disebabkan masyarakat kampung sangat mengambil berat dalam soal rukun tetangga. Disamping itu, dengan kemudahan hiburan di dalam

rumah (televisyen dan radio), sebahagian besar masa mereka dapat diisi dengan hiburan yang disalurkan melalui media massa (Wan Abdul Kadir, 2007).

Berbeza dengan masyarakat Melayu di bandar yang sangat terbatas pergerakannya dan sebahagian besar kehidupan mereka dihabiskan di rumah. Mereka terpaksa menghabiskan masa lapang dengan melakukan sesuatu yang tidak membosankan selain menonton televisyen dan mendengar radio. Bagi keluarga yang berada, mereka mampu menyediakan pelbagai jenis permainan bagi anak-anak menghabiskan masa lapang mereka di rumah. Hanya sekali sekala sahaja aktiviti masa lapang dihabiskan di luar seperti melancong, bersiar di taman, menonton wayang gambar dan lain-lain. Hal ini disebabkan oleh kesibukan kerja dan memenuhi keinginan atau kehendak yang lebih tinggi (Wan Abdul Kadir, 2007). Kesimpulannya, boleh dikatakan tidak kira sama ada di kampung atau di bandar, masyarakat melayu akan mencari hiburan atau sesuatu yang boleh dilakukan bagi memenuhi aktiviti masa lapang mereka. Dengan melakukan aktiviti yang diinginkan boleh mengurangkan tekanan dan rasa bosan dan sekaligus memberikan kepuasan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Selari dengan Islam, umatnya digalakkan untuk melakukan aktiviti bersukan seperti berkuda, memanah dan berenang. Melakukan aktiviti-aktiviti tersebut memberikan kekuatan tubuh badan dan kesihatan yang baik serta mendatangkan keseronokan (Asmak, 2008). Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh beberapa responden kajian terhadap aktiviti masa lapang yang membuatkan mereka bahagia:

Kalau buat aktiviti bersama kawan-kawan. Kalau kita duduk dekat kolej, ada banyak aktiviti. So, macam contohnya saya dekat rumah, kawan-kawan agak jauh daripada kawasan perumahan saya. Selepas itu, macam hendak berjumpa kawan-kawan masa cuti sekolah sahaja. Jadi, bila saya banyak terlibat aktiviti, jadi banyak bersama-sama lah.

(Kumpulan Fokus 2/Perempuan/23 tahun)

Macam sekarang I gila golfkan, I akan pergi mana-mana I nak main golf.
(Kumpulan Fokus 4/Lelaki/49 tahun)

Kita perlu melancong. Kita nak bergerak. Dalam keluarga kita nak rapatkan lagi. Kita mesti ada perbincangan dalam keluarga. Kita jalan..aaa..kurang-kurang kita jalan ke mana-mana. Kita jangan fikir duduk di rumah saje. Kita nak mengeratkan keluarga. Kurang-kurang kita kene berjalan, apa ni dalam setengah tahun, kita melancong ke mana-mana, negeri ke apa..tempat yang boleh melapangkan kita punya suasana ni kan. Kalau kita duduk boring juga di rumah ngadap muka hari-hari. Macam saya berdua takda muka lain nak tengok la kan. Ok lah, bulan depan jom balik kampong. Maknanya kita perlu berjalan. Rasa-rasa itupun salah satu kan.

(Kumpulan Fokus 8/Lelaki/61 tahun)

Kenyataan responden di atas telah menunjukkan bahawa dengan melakukan aktiviti masa lapang mampu memberikan kepuasan dan kebahagiaan kepada mereka. Aktiviti-aktiviti tersebut bergantung kepada keselesaan individu dan tidak ada paksaan dalam melakukannya. Kebiasaannya aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan kebosanan.

3.4.11 Bersikap Positif

Setiap individu inginkan ketenangan, keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Tekanan, kebimbangan dan perasaan negatif yang lain boleh menjadikan individu murung dan tidak bahagia. Antara langkah terbaik, individu seharusnya bersikap positif terhadap diri dan orang lain. Sentiasa bersikap positif boleh membuatkan perasaan menjadi tenang dan emosi terkawal. Hal ini bersesuaian dengan konsep kebahagiaan itu sendiri iaitu sifat positif yang kuat berbanding dengan sifat negatif (lihat Bahagian 1.5.1). Keputusan kajian ini telah mendapati sikap positif yang ditunjukkan dalam masyarakat Melayu boleh mendatangkan kebahagiaan. Keputusan ini didapati selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Khairudin (2009). Masyarakat lain (seperti

Kanada, Korea Selatan, Filipina, Taiwan), turut melaporkan perkara yang sama (lihat Bahagian 1.3.1). Seperti biasa, tema dimensi sebelum ini (kesejahteraan emosi, tenang dan aman) telah ditukar kepada dimensi bersikap positif. Walau bagaimanapun, maksud tetap sama.

Bersikap positif biasanya dikaitkan dengan budaya dan fahaman agama yang mempengaruhinya. Hal ini kerana individu bertindak berdasarkan nilai-nilai tradisi dan fahaman agama yang dianuti. Setiap budaya mempunyai nilai-nilai tradisi tersendiri yang diamalkan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup mereka. Tambahan pula, setiap nilai-nilai tradisi yang dimiliki adalah selari dengan fahaman yang dianuti sama ada Konfusianisme, Kristianiti, Hinduisime, Buddhisme dan Islam (lihat Bahagian 1.2.2). Nilai-nilai kehidupan Barat selalu dikaitkan dengan kehidupan individualistik yang mengutamakan kehidupan peribadi dan kurang melibatkan masyarakat dan nilai-nilai Barat selari dengan apa yang diterapkan dalam Kristianiti. Misalnya, Amerika Syarikat mempunyai nilai-nilai tradisi sendiri antaranya bersederhana, berjimat cermat, dan berdaya usaha. Nilai-nilai tersebut mendorong kepada kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyatnya (Huntington, 2008).

Begitu juga dengan masyarakat Asia Timur yang sangat mementingkan kehidupan kolektivistik yang mengutamakan kebajikan masyarakat dan selari dengan fahaman yang dianuti. Inoguchi dan Shin (2009) telah mendapati beberapa aspek yang kerap diajar di kalangan masyarakat Asia Konfusian iaitu kebebasan, keikhlasan, kejujuran, kesedaran, dan usaha. Masyarakat Jepun dilihat sebagai negara tunggal yang mempunyai sikap kesedaran yang tinggi dan sikap ini membezakan antara tamadun Jepun dan tamadun China walaupun mereka berkongsi fahaman yang sama (Inoguchi

dan Shin, 2009). Ternyata setiap masyarakat mempunyai nilai-nilai sendiri dalam merencana kehidupan yang lebih produktif dan bahagia.

Masyarakat Melayu turut mempunyai nilai-nilai tradisi sendiri yang diamalkan sebelum kedatangan penjajah lagi. Seperti yang telah dihuraikan dalam Bahagian 2.2, kemasukan Islam telah membentuk nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu menjadi lebih halus dan bermakna. Secara tidak langsung nilai-nilai tradisi ini telah membentuk cara berfikir masyarakat Melayu. Kadangkala ada yang mengatakan nilai-nilai tradisi sebagai nilai-nilai murni, peraturan sosial dan Islam pula menyebut sebagai akhlak. Al-Farabi menjelaskan menjalani kehidupan mestilah seiring dengan akhlak yang mulia dan amalan yang baik maka lahirlah sifat keutamaan dan terpuji, iaitu kesederhanaan, keadilan, budi bahasa, penghormatan diri dan kebaikan (Zahidah & Raihanah, 2011). Sarjana Melayu banyak melihat tentang nilai-nilai masyarakat Melayu antaranya hormat-menghormati, bersederhana, tolong-menolong, berbudi bahasa, rendah diri, pemurah, kesabaran, ketekunan, mematuhi undang-undang dan ziarah menziarahi (Asma, 2007; Abdul Halim & Md. Shuaib, 1993; Hashim, 2008; Ismail, 1991; Jaafar et al., 2004; Mohd Koharuddin, 2005; Norazit, 1997; Noriati, 2007; Wan Abdul Kadir, 2007). Kesemua nilai-nilai yang disebut selari dengan tuntutan Islam.

Wan Abdul Kadir (1994) telah menyatakan semua nilai-nilai tersebut terangkum dalam nilai budi kerana nilai budi kepada orang Melayu adalah suatu ruang lingkup yang luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan kehalusan mengikut nilai-nilai yang dipupuknya. Beliau turut menyatakan untuk memahami budi Melayu, seseorang itu seharusnya faham budaya Melayu. Nampaknya, dengan berpegang kepada semua nilai-nilai tradisi Melayu dan Islam mampu memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan

dalam hidup. Berikut adalah kenyataan daripada responden kajian tentang aspek bersikap positif:

Saya tengok, kalau orang itu dia boleh menghadapi masalah. Macam berjalan dengan lancar, tenang dan boleh kawal.

(Kumpulan Fokus 1/Lelaki/22 tahun)

Ada juga masalah, jadi saya biarkan benda tu, sekadar pengalaman jelah. biarkan ia berlalu, kalau orang tu jahat, saya maafkan dia, tidak ada masalah. Asalkan saya masih lagi waras, saya berfikir secara positif la.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/25 tahun)

Nampak ceria, bersopan santun, lemah lembut, pegangan teguh pada agama. Itulah ciri-ciri yang asas la kan.

(Kumpulan Fokus 4/Perempuan/39 tahun)

Mau bertolak ansur, baik budi bahasa, senyum selalu, jangan gaduh dengan jiran, selalu gurau senda dengan kawan-kawan, duit tak berkira.

(Kumpulan Fokus 9/Perempuan/55 tahun)

Kesimpulannya, sikap positif yang ditunjukkan dalam masyarakat Melayu membawa kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Tambahan pula, nilai-nilai tradisi dan Islam sangat mempengaruhi individu Melayu itu dari segi berfikir, bertindak dan mengawal emosi. Sebenarnya, tidak kira masyarakat apa sekalipun dan fahaman apa yang dianuti, masing-masing inginkan kehidupan yang harmoni dan setiap individu digalakkan bertingkah laku, berfikiran dan bersikap positif.

3.4.12 Taraf Hidup

Keputusan kajian telah menunjukkan taraf hidup adalah satu lagi dimensi yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Semakin baik taraf hidup yang

dimiliki individu, semakin meningkat kebahagiaan dan sebaliknya. Hal ini selari dengan dapatan kajian sebelumnya (Khairudin, 2009) yang mendapati dimensi hubungan dengan kerja, kerjaya dan cita-cita (sebagai satu dimensi) dan dimensi harta benda, wang dan material (sebagai satu dimensi lagi) membawa kepada kebahagiaan. Kedua-dua dimensi yang diperoleh sebelum ini adalah berasingan dan nampak ianya berbeza. Menurut Flora (1999), taraf hidup umumnya diukur mengikut tahap penggunaan seperti pendapatan, keperluan asas (makanan, pakaian dan tempat tinggal) dan isu-isu berkaitan dengannya. Begitu juga kajian Cummins (1996) yang meletakkan dimensi kesejahteraan material sebelum ini dan kemudiannya digantikan kepada dimensi taraf hidup pada tahun 2006. Maka, dengan itu, kedua-dua dimensi tersebut digabungkan menjadi dimensi taraf hidup. Masyarakat lain (Australia, Amerika Syarikat, Kanada, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Filipina dan Indonesia) juga turut melaporkan yang mereka bahagia dengan taraf hidup yang baik (lihat Bahagian 1.3.1).

Kajian ini juga mendapati ada beberapa elemen yang telah dinyatakan oleh responden kajian berkaitan dengan taraf hidup, iaitu pekerjaan dan kewangan (pendapatan), material (kebendaan) dan keperluan fisiologi. Setiap masyarakat inginkan kehidupan yang selesa, sejahtera dan bahagia dengan cara meningkatkan taraf hidup termasuk masyarakat Melayu. Bagi memastikan taraf hidup yang selesa, setiap individu mahukan pekerjaan dan pendapatan yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak peribadi atau masyarakat. Pekerjaan dan pendapatan boleh dikatakan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Menurut Compton (2005) dan Argyle (2001), kerja/kerjaya sangat penting dan amat signifikan dalam masyarakat di dunia. Semua masyarakat mengimpikan kerjaya yang baik dan memperoleh pendapatan yang lumayan dalam menjamin kehidupan harian. Secara tidak langsung kerjaya dan pendapatan memberikan kebahagiaan dalam hidup. Chen (2012) turut mendapati

pendapatan adalah faktor sangat penting dalam kebahagiaan masyarakat yang mempunyai tahap pendapatan yang rendah seperti masyarakat China. Jelas menunjukkan bahawa pekerjaan dan pendapatan atau sumber kewangan menjamin kebahagiaan sesebuah masyarakat terutama dalam masyarakat yang mempunyai tahap pendapatan yang rendah (*lower income level*).

Masyarakat Melayu juga inginkan kehidupan dan taraf hidup yang baik. Norhayati (2007) telah mendapati sebab masyarakat Melayu bekerja adalah untuk memiliki wang bagi memenuhi keperluan hidup dan kehidupan menjadi mewah. Wan Abdul Kadir (2002) pula telah menyatakan masyarakat Melayu lebih mengutamakan pekerjaan jenis makan gaji yang bukan sahaja dapat memberikan mereka kedudukan ekonomi yang lebih baik, tetapi juga dapat memperbaiki kedudukan sosial. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *The Guardian*, sebanyak 81.35 % orang Melayu yang bekerja di sektor awam pada tahun 2007 (Mohd Ridhuan Tee, 2011). Ternyata benar kebanyakan orang Melayu lebih bergantung kepada pekerjaan sektor awam yang berkonsepkan makan gaji. Zaimah et al. (2012) pula mendapati pekerja awam di Malaysia menunjukkan tahap kepuasan kewangan pada tahap sederhana dan masih mempunyai hubungan dengan kebahagiaan hidup. Nampaknya, bekerja di sektor awam menjadi pilihan utama orang Melayu walaupun kepuasan sumber kewangan hanya di tahap sederhana. Bekerja di sektor awam bukan sahaja menerima gaji tetap setiap bulan, malah mereka mendapat kemudahan lain seperti perkhidmatan kesihatan percuma dan wang persaraan (Wan Abdul Kadir, 2002). Bekerja makan gaji juga dikatakan lebih ringan daripada pertanian yang terpaksa berpanas dan berhujan semasa bekerja (Wan Abdul Kadir, 2002). Kesimpulannya, bekerja di sektor awam menjamin masa depan dan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu di samping memperoleh gaji bulanan tetap dan imbuhan-imbuhan lain.

Masyarakat Melayu juga dilihat sanggup melakukan pekerjaan lebih masa atau menukar pekerjaan bagi mendapatkan gaji yang lebih tinggi (Norhayati, 2007). Di sini, dapat dilihat bagaimana kewangan mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu dalam memenuhi tuntutan taraf hidup. Walau bagaimanapun, sumber kewangan bukan sahaja terikat dengan pekerja di sektor awam, malah ia juga berkait dengan masyarakat Melayu yang bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri bagi menikmati hidup yang lebih selesa dan bahagia. Berikut dinyatakan beberapa kenyataan responden berhubungan dengan pekerjaan dan kewangan (pendapatan) dalam menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu:

Satu lagi kerja la. Kalau kerja tu tak ada tekanan orang sekeliling kita tidak selisih faham. Saya rasa haritu, hari bahagia bagi saya lah.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/31 tahun)

Dunia kerja pun Alhamdulillah saya bersyukur sebab bekerja di sebuah syarikat swasta yang agak besar dan kondusif dari segi pekerjaan.

(Kumpulan Fokus 7/Lelaki/51 tahun)

Macam orang cakap, duit ni bukan segala-galanya tapi dalam keadaan sekarang, duit adalah salah satu punca kebahagiaan sebab kalau dengan duit, contohnya keinginan tercapai dengan duit. Kita boleh buat macam mana banyak benda yang kita buat dengan duit la. Kalau kita tengok orang lain, kita rasa teringin sebab ada duitkan. Sebab dengan ada duit kira salah satu daripada punca kebahagiaan tu lah. Tercapai lah.

(Kumpulan Fokus 2/Lelaki/22 tahun)

I think faktor kewangan juga pun mempengaruhi. Kalau duit tak ada kan. *Let's say* kalau apa sang suami tiba-tiba tak ada keje ke kan. Terumbang ambing, jadi tak ada sikap bertanggungjawab, tak ada usaha lebih, rasa kebahagiaan tergugat kat situ.

(Kumpulan Fokus 4/Perempuan/39 tahun)

Kenyataan responden yang ditunjukkan di atas adalah sebagai bukti menerangkan pekerjaan dan pendapatan juga adalah sumber kebahagiaan masyarakat

Melayu. Dengan adanya pekerjaan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memperoleh pendapatan. Kebiasaannya, pendapatan yang diperoleh mencukupi untuk kegunaan harian dan simpanan. Sekiranya pendapatan tidak mencukupi, masyarakat Melayu akan mencari pekerjaan lain atau kerja lebih masa untuk pendapatan sampingan seperti yang telah dijelaskan di atas.

Pendapatan yang diperoleh turut mempengaruhi masyarakat Melayu untuk memiliki harta benda dan keperluan hidup yang lain seperti makan dan minum, kereta, tempat tinggal dan sebagainya. Selari dengan herarki keperluan Maslow (Schultz & Schultz, 2005) yang menyatakan bahawa manusia terpaksa memenuhi keperluan asas dahulu untuk ke tahap kesempurnaan sendiri. Keperluan asas satu perkara penting dalam kehidupan manusia dan perlu diberi perhatian. Apabila keperluan asas tidak dipenuhi akan memberi kesan kepada kebahagiaan hidup (kebuluran, tahap kesihatan yang rendah, dan penyakit berjangkit) seperti yang berlaku di negara-negara kurang membangun. Kajian Jongudomkarn dan Camfield (2006) mendapati rumah, makanan, pakaian dan perubatan antara keperluan asas yang penting dan memberikan kesejahteraan kepada penduduk Thailand. Bukan sahaja penduduk Thailand, bahkan masyarakat diseluruh dunia termasuk masyarakat Melayu sangat memerlukan keperluan asas untuk meneruskan kehidupan. Keperluan asas dipenuhi, kebahagiaan turut dirasai.

Setelah memenuhi keperluan asas, seseorang itu akan terus berusaha untuk memperoleh harta kekayaan yang bukan sahaja membabitkan harta benda konkrit (seperti kereta, rumah dan perhiasan) tetapi juga status sosial seperti kemegahan dan kemasyhuran (Nik Azis, 2005). Dengan adanya harta kekayaan menjadikan kehidupan seseorang itu selesa dan segala kehendak yang dingini tercapai. Secara tidak langsung akan membawa kebahagiaan dalam hidup. Masyarakat Melayu sedar bahawa kekayaan

ini penting bukan sahaja bagi penghidupan sosial, tetapi juga kepentingan kebajikan agama dan sosial. Dengan kekayaan membolehkan orang Melayu membuat kebajikan sebagaimana yang disuruh oleh agama seperti mengeluarkan zakat, membantu orang-orang miskin dan membuat amal jariah (Wan Abdul Kadir, 1994). Walau bagaimanapun, kekayaan bukanlah matlamat utama dalam kehidupan masyarakat Melayu dan pertimbangan kedudukan ekonomi, sosial dan agama haruslah seiring dalam kehidupan harian (berkaitan dengan halal dan haram).

Bukan semua masyarakat Melayu mengamalkan keseimbangan berdasarkan tiga komponen tersebut (ekonomi, agama dan sosial). Terdapat juga kekayaan yang diperoleh orang Melayu kadang kala hanya untuk keperluan dirinya sahaja. Menurut Wan Abdul Kadir (2007), kekayaan dapat membentuk sikap mementingkan diri (individualistik) dan individu terpaksa bersaing untuk mendapatkan kekayaan di samping keutamaan adalah untuk diri sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa kebahagiaan masih wujud tetapi ada kala lebih cenderung kepada hak individu dalam kalangan masyarakat Melayu. Berikut adalah kenyataan responden berdasarkan harta benda dan keperluan asas sebagai penyumbang kepada kebahagiaan hidup mereka:

Keperluan rumah, kereta, *handphone*, itupun bahagia. Tak ada *handphone* tak bahagia, susah nak *call family*, *call* bini dan *call* anak.

(Kumpulan Fokus 3/Lelaki/31 tahun)

Harta itu penting la untuk kebahagiaan

(Kumpulan Fokus 3/Perempuan/30 tahun)

Saya dan kita cukup makan minum. Bila kita banding dengan negara-negara luar, kita rasa banyak bersyukurlah. Itu menjadikan saya bahagia lah. Jadi, kalau di bandingkan dengan negara luar, kita sedih la tengok. Lagi satu, keperluan asas saya, Alhamdulillah, cukup.

(Kumpulan Fokus 7/Lelaki/51 tahun)

Keperluan makan dan minum memberikan kebahagiaan. Penting dalam rumah tangga, bila tidak ada pincanglah.

(Kumpulan Fokus 5/Perempuan/45 tahun)

Nampaknya, kenyataan responden menunjukkan bahawa keperluan asas dan harta benda memberikan kebahagiaan kepada mereka. Keperluan asas sangat penting untuk memberikan tenaga kepada masyarakat Melayu untuk bekerja dan mendapatkan pendapatan. Dengan adanya pendapatan, masyarakat Melayu mampu untuk menyediakan keperluan asas dan kehendak-kehendak yang dingini seperti kenderaan, telefon pintar dan sebagainya. Bukan sahaja masyarakat Melayu, malah masyarakat Thailand turut melihat kepentingan material sebagai satu kemudahan dalam hidup mereka (seperti peti ais, telefon pintar, komputer riba dan kenderaan) dan secara tidak langsung memberikan kebahagiaan dalam kehidupan (Jongudomkarn dan Camfield, 2006). Kesimpulan yang dapat dibuat, kesemua elemen (pekerjaan, pendapatan, keperluan asas dan harta benda) yang dinyatakan di atas adalah untuk meningkat taraf hidup masyarakat Melayu. Sekiranya taraf hidup masyarakat Melayu baik dan meningkat, semestinya memberikan kebahagiaan dalam kehidupan. Begitu juga dengan taraf hidup yang merosot atau kurang, masyarakat Melayu akan mengalami tekanan dan konflik dalam hidup mereka

Islam turut menggalakkan individu meningkatkan taraf kehidupan. Dalam mengejar taraf hidup yang sempurna, individu perlu mengambil kira pelbagai faktor yang telah digariskan dalam Islam seperti, sikap bersederhana, amanah, halal dan haram, syukur, sabar, bekerjasama dan banyak lagi (Abdul Halim & Md. Shuaib, 1993; Asrul, 2002; Wan Abdul Kadir, 1994). Kesemua faktor tersebut adalah demi kesejahteraan, ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup. Taraf hidup juga dilihat sebagai perkara yang menggalakan kebahagiaan masyarakatnya apabila memenuhi keperluan asas dan

kehendak seperti pendapatan yang stabil, keperluan asas yang mencukupi, tempat penginapan yang sejahtera dan sebagainya. Sejauhmana pentingnya taraf hidup dalam kebahagiaan masyarakat Melayu akan dilihat di dalam Kajian 2.

3.5 Kesimpulan

Kajian 1 ialah kajian temubual kumpulan fokus (*focus group interview*) yang dijalankan dengan tujuan untuk meneroka dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Setelah dianalisis data temubual 45 orang responden (terdiri daripada 9 kumpulan fokus), didapati ada 12 dimensi kebahagiaan.

Apa yang boleh disimpulkan setakat ini ialah ada dimensi yang sama dengan apa yang telah ditemui oleh Khairudin (2009) dan ada yang tidak sama (ada penambahan, iaitu penerimaan, pencapaian dalam hidup dan persekitaran harmoni; lihat Jadual 3.4). Dimensi-dimensi ini juga seiring dengan nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan orang Melayu yang unik dan ada yang sama dengan Barat, ada yang tidak sama. Pada masa yang sama, dimensi-dimensi kebahagiaan yang ditemui juga ada unsur prinsip-prinsip Islam yang juga sama dengan Konfusian dan Hinduisme tetapi ada juga berbeza sedikit dari segi interpretasi (yang sebenarnya ke arah darjah penekanan). Semua isu ini akan dilihat kembali dalam Kajian 2 yang berikut.

BAB 4

KAJIAN 2 PENGUKUHAN DIMENSI KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU

4.1 Pendahuluan

Berdasarkan keputusan kajian yang telah diperoleh sebelum ini (lihat Bab 3), kebahagiaan masyarakat Melayu didapati terdiri daripada 12 dimensi kesemuanya (sila rujuk Rajah 3.2). Keputusan yang ditunjukkan ini ada sedikit perbezaan dengan apa yang telah ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini. Perbezaan tersebut hanya melibatkan pengubahsuaian tema dan penambahan satu atau dua tema yang baru dikenalpasti (lihat Bahagian 3.4). Kesan daripada perubahan dan penemuan tema baru ke atas dimensi kebahagiaan yang diperoleh di dalam Kajian Satu (1) (yang dilaporkan dalam Bab 3 tadi), maka Kajian Dua (2) yang dijalankan berikut ini bertujuan untuk memperinci dan mengukuhkan lagi dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Sekiranya dilihat kepada kajian-kajian terdahulu, kajian lanjutan dilakukan bagi mengukuhkan dimensi kebahagiaan lantaran masalah persampelan dan dimensi yang berulang serta bertindih dengan kajian sebelumnya (lihat Bahagian 2.3; Cummins, 2006; Dayton et al., 2001; Kim et al., 2007; Ku et al, 2008). Kajian lanjutan biasanya melibatkan kaedah penyelidikan yang berlainan dengan kajian terdahulu dan ia dipanggil sebagai kaedah triangulasi.

Triangulasi adalah kombinasi penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data (kebiasaan dua) untuk mengkaji fenomena yang sama (Berg, 2004). Gabungan pelbagai teknik pengumpulan data dapat menyeimbangkan setiap kelemahan dan kekuatan yang ada pada setiap kaedah yang digunakan (Esterberg, 2002). Menurut Othman (2007):

Triangulasi merupakan prosedur kesahan di mana penyelidik menggunakan pelbagai sumber maklumat yang berbeza untuk membentuk tema atau kategori dalam sesuatu kajian. Proses ini menggunakan lensa penyelidik secara sistematik menganalisis dan mengatur data untuk mencari tema dan kategori yang sama dengan menghapuskan tindan-tindih antara maklumat atau data. Amalan yang biasa digunakan adalah dengan membentuk bukti yang sama melalui maklumat yang dikumpul melalui pelbagai metod seperti pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mengesan tema minor dan major. Dalam konteks ini, laporan atau naratif adalah sah sebab penyelidik melalui proses ini dan menggunakan pelbagai bentuk data. (Hal. 192)

Triangulasi sangat disyorkan dalam kajian kualitatif kerana ia adalah cara penyelesaian terbaik dan pengkaji tidak hanya bergantung pada satu kaedah tunggal yang mungkin boleh menjejaskan kredibiliti dan kesahihan penemuan disebabkan oleh kelemahan kaedah yang digunakan (Puvesvary et al., 2008). Dalam kajian ini, triangulasi metodologikal akan digunakan memandangkan penggunaannya yang meluas (Hussein, 2009). Triangulasi metodologikal melibatkan penggunaan dua metod untuk mengkaji fenomena yang sama (Hussein, 2009; Othman, 2007). Pengkaji boleh mengabungkan kaedah-kaedah kualitatif (seperti temu bual dan pemerhatian ikut serta) atau cantuman kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif (King & Horrocks, 2010). Dengan itu, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif sekali lagi dalam mengukuhkan 12 dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu sangat menitik beratkan nilai-nilai tradisi terutama hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain dan Islam sebagai sistem kepercayaan mereka. Ketiga-tiga aspek ini dilihat sebagai penyumbang utama dalam mempengaruhi kebahagiaan (rujuk Bahagian 2.2). Walau bagaimanapun, kajian lepas telah menunjukkan secara spesifiknya, keluarga merupakan dimensi paling utama yang menyumbang kebahagiaan masyarakat Melayu, diikuti dengan hubungan baik dengan rakan-rakan, jiran dan masyarakat. Agama didapati tidak berada dalam kelompok lima dimensi yang utama menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu (Khairudin,

2009). Seperti yang telah dibincang dalam Bahagian 2.2, agama sangat penting dalam masyarakat Melayu, malah ia sinonim dengan orang Melayu (Idris, 2012; Jaafar et al., 2004; Khairudin, 2009; Mohd Koharuddin, 2005; Norazit Selat; Noriati, 2007; Wan Abdul Kadir, 1994; Zakaria et al., 2012). Barangkali agama menjadi kurang penting disebabkan terlalu banyak nilai-nilai budaya popular dari luar (seperti Barat dan Asia Konfusian) yang menyerap masuk dan menjadi amalan dalam masyarakat Melayu masa kini seperti pergaulan bebas, hiburan keterlaluan, perhiasan dan banyak lagi (Khairudin, 2009; Metzger, 2007; Syed Husin, 2008; Wan Abdul Kadir, 2002). Walau bagaimanapun, masih terlalu awal untuk membuat sebarang andaian disebabkan kajian Khairudin (2009) sebelum ini adalah suatu percubaan awal dalam meneroka dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Oleh itu, selain pengesahan kembali (*re-confirm*) 12 dimensi kebahagiaan, Kajian 2 ini akan memeriksa sekali lagi sejauhmana ketiga-tiga dimensi hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain dan agama Islam menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu; adakah sama dengan dapatan sebelumnya atau sebaliknya.

4.2 Metod Kajian

Bahagian ini akan menyatakan tentang prosedur dalam menjalankan kajian, iaitu rekabentuk kajian, responden kajian, format temu bual semi berstruktur, analisis data dan kebolehpercayaan dan kesahan.

4.2.1 Reka Bentuk Kajian

Bagi mengukuhkan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu, kajian ini akan menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Temu bual semi berstruktur adalah

satu gabungan di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Berg, 2004; Esterberg, 2002; Othman, 2007). Temu bual jenis ini melibatkan beberapa soalan yang telah ditetapkan dan topik-topik khas (Berg, 2004). Kebiasaannya, soalan-soalan daripada penemu bual disusun dengan sistematik dan konsisten tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut bersifat terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan responden (Berg, 2004; Othman, 2007). Menurut Schensul et al. (1999), temu bual semi berstruktur adalah kaedah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor dalam kajian. Dengan itu, kaedah ini amat bersesuaian untuk mengesahkan 12 dimensi kebahagiaan yang diperoleh dan kaedah ini juga dapat menjelaskan lebih lanjut dimensi utama kebahagiaan masyarakat Melayu (Othman, 2007).

4.2.2 Responden Kajian

Seramai 30 orang responden (23 lelaki dan 7 perempuan) telah mengambil bahagian dalam temu bual semi berstruktur secara sukarela. Taburan responden adalah mengikut kumpulan umur, iaitu yang berumur 20-34 tahun seramai 10 orang (Min =29; SD =2.11), 35-49 tahun sebanyak 10 orang (Min=41.90; SD=4.61) dan 50 tahun dan ke atas berjumlah 10 orang (Min=56.30; SD=5.98). Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.2.3, pembahagian kumpulan umur dibuat kerana setiap tahap perkembangan dewasa mempunyai peranannya sendiri. Jadi, dengan melihat ketiga-tiga kumpulan umur akan memberikan gambaran yang menyeluruh ke atas dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Dalam memperoleh sesi soal jawab bersama responden, pengkaji telah bersiap sedia dengan beberapa dokumen penting seperti, surat kebenaran kerja lapangan, borang

informed consent dan pita rakaman. Pengkaji telah menjalankan sesi temu bual semi berstruktur di tempat awam dan terbuka. Pengkaji bersedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku kesan daripada pemilihan lokasi temu bual dijalankan. Setibanya pengkaji di tempat kajian yang ingin dijalankan, pengkaji akan menemu bual sesiapa sahaja individu yang dijumpai dan berminat untuk ditemu bual. Biasanya, pengkaji akan menyapa individu terlebih dahulu dan menjalankan *rapport* supaya individu rasa selesa. Setelah menjelaskan kepada individu tentang tujuan kajian ini dijalankan dan mendapat persetujuannya, barulah temu bual dijalankan. Sekiranya individu itu menolak, pengkaji akan beralih kepada individu yang lain dengan cara yang sama. Pemilihan responden terikat dengan kriteria yang telah digariskan, iaitu golongan dewasa 20 tahun dan ke atas serta etnik Melayu sahaja (lihat Bahagian 3.2.2).

4.2.3 Prosedur Temu Bual

Seperti yang telah dinyatakan di atas, sebelum memulakan proses temu bual semi berstruktur, pengkaji telah beramah mesra dengan responden yang dirasakan layak untuk ditemu bual dan soalan yang ingin ditanyakan berdasarkan kriteria yang telah diambil kira. Soalan-soalan tentang kebahagiaan yang hendak ditanya merupakan soalan yang telah dikemukakan oleh Kim et al. (2007) dan digunakan semasa temu bual kumpulan fokus (sila rujuk Bahagian 3.2.3). Hal ini bertujuan untuk mendapatkan kesahan dimensi kebahagiaan yang baik.

Borang '*informed consent*' diedarkan kepada responden sebagai persetujuan mereka menyertai temu bual yang akan dijalankan. Aspek kerahsiaan amat dititikberatkan dan penyelidik tidak dibenarkan mengguna nama sebenar responden untuk dilaporkan dalam kajian tanpa persetujuan mereka. Maka, cukup sekadar dengan

menggantikan kepada perkataan “responden atau nama samaran/rekaan” apabila ingin menerbitkan keputusan kajian bagi melindungi hak-hak peribadi individu yang terlibat (Punevesvary, 2008).

Dalam kajian ini, responden diminta untuk menjawab soalan-soalan tentang kebahagiaan yang diajukan oleh pengkaji. Kajian ini tiada had masa yang ditentukan dan responden bebas untuk memberi pandangan dan menceritakan tentang pengalaman hidup mereka yang mampu memberi kebahagiaan. Pengkaji akan memberhentikan temu bual apabila tiada maklumat baru yang diperolehi daripada responden.

4.2.4 Analisis Data

Pita rakaman (*tape-recorder*) digunakan untuk merekod segala perbualan dan perbincangan di antara penemu bual dan responden. Kemudian perbualan yang direkodkan disalin semula dalam bentuk tulisan. Segala transkrip yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan aplikasi Nvivo versi 8.0. Analisis tematik turut digunakan dalam kajian ini (huraian terperinci lihat Bahagian 3.2.4).

4.2.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Huraian terperinci tentang kesahan dan kebolehpercayaan telah dibincangkan dalam Bahagian 3.2.5. Kajian sebelum ini telah menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi ke atas dimensi kebahagiaan yang diperolehi. Namun, kajian ini dirasakan perlu untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan disebabkan metod yang digunakan berlainan.

Dalam kajian ini, pengkaji dan seorang ahli psikologi (nama dirahsiakan dan orang yang sama dalam mengkod data kumpulan fokus) menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diberikan oleh responden berdasarkan 12 dimensi yang telah ditemui dalam Bab 3. Kajian ini akan melihat sejauh mana kesepadanan dimensi yang diperolehi dengan kajian sebelumnya. Setiap penganalisis membaca terlebih dahulu transkrip secara individu dengan meletakkan setiap kenyataan responden berdasarkan 12 dimensi kebahagiaan yang sedia ada. Kemudian, penganalisis berkumpul dan berbincang semula tentang kesepadanan data dengan dimensi dan mengenal pasti kesesuaian dimensi berdasarkan kenyataan yang mengelirukan penganalisis. Sekiranya didapati mempunyai dimensi yang baru, maka pengkaji akan menambahkannya. Pengkaji akan melakukan semakan terakhir kod-kod berdasarkan 12 dimensi supaya tidak ada pertindihan. Proses perbincangan dan penyemakan perlu untuk mencapai inter-subjektiviti dan kebolehpercayaan serta kesahan dimensi tersebut diterima dalam kajian yang dijalankan (Lu & Shih, 1997). Hasil kajian akan ditunjukkan dalam bahagian keputusan.

Interrater atau *intercoder* turut dijalankan. Senarai semak kenyataan daripada responden mengikut dimensi telah disediakan untuk dinilai oleh dua pengkaji bebas dari bidang psikologi. Data nominal digunakan, iaitu pengkaji bersetuju mewakili "1" dan tidak bersetuju mewakili "0" berdasarkan kesepadanan kenyataan dengan dimensi-dimensi kebahagiaan. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan yang baik, pengkaji telah menggunakan kaedah indeks kebolehpercayaan *Cohen kappa* (k) dalam perisian *MedCal Statistical Software 12.5*. Keputusan menunjukkan nilai kebolehpercayaan berdasarkan *Cohen kappa* secara keseluruhannya ialah $k = 0.82$. Hal ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan data dalam temu bual mendalam berada pada tahap

konsistensi pengkodan yang tinggi dan baik. Jadual 4.1 menunjukkan indeks kebolehpercayaan *Cohen Kappa*.

Jadual 4.1 Indeks Kebolehpercayaan *Cohen Kappa* ke Atas Temu Bual Mendalam.

Pengkaji Bebas 2	Pengkaji Bebas 1		
	0	1	
0	1	4	5 (4.2%)
1	9	106	115 (95.8%)
	10 (8.3%)	110 (91.7%)	120
<i>Kappa</i>	0.82		
Ralat Piawai	0.123		
95% CI	-0.158 – 0.323		

4.3 Keputusan Kajian

Keputusan kajian akan diterangkan secara terperinci mengikut subtopik berikut:

4.3.1 Kesepadanan Dimensi

Keputusan kajian telah mendapati data yang dianalisis hasil temu bual semi berstruktur ada kesepadanan berdasarkan 12 dimensi kebahagiaan yang diperolehi dalam temu bual kumpulan fokus (lihat Bab 3). Hal ini menunjukkan dimensi-dimensi tersebut memberi impak yang sangat mendalam terhadap kebahagiaan masyarakat Melayu. Jadual 4.2 menunjukkan taburan analisa dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu mengikut responden.

Jadual 4.2 Taburan Analisa Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu Mengikut Responden

Nama	Umur	Jantina	Dimensi Kebahagiaan											
			A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
Wahid	25	Lelaki		√				√	√					
Farid	32	Lelaki		√		√		√	√					√
Ilham	29	Lelaki		√			√							
Yati	30	Perempuan				√			√					√
Ruhana	28	Perempuan				√			√	√				√
Fazila	31	Perempuan				√			√		√			√
Khairin	29	Lelaki				√			√		√	√		√
Ahmad	27	Lelaki			√	√		√	√					√
Nuraslinda	31	Perempuan		√			√		√					√
Tarmizi	28	Lelaki				√			√		√	√		√
Mudin	39	Lelaki	√		√				√		√	√	√	√
Yazid	43	Lelaki							√	√		√		√
Hamid	46	Lelaki		√					√					√
Aziz	38	Lelaki				√			√		√			√
Syafiddin	45	Lelaki		√					√					√
Syafiq	35	Lelaki		√		√		√	√			√		
Ajis	49	Lelaki				√			√		√			√
Din	41	Lelaki				√			√	√				√
Shahrul	37	Lelaki	√					√	√		√			√
Hadil	46	Lelaki	√			√			√					√
Muhammad	68	Lelaki		√	√			√						√
Zulkarnain	50	Lelaki		√					√		√			√
Sani	51	Lelaki	√	√	√									√
Aminah	60	Perempuan				√			√		√			√
Rahman	50	Lelaki		√		√		√	√					√
Jamilah	63	Perempuan		√		√		√	√					√

Zainah	54	Perempuan		√	√	√		√	√					√
Ramli	56	Lelaki	√	√			√	√		√	√			√
Muda	58	Lelaki						√				√		√
Muhidin	53	Lelaki	√	√	√	√		√						√
Total			6	15	6	18	9	26	5	7	8	3	8	24

Nota: N=30, A=Agama, B=Aktiviti masa lapang, C=Autonomi, D=Bersikap positif, E=Hubungan baik dengan orang lain, F=Hubungan kekeluargaan, G= Ilmu pengetahuan, H=Kesihatan, I=Pencapaian dalam hidup, J=Penerimaan/Redha, K=Persekitaran harmoni, L=Taraf hidup.

Kebanyakan responden hanya menyebut beberapa dimensi seperti tiga dan empat daripada 12 dimensi yang ditemui, namun ia masih memberi makna dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Tambahan pula, taburan dimensi yang dinyatakan oleh responden turut menunjukkan bahawa individu itu sendiri mempunyai pandangan tersendiri tentang dimensi kebahagiaan walaupun ada dimensi yang sama dinyatakan. Menurut Othman (2007), dengan memilih latar belakang yang berbeza, memberikan kepelbagaian pengalaman terhadap fenomena yang dikaji. Jelas menunjukkan, walaupun pandangan yang berbeza, namun persamaan tetap ada dan ianya selari dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu seperti yang telah diperjelaskan dalam Bab 3.

Di dalam Bahagian 3.4 telah dihuraikan dengan terperinci dimensi-dimensi yang diperoleh hasil daripada temu bual kumpulan fokus selari dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu dan Islam berserta dengan kenyataan ahli-ahli kumpulan fokus tersebut. Jadi, keputusan kajian ini hanya melaporkan dimensi dan sebahagian contoh-contoh kenyataan (tidak mengikut kumpulan umur) yang diberikan oleh responden hasil daripada temu bual semi struktur adalah seperti berikut:

1. Hubungan kekeluargaan

“Macam memang kat dunia ni kita kena ada *family* la, baru rasa *happy*. Kalau macam kita pergi kerja balik kerja bila tengok *baby*, penat tu hilang macam tu saja la. Tak rasa penat la. *Happy* la.”

(Wahid/ lelaki/ 25 tahun)

“Pertama hubungan kita dengan keluarga mesti baik makna tak ada masalah rumah tangga. Hubungan isteri anak denagn kita semua baik. Jadi, kita boleh *enjoy life*. Apa-apa pun kita boleh *share* dengan *family* kita.”

(Rahman/ lelaki/ 50 tahun)

2. Hubungan baik dengan orang lain

“Sekeliling masyarakat. Saya kira nasib baik la, orang sekitar kawasan saya boleh kata agak baik-baik. Jadi, saya tak anggap tak baik. Saya anggap baik dan ada juga orang yang dapat jiran-jiran yang tak baik tapi nasib saya baik dapat jiran-jiran yang baik.”

(Muhammad/ lelaki/ 68 tahun)

“Bagi saya, perkara yang buat saya bahagia adalah apabila saya berada bersama-sama dengan kawan-kawan. Kalau kita ada ramai kawan, kita boleh sembang, kita akan rasa bahagia lah. Kita rasa suka dan tak ada kesunyian. Itulah kadang-kadang buat kita rasa bahagia.”

(Farid/ lelaki/ 32 tahun)

3. Agama

“Agama lah, kalau kita tak bersolat tu rasa memang susah la kan, rasa lain bila kita bersolat tu ada rasa tenang.”

(Shahrul/ lelaki/ 37 tahun)

“*More kepada religious, keagamaan. So, when you have satisfaction in your religion, dari segi agama it's like complete everything..is for me is the optimum of the happiness. When you good in religion, so the religion is control everything.*”

(Sani/lelaki/ 51tahun)

4. Penerimaan/redha

“Sebab kita rasa bertuah, orang cakap macam kita kena *compare* dengan orang lain yang macam keadaan hidup dia. Kita tengok sendiri semua kita ada, apa yang kita rasa walaupun kita tak la orang kata setinggi, sekaya mana tapi hidup kita sudah macam lengkap la. Walaupun kita semua ada apa yang orang kita ada, itu dah membuatkan kita rasa bahagia.”

(Yazid/lelaki/ 43tahun)

“Macam usaha dihargai la. Biasanya orang tak nampak apa yang kita buat. Apabila orang nampak benda tu, tiba-tiba orang bagi penghargaan *so* kita rasa bahagia la sebab kita punya usaha tu orang nampak.”

(Syafiq/ lelaki/ 35 tahun)

5. Pencapaian dalam hidup

“Bila kita buat kerja tu kita target hari ni tercapai, rasa *happy* la sebab kita punya target tercapai *happy*. Lagi satu kalau anak kita berjaya dalam pelajaran atau peperiksaan, ikut *expectation* kita *happy*.”

(Mudin/ lelaki/ 39 tahun)

“Apabila apa yang kita buat tu berjaya. Contohnya kerja kita, bila kita ada projek, kita berjaya jalankan projek tu sampai selesai tanpa ada apa-apa masalah. Itu dah satu kepuasan untuk saya.”

(Fazila/ perempuan/ 31 tahun)

6. Ilmu pengetahuan

“Ada ilmu yang *special* yang orang lain tak miliki sebab dia berkaitan dengan agama, tawahid, dan kepercayaan agama. Kemudian dia ada hubungan, maksudnya kita boleh gunakan ilmu tu berhubung dengan Tuhan. Kedua, ilmu tu boleh kita gunakan untuk menjana ekonomi. Mampu kalau nak membeli kereta boleh rumah boleh.”

(Hadil/ lelaki/ 46 tahun)

“Kalau siapa yang belajar, sambung belajar lagi, buat master, buat Phd. *So*, dia akan rasa lebih *happy* bila diri dia baik daripada apa yang ada sekarang.”

(Ruhana/ perempuan/ 28 tahun)

7. Taraf hidup

“Bila ekonomi kamu stabil, kamu akan gembira sebab kamu tak ada masalah kewangan. Kalau kamu ada masalah kewangan, makan pun jadi masalah. Bukankah kamu akan rasa risau. Jadi, ekonomi kena stabil, ada sumber pendapatan tetap, cukup tampung keperluan harian. Itu sudah cukup.”

(Zainah/ perempuan/ 54 tahun)

“Mempunyai pekerjaan yang tetap dari segi orang kata pendapatan la, kebendaan. Saya ada kelengkapan hidup, maksudnya saya ada rumah sendiri, ada satu perniagaan sendiri sebab saya kerja kerajaan. Impian saya nak ada perniagaan sendiri, ada pekerjaan tetap, ada satu kebendaan yang boleh memberi kebahagiaan kepada keluarga kita.”

(Din/ lelaki/ 41 tahun)

8. Autonomi

“Bila kita dapat buat apa yang kita suka. Macam saya, saya gemar ikut perasaan sendiri, saya seorang yang bukan pentingkan diri sendiri tapi utamakan keutamaan kepentingan sendiri.”

(Muhidin/ lelaki/ 53 tahun)

“Bila kita buat apa yang kita suka lah. Tak kira apa saja.. *may be* dari segi hobi, keluarga, kalau menyediakan makanan untuk keluarga pun kalau kita suka pun kita gembira. Paling gembira kalau buat apa yang kita sukalah.”

(Ahmad/ lelaki/ 27 tahun)

9. Aktiviti masa lapang

“Suka berjalan, macam pergi berkelah kat tepi pantai. Baru-baru ni pergi Terengganu tengok taman tamadun Islam.”

(Hamid/ lelaki/ 46 tahun)

“Saya rasa hobi mainkan peranan penting buat *you* rasa lebih *happy*. *That’s mean* hobi ni penuhkan masa lapang *you everyday* kan. Itu *I* rasa lebih *happy* la...maksudnya *I* tak *stress*, tak fikir benda yang boleh mendatangkan sakit hati la.”

(Ilham/ lelaki/ 29 tahun)

10. Persekitaran harmoni

“Cuma aman je lah. Tak ada perang. Itu aja. kita bebas nak bergerak ke mana-mana tanpa ada rasa takut, bimbang ke. Kita rasa gembira dan bersyukur lah bila dapat duduk dekat Malaysia ni kan, aman, selamat dan tenang.”

(Muda/ lelaki/ 58 tahun)

“Kepentingan kita menjaga alam. Kalau saya tengok alam itu terjaga memberi kebahagiaan kepada saya kerana kita *share ecosystem* dengan alam. Kalau alam itu kurang fungsi, saya rasa sedih dan sebak dada kerana dia yang mula-mula bapak *grandfather* punya alam *and then* dia juga kita biar alam tak jaga alam.”

(Ajis/ lelaki/ 49 tahun)

11. Kesihatan

“Bagi sayalah yang paling penting kalau kita sebagai orang Islam yang menggembirakan kita tidak ada satu penyakit yang kronik.”

(Tarmizi/ lelaki/ 28 tahun)

“Selain itu saya rasa kesihatan yang baik...kita jaga kesihatan dengan bagus...saya rasa bahagia la.Saya rasa kesihatan ni menyebabkan kebahagiaan kita sebab kita boleh buat apa pun tanpa batas. Kalau macam umur saya kena penyakit ke, ia menyebabkan kita tak boleh bergerak dengan bebas. Kita tak boleh nak lebih macam bersukan. Saya rasa terkongkong la.”

(Yazid/ lelaki/ 43 tahun)

12. Bersikap positif


“Semangat dan keyakinan adalah pada diri kita kan bila kita gembira.”

(Jamilah/ perempuan/ 63 tahun)

“Saya sentiasa berfikir positif. Maksudnya apa-apa kerja saya yang saya buat ni, Alhamdulillah, apa yang saya hajat tercapai dan saya akan usaha lagi lah.”

(Muhidin/ lelaki/ 53 tahun)

Secara keseluruhan, kebahagiaan dalam masyarakat Melayu dapat dilihat melalui 12 dimensi yang telah dikemukakan di atas. Cummins (1996) telah melaporkan sebanyak 351 dimensi yang telah ditemui berdasarkan 32 kajian dan dikategorikan semula di bawah tujuh (7) dimensi utama. Manakala, Kim et al. (2007) mendapati 16 dimensi kebahagiaan hasil daripada 150 item yang telah dijawab oleh responden kajian. Hal ini menunjukkan banyak tafsiran tentang dimensi kebahagiaan yang boleh diketengahkan. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan ada 12 dimensi di atas yang menjadi kekuatan dan keutamaan dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Rajah 4.1 menunjukkan secara keseluruhan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.



Rajah 4.1 Keseluruhan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu

4.3.2 Keutamaan Dimensi Kebahagiaan

Hasil kajian ini turut menemui dimensi paling utama mempengaruhi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Jadual 4.3 menunjukkan keutamaan dimensi yang menyumbang kepada kebahagiaan berdasarkan analisis temu bual semi berstruktur. Hubungan kekeluargaan didapati dimensi yang paling tinggi sumbangan dalam kebahagiaan masyarakat Melayu, sebanyak 26 orang (86.67%) telah dilaporkan. Kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas yang banyak menunjukkan bahawa keluarga adalah keutamaan dalam kehidupan masyarakat Melayu (Jaafar et al., 2004; Jaafar et al., 2009; Khairudin, 2009; Noriati, 2007; Zainal Abidin & Zamre, 2006). Khairudin (2009) turut mendapati keluarga sangat mempengaruhi kebahagiaan sebanyak 22.5%. Taraf hidup berada pada kedudukan yang kedua iaitu seramai 24 orang (80%). Di kedudukan ketiga kebahagiaan masyarakat Melayu ialah bersikap positif iaitu sebanyak 18 orang (60%). Diikuti dengan aktiviti masa lapang di tempat keempat iaitu 15 orang (50%), kedudukan kelima disumbangkan oleh hubungan baik dengan orang lain sebanyak sembilan orang (30%) dan lapan orang (26.67%) telah melaporkan persekitaran harmoni dan pencapaian dalam hidup memberikan kebahagiaan dalam kehidupan mereka dan berada pada kedudukan keenam. Kesihatan pula berada di tempat kelapan sebanyak tujuh orang (23.33%) yang melaporkannya. Terdapat lagi dua dimensi yang berkongsi di tempat yang sama iaitu ditangga kesembilan ialah agama dan autonomi seramai enam orang (20%). Lima orang (16.67%) telah menyatakan bahawa mereka bahagia dengan adanya ilmu pengetahuan pada kedudukan ke-11. Di tempat ke-12 adalah penerimaan/redha iaitu seramai tiga orang (10%).

Jadual 4.3 Dimensi Kebahagiaan Berdasarkan Keutamaan dalam Masyarakat Melayu

Dimensi	Jumlah	Peratus
Hubungan kekeluargaan	26 (1)	86.67
Taraf hidup	24(2)	80
Bersikap positif	18 (3)	60
Aktiviti masa lapang	15(4)	50
Hubungan baik dengan orang lain	9(5)	30
Persekitaran harmoni	8(6)	26.67
Pencapaian dalam hidup	8(6)	26.67
Kesihatan	7(8)	23.33
Agama	6(9)	20
Autonomi	6(9)	20
Ilmu pengetahuan	5(11)	16.67
Penerimaan	3(12)	10
Min	11.25	
SD	7.67	

Nota: N=30; SD: *Standard deviation*; ()= *Kedudukan (ranking)*

Secara keseluruhan didapati lima dimensi di atas, iaitu hubungan kekeluargaan, taraf hidup, bersikap positif, aktiviti masa lapang dan hubungan baik dengan orang lain menjadi menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, agama dilihat masih menjadi dimensi yang kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu dan berada di kedudukan kesembilan dan dapatan ini selari dengan kajian Khairudin (2009) yang mendapati agama kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Implikasi kajian akan dibincangkan selepas ini.

4.4 Perbincangan

Keputusan kajian yang diperolehi dalam Bahagian 4.3 akan dibincang secara terperinci dalam dua bahagian, iaitu kesepadanan dimensi dan keutamaan dimensi kebahagiaan.

4.4.1 Kesepadanan Dimensi

Perdebatan konsep kebahagiaan sering menjadi isu para sarjana Psikologi Positif dan akhirnya masing-masing bersetuju bahawa kebahagiaan itu boleh diukur mengikut dimensi (lihat Bahagian 1.2). Walaupun mendapat sambutan yang baik di kalangan ahli psikologi, sekali lagi wujud perbezaan pendapat dalam menentukan dimensi kebahagiaan yang melibatkan dua budaya utama, iaitu individualistik dan kolektivistik (lihat Bahagian 1.2.1). Lebih menarik lagi, dimensi-dimensi yang ditemui melibatkan pengaruh ideologi atau fahaman agama yang diamalkan seiring dengan nilai-nilai tradisi masyarakat tersebut (lihat Bahagian 1.2.2). Menggunakan dimensi kebahagiaan masyarakat lain boleh mengakibatkan nilai-nilai tradisi dan fahaman agama yang dianuti oleh masyarakat yang dikaji terabai (lihat Bahagian 2.3). Dengan itu, para sarjana cuba mengemukakan dimensi-dimensi kebahagiaan mengikut perspektif masyarakat yang dikaji, di samping menggunakan pelbagai pendekatan atau kaedah kajian dalam mengukuhkan dimensi kebahagiaan masyarakat tersebut (misalnya kajian Cummins, 2006; Dayton et al., 2001, Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; lihat Bahagian 2.3).

Dengan menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur sebagai pengukuhan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu, keputusan Kajian 2 telah menunjukkan dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh berpadanan dengan dapatan Kajian 1 (sila rujuk Bahagian 3.3) dan tiada dimensi baru yang ditemui dalam kajian lanjutan ini. Hal ini bukan suatu yang mengejutkan kerana Dayton et al. (2001) turut menunjukkan dapatan yang selari apabila menggunakan dua kaedah pengumpulan data yang berlainan (temubual semi berstruktur dan kumpulan fokus) dalam menerangkan kebahagiaan masyarakat Thailand. Boleh jadi keputusan yang konsisten ini juga berkait dengan

pemilihan responden kajian. Kim et al. (2007) telah menggunakan responden dewasa dalam kajian lanjutan disebabkan sampel pelajar kurang komprehensif dalam menerangkan kebahagiaan masyarakat Korea Selatan. Keputusan kajian mereka mendapati terdapat perbezaan dimensi kebahagiaan akibat daripada responden yang berlainan. Kajian Dayton et al. (2008) pula melibatkan responden yang sama umur dalam kedua-dua pengumpulan data dan keputusan yang ditunjukkan adalah selari (lihat Bahagian 1.3.1.2). Dilihat kepada kajian-kajian kuantitatif pula perbezaan kebahagiaan berdasarkan peringkat umur turut dilaporkan (Bishop, 2006; Horley & Lavery, 1995; Khairudin, 2009; Shmotkin, 1990). Hal ini menunjukkan pemilihan responden yang berbeza memberi implikasi dalam menafsir atau mendefinisi kebahagiaan. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa dimensi-dimensi yang ditemui adalah konsisten dan memberi sumbangan kepada kebahagiaan masyarakat Melayu (huraian secara terperinci setiap satu dimensi dalam Bahagian 3.4)

Penentuan dimensi kebahagiaan sebenarnya bergantung kepada cara dan kreativiti penyelidik mengkategorikan kenyataan-kenyataan yang dilontarkan oleh responden atau masyarakat yang dikaji. Misalnya, Cummins (1996) telah menemui sebanyak 351 dimensi kebahagiaan dan kemudiannya diasingkan menjadi 7 dimensi khusus (lihat Bahagian 1.3.1). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Anggoro dan Widhiarso (2010) yang pada asalnya memperoleh 8 dimensi dan akhirnya hanya menemukan 4 dimensi utama sahaja (lihat Bahagian 1.3.1.2.2). Dengan itu, tidak hairan sekiranya dimensi kebahagiaan ada yang mendapati dua dimensi, enam dimensi, 14 dimensi dan sebagainya (Dayton et al., 2001; Hills & Argyle, 2002; Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Lu & Shih, 1997; Ryff, 1989; Santos, 2009; lihat Bahagian 1.3.1). Hal ini menunjukkan dimensi-dimensi kebahagiaan yang ditemui oleh pengkaji adalah bersesuaian dengan

nilai-nilai tradisi dan fahaman agama masyarakat yang dinilai. Begitu juga dimensi kebahagiaan yang ditemui dalam masyarakat Melayu (12 dimensi) adalah hasil daripada perbincangan pengkaji dengan ahli-ahli psikologi yang lain. Bukan kebahagiaan sahaja yang dilihat berdasarkan dimensi, malah pengkelasan dimensi turut berlaku ke atas aspek lain seperti personaliti (*extroversion, neuroticism, openness, agreeableness*, dan *conscientiousness*), motivasi (intrinsik dan ekstrinsik), sokongan sosial (emosi, maklumat, sosial dan instrumental), konsep sendiri (keluarga, fizikal, sosial, peribadi dan moral-etika) dan sebagainya. Dengan adanya dimensi ini, penyelidik mudah meneroka sesuatu fenomena atau isu dengan lebih mendalam lagi. Tambahan pula, melihat kebahagiaan secara objektif, hasilnya turut dirasai secara subjektif.

Boleh dikatakan dimensi kebahagiaan yang diperoleh dalam kalangan orang Melayu (kajian ini) bukanlah dimensi yang unik (khas atau spesifik untuk orang Melayu sahaja), malah dimensi-dimensi tersebut turut dirasai dan boleh ditemui dalam masyarakat lain (lihat Bahagian 1.3 dan 3.4). Kajian silang budaya yang dijalankan oleh Lee et al. (1999) mendapati masyarakat Korea Selatan dan Kanada berkongsi dimensi yang sama tetapi keutamaan setiap dimensi berbeza antara kedua-dua masyarakat. Cummins et al. (2003) pula mendapati dua dimensi (keselamatan dan spiritual atau agama) tidak menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Australia. Tetapi kedua-dua dimensi tersebut menyumbang dalam kebahagiaan masyarakat Algeria (Tiliouine, 2009) dan China (Nielsen et al., 2010). Hal ini menjelaskan bahawa setiap dimensi mempunyai peluang dalam menyalurkan kebahagiaan. Sejauh mana dimensi itu memberi impak kepada kebahagiaan sesebuah masyarakat, bergantung kepada kekuatan nilai-nilai tradisi dan agama yang diamalkan (lihat Bahagian 1.2). Nampaknya, keunikan dimensi kebahagiaan terletak kepada nilai-nilai tradisi dan agama

yang dianuti yang menjadikan ianya berbeza dengan masyarakat lain (lihat Bahagian 1.2, Bahagian 1.3 dan Bahagian 3.4).

4.4.2 Keutamaan Dimensi Kebahagiaan

Merujuk kepada Bahagian 1.3, telah dijelaskan bahawa keutamaan kebahagiaan berdasarkan dimensi telah ditemui dalam beberapa masyarakat. Misalnya, Kim et al. (2007) mendapati hubungan dengan anak memberikan kebahagiaan yang paling utama kepada masyarakat Korea Selatan, diikuti dengan hubungan dengan ibubapa dan adik-beradik, hubungan dengan pasangan, hubungan dengan orang lain, kewangan (duit), kesihatan dan sebagainya. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Santos (2009) yang telah menemui dimensi kebahagiaan paling utama masyarakat Filipina adalah keluarga, diikuti oleh rakan-rakan, pencapaian, aktiviti masa lapang dan melancong, harta benda dan lain-lain. Semua ini menunjukkan bahawa setiap dimensi yang ditemui mempunyai keutamaan yang berbeza dalam kebahagiaan sesebuah masyarakat.

Keputusan kajian telah menunjukkan daripada 12 dimensi yang ditemui, hubungan kekeluargaan memberi sumbangan utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (lihat Bahagian 4.3.2). Ini diikuti dengan dimensi taraf hidup, bersikap positif, aktiviti masa lapang dan hubungan baik dengan orang lain. Kesemua dimensi yang dinyatakan adalah antara lima dimensi teratas yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu keseluruhan (sila rujuk Jadual 4.3). Dimensi-dimensi yang lain (ilmu pengetahuan, penerimaan/redha, agama, pencapaian dalam hidup, kesihatan, persekitaran harmoni dan autonomi) bukanlah tidak menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu tetapi masing-masing berada di kedudukan yang bawah dan hanya

segelintir responden yang bersetuju dimensi-dimensi tersebut bermakna dalam kebahagiaan hidup mereka. Kajian ini akan membincangkan dengan terperinci lima dimensi yang terpenting.

Bahagian 3.4.1, telah menyatakan bahawa hubungan kekeluargaan orang Melayu berteraskan emosi dan pertalian darah antara ahli. Ia bertujuan menjaga hak dan tanggungjawab bersama. Segala keperluan yang individu perlu adalah bermula dari keluarga seperti keperluan fizikal, perlindungan, berpeluang untuk bekerjasama dari segi ekonomi, memperoleh pendidikan, latihan dan kemahiran, mempelajari hal-hal yang berkaitan dengan nilai dan kawalan tingkah laku, di samping menerima dan memberikan kemesraan, kasih sayang serta sokongan moral di antara ahli (Fatimah, 1995). Kajian ini bersetuju dengan Yaacob (1993) yang telah menyatakan bahawa hubungan pertama yang dijalin oleh individu Melayu dalam masyarakat bermula dari hubungan kekeluargaan (huraian lanjut lihat Bahagian 3.4.1). Jelas menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan menjadikan individu Melayu kenal alam sekeliling sebelum pergi kepada hubungan yang lebih luas.

Kehidupan keluarga Melayu bersesuaian dengan prinsip Islam yang mengajar masyarakatnya meneladani ibu bapa dan keluarga dengan baik, penuh kasih sayang, menghormati mereka dengan menunjukkan tingkah laku-tingkah laku sopan dan baik budi, dan ini membolehkan individu mendapat jaminan kebahagiaan di dunia dan akhirat (H. Abu Bakar, 1979). Maka, dapat disimpulkan bahawa keluarga adalah sumber rujukan utama dalam membentuk kehidupan dan memberikan kebahagiaan dalam hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, tidak hairan apabila sebanyak 86.67 peratus responden kajian melaporkan yang keluarga adalah perkara utama yang membawa

kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Antara luahan responden terhadap kebahagiaan dalam keluarga ada seperti berikut:

“Macam kita ada *family* keluarga yang lengkap, kita pun *happy*. Maknanya kita ada anak, .kita ada anak yang comel ke anak yang pandai kita ada wife yang boleh jaga rumah. kita *happy*.”

(Aziz/lelaki/38 tahun)

“Keluarga. Keluarga ni penting la, macam bila kita banyak kerja, keluarga boleh menenangkan hati kita. Jauh dari *tension* semua. Main dengan anak, lepas tu keluarga belah mak kita, belah ipar kita, kita boleh bahagiakan mereka orang dari segi macam tu la. Bila dapat anak bila kahwin, macam tak percaya boleh dapat anak. Kahwin tu dah susah kumpul duit. Duit tak cukup bolah kahwin rasa berbaloi la. Tak senang nak kahwin.”

(Tarmizi/lelaki/28 tahun).

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.4.1, hubungan kekeluargaan bukanlah dimensi unik bagi orang Melayu sahaja, malah boleh dilihat dalam masyarakat lain juga seperti China, Filipina, Kanada, Thailand dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, keutamaan hidup berkeluarga dilihat lebih kepada masyarakat kolektivistik (lihat Bahagian 1.2.1). Hubungan kekeluargaan menjadi unik adalah disebabkan oleh nilai-nilai tradisi masyarakat dan asas pegangan agama yang diamalkan (lihat Bahagian 4.4.1). Misalnya, sambutan bayi yang baru dilahirkan. Dalam masyarakat Melayu, bayi itu hendaklah diazankan ditelinga kanan dan iqamah ditelinga kiri sepertimana yang diajarkan oleh Islam (Ismail dan Mohd. Azrul Azlen, 2009). Manakala, masyarakat Barat membaptiskan bayi mereka di gereja mengikut agama Kristian (Strawbridge, 2003). Hal ini jelas menunjukkan perlaksanaan nilai-nilai tradisi dan fahaman agama menjadikan hubungan kekeluargaan itu berbeza dan unik antara masyarakat.

Setiap individu inginkan kehidupan yang selesa, keperluan fisiologi yang mencukupi, kewangan dan memiliki harta. Kesemua ini bertujuan untuk meningkatkan

taraf hidup yang lebih baik. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, taraf hidup berada di kedudukan yang kedua penting. Setiap elemen (keperluan asas, kewangan, pekerjaan dan memiliki harta) dalam taraf hidup menyumbang kepada kebahagiaan (lihat Bahagian 3.4.12). Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh responden kajian (sebanyak 80 peratus) adalah seperti berikut:

“Kedua tempat kerja la. Suasana tempat kerja tu kena *conductive* la. Makna tak ada tekanan tak ada masalah jadi kita rasa bahagia. Jadi kita buat kerja pun seronok, tak ada masalah, tak ada tekanan. Kita boleh lebih komited.”
(Rahman/lelaki/50 tahun)

“Bila rezeki datang daripada Allah kita sentiasa berusaha dan kalau Allah nak beri rezeki kita akan lebih bahagia daripada orang yang terkaya, walaupun tak kaya mana.”
Hadil/lelaki/46 tahun)

Elemen-elemen tersebut didapati berkait rapat antara satu dengan lain. Masyarakat Melayu sentiasa berusaha untuk memperbaiki taraf hidup dengan bekerja lebih masa untuk menampung perbelanjaan harian dan memenuhi kehendak, baik individu mahupun keluarga (huraian terperinci dalam Bahagian 3.4.12). Khairudin (2009) telah melaporkan kerjaya mampu menjana pendapatan sendiri dan membantu untuk memenuhi kehendak dan keperluan asas. Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu sangat berusaha keras, rajin dan tekun dalam mencari rezeki dan menambah baik taraf hidup. Di samping usaha yang dilakukan, masyarakat Melayu juga memberi penghargaan kepada kekayaan kerana kedudukan seseorang turut dilihat melalui aspek material (Norazit, 1997). Kekayaan yang diperoleh mesti dari sumber yang halal dan ini yang membezakan masyarakat Melayu dengan masyarakat lain (Norazit, 1997). Sehubungan itu, masyarakat Melayu juga digalakkan membuat amal kebajikan sama ada menderma atau membantu mereka yang dalam kesusahan sepertimana yang dilakukan dalam Islam (bersedekah, berzakat, infaq) bagi mereka yang mempunyai lebih harta (huraian terperinci dalam Bahagian 3.4.12). Tidak hairan sekiranya

masyarakat Melayu itu dikelaskan sebagai seorang yang pemurah dan dermawan dalam membahagi-bahagikan rezeki yang diperoleh (Ismail, 1991). Secara tidak langsung, taraf hidup menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat Melayu.

Taraf hidup turut mempengaruhi kebahagiaan masyarakat lain seperti masyarakat China, Thailand, Australia, dan lain-lain (lihat Bahagian 1.3 dan Bahagian 3.4.12). Taraf hidup menjamin keselesaan dan kegembiraan dalam melakukan pelbagai aktiviti dan pekerjaan harian terutama bagi memenuhi keperluan asas (makanan, penjagaan kesihatan, tempat tinggal, infrastruktur dan kebajikan sosial) (Davey, 2012). Seperti yang diketahui, setiap individu memerlukan tenaga untuk bekerja bagi memperoleh pendapatan dan meneruskan kelangsungan hidup. Sekiranya keperluan asas tidak dipenuhi, sudah pasti kehidupan menjadi tidak produktif dan kebuluran semakin meningkat. Selari dengan teori hierarki keperluan Maslow yang menunjukkan keperluan fisiologi sangat dituntut sebelum melangkah ke tahap yang seterusnya (lihat Bahagian 3.4.12). Setiap masyarakat, tidak kira kaya atau miskin perlu berusaha untuk memenuhi keperluan fisiologi di samping mencari kekayaan lain (material) bagi menaiktaraf kehidupan yang lebih baik dan sempurna sekaligus memberi kebahagiaan dalam hidup.

Bersikap positif adalah dimensi ketiga terpenting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu selepas taraf hidup. Dapatan ini juga selari dengan Khairudin (2009) yang menemui kesejahteraan emosi, tenang dan aman yang berada di kedudukan kedua (lihat Bahagian 3.4.11). Individu yang bahagia seharusnya mempunyai sikap positif yang tinggi di samping menanam nilai-nilai teras budaya dan agama dalam diri. Sikap positif juga dapat dilihat dalam semua masyarakat dan budaya kerana tidak ada satu masyarakat yang menggalakkan ahlinya berkelakuan menyimpang dari norma-norma

budaya yang diamalkan turun temurun (lihat Bahagian 3.4.11; Bradburn, 1969; Kim et al., 2007; Lee et al., 1999;; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009). Emosi yang positif boleh mengawal emosi negatif seperti tindakan luar kawal, kestabilan emosi, memudahkan individu berfikir secara rasional, dan membuat keputusan dengan tepat dan bijak (Compton, 2005; Isen, 1987; Synder & Lopez, 2007). Dengan itu, bersikap positif memberi jaminan terhadap kesejahteraan emosi dan kebahagiaan hidup individu dalam masyarakat Melayu. Berikut merupakan luahan responden (sebanyak 60 peratus) terhadap dimensi bersikap positif:

”Kita jangan terlalu fikirkan masalah la. Kita hidup *as long as* kita hidup mesti ada masalah. Benda tu tak dapat elak tapi kita kena pandai kawal kita punya *stress*. Kita kena lebih fikir positif la dari negatif, itu lebih baik la *even you* ada *problem* pun *you* tak rasa ada apa-apa.”

(Ilham/lelaki/29 tahun)

“Mereka berfikir secara positif la. Dia tak ada la berfikiran buruk. Berpandangan positif, memandang masa depan lebih baik.”

(Ruhana/perempuan/28 tahun)

Jelas menunjukkan sikap positif memberi satu kelebihan dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Selain itu, sabar antara sikap positif yang dapat mengawal emosi dalam masyarakat Melayu (Khairudin, 2009). Sifat sabar memberikan ruang kepada orang Melayu untuk tidak marah, dapat berfikir dengan baik, wujud perancangan kerja yang sempurna, pelaksanaan tugas yang teratur dan melahirkan peribadi yang utuh (Goddard, 2001). Apabila individu itu bersabar, masalah yang rumit dapat diatasi dengan mudah dan selamat (Ismail, 1999). Bukan sifat sabar sahaja yang mendorong kebahagiaan masyarakat Melayu, tetapi kekuatan emosi orang Melayu sebenarnya terletak pada nilai budi.

Menurut Wan Abdul Kadir (1993), nilai budi adalah satu ruang lingkup yang luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan kehalusan nilai-nilai yang dipupuk

(lihat Bahagian 3.4.11). Daripada nilai budi, maka lahirkan nilai-nilai yang lain seperti hormat-menghormati, bantu-membantu, perpaduan, berkerjasama, merendah diri, bertolak ansur dan sebagainya. Nilai-nilai tersebut banyak dihuraikan oleh cendekiawan Melayu melalui puisi-puisi dan gurindam (Ismail, 1991; Norazit, 2007; Tenas, 2004). Nilai-nilai yang dimiliki oleh Masyarakat Melayu juga selari dengan apa yang dianjurkan dalam Islam (lihat Bahagian 3.4.11). Nampaknya, masyarakat Melayu kaya dengan nilai-nilai yang baik dan menghalang daripada bertingkah laku yang tidak sepatutnya. Tekanan sosial akan diberikan kepada orang Melayu yang melanggar nilai-nilai tradisi seperti dipulaukan, didenda atau dihukum sewajarnya (Wan Abdul Kadir, 1994). Jadi, tidak mustahil sekiranya dimensi bersikap positif menjadikan orang Melayu sentiasa hidup dalam keadaan aman, tenang dan bahagia.

Dimensi keempat yang mendatangkan kebahagiaan dalam masyarakat Melayu adalah aktiviti masa lapang. Kebiasaannya, aktiviti masa lapang dilakukan bagi mengurangkan tekanan dan rasa bosan di tempat kerja, rumah, sekolah dan sebagainya. Menurut Rodri'guez (2011) dan Wan Abdul Kadir (2002), aktiviti masa lapang dijalankan apabila telah memenuhi tanggungjawab harian. Terdapat banyak aktiviti masa lapang yang boleh dilakukan seperti bercucuk tanam, menonton wayang, bersukan, ziarah kenalan dan keluarga, hiburan dan sebagainya. Adakalanya, aktiviti yang dilaksanakan dalam waktu yang senggang. Wan Abdul Kadir (2002) mengatakan manusia perlu mengisi keperluan-keperluan yang lebih tinggi yang melibatkan perasaan, emosi, keinginan yang dapat memberikan kepuasan dan kebahagiaan yang mendalam kepada diri sendiri. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti di masa lapang akan memberikan kepuasan dan kebahagiaan kepada masyarakat Melayu. Selain masyarakat Melayu, masyarakat lain juga turut melaporkan yang mereka bahagia bila memenuhi masa yang terluang seperti Filipina dan Amerika Syarikat (huraian lanjut di Bahagian

3.4.10). Sebanyak 50 peratus responden melaporkan yang mereka bahagia bagi mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Antara luahan hati responden kajian adalah seperti berikut:

“Kita boleh pergi *outing* sama-sama. Anak-anak punya program kat sekolah kat institut tinggi kita pun boleh berkongsi sama kita boleh *attend*.”
(Rahman/lelaki/50 tahun)

“Bercuti la, *holiday*. Ya la kerja je hari-hari kalau *holiday* pergi pulau ke, *happy* la. relaks.”
(Farid/lelaki/32 tahun)

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa aktiviti masa lapang mampu untuk membahagiakan masyarakat Melayu.

Hubungan baik dengan orang lain pula berada di kedudukan kelima penting dalam menyumbang kebahagiaan masyarakat Melayu. Secara umumnya, hubungan baik dengan orang lain juga bersifat universal dan boleh ditemui dalam mana-mana masyarakat, baik masyarakat individualistik dan kolektivistik. Namun, penekanan dan pergaulan dengan orang lain bergantung kepada kedua-dua budaya tersebut. Bagi masyarakat kolektivistik, hubungan dengan masyarakat atau orang lain dilihat sebagai suatu kemestian dan dipupuk dari awal lagi. Manakala masyarakat individualistik hanya sekadar keperluan peribadi sahaja (Kwon, 2008). Hal ini jelas menunjukkan bagaimana penilaian dibuat oleh kedua-dua budaya dalam hubungan baik dengan orang lain. Maka, tidak hairan sekiranya hubungan baik dengan orang lain memberi lebih kebahagiaan kepada masyarakat kolektivistik.

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 2.2, orang Melayu antara masyarakat yang mengamalkan budaya kolektivistik yang lebih fokus kepada hubungan dengan orang lain atau masyarakat. Hidup bermasyarakat dipupuk sebelum kedatangan

kolonial (Wan Abdul Kadir, 2007). Banyak nilai-nilai yang diamalkan dalam masyarakat Melayu dalam pergaulan dengan jiran tetangga dan rakan-rakan seperti ziarah menziarahi, tolong menolong, bekerjasama dan banyak lagi (huraian terperinci dalam Bahagian 3.4.2). Hal ini dapat digambarkan dalam kenyataan responden seperti berikut:

“Saya rasa kita kat Malaysia ni mesti ada sikap toleransi yang amat tinggi la antara mana-mana bangsa pun. Lagi bila kita duduk berjiran cina ke india ke punjabi ke lain bangsa mesti kena berbaik antara satu sama lain. Itu paling penting la sebab bila kita hidup berjiran. Jiran kita tak bertegur siapa ataupun jiran kita ada sikap *racism* ke ataupun ada mentaliti yang membuatka kita punya perhubungan kejiranan yang tak baik susah juga. Sebab dalam apa-apa jua pun, kecemasan apa ke. The first person atau orang yang kita pergi cari adalah jiran kita. Orang tu yang layan kita minta tolong, orang tu yang tolong kita, jadi kena *maintain* la. Jadi kita pergi mana-mana pun begitu juga.”

(Jamilah/perempuan/63 tahun)

“Kawan-kawan juga la. Sebab kalau kawan kita tak perlu fokus seperti cerita pasal kerja ke, kita lebih pada sosial. So, tak membebankan fikiran la”

(Syafiq/lelaki/35 tahun)

Harmoninya, nilai-nilai yang diamalkan dalam hidup bermasyarakat turut berpadanan dengan prinsip-prinsip Islam (lihat Bahagian 3.4.2). Justeru itu, kebahagiaan dalam masyarakat Melayu turut dirasai melalui hubungan baik dengan orang lain atau masyarakat. Walau bagaimanapun, hubungan baik dengan orang lain tidak boleh disamakan dengan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu disebabkan oleh perapatan emosi dan pertalian darah. Oleh kerana itu, hubungan kekeluargaan lebih diutamakan dalam masyarakat Melayu berbanding dengan hubungan baik dengan orang lain.

Selain melihat lima dimensi utama kebahagiaan, kajian ini juga telah mendapati agama menjadi kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (berada dikedudukan sembilan; lihat Jadual 4.3). Dapatan ini bukan pertama kali ditemui kerana kajian yang telah dijalankan oleh Khairudin (2009) sebelum ini juga

memperoleh keputusan yang sama. Malah, kerisauan tentang kesan agama yang kian terhakis dalam kehidupan masyarakat Melayu turut dibicara oleh sarjana-sarjana alam Melayu di awal 90an lagi (Mohd. Azhar et al., 2004; Muhammad Haji, 1993; Syed Husin, 2008; Wan Abdul Kadir, 1994). Pendek kata, isu keagamaan berlaku semenjak campur tangan orientalis Barat di Tanah Melayu yang menghadkan pengaruh agama daripada sistem pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sosial (Nazri, 2012; Wan Abdul Kadir, 1994). Berkemungkinan sedikit sebanyak ini mempengaruhi secara tidak langsung ke atas keutamaan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Merujuk kepada Bahagian 2.2, telah dihuraikan bagaimana kekuatan orang Melayu terletak pada asas nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam. Kedua-dua asas ini saling melengkapi dan sebarang nilai-nilai tradisi yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam adalah ditolak (Wan Abdul Kadir, 2007). Sepatutnya tidak ada masalah agama menjadi penting dalam kebahagiaan disebabkan oleh kedua-dua asas ini dipegang dan diamalkan dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, agama Islam bersifat universal dan merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk individu, kekeluargaan, politik, undang-undang, akhlak, ekonomi dan sebagainya (lihat Bahagian 1.2.2).

Sebagai bukti, Bahagian 3.4 jelas menunjukkan keselarian nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam dalam menghuraikan 12 dimensi kebahagiaan yang ditemui. Sebenarnya, kedua-dua asas ada dalam setiap dimensi kebahagiaan, tetapi nilai-nilai tradisi dilihat lebih menonjol disebabkan prinsip-prinsip Islam hanya memansuhkan nilai-nilai tradisi yang menyalahi syariat dan bertentangan dengan ajarannya (Wan Abdul Kadir, 2007). Nilai-nilai tradisi yang baik dan menepati prinsip-prinsip Islam dikekalkan. Lazimnya, pengkaji alam Melayu sering mengetengahkan nilai-nilai tradisi

dan disokong dengan prinsip-prinsip Islam yang menjadi pegangan dan anutan masyarakat Melayu (Abdul Rahman, 2004; Mohd. Azhar et al., 2004; Nazri, 2012; Syamsul, 1994; Syed Husin, 2008; Tenas, 2004; Wan Abdul Kadir, 2007). Menurut Wan Abdul Kadir (1993), walaupun orang Melayu berpegang kepada Islam, namun tradisi budaya tetap mempengaruhi kehidupan mereka. Hal ini menjelaskan bahawa keutamaan masih diberi kepada nilai-nilai tradisi dan mungkin kesannya menjadikan agama dilihat kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Oleh itu, dalam masyarakat Melayu, agama dan nilai-nilai tradisi adalah satu, kedua-duanya saling menyokong antara satu dengan lain.

Satu lagi kemungkinan ialah masyarakat Melayu mungkin melihat agama dari satu sudut sahaja iaitu amal ibadat. Kebanyakan responden melaporkan bahawa mereka bahagia dengan amal ibadat seperti bersolat dan berdoa (lihat Bahagian 3.4.3 dan Bahagian 4.3.1). Dapatan ini selari dengan apa yang dilaporkan oleh responden dalam kajian Khairudin pada tahun 2009 dengan menunaikan haji, sembahyang lima waktu sehari semalam, beramal dan berzakat (merupakan tuntutan agama Islam) akan membawa kepada kebahagiaan. Bagi menjelaskan keadaan ini, Wan Abdul Kadir (1994) telah mengatakan:

Generasi muda merasakan persoalan agama tidak bercampur dengan persoalan sekular. Ini boleh membawa pembinaan *world-view* yang mengelirukan di kalangan generasi muda. Pemisahan demikian juga dilakukan dalam perkara-perkara lain, misalnya, corak pendidikan di sekolah. Mata pelajaran agama dipisahkan daripada mata pelajaran yang lain. Ini menerangkan persoalan agama dan bukan agama itu berkeadaan demikian dalam realiti kehidupan. Sedangkan penekanan Islam itu merangkumi keseluruhan hidup dan mati manusia itu. Berdasarkan kepada *world-view* demikian juga yang membina pandangan bahawa agama itu merupakan amal ibadat untuk bekalan hari kemudian dan bagi keperluan dan kepentingan hidup ini harus dipisahkan daripada keperluan bekalan untuk mati itu. Ini juga yang menimbulkan pandangan atau pendapat bahawa amal ibadat sahaja yang menjadi penekanan kepada agama. (Hal. 97)

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa pengasingan antara agama dan sekular menjadikan skop agama terbatas dalam soal amal ibadat sahaja. Begitu juga dalam perundangan Islam yang hanya melibatkan undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan agama (Alias dan Mohammad Azam, 2012).

Menurut Syed Husin (2008), sebilangan kecil sahaja orang Melayu yang faham tentang hukum dan rukun dalam Islam. Manakala selebihnya hanya bertaklid (ikut-ikutan) sahaja, dan bagi mereka amalan seperti solat dan puasa dilakukan hanya sebagai upacara untuk mengelak daripada celaan masyarakat. Tambah beliau lagi, adakalanya solat dan puasa bagi sesetengahnya tidak mempunyai makna dan tendensi berkembangnya Islam seolah-olah satu unsur kebudayaan dan menekankan kepada upacara yang kadang-kadang dilakukan sebagai taklid saja dalam masyarakat. Sharifah Nur (2012) juga telah mendapati secara keseluruhan pelajar Politeknik kurang menitikberatkan dalam melaksanakan solat yang difardhukan ke atas mereka. Kekerapan pelaksanaan solat di kalangan pelajar berkait rapat dengan masa lapang berdasarkan gaya hidup. Mereka menganggap solat hanya perlu dilakukan oleh golongan tua sahaja bukan kepada golongan sepertinya yang kesemuanya dalam lingkungan umur 18 – 20 tahun. Apa yang ingin dikatakan di sini ialah orang Melayu dilihat kurang diberi pendedahan tentang isu kebahagiaan yang ingin disampaikan dalam Islam (Salasiah, 1999). Disebabkan situasi inilah yang mungkin menjadikan agama kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Sedangkan, setiap amal ibadat yang dilakukan menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan sama ada di dunia dan di akhirat.

Pemodenan juga boleh menyebabkan agama menjadi kurang penting dalam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu (Khairudin, 2009). Wujudnya

kemodenan membuka ruang anasir-anasir luar dan budaya popular untuk ditiru dan dicontohi oleh generasi muda Melayu. Metzger (2007) menjelaskan bahawa keadaan yang serba mewah tidak menonjolkan perasaan rendah diri manusia kepada penciptanya. Kemajuan juga tidak semestinya memuaskan dan membantu amalan nilai-nilai agama yang murni. Justeru itu, pemodenan negara yang begitu pesat serta kehidupan yang mewah kemungkinan membuatkan orang Melayu taksub mengejar kekayaan sehingga mengabaikan nilai-nilai agama. Begitu juga dengan kemasukan budaya Barat yang kurang sesuai dengan kehendak-kehendak Islam (Wan Abdul Kadir, 2002). Antara perbuatan yang dibawa oleh unsur-unsur budaya Barat adalah pergaulan bebas, pakaian yang mendedahkan aurat, perhiasan diri yang keterlaluan, minum arak dan banyak lagi. Perbuatan ini boleh merosakkan dan melalaikan seseorang individu dari melakukan sebarang aktiviti yang berteraskan Islam.

Proses urbanisasi dan modenisasi yang menilai kejayaan dan kemajuan berdasarkan pencapaian material dengan sendirinya menggalakkan orang Melayu bersikap mementingkan diri (Wan Abdul Kadir, 2002). Secara tidak langsung, individu Melayu akan bersaing untuk mencapai status sosial dalam kalangan masyarakat. Persaingan yang tidak sihat boleh menimbulkan konflik dan krisis sosial dan membawa kepada masalah-masalah yang lain, misalnya kurang menimbangkan kepentingan moral, dan maruah diri (Wan Abdul Kadir, 2002). Bahkan perasaan hasad dengki turut berlaku dalam kalangan orang Melayu (Metzger, 2007). Perasaan hasad dengki dapat menggugat keamanan dan perpaduan masyarakat. Kebiasaannya, orang Melayu yang mempunyai perasaan hasad dengki amat lemah pegangan agama dan semua yang dilakukan boleh mengundang kepada kecelakaan di dunia dan akhirat (Khairudin, 2009). Dengan itu, kebahagiaan tidak akan dapat dikecapi sekiranya perasaan hasad

dengki masih terpahat dalam jiwa orang Melayu dan ini boleh menyebabkan agama kurang penting dalam kebahagiaan.

4.5 Kesimpulan

Kajian 2 ialah kajian temubual semi berstruktur (*in-depth interview*) yang dijalankan dengan tujuan untuk mengukuhkan dimensi kebahagiaan yang telah ditemui dalam Kajian 1 (Bab 3) dan mengenalpasti keutamaan setiap dimensi yang diperoleh secara kualitatif. Seramai 30 responden telah ditemubual dan keputusan kajian keseluruhan mendapati:

1. Dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu selari dengan keputusan Kajian 1 iaitu ada 12 dimensi.
2. Lima dimensi utama telah dikenal pasti mempengaruhi kebahagiaan Masyarakat Melayu, iaitu hubungan kekeluargaan, taraf hidup, bersikap positif, aktiviti masa lapang dan hubungan baik dengan orang lain.
3. Dimensi hubungan kekeluargaan didapati telah memberi sumbangan yang besar dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (berada di kedudukan pertama).
4. Agama dilihat kurang penting dalam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu.

Jadi, kesimpulan yang boleh dibuat, kajian ini telah mengukuhkan kebahagiaan masyarakat Melayu ada 12 dimensi dan kesemua dimensi sama dengan Kajian 1. Bermakna, 10 dimensi yang ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini adalah ditolak.

Setiap dimensi yang ditemui ada yang unik dalam kalangan masyarakat Melayu dan ada yang bersifat universal dan boleh ditemui dalam setiap masyarakat (dimensi bergantung kepada keutamaan masyarakat yang dikaji; lihat Bahagian 4.4.1). Daripada lima dimensi utama yang diperoleh, hubungan kekeluargaan didapati memberi pengaruh besar dalam kebahagiaan masyarakat Melayu dan selari dengan kajian Khairudin (2009). Namun, hubungan kekeluargaan bukan dimensi unik untuk orang Melayu tetapi masyarakat lain turut melihat keluarga sebagai penyumbang kebahagiaan (seperti Indonesia, Filipina, Korea Selatan, China dan Taiwan; lihat Bahagian 3.4.1). Secara tidak langsung, keputusan ini telah memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu sangat mementingkan kehidupan kolektif berbanding individu. Agama sekali lagi didapati kurang penting dalam mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu selari dengan dapatan sebelum ini (Khairudin, 2009). Ada beberapa faktor yang menyebabkan agama kurang penting seperti keterbatasan agama hanya dilihat dalam soal amal ibadat sahaja, pengaruh budaya popular dan modenisasi (lihat Bahagian 4.4.2).

Walau bagaimanapun, keputusan kajian ini adalah bersifat kualitatif dan hanya dilihat sebagai satu eksplorasi dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Adakah keputusan ini dilihat sama juga dengan keputusan kuantitatif yang akan dijalankan dalam Bab berikutnya? Dengan itu, Bab 5 akan memeriksa sekali lagi keutamaan dimensi kebahagiaan di samping membentuk Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang diadaptasi dari skala yang sedia ada..

BAB 5

KAJIAN 3 PSIKOMETRIK SKALA KEBAHAGIAAN MASYARAKAT MELAYU YANG DIADAPTASI

5.1 Pendahuluan

Keputusan kajian setakat ini menunjukkan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu kekal sebanyak 12 dimensi (lihat Bab 4). Dimensi-dimensi tersebut ialah hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain, agama, pencapaian dalam hidup, ilmu pengetahuan, taraf hidup, aktiviti masa lapang, penerimaan/redha, kesihatan, autonomi dan persekitaran harmoni dan bersikap positif. Ini selari dengan keputusan kajian 1 (Bab 3). Dengan kata-kata lain, setakat ini boleh dikatakan dimensi-dimensi yang telah dinyatakan dipegang oleh masyarakat Melayu sebagai dimensi kebahagiaan hidup mereka.

Merujuk kepada kajian-kajian terdahulu, ada skala kebahagiaan dibentuk terikat dengan elemen-elemen adat dan budaya tradisi kelompok yang dikaji (lihat Bahagian 1.3.2; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Ryff & Keyes, 1989). Ku et al. (2008) telah menyatakan penggunaan instrumen pengukuran yang dikembangkan berlatar belakang sosio-budaya Barat akan mengakibatkan tafsiran separa atau tidak lengkap mengenai sosio-budaya masyarakat Timur. Begitu juga dengan Joshanloo (2012) yang berpendapat dengan menggunakan alat ukuran dan teori dari Barat, nilai-nilai tradisi dan budaya masyarakat tempatan akan terabai. Dengan itu, perlu ada usaha dari pengkaji Melayu untuk membentuk skala kebahagiaan sesuai dengan elemen-elemen atau nilai-nilai tradisi masyarakatnya. Bersumberkan 12 dimensi kebahagiaan yang diperoleh, bab

ini akan cuba membentuk Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang diadaptasi daripada skala yang sedia ada (telah dihuraikan dalam Bahagian 2.3).

Sebagai langkah awal, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu diadaptasi daripada skala pengukuran *Personal Wellbeing Index* (PWI; Cummins, 2006). Selain Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, *Social Cohesion Indicators Flanders* (SCIF) turut dibentuk mengikut PWI (Hooghe & Vanhoutte, 2011). Kajian ini bukan yang pertama membentuk alat ukuran mengikut format alat pengukuran yang sedia ada. Lu dan Shih (1997) juga membentuk *Chinese Happiness Inventory* berdasarkan *Oxford Happiness Inventory* dan kedua-duanya mengikut format *Beck Depression Inventory* (lihat Bahagian 1.3.3). Sehingga kini, terdapat banyak alat ukuran kebahagiaan yang telah dibentuk oleh ahli-ahli psikologi positif (lihat Bahagian 1.3.3). Namun, sejauh mana alat ukuran tersebut dapat mengukur kebahagiaan masyarakat lain tanpa mengabaikan sosio-budaya masyarakat yang dikaji. Mungkin sesuai atau mungkin tidak. Jadi, keputusan membina skala kebahagiaan adalah untuk menambahbaik skala yang sedia ada dengan meletakkan dimensi-dimensi unik yang selari dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu (lihat Bahagian 2.3).

Menurut Argyle (2001), antara kelemahan pengukuran objektif adalah sukar untuk membuat pilihan dan terdapat masalah penemuan yang tidak seimbang dalam mengukur kebahagiaan. Hal ini terjadi disebabkan terdapat soalan yang mengelirukan dan sukar untuk membuat pilihan atau tidak ada kaitan dengan kehidupan responden. Misalnya item bertanyakan hubungan dengan anak-anak (sila rujuk *Happy Life Event*; Kim et al., 2007). Item ini mungkin menjadi masalah kepada responden yang belum berkahwin dan tidak mempunyai anak untuk menjawabnya. Secara tidak langsung boleh menyebabkan bias pada soalan tersebut. Tetapi item-item PWI berbeza kerana

secara fizikalnya berbentuk objektif (item terdiri daripada lapan dimensi khusus; lihat Bahagian 1.3.1) tetapi bersifat subjektif (berbentuk umum). Misalnya, “Sejauh manakah anda berpuasa hati dengan kesihatan anda? Soalan bertanyakan tentang kesihatan (objektif) tetapi tidak dinyatakan secara spesifik sama ada kesihatan fizikal, mental, dan sebagainya (bersifat umum). Keadaan ini bagi mengekalkan sifat kebahagiaan itu sendiri yang bersifat subjektif dan berkait dengan perasaan yang baik dan berasa puas terhadap sesuatu perkara yang umum (lihat Bahagian 1.4; D’Acci, 2010; Susniene & Jurkauskas, 2009). Secara tidak langsung memudahkan responden memberi jawapan tanpa ragu-ragu dan ada bias pada soalan. Selain itu, setiap dimensi yang ditemui seharusnya menyumbangkan kepada kepuasan hidup secara keseluruhan (lihat Bahagian 1.4; Cummins, 2006). Hal ini menyebabkan pengkaji tertarik menggunakan PWI sebagai format Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, PWI dan SCIF telah dibentuk dengan menggunakan terma “berpuas hidup” bagi item-item yang ditanya. Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu pula menggunakan terma “kebahagiaan (*happiness*)” sebagai teras kepada soal selidik yang dibentuk. Pada hakikatnya, kedua-dua terma boleh digunakan bagi menilai kebahagiaan atau kesejahteraan subjektif. Pengkaji memilih terma kebahagiaan dalam soal selidik berikutan kebahagiaan telah disenaraikan dalam *Psychological Abstracts International* pada tahun 1973 (Diener, 1984).

Dengan itu, Kajian 3 ini akan menilai Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang diadaptasi dari skala yang sedia ada secara empirikal berdasarkan 12 dimensi yang diperolehi. Kajian ini hanya melibatkan aspek psikometrik, iaitu aspek kebolehpercayaan dan kesahan skala sepertimana skala-skala kebahagiaan yang telah ditadbir oleh masyarakat Barat dan Timur yang lain (lihat Bahagian 1.3.3 dan Bahagian

2.3). Data deskriptif turut dilaporkan dalam kajian ini, iaitu takat kebahagiaan dan kebahagiaan paling utama dalam masyarakat Melayu secara kuantitatif.

5.2 Metod Kajian

Berikut dinyatakan tentang prosedur dalam menjalankan kajian ini, iaitu reka bentuk kajian, responden kajian, kajian rintis, alat ukuran kajian, terjemahan, prosedur dan tatacara kajian serta analisis kajian.

5.2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui sesuatu masalah, fenomena dan hal-hal yang baru dan dapat mengumpul jawapan terus dari subjek kajian (Noraini, 2010; Yan Piaw, 2006). Walau bagaimanapun, kajian tinjauan tidak boleh memerhati sikap, pandangan, perasaan dan kepercayaan tetapi boleh bertanya kepada individu tentang sikap, pandangan, perasaan atau kepercayaan mereka melalui kaedah ini (Goddard & Villanova, 2006).

Di samping itu juga, kaedah ini sangat popular kerana dapat mengumpul maklumat daripada sampel saiz yang besar sehingga melangkaui ribuan responden dalam sesebuah kajian (McIntyre, 2005; Yan Piaw, 2006). Keupayaan mencapai sampel kajian yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Noraini, 2010). Kebiasaannya data daripada sampel yang besar diambil melalui soal selidik sebagai medium untuk memahami sesebuah tingkah laku, pandangan dan perasaan. Menurut Noraini (2010), soal selidik secara amnya merupakan alat ukuran yang paling praktikal dan berkesan bagi kajian

tinjauan, terutamanya jika melibatkan populasi yang besar dan jika kedudukan sampel antara subjek adalah jauh antara satu sama lain. Memandangkan kajian ini ingin menguji Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, maka kaedah soal selidik ini amat bersesuaian kerana melibatkan sampel populasi yang besar dan bertanyakan tentang perasaan individu terhadap kebahagiaan hidup mereka.

5.2.2 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 1283 orang dewasa Melayu yang berumur 20 tahun dan ke atas (pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan mereka yang telah bekerja; 640 lelaki dan 643 perempuan) yang telah mengambil bahagian secara sukarela. Kajian ini dijalankan di beberapa kawasan di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang (laporan lengkap pada Jadual 5.7).

Pada asasnya, responden kajian dipilih berdasarkan persampelan bukan kebarangkalian. Persampelan mudah (*convenience*) atau dikenali sebagai kebetulan (*accidental*) dan tersedia (*availability*) digunakan. Kategori ini merupakan teknik pemilihan sampel yang mudah didapati dan diakses dan bukannya untuk *representativeness* (Berg, 2004; McIntyre, 2005; Noraini, 2010). Tidak terdapat prosedur yang ditetapkan dalam persampelan ini seperti pemilihan sampel rawak dan dikenali dengan persampelan mudah kerana untuk membezakan bahawa kaedah ini bukan sampel rawak (Spartz & Kardas, 2008).

Dalam keadaan tertentu, strategi ini adalah satu cara yang sangat baik untuk mendapatkan maklumat awal tentang beberapa objektif kajian dengan cepat, mudah dan murah (Berg, 2004). Selain itu, persampelan ini hanya sesuai digunakan untuk menguji

instrumen kajian seperti sejauh mana soalan yang ditanya jelas dan mudah difahami oleh responden (McIntyre, 2005). Berdasarkan kepada objektif kajian ini, pengkaji ingin membentuk dan menguji Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dan didapati kaedah ini amat sesuai sekali digunakan.

Walau bagaimanapun, perlu diberi perhatian kepada aspek *representativeness* dan generalisasi. Persampelan mudah boleh dipercayai sekiranya terdapat data yang menunjukkan bahawa sampel yang digunakan mewakili populasi dalam pemboleh ubah yang relevan. Namun, persampelan ini juga tidak boleh menjamin sampel mewakili populasi dalam semua pemboleh ubah yang relevan (Noraini, 2010). Terdapat dua justifikasi bagi mereka yang menggunakan persampelan mudah (Spartz & Kardas, 2008), iaitu:

Pertama: Sama ada terdapat hubungan atau tidak di antara pemboleh ubah tak bersandar (IV) dan pemboleh ubah bersandar (DV). Hanya selepas hubungan dibentuk, barulah persoalan tentang *generality* menjadi relevan. Dengan itu, persampelan mudah sangat memadai dengan menjawab soalan-soalan sama ada ia mempunyai hubungan atau tidak sahaja.

Kedua: Berdasarkan kepada ciri-ciri sains iaitu replikasi. Apabila kajian rantaian dijalankan bagi kali ke-3, 5 dan 10 mengemukakan keputusan yang sama dengan kajian awal, maka pengkaji akan lebih yakin untuk mengatakan kajian yang ditemui dalam semua sampel turut menggambarkan populasi, walaupun keputusan itu hasil daripada persampelan mudah.

Dalam kajian ini, pemilihan sampel orang Melayu adalah berdasarkan kepada persekitaran yang berlainan seperti kawasan, pekerjaan, taraf pendidikan dan status perkahwinan. *Bias* mungkin berlaku dengan cara ini. Menurut Haslina (2006), tindak balas *bias* adalah satu ancaman *representativeness* terhadap sampel kerana orang Melayu mungkin bertindak balas secara berbeza kepada soalan yang dikemukakan disebabkan oleh perbezaan persekitaran budaya mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu di Malaysia masih dirujuk sebagai mempunyai ciri-ciri yang sama, iaitu beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu walaupun berada atau berasal dari tempat yang berlainan.

Walaupun pengkaji sedar bahawa *bias* mungkin berlaku, langkah awal perlu dilaksanakan untuk membentuk skala kebahagiaan orang Melayu. Kaedah atau langkah-langkah yang perlu diambil demi membentuk skala ini adalah salah satu prosedur biasa yang dilakukan dalam kalangan ahli-ahli psikologi seperti penerokaan dimensi kebahagiaan, kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu alat kajian (sila lihat cara *Happy Life Event*, Kim et al., 2007, dan *The Chinese Aging Well Profile*, Ku et al., 2008, dihasilkan).

5.2.3 Kajian Rintis

Pengkaji telah membentuk skala kebahagiaan khusus dalam masyarakat Melayu hasil daripada keputusan kualitatif dalam Bab 3 dan 4. Sebelum soal selidik ini diedarkan kepada responden yang lebih besar, maka kajian rintis amat diperlukan bagi melihat sejauh mana item-item pertanyaan difahami oleh responden. Dengan itu, kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian yang

dibentuk dan kebolehpercayaan alat-alat kajian dari Barat yang digunakan dalam kajian ini sama ada stabil atau tidak dengan responden yang ingin dikaji.

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis pada Disember 2011. Menurut Launsbury et al. (2006), sekiranya skala yang hendak diuji hanya 8 item, maka perlu dibentuk sebanyak 16 item bagi permulaan. Kemudian, kebolehpercayaan dan kesahan skala yang dibentuk nanti bergantung kepada item yang dikemukakan. Hasil pembacaan dan perbincangan pengkaji dengan dua orang ahli psikologi (nama dirahsiakan), 12 item mengenai kebahagiaan telah dibentuk dan ini memadai bagi mewakili setiap dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu (termasuklah satu item yang bertanyakan tentang kebahagiaan hidup secara keseluruhan diuji dalam kajian ini). Launsbury et al. (2006) turut menerangkan bahawa saiz sampel 60 orang adalah cukup bagi 12 item (nisbah satu item bersamaan lima responden) yang perlu dijawab kerana sampel yang sedikit mungkin mempengaruhi keputusan yang tidak boleh dipercayai. Seramai 72 responden ($13 \times 5 + 5 = 72$) telah diperoleh secara persampelan mudah (*convenience*) bagi mendapatkan maklum balas mengenai soalan-soalan yang ditanya. Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi ($\alpha = .91$) tetapi kesahan antara item adalah baik (antara .18 ke .70), namun terdapat item yang tidak berhubung.

Ekoran dari keputusan kebolehpercayaan dan kesahan tadi, pengkaji mengambil langkah untuk mengubah sedikit struktur item sekali lagi dengan mengambil kira pelbagai pendekatan iaitu perbincangan semula dengan dua orang ahli psikologi yang sama semasa pembentukan item yang awal, melihat hasil keputusan kualitatif, pandangan daripada responden dan kajian-kajian lepas. Pengkaji berpendapat yang paling penting ialah item yang ingin ditanya hendaklah mewakili setiap dimensi seperti mana yang dilakukan oleh Cummins (2006) ke atas PWI. Walau bagaimanapun,

pertanyaan masih dikekalkan “setakat manakah anda bahagia dengan.....?”. Jadual 5.1 menunjukkan perubahan yang telah dilakukan.

5.1 Perubahan Item Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

Item terdahulu	Item terkini	Dimensi
Bersama keluarga anda	Hubungan anda bersama keluarga	Hubungan kekeluargaan
Bersama orang di sekeliling anda	Hubungan anda dengan orang lain	Hubungan baik dengan orang lain
Kejayaan dalam hidup anda	Apa yang anda capai dalam hidup sehingga kini	Pencapaian dalam hidup
Pengetahuan anda	Tahap ilmu pengetahuan anda	Ilmu pengetahuan
Spiritual/agama anda	Amalan kerohanian atau keagamaan anda	Agama
Sikap positif anda	Sikap positif yang ada pada diri anda	Bersikap positif
Menerima keadaan hidup anda	Cukup sekadar apa yang anda ada	Penerimaan/redha
Kesihatan fizikal anda	Tahap kesihatan anda	Kesihatan
Keadaan sekeliling anda	Dengan keharmonian dalam persekitaran hidup anda	Persekitaran harmoni
Kegiatan masa lapang anda	Aktiviti-aktiviti masa lapang anda	Aktiviti masa lapang
Membuat keputusan sendiri	Membuat keputusan anda sendiri	Autonomi
Keperluan hidup anda	Taraf hidup anda	Taraf hidup

Kajian rintis kedua telah diedarkan pada Februari 2012. Seramai 100 orang responden telah melengkapkan soal selidik ini secara sukarela. Hasil keputusan menunjukkan ada peningkatan dalam kebolehpercayaan iaitu $\alpha = .93$ dan kesahan antara item antara .20 ke .81 dan kesemuanya berhubungan secara signifikan. Maklum balas daripada responden turut memuaskan disebabkan soalan yang mudah difahami dan tidak mengelirukan. Dengan itu, item pertanyaan dikekalkan sebagai langkah pertama pengkaji dalam membentuk skala kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

5.2.4 Alat Ukuran Kajian

Bagi menjawab hipotesis yang telah dibuat, satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat. Soal selidik ini bertujuan untuk menguji Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Terdapat tiga elemen pengukuran, iaitu Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu (dalam proses penilaian), *Satisfaction With Life Scale* (SWLS; Diener et al., 1985) dan *Personal Wellbeing Index* (PWI; Cummins, 2006) yang mengukur kebahagiaan. Manakala *Affect Balance Scale* (ABS; Bardburn, 1969) mengukur emosi positif dan negatif dan *Rosenberg's Self-esteem Scale* (RSES; Rosenberg, 1965) menilai harga diri. Kesemua alat ujian ini telah digunakan oleh masyarakat Barat dan Timur serta telah dibuktikan kebolehpercayaan dan kesahan yang baik (Ku et al., 2008; Nielsen et al, 2010; Swami & Premuzic, 2009) kecuali Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun, untuk Kajian 3 ini, alat ukuran dari Barat tidak digunakan sebagai alat ukuran utama dalam mengukur kebahagiaan masyarakat Melayu. Tetapi, sekadar melihat kebahagiaan secara deskriptif dan pembuktian kesahan menumpu (*convergent validity*) dan kesahan membeza (*discriminant validity*) yakni sama ada skala kebahagiaan yang akan diusulkan (*proposed*) ini mengukur kebahagiaan masyarakat Melayu atau tidak. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 5.2.2, langkah-langkah yang diambil ini adalah prosedur biasa dalam menentukan kesahan sesuatu alat ujian. Selain itu, kajian ini turut melihat kestabilan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Alat kajian Barat ini digunakan kerana ia mudah difahami, ringkas dan senang untuk ditadbir.

Secara keseluruhannya, soal selidik terdiri daripada enam bahagian, iaitu Bahagian A adalah Demografi, Bahagian B adalah Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, Bahagian C adalah *Satisfaction With Life Scale*, Bahagian D adalah *Personal Wellbeing Index*, Bahagian E adalah *Affect Balanced Scale* dan Bahagian F adalah *Rosenberg's Self-Esteem Scale*.

5.2.4.1 Bahagian A: Demografi

Menurut McIntyre (2005), kajian tinjauan sangat sesuai untuk melaporkan maklumat demografi yang asas seperti umur, jantina, pendapatan, status perkahwinan, latar belakang pendidikan dan agama. Demografi juga boleh dijadikan pemboleh ubah bersandar dalam mentafsir sesuatu fenomena. Selain itu, demografi dapat membantu dalam melihat sejauh mana dapatan penyelidikan boleh diaplikasi (Noraini, 2010). Terdapat tujuh profil responden yang ingin diketahui dalam kajian ini, iaitu jantina, umur, status perkahwinan, bilangan anak, pendidikan, kawasan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melaporkan maklumat demografi secara deskriptif sahaja dan tidak digunakan sebagai pemboleh ubah (lihat Jadual 5.7).

5.2.4.2 Bahagian B: Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu merupakan percubaan pertama dalam membentuk alat pengukuran kebahagiaan khusus dalam masyarakat Melayu. Skala kebahagiaan ini terdiri daripada 12 dimensi bagi mewakili kebahagiaan masyarakat Melayu yang diperolehi hasil daripada keputusan kualitatif. Skala ini turut menggunakan satu item yang bertanyakan tentang “setakat manakah anda bahagia dengan kehidupan anda secara keseluruhan?”. Jadual 5.2 menunjukkan soalan yang

mewakili dimensi masyarakat Melayu. Di samping itu, skala ini boleh dinilai secara berasingan ataupun digabungkan kesemuanya.

Jadual 5.2 Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	
Setakat manakah anda bahagia dengan kehidupan anda secara keseluruhan?	
Setakat manakah anda bahagia dengan.....?	Dimensi
1. Hubungan anda bersama keluarga?	[Keluarga]
2. Hubungan anda dengan orang lain?	[Hubungan baik dengan orang lain]
3. Apa yang anda capai dalam hidup sehingga kini?	[Pencapaian dalam hidup]
4. Tahap ilmu pengetahuan anda?	[Ilmu pengetahuan]
5. Amalan kerohanian/keagamaan anda?	[Agama]
6. Sikap positif yang ada pada diri anda?	[Bersikap positif]
7. Cukup sekadar apa yang anda ada?	[Penerimaan/redha]
8. Tahap kesihatan anda?	[Kesihatan]
9. Keharmonian dalam persekitaran hidup anda?	[Persekitaran harmoni]
10. Aktiviti-aktiviti masa lapang anda?	[Aktiviti masa lapang]
11. Membuat keputusan anda sendiri?	[Autonomi]
12. Taraf hidup anda?	[Taraf hidup]

Kebahagiaan masyarakat Melayu diukur dengan skala 11 mata yang bermula dengan tidak bahagia sepenuhnya (0) kepada bahagia sepenuhnya (10). Menurut Lim (2008), kaedah ini untuk selaraskan min kebahagiaan dengan membahagikan min nilai maksimum mata skala. Skala 11-mata didapati lebih optimum daripada skala 7 mata dan cenderung untuk mempunyai nilai min kebahagiaan yang lebih tinggi (Lim, 2008). Responden diminta untuk membuat pilihan nombor yang sesuai bagi mewakili kebahagiaan hidup mereka pada setiap item kebahagiaan masyarakat Melayu termasuklah kebahagiaan hidup secara keseluruhan. Semua skor yang diperolehi pada setiap domain hendaklah ditukar kepada skor 0-100 yang dipanggil “peratus skala maksimum (%SM)” (Cummins, 2012) seperti di bawah:

$$\chi\%SM = \frac{(\text{Skor}-1)}{\text{Skor Maksimum}} \times 100$$

Titik tumpu individu kebiasaannya terletak dalam julat skala positif 50-100 (Cummins et al., 2003). Dengan mengambil kira peratus skala maksimum, responden yang melebihi 50% setiap skala akan menunjukkan dia bahagia. Memandangkan skala ini dalam pengujian, segala hasil analisis akan dilaporkan dalam keputusan kajian.

5.2.4.3 Bahagian C: *Satisfaction with Life Scale (SWLS)*

Satisfaction With Life Scale (SWLS) telah dibentuk oleh Diener et al. (1985). Pembentukan alat ujian SWLS disebabkan kebahagiaan atau kepuasan hidup hanya diukur dengan menggunakan satu item sahaja. Dengan itu wujud keperluan untuk skala multi-item yang mengukur kepuasan hidup sebagai proses pertimbangan kognitif (Diener et al., 1985). SWLS mengandungi lima item yang melihat kepuasan hidup secara keseluruhan (lihat Jadual 5.3).

Jadual 5.3 *Satisfaction with Life Scale*

<i>Satisfaction With Life Scale</i>
1. Di dalam kebanyakan perkara, kehidupan saya menghampiri ke tahap sempurna.
2. Keadaan hidup saya adalah amat baik.
3. Sehingga kini, saya telah mencapai perkara-perkara penting yang saya mahukan di dalam hidup.
4. Saya berpuas hati dengan kehidupan saya.
5. Sekiranya saya boleh menjalani kehidupan saya semula, saya tidak akan menukar apa-apa.

Berdasarkan kepada skala likert 1-7 (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=sedikit setuju, 4=tidak pasti, 5=sedikit setuju, 6=setuju dan 7=sangat setuju), responden diminta untuk meletakkan nombor yang sesuai mengikut kenyataan yang diberikan dengan jujur dan bersikap terbuka. Responden yang mempunyai skor yang tinggi menunjukkan kepuasan hidup yang tinggi. Keseluruhan jumlah kepuasan mengikut responden antara 5 (kepuasan yang rendah) hingga 35 (kepuasan yang tinggi).

Secara psikometrik, Diener et al. (1985) telah melaporkan SWLS menunjukkan konsistensi yang baik berdasarkan nilai *alpha* .87 dan uji-uji semula (*test-retest*) .82. Mereka turut mendapati terdapat satu faktor tunggal yang menerangkan 66% daripada varian melalui analisis faktor. Durak et al. (2010) menggunakan SWLS dan diterjemahkan dalam Bahasa Turki mendapati nilai konsistensi dalaman yang baik .81 dan hubungan antara item di antara .55 ke .63. Manakala kesahan serentak (*concurrent*) dan membeza (*discriminant*) menunjukkan hubungan yang signifikan berdasarkan pemboleh ubah yang digunakan antara -.08 ke .40. SWLS turut diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu (Swami & Premuzic, 2009) dan didapati mempunyai nilai *alpha* yang baik .83. Anaby et al. (2010) menterjemahkan SWLS dalam Bahasa Ibrani dan mendapati pekali *alpha* yang baik .86 dan hubungan antara item di antara .58 ke .77. Kesahan menunjukkan hubungan signifikan antara SWLS dengan alat pengukuran yang lain antara -.30 ke .27. Hal ini menunjukkan alat ukuran SWLS boleh digunakan ke semua negara disebabkan mempunyai nilai konsistensi dalaman dan kesahan yang baik. Di samping itu, SWLS mengukur kepuasan hidup secara keseluruhan dan tidak dipengaruhi elemen budaya dalam item-item yang dikemukakan. SWLS telah diterjemah dalam versi Bahasa Melayu dan mempunyai nilai konsistensi dalaman yang baik iaitu .85 dan hubungan antara item antara .39 ke .75.

5.2.4.4 Bahagian D: *Personal Wellbeing Index* (PWI)

Personal Wellbeing Index (PWI) dibentuk oleh Cummins secara rasminya pada tahun 2006. Umumnya, ramai yang setuju bahawa kesejahteraan subjektif boleh diukur dengan soalan kepuasan yang ditujukan ke atas perasaan individu tentang diri mereka. Skala PWI terdiri daripada lapan item kepuasan, setiap item mempunyai domain kualiti hidup sendiri (lihat Jadual 5.4). Secara teoritikal, lapan domain ini mewakili tahap

pertama pengubahsuaian terhadap persoalan global: “Setakat manakah anda berpuas hati dengan kehidupan anda secara keseluruhan?. Dengan itu, setiap domain akan menyumbang kepada unik varian dalam meramal kepuasan global. Walau bagaimanapun, lapan domain tersebut boleh dinilai secara berasingan atau digabungkan kesemuanya yang dikenali sebagai “PWI”.

Jadual 5.4 *Personal Wellbeing Index*

<i>Personal Wellbeing Index</i>	
Fikirkan tentang keadaan dan kehidupan anda sendiri, setakat manakah anda berpuas hati dengan kehidupan secara keseluruhan?	
Setakat manakah anda berpuas hati dengan.....?	Domain
1. Taraf hidup anda?	[Tarf hidup]
2. Kesihatan anda?	[Kesihatan]
3. Apa yang anda capai dalam hidup?	[Pencapaian dalam hidup]
4. Hubungan peribadi anda?	[Hubungan Peribadi]
5. Rasa selamat yang anda rasa?	[Keselamatan Peribadi]
6. Rasa anda sebahagian daripada komuniti?	[Komuniti-Berhubungan]
7. Keselamatan masa depan anda?	[Keselamatan masa depan]
8. Kerohanian dan agama anda?	[Kerohanian-Agama]

PWI diukur dengan 11 skala yang bermula dengan tidak berpuas hati sepenuhnya (0) kepada berpuas hati sepenuhnya (10). Responden diminta untuk membuat pilihan nombor yang sesuai bagi mewakili kepuasan hidup mereka pada setiap item PWI. Semua skor yang diperolehi pada setiap domain hendaklah ditukar kepada skor 0-100 yang dipanggil “peratus skala maksimum” (%SM) (Cummins, 2012) seperti di bawah:

$$\chi\%SM = \frac{(\text{Skor}-1)}{\text{Skor Maksimum}} \times 100$$

Titik tumpu individu kebiasaannya terletak dalam julat skala positif 50-100 (Cummins et al., 2003). Dengan mengambil kira peratus skala maksimum, responden yang melebihi 50% setiap skala akan menunjukkan yang mereka bahagia. PWI telah menunjukkan kebahagiaan masyarakat Barat dalam lingkungan 70%-80% (Cummins,

2006). Manakala kebahagiaan masyarakat Cina berada dalam lingkungan 60%-70% (Nielsen, 2010).

Melihat kepada aspek psikometrik, alat ujian menunjukkan kebolehpercayaan yang baik antara .70 dan .85 di Australia dan negara lain. Uji-uji semula membuktikan konsistensi yang memberangsangkan .84 (Lau and Cummins, 2005). Manakala kesahan menumpu (*convergent*) dengan SWLS menunjukkan hubungan yang agak tinggi .78 (Cummins, 2006). Hasil kajian Tiliouine (2009) turut mendapati PWI konsistensi dalaman yang tinggi .78 dalam masyarakat Algeria dan hubungan antara PWI di antara .25 ke .71. PWI turut ditadbir dalam masyarakat China (Nielsen et al., 2010) dan mendapati nilai kebolehpercayaan yang baik juga .80 serta hubungan antara domain antara .30 ke .56. Kajian ini telah menterjemahkan PWI dalam versi Bahasa Melayu dan mendapati nilai konsistensi dalaman adalah .95. Satu dapatan yang menakjubkan berbanding dengan masyarakat di Australia, Algeria dan China. Hubungan antara pemboleh ubah antara .59 ke .82 dan kesahan menumpu dengan SWLS adalah .66. Secara keseluruhannya, alat ujian PWI sangat efektif dalam mengukur kepuasan hidup dan kebahagiaan.

5.2.4.5 Bahagian E: *Affect Balance Scale* (ABS)

Affect Balance Scale telah dibangunkan oleh Bradburn (1969). Alat ukuran ini adalah yang pertama menganalisis keadaan emosi luahan sendiri (*self-expressed*) (Vun Schuur & Kruijtbosch, 1995). ABS terdiri daripada 10 item, iaitu lima item berkenaan dengan aspek kesejahteraan positif atau “perasaan positif (*positive affect*)” dan lima item berkenaan dengan aspek kesejahteraan negatif atau “perasaan negatif (*negative affect*)” (lihat Jadual 5.5). Skala ini fokus kepada pengalaman hidup responden yang telah

berlaku “sepanjang beberapa minggu lepas”. Perasaan positif yang tinggi berbanding perasaan negatif menunjukkan seseorang itu sangat bahagia dan kepuasan dalam hidup yang tinggi. Manakala, perasaan negatif yang tinggi berbanding perasaan positif menunjukkan seseorang itu sangat tidak bahagia dan tiada kepuasan dalam hidup.

Jadual 5.5 Item Positif dan Negatif *Affect Balance Scale*

Item Positif
1. Sangat teruja (<i>excited</i>) atau berminat (<i>interested</i>) dengan sesuatu.
2. Rasa bangga kerana ada orang puji tentang kerja yang anda buat.
3. Rasa bangga/puas kerana menyiapkan sesuatu kerja.
4. Rasa seperti gembira (<i>top of the world</i>).
5. Semua berjalan lancar.
Item Negatif
1. Rasa resah gelisah hinggakan tak boleh duduk lama.
2. Rasa sunyi atau jauh/terpinggir dari orang lain.
3. Bosan
4. Murung atau sangat dukacita.
5. Rasa sedih atau terganggu kerana ada orang mengkritik anda.

Bagi menilai skor ABS, pengiraan skor perasaan positif dan negatif adalah secara berasingan. Item-item ABS akan nilai berdasarkan dua kategori iaitu “Ya (dikodkan kepada 1)” dan “Tidak (dikodkan kepada 0)”. Jumlah jawapan “Ya” dalam lima item setiap skala mewakili skor keseluruhan skala perasaan positif dan perasaan negatif. Nilai skor perasaan positif yang tinggi dikira sebagai kesejahteraan psikologikal yang tinggi dan nilai skor perasaan negatif yang tinggi di anggap mempunyai kesejahteraan psikologi yang rendah. Skor ABS diperoleh dengan menolak skor perasaan negatif daripada skor perasaan positif, skala terdiri daripada -5 (kesejahteraan minimum) kepada +5 (kesejahteraan maksimum).

Kajian Harding (1982) telah menunjukkan kebolehpercayaan yang agak tinggi .65 bagi perasaan positif dan .59 bagi perasaan negatif. Selain itu, ABS telah diterjemah dalam Bahasa Malayu dan mendapati nilai konsistensi dalaman yang agak baik iaitu .61

untuk perasaan positif dan .74 bagi perasaan negatif (Haslina, 2006). Kim & Mueller (2001), mendapati nilai alpha yang agak sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah, iaitu .50 (perasaan positif) dan .62 (perasaan negatif). Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan ABS agak tinggi juga iaitu .60 bagi perasaan positif dan .71 untuk perasaan negatif.

5.2.4.6 Bahagian F: *Rosenberg's Self-Esteem Scale (RSES)*

Rosenberg's Self-esteem Scale telah dibina oleh Rosenberg (1965) dan alat ukuran ini digunakan dengan meluas dalam mengukur harga diri secara global (Heatherton & Wyland, 2003). RSES merupakan alat ukuran bersifat unidimensi dan diuraikan daripada konsep fenomenologi harga diri yang menggambarkan nilai persepsi diri individu sendiri (Albo et al., 2007). RSES dibentuk untuk mengukur sikap positif dan negatif terhadap diri. Terdiri daripada 10 item, lima item positif dan lima item negatif (lihat Jadual 5.6). Skor yang tinggi menunjukkan individu itu mempunyai harga diri yang tinggi. Manakala, skor yang rendah menunjukkan individu yang mempunyai harga diri yang rendah.

Jadual 5.6 Item Positif dan Item Negatif *Rosenberg's Self-Esteem Scale*

Item Positif
1. Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan diri saya.
2. Saya rasa, saya mempunyai beberapa ciri yang baik
3. Saya mampu melakukan sesuatu sebegini yang dilakukan oleh orang lain.
4. Saya rasa, saya ada gunanya (baiknya), sekurang-kurangnya sama seperti orang lain.
5. Saya bersikap positif terhadap diri sendiri.
Item Negatif
1. Ada kalanya, saya rasakan diri saya tidak berguna langsung.
2. Saya berasa saya tidak mempunyai banyak perkara yang boleh dibanggakan.
3. Kadang-kadang saya rasa diri saya tidak berguna.
4. Saya harap saya lebih menghormati diri saya sendiri.
5. Secara keseluruhannya, saya cenderung merasakan saya seorang yang gagal.

RSES ditadbir dengan menggunakan skala likert empat pilihan jawapan (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju, 4=sangat setuju). Bagi item negatif, empat pilihan jawapan diterbalikkan. Skor RSES antara 10 (harga sendiri minimum) hingga 40 (harga sendiri maksimum). Individu yang mempunyai skor harga sendiri yang tinggi menunjukkan harga sendiri yang tinggi juga.

Alat ukuran ini turut diterjemahkan dalam pelbagai bahasa termasuklah Bahasa Melayu. Melihat aspek kebolehpercayaan, RSES menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi iaitu .88 dan uji-uji semula adalah .85 (Fischer & Corcoran, 1994). Skala ini dalam versi Ibrani menunjukkan nilai alpha yang tinggi juga .91 (Rubinstein, 2006). Manakala versi Sepanyol didapati nilai kebolehpercayaan adalah tinggi, iaitu .88 dan uji-uji semula .84 serta hubungan antara item RSES antara .44 ke .73 (Albo et al., 2007). RSES turut diterjemah dalam versi Jepun dan mempunyai nilai konsistensi dalaman .81 (Mimura & Griffiths, 2007). Dalam kajian ini, RSES diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang agak sederhana .66. Walaupun nilai kebolehpercayaan sederhana tetapi ia masih lagi stabil dan boleh digunakan.

5.2.5 Terjemahan/Terjemahan Kembali (*translation/back translation*)

Sebelum soal selidik ini diedarkan kepada responden dewasa Melayu, pengkaji terlebih dahulu menjalani prosedur terjemahan (*translation*) dan terjemahan kembali (*back translation*). Hal ini disebabkan alat kajian yang digunakan asalnya dalam versi Bahasa Inggeris. Oleh itu, alat kajian SWLS, PWI, RSES, dan ABS diterjemahkan dalam versi Bahasa Melayu kerana responden yang dikaji adalah masyarakat Melayu. Salah satu kaedah yang digunakan adalah terjemahan semula. Menurut Sinaiko dan Brislin (1973),

kaedah ini khususnya untuk membandingkan versi Bahasa Inggeris yang asal dengan terjemahan semula dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terjemahan kembali sama dengan versi asal, umumnya dikira sebagai sama.

Alat-alat ujian yang digunakan dalam kajian ini iaitu SWLS, ABS, dan RSES telah pun diterjemahkan oleh ahli-ahli psikologi Melayu sebelum ini. Dengan itu, pengkaji menggunakan terjemahan yang telah dilakukan dan melihat sejauh mana nilai kebolehpercayaan alat ujian ini dan dibandingkan dengan kajian sebelumnya. SWLS telah diterjemahkan oleh Salleh dan Zuria (2009) dan didapati nilai alpha .85 (kajian ini .85). ABS telah diterjemahkan dalam versi Bahasa Melayu oleh Haslina (2006) dan mendapati nilai alpha perasaan positif dan perasaan negatif masing-masing adalah .61 dan .74 (kajian ini .60 dan .71). RSES telah diterjemahkan oleh Khairudin (2009) dan mendapati nilai alpha ialah 0.63 (kajian ini .66). Dengan itu, dapatan nilai kebolehpercayaan dalam kajian ini dengan kajian sebelumnya tidak menunjukkan perbezaan yang banyak. Oleh itu, alat-alat ujian tadi boleh digunakan dan ditadbir.

Personal Wellbeing Index (PWI) masih belum diterjemahkan dalam versi Bahasa Melayu. Dengan bantuan seorang Pensyarah di Jabatan Pendidikan Psikologi dan Kaunseling, Universiti Malaya, PWI telah diterjemahkan ke dalam versi Bahasa Melayu. Hasil daripada terjemahan versi Bahasa Melayu, pengkaji telah meminta dua pakar Bahasa Inggeris menterjemahkan semula PWI kepada versi Bahasa Inggeris. Hasil nilai *alpha Cronbach* ialah .95.

5.2.6 Prosedur dan Tatacara Kajian

Pada Mac 2012, soal selidik telah diedarkan dan dijawab oleh responden secara sukarela dan berakhir pada Jun 2012. Dalam tempoh pengedaran soal selidik, pengkaji meminta responden membaca tajuk dan tujuan kajian ini dijalankan di muka hadapan soal selidik tersebut. Hal ini dilakukan supaya responden tidak keliru atau salah faham terhadap kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji turut mengedarkan soal selidik di beberapa kawasan luar dari Kuala Lumpur. Harapan pengkaji supaya kajian ini dapat dipelbagaikan dari sudut tempat, masyarakat dan suasana persekitaran seperti bandar dan luar bandar. Selain daripada pengkaji sendiri yang mengedar soal selidik ini, terdapat beberapa orang yang turut membantu. Maklum balas dari responden amat memuaskan ke atas soal selidik ini. Sebanyak 1500 soal selidik telah diedarkan. Walau bagaimanapun, hanya 1350 telah dikembalikan dan 1283 telah dianalisis.

5.2.7 Analisis Kajian

Kesemua data yang diperoleh dalam kajian akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 20. Memandangkan kajian ini ingini menguji secara psikometrik skala kebahagiaan masyarakat Melayu, jadi terdapat beberapa analisis yang diperlukan.

Pertama, analisis deskriptif dijalankan hanya menilai takat kebahagiaan masyarakat Melayu dan dimensi yang paling utama dalam mempengaruhi kebahagiaan. Hal ini adalah rentetan daripada keputusan kualitatif yang diperoleh (lihat Bab 4). Kebiasaannya, analisis jenis ini hanya melibatkan ukuran kecenderungan memusat

(min, mod dan median) dan ukuran serakan (varian dan sisihan piawai). Di samping itu, peratusan turut diambil kira.

Berikutnya, analisis inferensi yang ingin menilai kesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran yang dibentuk. Bagi menguji kesahan sesuatu skala pengukuran, terdapat beberapa analisis statistik boleh digunakan seperti *Exploratory Factor Analysis* (EFA), *Confirmatory Factor Analysis* (CFA), kesahan menumpu (*convergent*) - membeza (*discriminant*) dan *multitrait-multimethod matrix*. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menggunakan analisis yang digunakan dalam mengesahkan alat ukuran *Personal Well-Being Index* (Cummins, 2006), iaitu EFA, *convergent-discriminant validity*. Terdapat dua jenis kesahan yang digunakan iaitu, kesahan konstruk (*construct*) dan kesahan menumpu-membeza terhadap Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Kesahan konstruk digunakan untuk melihat secara empirikal sesuatu ujian atau eksperimen mengukur apa yang sepatutnya diukur (Sam & Mang, 2010). Maka, dengan itu, analisis faktor digunakan dalam menentukan bilangan faktor yang diperoleh dalam Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Selain itu, memutarakan (*rotation*) faktor-faktor yang diekstrak supaya struktur faktor lebih mudah difahami. Terdapat tiga syarat analisis faktor, iaitu skala pengukuran, bilangan item soal-selidik dan saiz responden (Yan Piaw, 2009).

Bagi menentukan kesahan menumpu-membeza, analisis korelasi turut digunakan dalam penyelidikan ini. Analisis ini digunakan untuk melihat kekuatan dan arah hubungan di antara item-item dalam Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dan juga pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diukur (PWI, SWLS, ABS dan RSES). Nilai pekali korelasi dalam lingkungan -1.0 hingga +1.0 dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah ditentukan melalui nilai r (Norizan, Nordin & Mohd. Ali, 2010).

Korelasi *Pearson* digunakan dalam melihat hubungan di antara item dalam Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Manakala, korelasi *Spearman Rho (Rs)* dijalankan ke atas pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini kerana salah satu pemboleh ubah adalah dari data ordinal dan syarat-syarat parametrik tidak dipenuhi.

Selain kesahan, kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) juga penting dalam menentukan sama ada pengukuran boleh digunakan ataupun tidak. Kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi dalaman alat pengukuran yang ditentukan oleh pekali *alpha* (Lounsbury, Gibson & Saudargas, 2006). Pekali *alpha Cronbach* biasanya antara 0 hingga 1.0, semakin tinggi nilai *alpha*, semakin baik kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan. Lounsbury, Gibson & Saudargas (2006) mencadangkan skala yang digunakan mempunyai pekali *alpha* (α) sekurang-kurangnya .75 atau cuba untuk capai pada tahap .80 dalam peringkat pembentukan skala. Dengan itu, kajian ini amat sesuai menggunakan analisis ini dalam menentukan nilai kebolehpercayaan alat-alat kajian yang ditadbir sama ada sesuai digunakan ataupun tidak.

5.3 Keputusan Kajian

Keputusan kajian terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu demografi, takat kebahagiaan dan dimensi yang utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Selain itu, keputusan kesahan dan kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu turut dilaporkan.

5.3.1. Faktor Demografi

Secara keseluruhan, terdapat tujuh maklumat tentang demografi iaitu jantina, umur, status perkahwinan, bilangan anak, kawasan, taraf pendidikan dan pekerjaan. Seramai 1283 telah melengkapkan soal selidik yang diberikan. Nisbah antara lelaki dan perempuan ialah 640 (49.9%) dan 643 (50.1%). Terdapat empat pecahan dalam kumpulan umur, iaitu masyarakat Melayu yang berumur 20 hingga 29 tahun adalah majoriti iaitu 37.8%, diikuti oleh umur 30 hingga 39 tahun 28.5%, berumur 40 hingga 49 tahun sebanyak 19.9% dan masyarakat Melayu yang berumur 50 tahun dan ke atas seramai 13.8%.

Taburan dalam aspek status perkahwinan didapati majoriti adalah mereka yang sudah berkahwin sebanyak 67.8%, diikuti yang belum berkahwin seramai 30.5% dan bercerai atau berasingan adalah 1.7%. Seramai 44.5% adalah mereka yang tidak mempunyai anak, 20% yang mempunyai anak yang lebih daripada empat orang, 12.3% mereka yang mempunyai anak seramai dua orang, 12% mereka yang memiliki anak hanya satu orang dan 11.2% bagi mereka yang mempunyai anak seramai tiga orang.

Terdapat empat buah negeri di Semenanjung Malaysia yang terlibat. Setiap negeri akan dibahagikan mengikut kawasan. Kuala Lumpur yang melibatkan Bukit Bintang sebanyak 4.8%, Pusat Bandar (sekitar Masjid Jamek, Jalan Tunku Abdul Rahman dan PWTC) seramai 11.8%, dan Bangsar berjumlah 17.3%. Di Negeri Sembilan, kawasan yang terlibat adalah Seremban berjumlah 8.9% dan Tampin sebanyak 12.2%. Kawasan di Selangor pula adalah di Bangi sebanyak 27%, diikuti dengan serdang sebanyak 6.9% dan Kuala Selangor iaitu 3.6%. Di Pahang, kawasan

yang terlibat adalah Kuantan sahaja sebanyak 7.5%. Jadual 5.7 menunjukkan taburan profil responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 5.7 Jumlah dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Faktor Demografi

	Jumlah Responden (%)
Total	1283 (100)
Jantina	
Lelaki	640 (49.9)
Perempuan	643 (50.1)
Umur	
20-29 tahun	485 (37.8)
30-39 tahun	366 (28.5)
40-49 tahun	255 (19.9)
50 tahun dan ke atas	177 (13.8)
Status Perkahwinan	
Bujang	391 (30.5)
Berkahwin	870 (67.8)
Bercerai/Berasingan	22 (1.7)
Bilangan Anak	
0	571 (44.5)
1	154 (12.0)
2	158 (12.3)
3	144 (11.2)
≥4	256 (20.0)
Kawasan	
Kuantan	96 (7.5)
Serdang	89 (6.9)
Bukit Bintang	62 (4.8)
Pusat Bandar	151 (11.8)
Bangsar	222 (17.3)
Tampin	157 (12.2)
Seremban	114 (8.9)
Bangi	346 (27.0)
Kuala Selangor	46 (3.6)
Taraf Pendidikan	
Sekolah Rendah	25 (1.9)
Sekolah Menengah	512 (39.9)
Universiti/Kolej	644 (50.2)
Siswazah (Master/PhD)	102 (8.0)
Pekerjaan	
Pelajar	127 (9.9)
Kerajaan	865 (67.4)
Swasta	220 (17.1)
Bekerja sendiri	42 (3.3)
Lain-lain	29 (2.3)

Merujuk kepada taraf pendidikan responden, didapati majoriti adalah masyarakat Melayu yang telah masuk ke Universiti/Kolej (sijil, diploma dan ijazah) seramai 50.2%. Masyarakat Melayu yang berpendidikan sekadar Sekolah Menengah (PMR dan SPM) berjumlah 39.9%. Bagi mereka yang memiliki Sarjana dan PhD (Siswazah) sebanyak 8%. 1.9% adalah mereka yang hanya sekadar Sekolah Rendah.

Dari sudut pekerjaan, majoriti masyarakat Melayu yang berkhidmat dengan sektor awam atau kerajaan (melibatkan profesional dan bukan profesional) seramai 67.4%. Menurut Mohd Ridhuan (2011), seramai 77.4% orang Melayu yang telah berkhidmat dengan sektor awam pada tahun 2005. Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu lebih selesa berkhidmat di sektor awam berbanding dengan swasta. Sebanyak 17.1% adalah masyarakat Melayu yang berkhidmat di sektor swasta (profesional dan bukan profesional). Bagi mereka yang sedang dalam pengajian di peringkat universiti sebanyak 9.9%, 3.3% pula mereka yang menjalankan pekerjaan sendiri dan 2.3% adalah lain-lain (mereka yang bersara dan suri rumah).

5.3.2 Takat Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Kajian ini turut melihat sejauh mana takat kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan skala kebahagiaan yang dibentuk dan alat pengukuran Barat. Kajian ini menggunakan nilai min kebahagiaan yang ditentukan dalam bentuk peratus skala maksimum (%SM). Hasil keputusan menunjukkan takat kebahagiaan melebihi 50%SM dan kesemua alat ukuran yang menggunakan satu item dan pelbagai item meletakkan kebahagiaan masyarakat Melayu pada tahap 70%-80%SM (keseluruhan kebahagiaan hidup, 78.20 ± 17.27 ; Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, 76.03 ± 16.38 ; keseluruhan kepuasan hidup, 79.42 ± 17.63 ; *Personal Wellbeing Index*, 77.54 ± 12.14 ; *Satisfaction*

with Life Scale, 74.85±4.88). Kajian ini juga turut mendapati peratusan takat kebahagiaan masyarakat Melayu melebihi 90% (keseluruhan kebahagiaan hidup, 97.12%; Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, 95.95%; keseluruhan kepuasan hidup, 95.95%; *Personal Wellbeing Index*, 94.78%; *Satisfaction with Life Scale*, 96.57%). Hal ini menunjukkan masyarakat Melayu sangat bahagia dengan kehidupan yang mereka lalui. Jadual 5.8 menunjukkan min kebahagiaan berdasarkan alat ukuran kebahagiaan masyarakat Melayu dan alat ukuran yang dibentuk oleh Barat.

Jadual 5.8 Nilai Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Kebahagiaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Keseluruhan Kebahagiaan Hidup, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, Keseluruhan Kepuasan Hidup, *Personal Wellbeing Index* dan *Satisfaction with Life Scale*.

Pembolehubah	%SM	Bilangan Responden	Peratus
	Min ± SP		
Keseluruhan Kebahagiaan Hidup	78.20±17.27		
Bahagia		1246	97.12
Tidak Bahagia		37	2.88
Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	76.03±17.15		
Bahagia		1231	95.95
Tidak Bahagia		52	4.05
Keseluruhan Kepuasan Hidup	79.42±17.63		
Kepuasan hidup		1231	95.95
Tiada kepuasan hidup		52	4.05
Personel Well Being Index	77.54±17.87		
Kepuasan Hidup		1216	94.78
Tiada Kepuasan Hidup		67	5.22
Satisfaction With Life Scale	74.85±4.88		
Kepuasan Hidup		1239	96.57
Tiada Kepuasan Hidup		44	3.43

Nota: N = 1283; SP = Sisihan Piawai; %SM=Peratus Skala Maksimum

Menurut Cummins (2003 & 2012), kebahagiaan yang diukur dalam populasi negara-negara Barat termasuk Australia berada dalam lingkungan antara 70%-80%SM. Manakala dalam masyarakat Timur berada antara 60%-70% seperti masyarakat China (Nielsen et al., 2010) dan Algeria (Tilibouine & Meziane, 2012). Keputusan ini adalah satu dapatan di luar jangkaan kerana takat kebahagiaan masyarakat Melayu (berpegang

kepada nilai kolektivistik; lihat Bahagian 2.2) adalah tinggi sama dengan takat kebahagiaan masyarakat Barat. Dapatan ini bukan suatu yang mengejutkan kerana kajian-kajian lepas turut menunjukkan ada masyarakat lain juga (yang dikategorikan sebagai kolektivistik) didapati takat kebahagiaan mereka tinggi setanding dengan Barat berdasarkan PWI. Misalnya, masyarakat Tibet (70.58; Webb, 2009), masyarakat Thai (70.0; Yiengprugsawan et al., 2010) dan buruh Indonesia di Malaysia (70.30; Nielsen & Sendjaya, 2014). Walaupun nilai min kebahagiaan masyarakat Tibet, Thai dan buruh Indonesia adalah tinggi, namun kebahagiaan ketiga-tiga masyarakat masih dianggap tidak setanding dengan kebahagiaan Barat. Hal ini kerana nilai yang ditunjukkan hanya sekitar 70%SM dan nilai tersebut boleh dianggap masih berada dalam nilai maksimum kebahagiaan masyarakat Timur. Berbeza dengan kebahagiaan masyarakat Melayu yang melebihi peratus skala maksimum masyarakat Timur (60%-70%SM) iaitu 77.54 dan didapati masyarakat Melayu lebih bahagia daripada masyarakat Australia (73.48; Cummins et al., 2003). Jelas menunjukkan masyarakat Melayu menjalani hidup yang sangat bahagia melebihi kebahagiaan masyarakat Timur dan setanding dengan kebahagiaan masyarakat Barat.

Dapatan kajian ini turut selari dengan apa yang diperoleh oleh Khairudin (2009) yang menunjukkan kebahagiaan masyarakat Melayu setaraf dengan Barat (Min=155.4 menggunakan *Oxford Happiness Inventory*). Berdasarkan laporan yang dikeluarkan WVS (*World Values Survey*) pada tahun 2007, Malaysia berada di tangga ke-17 negara yang paling bahagia di dunia (Voughn, 2010) dan berada di tempat ke-4 (6.6) negara Islam yang paling bahagia berkongsi tempat dengan Kuwait hasil laporan daripada UNDP 2010 (Tilibouine & Meziane, 2012). Maka tidak hairan masyarakat Melayu menunjukkan yang mereka bahagia dengan kehidupan yang dilalui berdasarkan bukti-

bukti yang telah dinyatakan di atas. Apakah yang membuat masyarakat Melayu sangat bahagia? Isu ini akan dibincangkan dalam Bahagian 5.4.1.

5.3.3 Keutamaan Dimensi

Kajian ini turut melaporkan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan keutamaan dalam analisis kuantitatif. Jadual 5.9 menunjukkan skor min dan sisihan piawai (*standard deviation*) berdasarkan dimensi-dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Hasil keputusan telah menunjukkan hubungan kekeluargaan menjadi dimensi yang sangat penting dan bermakna dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (85.65 ± 14.80). Kedua terpenting ialah hubungan baik dengan orang lain (78.88 ± 15.37), diikuti dengan bersikap positif (77.59 ± 16.02). Dimensi yang berada pada tangga keempat ialah autonomi (77.58 ± 16.41), kelima iaitu aktiviti masa lapang (76.83 ± 16.58), persekitaran harmoni berada pada tangga keenam (76.34 ± 16.97) dan taraf hidup di tempat yang ketujuh (75.05 ± 18.60). Tempat kelapan yang mendatangkan kebahagiaan kepada masyarakat Melayu adalah kesihatan (74.48 ± 18.10), diikuti dengan pencapaian dalam hidup di tangga kesembilan (74.45 ± 17.43), agama berada di tempat kesepuluh (74.19 ± 18.38), tempat kesebelas pula adalah ilmu pengetahuan (70.84 ± 17.90) dan tempat kedua belas adalah penerimaan/redha (70.48 ± 19.25). Kesemua dimensi menunjukkan skor min melebihi 70%-80%SM kecuali keluarga yang melebihi 80%-90%SM. Hal ini membuktikan bahawa semua dimensi membawa kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

Jadual 5.9 Dimensi-dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Keutamaan.

Dimensi	Jumlah (N = 1283)	
	Keutamaan	%SM Min ± SP
Hubungan Kekeluargaan	1	85.65 ± 14.80
Hubungan Baik dengan Orang Lain	2	78.88 ± 15.37
Bersikap Positif	3	77.59 ± 16.02
Autonomi	4	77.58 ± 16.41
Aktiviti Masa Lapang	5	76.83 ± 16.58
Persekitaran Harmoni	6	76.34 ± 16.97
Taraf Hidup	7	75.05 ± 18.60
Kesihatan	8	74.48 ± 18.10
Pencapaian Dalam Hidup	9	74.45 ± 17.43
Agama	10	74.19 ± 18.38
Ilmu Pengetahuan	11	70.84 ± 17.90
Penerimaan	12	70.48 ± 19.25

Nota: N = 1283; SP = Sisihan Piawai; %SM = Peratus Skala Maksimum

Kajian ini telah menunjukkan hubungan kekeluargaan adalah dimensi yang sangat kuat dalam mempengaruhi kebahagiaan sama ada melalui analisis kualitatif mahupun kuantitatif dalam masyarakat Melayu. Hasil dapatan ini selari dengan Khairudin (2009) yang mendapati keluarga sangat mendominasi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu sangat dipengaruhi oleh budaya kolektivistik di mana keluarga menjadi sandaran utama dalam kebahagiaan. Keputusan kajian turut mendapati bahawa hubungan baik dengan orang lain, aktiviti masa lapang dan bersikap positif turut menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu dan selari dengan dapatan kualitatif pada Bab 4 dan Khairudin (2009) walaupun secara kedudukannya berbeza. Bagi Taraf hidup tidak menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan keputusan kuantitatif. Sebaliknya automoni pula menyumbang kepada kebahagiaan dan berada di kedudukan keempat terpenting. Hal ini akan dibincang dalam Bahagian 5.4.2.

Sekali lagi, berdasarkan dapatan kuantitatif juga telah menunjukkan agama tidak berada pada kedudukan lima dimensi terbaik membawa kebahagiaan dalam masyarakat

Melayu. Hasil keputusan selari dengan dapatan kajian kualitatif pada Bab 4 dan Khairudin (2009). Kenapa agama kurang memberikan kebahagiaan kepada masyarakat Melayu? akan dibincangkan dalam Bahagian 5.4.2.

5.3.4 Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

Bagi menguji psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu, analisis kesahan dan kebolehpercayaan telah dijalankan. Bahagian ini akan menunjukkan keputusan kajian yang diperolehi.

5.3.4.1 Kesahan Konstruk (Analisis Faktor)

Alat ukuran PWI dan SCIF telah menunjukkan item-item yang mewakili setiap dimensi kebahagiaan berada di bawah satu faktor yang sama. Jadi, kajian ini turut melihat item-item yang mewakili dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu turut berada dibawah satu faktor atau komponen. Analisis faktor akan digunakan bagi melihat sejauhmana item-item Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu berada di bawah komponen yang sama. Menurut Gable dan Wolf (1993), Analisis faktor hanya boleh dilaksanakan sekiranya jumlah responden adalah 6 hingga 10 kali ganda bilangan item. Dalam kajian ini, jumlah responden adalah 1283 orang dan bilangan item sebanyak 12 (setiap item mewakili dimensi). Ini bermakna analisis faktor sesuai digunakan dalam kajian ini. *Principle Component Analysis* (PCA) telah digunakan untuk menilai 12 item skala kebahagiaan yang dibina. Jadual 5.10 menunjukkan *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO; menguji *multicollinearity* jika nilai yang sama wujud antara dua atau lebih item yang mengukur aspek yang sama) dan *Bartlett's Test of Sphericity* (mengenal pasti sama ada korelasi antara item memadai untuk dilakukan analisis faktor). Selain dari melihat bilangan responden dan item soalan, nilai KMO yang ditunjukkan .947 (melebihi pada

>.80; Hair et al., 2006) dan didapati tidak ada masalah *multicollinearity* dan 12 item yang baru dibina boleh diuji dengan analisis faktor. Manakala, nilai *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan pada $p < .05$ dan menunjukkan korelasi antara item memadai untuk melakukan analisis faktor.

Jadual 5.10 KMO dan ujian *Bartlett*

Ujian	Ujian Statistik	Df	Sig
<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>	.947		
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	11729.359	66	.000

Nota: N = 1283; Df = *degree of freedom*; Sig = *signifikan*


Analisa yang dijalankan mendapati ada satu faktor sahaja yang memberi *eigenvalues* yang lebih besar daripada 1 iaitu 7.60. 12 item yang mewakili dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang berada di bawah faktor yang sama telah menyumbang sebanyak 63.35% perubahan varian secara keseluruhan. Kaedah pemutaran tidak dapat dilakukan memandangkan skala kebahagiaan melibatkan satu faktor sahaja. Berdasarkan kepada nilai muatan (*loadings*) secara umumnya adalah tinggi antara .68 dan .85 dalam Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Jadual 5.11 menunjukkan nilai setiap komponen kebahagiaan, *eigenvalues* dan varian hasil daripada analisis faktor.

Jadual 5.11 Nilai Setiap Komponen Kebahagiaan, *Eigenvalues* dan Varians Analisis Faktor

Skala Kebahagiaan	Komponen
Persekitaran harmoni	.85
Aktiviti masa lapang	.83
Taraf hidup	.82
Pencapaian dalam hidup	.82
Bersikap positif	.81
Autonomi	.81
Ilmu pengetahuan	.81
Agama	.79
Hubungan baik dengan orang lain	.78
Kesihatan	.77
Penerimaan/redha	.75
Hubungan kekeluargaan	.68
<i>% of variance explained</i>	63.35
<i>Eigenvalues</i>	7.60

Nota: *Extraction Method: Principal Component Analysis; Loading Factor (.40)*

Rajah 5.1 menunjukkan graf *scree plot* yang mendapati ada satu faktor utama yang memberi sumbangan besar kepada perubahan varian secara keseluruhan.



Rajah 5.1 *Scree Plot* Pemilihan Faktor

Secara keseluruhan, keputusan analisis faktor telah menunjukkan item-item yang mewakili dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang dibina oleh pengkaji berada di

bawah satu faktor yang sama. Merujuk kepada *loading factor* (.40), kesemua item-item kebahagiaan melebihi tahap yang disasarkan. Keputusan ini selari dengan PWI dan SCIF yang meletakkan item-item yang mewakili setiap dimensi berada di bawah satu faktor yang sama. Dengan itu, skala kebahagiaan ini sesuai digunakan bagi mengukur kebahagiaan masyarakat Melayu. Implikasi kajian akan dibincangkan dalam Bahagian 5.4.3.1.

5.3.4.2 Kesahan Menumpu (*Convergent*) dan Membeza (*Discriminant*)

Dua instrumen kajian yang mengukur konsep yang sama berhubungan antara satu sama lain dikenali sebagai kesahan menumpu dan dua instrumen sama mempunyai konsep berbeza seharusnya kurang hubungan disebut sebagai kesahan membeza (Hair et al., 2006; Sam & Mang, 2010). Kajian ini menggunakan korelasi *Spearman* disebabkan ada instrumen menggunakan nilai dikotomi. Walau bagaimanapun, masih menggunakan perkataan hubungan merujuk kepada pertalian (George & Mallery, 2006). Jadual 5.12 menunjukkan hubungan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dengan instrumen-instrumen kajian yang popular yang telah digunakan oleh pengkaji lain.

Jadual 5.12 Varian Dikongsi (*shared varian*) dan Hubungan Antara Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dengan Kebahagiaan Hidup Secara Keseluruhan, Kepuasan Hidup Secara Keseluruhan, *Personal Well-Being Index*, *Satisfaction with Life Scale*, *Rosenberg's Self Esteem Scale*, dan *Affect Balance Scale*.

Pembolehubah	Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu	
	Korelasi	Varians Dikongsi
1. Kebahagiaan Hidup Keseluruhan	.74	.55
3. Kepuasan Hidup Keseluruhan	.72	.52
4. <i>Personel Well-Being Index</i>	.84	.71
5. <i>Satisfaction With Life Scale</i>	.68	.46
6. <i>Rosenberg's Self Esteem Scale</i>	.32	.10
8. Perasaan Positif	.31	.10
7. Perasaan Negatif	-.24	.06

Nota: N=1283; Berhubungan secara signifikan (** $p < 0.01$); **Bold**=kesahan menumpu (*Convergent Validity*)

Keputusan kajian bagi kesahan menumpu menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dengan kebahagiaan hidup keseluruhan ($rs = .74$, $p < .01$), kepuasan hidup keseluruhan ($rs = .72$, $p < .01$), *Personal Wellbeing Index* ($rs = .84$, $p < .01$) dan *Satisfaction With Life Scale* ($rs = .68$, $p < .01$). Alat pengukuran ini mengukur konsep yang sama dengan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Nilai hubungan yang ditunjukkan adalah tinggi. Selain itu, varian dikongsi (*shared varian*) turut menunjukkan peratus yang tinggi pada semua skala melebihi 50% kecuali SWLS sebanyak 46%. Walau bagaimanapun, masih dianggap tinggi disebabkan hampir kepada 50%. Menurut Hair et al. (2006), hubungan yang tinggi menunjukkan skala itu mengukur konsep yang sama.

Manakala kesahan pembeza pula dihubungkan dengan *Rosenberg's Self-Esteem Scale* (mengukur harga diri) dan *Affect Balance Scale* (mengukur emosi). Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dengan RSES ($rs = .32$, $p < .01$), perasaan positif ($rs = .31$, $p < .01$) dan hubungan negatif dengan perasaan negatif ($rs = -.24$, $p < .01$). Nampaknya, hubungan yang ditunjukkan berdasarkan RSES dan ABS terhadap Skala Kebahagiaan Masyarakat

Melayu adalah rendah berbanding dengan PWI dan SWLS. Variasi dikongsi turut menunjukkan peratus yang rendah juga (lihat Jadual 5.12). Menurut Hair et al., (2006), Hubungan yang rendah ini memadai untuk membezakan konsep yang berlainan antara yang mengukur kebahagiaan dengan aspek-aspek lain.

Secara psikometrik, kesahan penumpu dan pembeza ini telah menunjukkan bahawa Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu adalah mengukur aspek kebahagiaan. Hal ini boleh dilihat melalui hubungannya dengan PWI dan SWLS yang tinggi berbanding RSES dan ABS.

5.3.4.3 Kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Selain nilai kesahan, nilai kebolehpercayaan turut diambil kira dalam psikometrik. Kebolehpercayaan konsistensi dalaman akan dihitung menggunakan pekali alpha *Cronbach*. Berdasarkan 12 item skala kebahagiaan yang dibina oleh pengkaji menunjukkan nilai pekali alpha adalah $\alpha=.95$. Menurut Lounsbury et al. (2006), nilai pekali *alpha* yang melebihi sekurang-kurang .75 dan ke atas menunjukkan konsistensi dalam yang tinggi. Dengan itu, nilai kebolehpercayaan yang ditunjukkan dalam kajian ini adalah tinggi dan sangat baik.

Kajian ini turut menjalankan kaedah uji-uji semula untuk memeriksa sejauh mana konsistensi nilai kebolehpercayaan skala kebahagiaan merentasi masa. Seramai 50 responden telah diberikan soal selidik pertama pada 12 Mac 2012 dan soal selidik yang sama diberikan kepada responden yang sama pada 16 Mei 2012 (9 minggu 3 hari). Hasil keputusan uji-uji semula menunjukkan nilai pekali *alpha* adalah $\alpha=.96$. Hal ini menunjukkan nilai konsistensi dalaman sangat baik juga. Jadual 5.13 menunjukkan

nilai pekali *alpha Cronbach* dan uji-uji semula skala kebahagiaan dalam masyarakat Melayu.

Jadual 5.13 Pekali *Alpha Cronbach* dan Uji-uji Semula

Skala	Bil Item	Alpha	Uji-uji semula
Skala Kebahagiaan	12	.946	.957

Nota: *Alpha Cronbach*, N=1283; Uji-uji semula, N=50

Jadual 5.14 pula menunjukkan hubungan antara item dengan jumlah keseluruhan skala kebahagiaan. Hubungan item keseluruhan yang betul adalah hubungan antara item dengan jumlah (atau min) item yang lain digabungkan dan ia dikira sebagai kebolehpercayaan item (Lounsbury et al., 2006). Kajian ini telah menunjukkan hubungan item keseluruhan yang betul antara .63 ke .81. Hal ini bermakna semua item mengukur konstruk (faktor) yang sama. Berdasarkan kepada item dibuang menunjukkan nilai pekali *alpha* tidak begitu ketara dan masih melebihi nilai .90. Dengan itu, keputusan yang diperoleh menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu adalah baik dan boleh dipercayai pengukurannya.

Jadual 5.14 Hubungan Di antara Item yang Betul Dengan Jumlah Keseluruhan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Item Skala Kebahagiaan	Hub. Item keseluruhan yang betul	Alpha Cronbach Apabila item dibuang
1. Hubungan kekeluargaan.	.625	.946
2. Hubungan baik dengan orang lain.	.737	.942
3. Pencapaian dalam hidup.	.786	.941
4. Ilmu pengetahuan.	.769	.941
5. Agama.	.752	.942
6. Bersikap positif.	.770	.941
7. Penerimaan/redha.	.701	.944
8. Kesihatan	.720	.943
9. Persekitaran harmoni.	.814	.940
10. Aktiviti masa lapang	.794	.940
11. Autonomi.	.762	.942
12. Taraf hidup	.783	.941

Berdasarkan hubungan antara item Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu telah menunjukkan kesemua item berhubungan secara signifikan pada tahap 1% dengan saiz responden 1283. Hubungan antara item skala kebahagiaan yang diperoleh antara .38 hingga .75 iaitu sederhana kepada tinggi (lihat Jadual 5.15). Menurut Nunnally (1978), hubungan antara item dengan jumlah skor item yang melebihi .25 dianggap sebagai suatu nilai yang tinggi. Memandangkan nilai hubungan terendah adalah .38, maka hubungan antara item adalah baik. Berdasarkan jadual 5.15, Hubungan yang paling rendah di antara penerimaan dan hubungan kekeluargaan .38 dan hubungan paling tinggi antara ilmu pengetahuan dengan pencapaian dalam hidup .75 dan sebaliknya.

Hubungan kekeluargaan berhubungan secara signifikan dengan nilai r yang tinggi dengan hubungan baik dengan orang lain ($r=.65$). Hubungan baik dengan orang lain berhubungan secara signifikan yang kuat dengan hubungan kekeluargaan dan pencapaian dalam hidup ($r=.65$). Agama pula berhubungan secara signifikan yang tinggi dengan ilmu pengetahuan ($r=.74$). Bersikap positif berhubungan secara signifikan yang kuat dengan agama ($r=.65$). Penerimaan/redha berhubungan secara signifikan yang tinggi dengan pencapaian dalam hidup ($r=.62$). Kesihatan pula tinggi hubungannya dengan ilmu pengetahuan, agama dan bersikap positif ($r=.58$). Persekitaran harmoni menunjukkan hubungan yang tinggi dengan kesihatan ($r=.72$). Aktiviti masa lapang pula berhubungan secara signifikan yang kuat dengan persekitaran harmoni ($r=.73$). Autonomi tinggi hubungannya dengan aktiviti masa lapang ($r=.74$). Terakhir, taraf hidup menunjukkan hubungan yang tinggi dengan pencapaian dalam hidup ($r=.73$). Dengan itu, dapat disimpulkan kesemua item skala kebahagiaan berkait di antara satu dengan yang lain.

Jadual 5.15 Hubungan Antara Item-item Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Dimensi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1. Hubungan Kekeluargaan	1.00											
2. Hubungan Baik Dengan Orang Lain	.65	1.00										
3. Pencapaian Dalam Hidup	.50	.65	1.00									
4. Ilmu Pengetahuan	.44	.58	.75	1.00								
5. Agama	.49	.57	.64	.74	1.00							
6. Bersikap Positif	.54	.60	.61	.61	.65	1.00						
7. Penerimaan/Redha	.38	.49	.62	.61	.57	.54	1.00					
8. Kesihatan	.48	.55	.53	.58	.58	.58	.56	1.00				
9. Persekitaran Harmoni	.57	.64	.62	.59	.59	.68	.62	.72	1.00			
10. Aktiviti Masa Lapang	.54	.62	.59	.58	.60	.66	.58	.63	.73	1.00		
11. Autonomi	.50	.59	.60	.57	.58	.68	.53	.59	.66	.74	1.00	
12. Taraf Hidup	.50	.58	.73	.66	.58	.60	.65	.54	.67	.67	.66	1.00

Nota: N=1283; Semua item berhubungan secara signifikan (**p<0.01)

5.4 Perbincangan

Keputusan kajian yang diperoleh dalam Bahagian 5.3 akan dibincang secara terperinci dalam empat bahagian, iaitu takat kebahagiaan, dimensi kebahagiaan berdasarkan keutamaan, kesahan dan kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

5.4.1 Takat Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Berdasarkan kepada peratus skala maksimum yang dikemukakan oleh Cummins (2003), takat kebahagiaan masyarakat Barat berada dalam lingkungan 70%-80% dan takat kebahagiaan masyarakat Timur adalah 60%-70%, seperti China dan Algeria (Cummins, 2003; Nielsen et al., 2010; Tilibouine & Meziane, 2012). Keputusan kajian ini pula telah mendapati takat kebahagiaan masyarakat Melayu berada dalam lingkungan 70%-80% yakni setanding dengan takat kebahagiaan masyarakat Barat sama ada menggunakan instrumen sendiri ataupun instrumen dari Barat (lihat Bahagian 5.3.2). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Khairudin (2009) yang mendapati kebahagiaan masyarakat Melayu tinggi sama seperti takat kebahagiaan masyarakat Barat (menggunakan *Oxford Happiness Inventory*). Walaupun masyarakat Melayu dikategorikan sebagai masyarakat yang bersifat kolektivistik, namun takat kebahagiaan yang ditunjukkan adalah sebaliknya (lihat Bahagian 2.2; Haslina, 2007; Khairudin, 2009; Mahathir, 2011; Wan Abdul Kadir, 2007; Zulkiflee et al., 2011). Bukan sahaja masyarakat Melayu, kajian lepas turut menunjukkan masyarakat Tibet, Thai dan Buruh Indonesia didapati tinggi takat kebahagiaannya (lihat Bahagian 5.3.2). Walau bagaimanapun, takat kebahagiaan ketiga-tiga masyarakat (Tibet, Thai dan Buruh Indonesia) berada dalam lingkungan 70% pada tahap maksimum kebahagiaan masyarakat Timur berbeza dengan takat kebahagiaan masyarakat Melayu yang melebihi

tahap maksimum tersebut (lihat Bahagian 5.3.1.2). Jadi, ini adalah satu keputusan yang bertentangan dengan pengkaji terdahulu yang mendapati masyarakat Timur rendah takat kebahagiaannya (Diener et al., 1995; Cheng & Furnham, 2003; Furnham & Cheng, 1999). Nampaknya, masyarakat Timur, dalam kes ini masyarakat Melayu, juga boleh bahagia sepertimana masyarakat Barat walaupun dari sudut budaya asasnya adalah berlainan.

Apabila dirujuk hasil dapatan kajian sebelum ini, takat kebahagiaan masyarakat Barat (mengutamakan sifat individualistik) tinggi jika dibandingkan dengan masyarakat Timur (cenderung ke arah kebajikan masyarakat dan keluarga) (Diener et al., 1995; Cheng & Furnham, 2003; Furnham & Cheng, 1999; Uchida et al., 2004). Walaupun pada asasnya takat kebahagiaan masyarakat Timur juga melepasi pada tahap neutral kebahagiaan (Cummins, 2003; Diener, VittersØ & Diener, 2005; Furnham & Cheng, 1999; Haslina, 2006; Nielsen et al., 2010; Tilibouine & Meziane, 2012). Kebiasaannya, justifikasi yang diberikan adalah berdasarkan keutamaan dan kecenderungan budaya asas sama ada fokus kepada hak-hak individu atau kebajikan masyarakat dan keluarga (lihat Bahagian 1.2.1; Cha, 2003; Compton, 2005; Diener et al., 1995; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Uchida & Kitayama, 2009). Ada pula dapatan kajian yang menilai melalui perbezaan faktor ekonomi, kebendaan dan pendapatan sesebuah negara yang memberi implikasi kepada takat kebahagiaan (Diener & Suh, 1999; Diener, Oishi & Ryan, 2013; Ye, Ng & Lian, 2014). Selain itu, penggunaan instrumen dari Barat juga dilihat mempengaruhi takat kebahagiaan masyarakat Timur (Joshanloo, 2012; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 2013). Semua ini menunjukkan adanya usaha-usaha pengkaji terdahulu untuk memberikan gambaran awal dan pengetahuan tentang adanya perbezaan budaya ke atas kebahagiaan.

Sekiranya diamati dengan teliti, keputusan kajian yang diperoleh pengkaji terdahulu sentiasa memihak kepada masyarakat Barat berbanding dengan masyarakat Timur dalam konteks kebahagiaan (Diener et al., 1995; Cheng & Furnham, 2003; Furnham & Cheng, 1999; Nielsen et al., 2010). Tambahan pula, hanya sebahagian faktor sahaja (ekonomi, harta dan pendapatan) yang diteliti untuk membuat perbandingan. Adakah disebabkan berpegang kepada kehidupan kolektif dan beberapa faktor kekurangan ekonomi (*economic disadvantages*) menjadikan masyarakat Timur rendah takat kebahagiaan? Atau kerana penggunaan instrumen dari Barat yang diragui aplikasinya? Kajian ini telah menunjukkan semua itu bukan isu yang sebenar (*the real issue*).

Ada beberapa possibiliti yang menyebabkan responden kajian tinggi takat kebahagiaan mereka. Apabila dirujuk dalam sejarah Melayu, masyarakat Barat telah campur tangan dalam pentadbiran dan politik di tanah Melayu (kini Malaysia) pada akhir abad ke-19 (Wan Abdul Kadir, 2007). Berbeza dengan masyarakat di Asia Konfusian (China, Taiwan, Jepun, dan Korea Selatan) yang kebanyakan tidak dijajah oleh Barat dan sering dijadikan perbandingan dalam isu kebahagiaan. Campur tangan Barat secara tidak langsung membawa gelombang perubahan dalam struktur pentadbiran dan budaya masyarakat Melayu. Antara nilai-nilai Barat yang dibawa masuk ke alam pemikiran Melayu seperti realisme (mementingkan kerasionalan dan realiti), modenisasi, sekularisme, sikap individualistik dan suka bersaing (Azizah, 2008; Mohd. Azhar et al., 2004; Wan Abdul Kadir, 2007). Nilai-nilai tersebut didapati sebatu dalam masyarakat Melayu kini dan sekaligus mempengaruhi kebahagiaan. Dengan itu, tidak mustahil sekiranya masyarakat Melayu didapati tinggi takat kebahagiaan setanding Barat disebabkan adanya persamaan nilai kesan daripada jajahan Barat atau Kolonial berbanding dengan masyarakat Asia Timur yang lain.

Walau bagaimanapun, hujah di atas tidak cukup kuat dalam menerangkan takat kebahagiaan masyarakat Melayu tinggi setanding dengan Barat. Ini kerana pengaruh Barat turut melanda masyarakat China dan Korea Selatan (sebagai contoh). Walaupun negara-negara tersebut tidak dijajah oleh Barat, namun faktor modenisasi turut mempengaruhi kehidupan mereka. Menurut Lu (2006), masyarakat China hari ini, mendapati ada beberapa dimensi dalam hidup mereka yang telah diubahsuai sesuai dengan kehidupan moden seperti autonomi, bekerja keras, pencapaian berasaskan kecekapan, berorientasikan kejayaan dan wujudnya persaingan. Begitu juga dengan masyarakat Korea Selatan yang mendapati dimensi kebahagiaan yang ditunjukkan sama dengan masyarakat Kanada walaupun keutamaan dimensi berbeza (lihat Jadual 1.3 dan 1.4; Lee et al., 1999). Situasi ini secara tidak langsung dapat menerangkan tentang adanya persamaan antara masyarakat Barat dan Timur terhadap kebahagiaan walaupun masing-masing mengamalkan budaya berbeza (individualistik lawan kolektivistik). Lu dan Shih (1997) turut menyatakan bahawa perasaan positif dan kebahagiaan merupakan aspek yang dikongsi bersama dalam masyarakat Barat dan Timur.

Selain itu, Bahagian 2.2 telah menjelaskan bahawa setiap masyarakat mempunyai nilai-nilai tradisi tersendiri kesan daripada cara hidup dan perkembangan sejarah yang tidak sama. Menurut Lu (2006), walaupun modenisasi mempengaruhi kebahagiaan masyarakat China, namun nilai-nilai tradisi masih dipegang dan diamalkan. Hal ini juga berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu. Walaupun ada nilai-nilai Barat yang diamalkan, namun nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu tetap dipertahankan hingga hari ini. Tambahan pula, nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu telah dipraktik sebelum kedatangan kolonial lagi (lihat Bahagian 2.2). Menariknya, nilai-nilai tradisi yang diamalkan setiap masyarakat, baik Barat ataupun Timur, hendaklah selari dengan agama yang dianuti (lihat Bahagian 1.2.2). Uchida et al.

(2004) telah menyatakan bahawa kebahagiaan sesebuah masyarakat secara dasarnya dipupuk oleh ideologi dan agama. Hal ini menunjukkan agama dan nilai-nilai tradisi sesebuah masyarakat tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan. Setiap masyarakat melihat agama mempengaruhi nilai-nilai tradisi, norma, dan tingkah laku (Huntington, 2008; Inoguchi & Shin, 2009; Uchida et al., 2004). Jadi, agama turut memainkan peranan dalam membawa kebahagiaan dan kesejahteraan hidup bagi masyarakat yang mengikutnya. Barangkali nilai-nilai tradisi dan agama menjadi tanda aras tingginya takat kebahagiaan masyarakat Melayu kesan daripada keunikannya tersendiri.

Haslina (2006) dan Khairudin (2009) berpendapat masyarakat Melayu bahagia adalah disebabkan oleh nilai kesederhanaan yang diamalkan. Sifat hidup bersederhana sangat digalakan dalam masyarakat Melayu. Menurut Wan Abdul Kadir (1994), kesederhanaan adalah satu cara hidup yang tidak melebihi-lebih atau keterlaluan. Gaya hidup yang keterlaluan boleh menimbulkan kecemburuan sosial (sifat keangkuhan dan kesombongan terhadap masyarakat) dan tidak disukai ramai (Tenas Effendy, 2004; Wan Abdul Kadir, 1994). Disebabkan itu, masyarakat Melayu sangat menekankan hidup tidak terlalu bermewah-mewah dan setiap anggota diingat sentiasa bersederhana sesuai dengan kemampuan masing-masing dan cukup sekadar keperluan diri dan masyarakat. Bersederhana adalah satu kriteria yang ideal dalam menjamin kesejahteraan, ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup individu dan masyarakat (Abdul Halim dan Md. Shuib, 1993; Wan Abdul Kadir, 1994). Keadaan ini dapat diperhatikan melalui sikap pemurah orang Melayu dalam membahagi-bahagikan rezeki yang ada kepada golongan-golongan tertentu (Ismail, 1991). Oleh itu, gaya hidup bersederhana memberikan kepuasan, kesejahteraan dan kebahagiaan kepada masyarakat Melayu. Selari dengan Islam yang menggalakkan penganut-penganutnya bersifat sederhana dalam segala perlakuan hidup bagi menjamin kedudukan individu, pandangan

masyarakat dan disisi Tuhan (Wan Abdul Kadir, 1994). Begitu juga kesederhanaan dalam amal ibadat amat digalakkan di samping memberi jalan kebaikan kepada setiap individu.

Sifat bersyukur juga dilihat antara sebab tinggi takat kebahagiaan masyarakat Melayu. Haslina (2006) telah menyatakan orang Melayu lebih bahagia sekiranya mereka bersyukur dengan apa yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka. Bersyukur akan membuatkan seseorang berpandangan lebih positif dan perspektif yang lebih luas mengenai kehidupan di samping emosi yang stabil (Nathania et al., 2010). Dahlan, Nicol dan Maciver (2010) telah mendapati responden warga tua di Malaysia (68.3% orang tua Melayu) melaporkan yang mereka amat bersyukur dan bahagia dengan kemudahan dan pekhidmatan yang diberikan ketika berada di institut penjagaan. Hal ini menunjukkan dengan bersyukur menjadikan orang Melayu rasa cukup dengan apa yang ada dan memanfaatkan dengan sebaiknya. Secara tidak langsung apabila bersyukur akan terhindar daripada perasaan tamak, angkuh dan rasa sombong (Tenas Effendy 2004). Dengan itu, orang Melayu sangat digalakan untuk mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka dan keadaan ini menjadikan hati lebih tenang dan bahagia.

Selain dari sifat bersederhana dan bersyukur, tinggi takat kebahagiaan orang Melayu mungkin disebabkan pegangan kepada konsep budi. Menurut Wan Abdul Kadir (1994) budi meliputi satu ruang lingkup yang sangat luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan kehalusan mengikut nilai-nilai yang dipupuknya. Berbagai-bagai sistem yang menjadi rangka kepada struktur kehidupan orang Melayu bergerak berasaskan budi sebagaimana yang ditentukan mengikut tradisi yang diwarisi (Wan Abdul Kadir, 1994). Budi dilihat dapat mengukuhkan hubungan sosial di kalangan

masyarakat dan mendatangkan keharmonian dan kesejahteraan (Wan Kadir, 2002). Nilai budi ini amat disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu dan ia juga dianggap sebagai ukuran ketinggian peribadi (Ismail, 1991). Budi yang mulia akan menerbitkan rasa kasih dan sayang antara satu dengan yang lain (Abdul Halim, 1993). Jas et al. (2004) turut mendapati bahawa budi merupakan satu gagasan yang menjadi salah satu asas dalam pertimbangan moral. Dengan ini, ternyata budi merupakan satu nilai yang amat penting dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, melalui budi akan lahirnya sifat-sifat seperti hormat menghormati, bertolak ansur, dan menjaga hati (Wan Abdul Kadir, 1994). Oleh itu, masyarakat Melayu yang mempunyai nilai budi yang tinggi akan dihormati dan membawa kepada kehidupan yang harmoni, sejahtera dan bahagia.

Antara sebab lain masyarakat Melayu tinggi takat kebahagiaan adalah pergantungan dengan Tuhan (Allah). Seperti yang telah diterangkan dalam Bahagian 1.2.2, kebahagiaan itu hak mutlak Allah dan Ia berhak memberi kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya dan manusia hanya berusaha untuk mencari dan menikmatinya (Haron & Awang, 1994). Keadaan ini berbeza dengan masyarakat yang menganut agama Kristianiti, Konfusianisme, Toisme, Hinduisme, dan Buddhisme. Masing-masing banyak melihat kebahagiaan itu terletak atau ditentukan sama ada berasaskan individu atau keharmonian masyarakat tanpa melibatkan soal keTuhanan (Inglehart, 2010; Inoguchi & Shin, 2009; Lee et al., 2013; Uchida et al., 2004). Menurut Wan Abdul Kadir (1994), hubungan dengan Allah adalah yang paling tinggi dan tidak sama dengan hubungan sesama manusia dan alam sekeliling. Tambahan pula, masyarakat Melayu di ajar tentang rukun Islam dan Iman yang berkait dengan keEsaan Allah. Dengan itu, kebahagiaan, ketenangan dan kesejahteraan adalah kurniaan Allah kepada makhluknya melalui solat, berpuasa, berzakat, akhlak dan menunaikan haji.

5.4.2 Dimensi Kebahagiaan Mengikut Keutamaan

Keutamaan dimensi yang diperoleh berdasarkan kaedah kualitatif dalam Bahagian 4.3.2 mendapati lima dimensi utama yang mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu, iaitu hubungan kekeluargaan, bersikap positif, taraf hidup, hubungan baik dengan orang lain dan aktiviti masa lapang. Kelima-lima dimensi tersebut telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam Bahagian 4.4.2. Namun demikian, adakah dapatan kualitatif selari dengan dapatan kuantitatif? Keputusan telah menunjukkan empat daripada lima dimensi yang diperoleh selari dengan kualitatif, iaitu hubungan kekeluargaan, hubungan dengan orang lain, aktiviti masa lapang dan bersikap positif (lihat Jadual 5.9). Manakala autonomi dilihat memberi sumbangan yang besar dalam kuantitatif berbanding dengan taraf hidup. Menariknya, keluarga masih dilihat sebagai penyumbang utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu, baik dapatan kualitatif mahupun kuantitatif.

Ada beberapa hal yang boleh dibincangkan dalam keputusan ini. Pertama, keputusan kualitatif dan kuantitatif menunjukkan ada perbezaan kedudukan keutamaan dimensi kebahagiaan (berdasarkan lima dimensi ke atas) kecuali dimensi hubungan kekeluargaan dan bersikap positif yang berada di kedudukan pertama dan ketiga. Menurut Sale, Lohfeld dan Brazil (2008), kualitatif dan kuantitatif adalah dua pendekatan yang berbeza dan masing-masing mempunyai paradigma tersendiri walaupun mengkaji fenomena yang sama. Kualitatif dilihat sebagai interpretisme yang merujuk kepada interpretasi, definisi dan pengalaman individu terhadap sesuatu fenomena. Manakala kuantitatif pula adalah positivisme yang merujuk kepada suatu yang boleh diramal, bersifat objektif, secara luaran dan mudah untuk dijelaskan (Everest, 2014; Sale, Lohfeld dan Brazil, 2008). Kebiasaannya, kualitatif digunakan

untuk eksplorasi atau penerokaan dan diikuti dengan kuantitatif (Sale, Lohfeld dan Brazil, 2008). Kim et al. (2007) telah menggunakan kedua-dua pendekatan sebagai asas untuk membentuk dimensi kebahagiaan masyarakat Korea Selatan. Walau bagaimanapun, kedudukan dimensi kebahagiaan hanya ditentukan melalui kaedah kuantitatif. Berbanding dengan kajian ini yang menggunakan kedua-dua pendekatan dalam menentukan kedudukan dimensi kebahagiaan. Berdasarkan keputusan yang diperoleh, tidak hairan sekiranya keputusan menunjukkan sedikit perbezaan dalam menjelaskan keutamaan dimensi kesan daripada pendekatan yang berbeza tadi.

Kedua, keputusan sekali lagi mendapati hubungan kekeluargaan masih kekal berada di kedudukan pertama yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Kajian ini sama seperti yang telah ditemui oleh Khairudin pada tahun 2009. Malah, keputusan ini juga selaras dengan kajian-kajian mengenai dimensi kebahagiaan di negara-negara kolektivistik yang lain. Misalnya di Filipina, Indonesia, Thailand, China dan Korea Selatan, masing-masing telah menunjukkan bahawa keluarga antara yang memberi sumbangan besar terhadap kebahagiaan hidup (lihat Bahagian 1.3.1.2.1). Tambahan pula, hubungan kekeluargaan sering diketengahkan oleh masyarakat kolektivistik apabila menyentuh soal budaya. Jadi, keputusan ini tidaklah menghairankan kerana sifat masyarakat kolektivistik memanglah meletakkan keluarga pada kedudukan yang paling tinggi. Hal ini tidak bermakna masyarakat individualistik tidak mementingkan keluarga tetapi hak-hak individu itu lebih diutamakan (lihat Bahagian 3.4.1). Bukan dalam kajian-kajian mengenai psikologi positif sahaja, malah dalam kajian-kajian dan dalam aspek-aspek psikologi yang lain juga mendapati masyarakat kolektivistik sangat mengutamakan hubungan keluarga, hubungan dengan orang lain, keharmonian hidup bermasyarakat dan kerjasama dalam komuniti atau ahli kumpulan (Bos et al., 2015; Diener & Suh, 2000; Jaafar et al., 2004; Kwon, 2008; Lee,

Beckert & Goodrich, 2010; Triandis, 2000). Dengan itu, keputusan ini tidaklah mengejutkan apabila mendapati hubungan kekeluargaan menjadi dimensi terpenting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (telah dihurai dengan panjang lebar dalam Bahagian 3.4.1 dan 4.4.2).

Selain dimensi hubungan kekeluargaan, hubungan dengan orang lain dan bersikap positif juga didapati selari dengan keputusan kualitatif (walaupun kedudukan hubungan baik dengan orang lain berbeza; lihat Jadual 4.3 dan 5.9; telah dijelaskan dengan terperinci dalam Bahagian 3.4 dan 4.4.2). Hidup secara kolektif bukan hanya dilihat melalui pergaulan dalam ahli keluarga, malah ia turut dilaksanakan kepada individu lain demi menjaga keharmonian sejagat. Melalui pergaulan, orang Melayu seharusnya menjaga batas-batas yang telah digariskan oleh nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam. Pendek kata, menjaga hubungan dengan orang lain sangat dituntut dalam masyarakat Melayu di samping memelihara nilai-nilai tradisi (bersikap positif) yang diajar di peringkat awal kanak-kanak lagi seperti menghormati, bertolak ansur, menziarahi tetangga, tolong-menolong dan sebagainya (Ismail, 1991; Norazit, 1997; Wan Abdul Kadir, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan, hubungan dengan orang lain dan bersikap positif sangat berkait rapat antara satu dengan yang lain. Jadi, ketiga-tiga dimensi ini memberi impak yang sangat besar dalam kebahagiaan masyarakat Melayu.

Aktiviti masa lapang juga dilihat menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu. Kebiasaanya, aktiviti masa lapang dijalankan bagi mengurangkan tekanan atau kebosanan di tempat kerja, rumah dan sebagainya. Terdapat banyak aktiviti masa lapang yang boleh dilakukan seperti membeli belah, melancung, bercucuk tanam, ziarah dan banyak lagi. Rodri'guez (2011) dan Wan Abdul Kadir (2002) telah menyatakan

aktiviti masa lapang dijalankan apabila telah memenuhi tanggungjawab harian. Adakalanya, aktiviti yang dilaksanakan dalam waktu yang senggang. Manusia perlu mengisi keperluan-keperluan yang lebih tinggi yang melibatkan perasaan, emosi, keinginan yang dapat memberikan kepuasan dan kebahagiaan yang mendalam kepada diri sendiri (Wan Abdul Kadir, 2002). Dengan melakukan aktiviti-aktiviti di masa lapang akan memberikan kepuasan dan kebahagiaan kepada masyarakat Melayu. Selain masyarakat Melayu, masyarakat lain juga turut melaporkan yang mereka bahagia bila memenuhi masa yang terluang seperti Filipina dan Amerika Syarikat (huraian lanjut di Bahagian 3.4.10).

Berbeza dengan dapatan kualitatif, autonomi didapati memberi sumbangan kepada kebahagiaan masyarakat Melayu secara kuantitatif. Satu keputusan yang agak mengejutkan disebabkan dimensi autonomi lebih ke arah individualistik. Bahagian 5.4.1 telah menyatakan modenisasi dan penjajahan telah menjadikan dimensi-dimensi ini sebahagian dalam kehidupan masyarakat kolektivistik. Walau bagaimanapun, nilai-nilai tradisi dan norma kehidupan masyarakat Melayu tetap diutamakan. Seperti masyarakat Barat, masyarakat Melayu juga mempunyai kebebasan (autonomi) membuat pilihan dalam hidup mereka (bacaan lanjut di Bahagian 3.4.7). Namun kebebasan masyarakat Melayu dibatasi dengan kawalan sosial oleh keluarga dan masyarakat. Kawalan sosial boleh mengelak orang Melayu daripada membuat keputusan yang salah dan menyimpang daripada nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam (Wan Abdul Kadir, 2002). Kebebasan yang dibuat dengan galakan dan panduan daripada keluarga dan masyarakat dapat mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat Melayu.

Ketiga, sekali lagi kajian ini turut mendapati bahawa agama tidak berada di kedudukan lima yang utama. Bahagian 4.4.2 telah menjelaskan bahawa terdapat tiga faktor yang menyebabkan agama tidak begitu penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu, iaitu nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam adalah satu, agama dilihat hanya dari sudut ibadat sahaja dan modenisasi. Walau bagaimanapun, Inglehart (2010) telah melaporkan kebanyakan negara menunjukkan hubungan yang positif di antara kebahagiaan dan agama termasuk Malaysia walaupun hubungan yang rendah. Selari dengan Khairudin dan Jas (2010) yang mendapati hubungan positif antara agama dengan kebahagiaan adalah rendah dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa agama masih lagi memberi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu walaupun tidak berada di kedudukan yang utama.

5.4.3 Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Bahagian ini akan membincangkan tentang keputusan kesahan dan kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu.

5.4.3.1 Kesahan Konstruk (Analisis Faktor)

Alat ukuran yang dibentuk seharusnya mengukur apa yang sepatutnya di ukur (Anggoro & Widhiarso, 2010; Sam & Mang, 2010). Dalam kes ini, item-item pertanyaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu seharusnya mengukur kebahagiaan. Keputusan analisis faktor mendapati Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu hanya ada satu faktor sahaja atau unidimensi (lihat Jadual 5.11). Memandangkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dibentuk mengikut *Personal Wellbeing Index* (PWI; lihat Bahagian 5.1), maka keputusan kajian ini selari dengan PWI yang turut menunjukkan dimensi-

dimensi kebahagiaan berada di bawah satu faktor yang sama (Cummins et al., 2003; Hooghe & Vanhoutte, 2011; Nielsen et al., 2010; Tiliouine, 2009). Cummins (2006) memberitahu bahawa setiap item mewakili dimensi tertentu (misalnya taraf hidup, agama, kesihatan, keselamatan dan sebagainya) dan mengekalkan satu item yang bertanyakan kepuasan hidup secara keseluruhan. Pembentukan skala ini adalah kesan daripada *Satisfaction with Life Scale* (SWLS) yang dibentuk oleh Diener (1999) yang hanya bertanyakan tentang kepuasan hidup keseluruhan walaupun ada komponen-komponen kesejahteraan yang telah digariskan. Berdasarkan hujah di atas, item-item Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu turut mewakili dimensi kebahagiaan khas untuk orang Melayu, iaitu hubungan kekeluargaan, hubungan baik dengan orang lain, bersikap positif, agama, pencapaian dalam hidup, taraf hidup, penerimaan/redha, autonomi, aktiviti masa lapang, persekitaran harmoni, ilmu pengetahuan dan kesihatan (telah dihurai dalam Bab 3).

Selain itu, terdapat alat pengukuran kebahagiaan lain yang bersifat multidimensi. Misalnya, *Happy Life Event* yang dibentuk oleh Kim et al., (2007) mendapati ada 16 dimensi, *Oxford Happiness Inventory* ada tujuh dimensi (Hills & Argyle, 2002), *Chinese Happiness Inventory* ada enam dimensi (Lu & Shih, 1997) dan *The Chinese Aging Well Profile* yang terdiri daripada tujuh dimensi (Ku et al., 2008) (lihat Bahagian 1.3.1 dan 1.3.3). Dimensi kebahagiaan yang ditemui berdasarkan item-item yang telah dikelompokkan dalam beberapa faktor atau dimensi tertentu. Keadaan ini berbeza dengan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dan PWI, dimensi kebahagiaan mewakili setiap item dan berada dalam satu faktor yang sama. Walaupun secara teknikal ada perbezaan dalam menentukan dimensi kebahagiaan, namun tema-tema setiap dimensi yang ditunjukkan dalam skala pengukuran kebahagiaan hampir sama antara satu dengan yang lain (lihat Bahagian 1.3). Penentuan tema setiap dimensi

bergantung kepada interpretasi pengkaji dan masyarakat yang dinilai (lihat Bahagian 2.3). Setakat ini, tema-tema yang diperolehi boleh ditemui dalam setiap masyarakat dan keunikannya bergantung kepada kekuatan nilai-nilai tradisi dan fahaman agama yang diamalkan oleh masyarakat yang dikaji (lihat Bahagian 4.4.1). Dengan itu, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu turut mengukur kebahagiaan walaupun setiap dimensi berada di bawah satu faktor yang sama.

5.4.3.2 Kesahan Menumpu dan Membeza

Bagi menilai kesahan menumpu (*convergent*) dan membeza (*divergent/discriminant*), beberapa alat ukuran kebahagiaan dan instrumen yang mengukur aspek positif lain turut digunakan (lihat Jadual 5.12). Berdasarkan keputusan kajian-kajian lepas, instrumen kebahagiaan yang dibentuk oleh ahli-ahli Psikologi Positif menepati apa yang sepatutnya diukur (kebahagiaan) dengan menggunakan kesahan menumpu dan membeza ini (lihat Bahagian 1.3.3). Misalnya *Satisfaction with Life Scale* (Diener, 1985), *Scale of Psychological Well-being* (Ryff, 1989), *Oxford Happiness Inventory* (Argyle, 1989), *Subjective Happiness Scale* (Lyubomirsky & Lepper, 1999), *Personal Wellbeing Index* (Cummins, 2006), *Mind Balance Happiness Scale* (Lee et al., 2007) dan *Happy Life Inventory* (Kim et al., 2007). Secara keseluruhan, alat ukuran kebahagiaan yang dibentuk oleh pengkaji terdahulu mempunyai kesahan yang baik kesan daripada hubungan yang ditunjukkan dengan pembolehubah kebahagiaan yang lain. Walau bagaimanapun, alat ukuran yang dibentuk oleh pengkaji-pengkaji terdahulu terikat dengan latar belakang budaya masyarakat tertentu (lihat Bahagian 1.3.3 dan 2.3).

Dengan demikian, berdasarkan keputusan yang ditunjukkan dalam Bahagian 5.4.2, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu (mengukur khas kebahagiaan masyarakat

Melayu) yang baru dibentuk turut menunjukkan hubungan yang signifikan di antara .68 hingga .84 dengan pembolehubah kebahagiaan lain (seperti PWI, SWLS dan kepuasan hidup secara keseluruhan) yang hampir kepada 50% dan ke atas pembolehubah yang dikongsi (lihat Jadual 5.12). Hal ini menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu turut mengukur kebahagiaan seperti mana alat ukuran yang telah dibentuk oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Argyle, 1989; Cummins, 2006; Diener, 1985; Kim et al., 2007; Lee et al, 2007; Lyumbomirsky & Lepper, 1999; Ryff, 1989). Ferlis (2010) telah menerangkan individu yang memperoleh skor tinggi dalam sesuatu alat ukuran, kemungkinan besar individu yang sama juga akan mendapat skor yang tinggi dalam alat ukuran yang lain (mengukur aspek yang sama). Swami (2008) pula mengatakan alat ukuran kebahagiaan yang bersifat multi item lebih sesuai dalam melihat kesahan menumpu berbanding dengan skala pengukuran satu item yang mungkin diragui kesahannya dan akan menimbulkan banyak persoalan. Dengan itu, dapat dilihat Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang baru dibentuk menunjukkan kesahan yang baik kesan daripada hubungan yang ditunjukkan dengan skala pengukuran kebahagiaan lain. Tambahan pula, alat ukuran kebahagiaan yang digunakan bersifat pelbagai item (PWI dan SWLS) dan banyak digunakan oleh pengkaji lain dalam melihat kesahan menumpu (*divergent*).

Lyumbomirsky dan Lepper (1999) mengatakan kesahan membeza (*discriminant*) secara umumnya jarang dijalankan dalam pembentukan sesebuah skala atau instrumen yang baru. Teknik ini disediakan sebagai kesahan tambahan dalam mengukuhkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang baru dibentuk. Merujuk Jadual 5.12, didapati Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rendah dengan RSES dan ABS (perasaan Negatif dan perasaan Positif). Swami et al. (2008) turut mendapati hubungan yang rendah di antara SHS (*Subjective Happiness Scale*) dan

RSES (*Rosenberg Self Esteem Scale*) dan mereka melihat sebagai bukti kepada kesahan membeza. Menurut Hair et al., 2006), Hubungan yang rendah ini memadai untuk membezakan konsep yang berlainan antara yang mengukur kebahagiaan dengan aspek-aspek lain. Dengan itu, terbukti Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu hanya mengukur kebahagiaan sepertimana skala kebahagiaan lain berdasarkan kesahan membeza kesan daripada hubungan yang rendah dengan pembolehubah positif yang lain.

5.4.3.3 Kebolehpercayaan

Menurut Murphy dan Davidshofer (2005), kebolehpercayaan atau ketekalan adalah penting dalam menentukan sesuatu pengukuran itu baik ataupun tidak. Bahagian 1.3.3 telah menunjukkan hasil kebolehpercayaan pengkaji-pengkaji terdahulu terhadap instrumen yang telah mereka bentuk dan kebanyakan instrumen menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Misalnya, *Satisfaction with Life Scale* ($\alpha=.87$), *Oxford Happiness Inventory* ($\alpha=.85$), *Personal Wellbeing Index* ($\alpha=.85$), *Chinese Happiness Inventory* ($\alpha=.95$), pengukuran kebahagiaan berdasarkan *indigenous psychology* ($\alpha=.90$) dan *Mind Balanced Happiness Scale* ($\alpha=.93$). Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kajian ini turut mendapati nilai kebolehpercayaan yang tinggi terhadap Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu iaitu $\alpha=.95$ (lihat Jadual 5.13). Ahli-ahli psikometrik bersepakat nilai keofisianan alfa *Cronbach* sekurang-kurangnya $\alpha=.70$ dan nilai lebih $\alpha=.80$ adalah lebih baik terutama pembentukan skala yang baru (De Vaus, 2002; Gable and Wolf, 1993; Lounsbury et al., 2006). Lounsbury et al (2006) menjelaskan sebab kenapa nilai alfa perlu tinggi adalah apabila pengkaji cuba untuk menyalin semula skala dalam sampel yang baru, biasanya nilai akan susut dengan nilai pertama, kadang-kadang hanya beberapa peratus sahaja tetapi beberapa keadaan tertentu, pekali alfa

mungkin kecil sehingga $2/10$ atau lebih. Selain itu, ada dua aspek yang dilihat berguna dalam menerangkan kebolehpercayaan sesebuah skala, iaitu hubungan item-keseluruhan yang betul dan nilai alfa apabila item dibuang. Secara keseluruhannya, hubungan antara item-keseluruhan yang betul bagi Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu didapati melebihi $.40$ (yang dicadangkan oleh Lounsbury et al., 2006) iaitu $.63$ hingga $.81$ (lihat Jadual 5.14). Manakala, nilai alfa apabila item dibuang menunjukkan nilai yang konsisten iaitu melebihi $\alpha=.90$. Dengan itu, hasil kajian ini telah menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu adalah konsisten dengan mengukur satu gagasan (*construct*) atau dimensi yang sama.

Tinggi nilai kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu juga disebabkan oleh kurangnya ralat dalam pengukuran. Murphy dan Davidshofer (2005) telah menerangkan ada empat faktor yang boleh menyebabkan kurangnya kebolehpercayaan sesebuah skala pengukuran, iaitu karakteristik individu yang menjawab soalan, skala pengukuran itu sendiri, cadangan penggunaan skor ujian dan kaedah yang digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan. Ferlis et al. (2010) menyatakan bahawa faktor situasi turut mempengaruhi ralat pengukuran. Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, maklum balas responden adalah amat baik dan soalan yang dikemukakan mudah difahami dan tidak mengelirukan (lihat Bahagian 5.2.3). Sistem penskoran Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu selari dengan alat pengukuran yang lain (seperti PWI dan SWLS) menggunakan skala likert. Keadaan ini menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu mudah ditadbir dan dikendali. Keputusan uji-uji semula ke atas Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu telah mendapati nilai kebolehpercayaan ialah $\alpha=.96$. Hal ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu stabil berdasarkan responden yang sama diuji dalam dua keadaan yang berbeza.

5.5 Kesimpulan

Kajian 3 adalah kajian kuantitatif (kaedah tinjauan) yang bertujuan untuk melihat takat kebahagiaan, keutamaan dimensi kebahagiaan dan psikometrik Skala Kebahagiaan masyarakat Melayu. Seramai 1283 responden telah melengkapkan soal selidik yang diberikan (lihat Bahagian 5.2.2).

Rumusan yang boleh dibuat, kajian ini sekali lagi didapati telah menunjukkan takat kebahagiaan masyarakat Melayu adalah tinggi setanding dengan masyarakat Barat selaras dengan kajian Khairudin (2009) sebelum ini (lihat Bahagian 5.3.2). Walaupun masyarakat Melayu dikategorikan sebagai masyarakat kolektif yang mengutamakan hubungan kekeluargaan dan kebajikan masyarakat, namun secara relatifnya mereka amat bahagia dengan kehidupan yang dilalui. Selain masyarakat Melayu, masyarakat Tibet, Thailand dan buruh Indonesia (dikategorikan masyarakat kolektivistik) turut melaporkan takat kebahagiaan yang tinggi setanding Barat (lihat Bahagian 5.3.2). Walau bagaimanapun, nilai min (70%SM) yang ditunjukkan ketiga-tiga masyarakat tinggi tetapi masih berada dalam lingkungan kebahagiaan masyarakat kolektivistik seperti yang telah digariskan oleh Cummins (2006). Tingginya takat kebahagiaan yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu bukan disebabkan oleh kedudukan ekonomi yang stabil seperti yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji Barat terhadap kebahagiaan hidup mereka (Diener & Suh, 1999; Diener, Oishi & Ryan, 2013; Ye, Ng & Lian, 2014). Sebaliknya, keutamaan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang dipegang dan diamalkan oleh masyarakat Melayu membuatkan mereka bahagia seperti bersyukur, berbudi, bersederhana dan pergantungan kepada Allah (lihat Bahagian 5.4.1).

Selain takat kebahagiaan, dapatan kuantitatif menunjukkan ada sedikit perbezaan kedudukan lima dimensi utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu jika dibandingkan dengan keputusan kualitatif (Bab 4) (lihat Jadual 5.9). Perbezaan ini adalah disebabkan oleh kedua-dua pendekatan (kualitatif lawan kuantitatif) ini mempunyai paradigma tersendiri walaupun mengkaji isu yang sama (lihat Bahagian 5.4.2). Keputusan kuantitatif juga telah menunjukkan hubungan kekeluargaan berada di kedudukan pertama selari dengan kualitatif. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan sangat mempengaruhi kebahagiaan masyarakat Melayu. Bahkan hubungan kekeluargaan juga mempengaruhi kebahagiaan masyarakat kolektivistik yang lain (seperti Filipina, Indonesia, Thailand, China dan Korea Selatan). Selain itu, ada juga kajian Barat yang mendapati keluarga menyumbang dalam kebahagiaan hidup mereka (Argyle, 2001; Campbell et al., 1976; Lee et al., 1999; Wilson et al., 2010). Hal ini jelas menunjukkan hubungan kekeluargaan adalah bersifat universal dan tidak terikat dengan sesebuah masyarakat tertentu. Namun, kelebihan dan keutamaan diberikan kepada masyarakat kolektivistik disebabkan pergantungan mereka lebih dekat dengan keluarga dan komuniti berbanding dengan Barat yang cenderung ke arah individualistik.

Keputusan kajian juga telah menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu mempunyai ketekalan dalaman (*internal consistency*) yang baik, bersifat unidimensi sama seperti PWI (*Personal Wellbeing Index*), dan menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan skala kebahagiaan lain di samping hubungan positif yang rendah dengan alat ukuran yang mengukur aspek positif lain (harga sendiri dan emosi) (lihat Bahagian 5.3.4.2). Kesimpulannya, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang dibentuk telah menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik.

BAB 6

PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Rumusan keseluruhan keputusan kajian yang telah diperolehi akan dibentangkan di dalam bab ini. Perkara-perkara yang akan dibincang merangkumi beberapa bahagian utama, iaitu kesimpulan dan implikasi kajian, limitasi/batasan kajian dan saranan bagi penyelidikan yang akan datang.

6.2 Kesimpulan dan Implikasi Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan meneliti secara implisit dan eksplisit dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Terdapat beberapa isu yang cuba dijawab dalam kajian ini. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

1. Dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu masih berada di peringkat awal penerokaan dan ini memerlukan kajian lanjutan sama seperti mana yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji luar negara seperti Kim et al. (2007) ke atas kebahagiaan masyarakat Korea Selatan dan Cummins (2006) terhadap *Personel Wellbeing Index*.
2. Kebahagiaan didapati terikat dengan nilai-nilai tradisi dan agama yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat (lihat Bahagian 1.2). Jadi, berdasarkan latar belakang sejarah dan adat masyarakat Melayu, ada kemungkinan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam mempengaruhi dimensi kebahagiaan.

3. Masyarakat Melayu dikategorikan sebagai masyarakat yang berpegang kepada kebajikan keluarga dan nilai-nilai kolektivistik (lihat Bahagian 2.2). Dengan itu, ada justifikasi yang kuat untuk mengatakan mungkin hubungan kekeluargaan dan hubungan baik dengan orang lain adalah di antara faktor utama yang menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu.

4. Kajian tentang kebahagiaan masyarakat Melayu setakat ini, masih lagi menggunakan alat ukuran yang dibentuk oleh pengkaji Barat yang mungkin tidak seratus peratus dapat menggarap unsur-unsur tersendiri masyarakat Melayu. Masyarakat China dan Korea Selatan telah membentuk skala kebahagiaannya sendiri sesuai dengan nilai-nilai tradisi dan agama yang mereka amalkan. Kajian ini adalah satu langkah permulaan untuk menghasilkan satu alat ukuran kebahagiaan yang khusus untuk masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, alat ukuran ini adalah adaptasi dari skala yang sedia ada (lihat Bahagian 2.3).

Bagi menjawab empat isu besar di atas, kajian ini telah membentuk empat objektif yang dibahagikan kepada tiga kajian utama atau khusus untuk menjelaskan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Kajian 1 dijalankan dengan tujuan meneroka semula dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual kumpulan fokus untuk mengenal pasti dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu secara terperinci. Seramai 45 orang responden telah mengambil bahagian dan dibahagikan kepada 9 kumpulan untuk ditemu bual. Terdapat tiga soalan yang bertanyakan tentang kebahagiaan yang perlu dijawab dan dibincangkan oleh responden semasa sesi temu bual kumpulan fokus dijalankan (huraian lanjut di Bahagian 3.2).

Kajian 2 pula dijalankan sebagai pengukuhan dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang telah ditemui dalam Kajian 1. Kajian ini turut melaporkan kedudukan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan keutamaan. Seramai 30 responden telah terlibat dalam sesi temu bual semi berstruktur ini (satu lagi pendekatan kualitatif digunakan). Soalan yang diajukan sama dengan soalan yang ditanya dalam Kajian 1 kepada responden yang ditemu bual (huraian lanjut lihat Bahagian 4.2).

Kajian 3 menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Kajian ini dilakukan untuk menguji skala kebahagiaan masyarakat Melayu yang dibentuk secara psikometrik. Setakat ini, masih belum ada alat ukuran yang dibentuk sesuai dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu (lihat Bahagian 2.3). Ada dua aspek penting dalam menguji sesebuah alat ukuran iaitu, kesahan dan kebolehpercayaan. Selain menguji psikometrik skala kebahagiaan, kajian ini turut melaporkan takat kebahagiaan dan keutamaan dimensi secara kuantitatif. Dalam kajian ini, seramai 1283 responden telah melengkapkan borang soal selidik yang diberikan. Bahagian 5.2 telah menerangkan secara keseluruhan metodologi dan alat ukuran yang digunakan.

Berikut dinyatakan secara ringkas dapatan kajian yang diperoleh:

- i. Terdapat perubahan pada tema dan bilangan dimensi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu berbanding dengan keputusan sebelum ini (Khairudin, 2009; lihat Bahagian 3.3).
- ii. Kajian 2 telah menunjukkan kesepadanan dimensi yang diperoleh dalam Kajian 1 (12 dimensi; lihat Bahagian 4.3).

- iii. Keputusan menunjukkan setiap dimensi yang diperoleh mempunyai kaitan atau hubungan dengan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu dan prinsip-prinsip Islam (lihat Bahagian 3.4).
- iv. Hubungan kekeluargaan didapati menjadi faktor utama dan penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu (lihat Bahagian 4.3.2 dan 5.3.3).
- v. Secara psikometrik, nilai kesahan dan kebolehpercayaan masyarakat Melayu adalah baik dan mengukur apa yang sepatutnya diukur (mengukur kebahagiaan) (lihat Bahagian 5.3.4)

6.2.1 Dimensi Kebahagiaan

Keputusan Kajian 1 dan Kajian 2 telah menunjukkan kebahagiaan masyarakat Melayu terdiri daripada 12 dimensi (sila rujuk Bab 3 dan Bab 4). Dimensi-dimensi yang diperoleh menunjukkan ada penambahan berbanding dengan keputusan yang ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini, iaitu 10 dimensi (lihat Jadual 6.1).

Jadual 6.1 Perbezaan Dimensi Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Dimensi Kebahagiaan Khairudin (2009)	Dimensi Kebahagiaan 2015
Keluarga	Hubungan kekeluargaan
Hubungan dengan rakan-rakan, jiran dan masyarakat	Hubungan baik dengan orang lain
Agama, ketuhanan, amal ibadat dan kerja amal	Agama
Kesejahteraan emosi, tenang dan aman	Bersikap positif
Kebebasan dan rasa selamat	Autonomi
Kesihatan	Kesihatan
Hubungan kerja/kerjaya dan cita-cita	Taraf hidup
Pendidikan	Ilmu pengetahuan
Rekreasi	Aktiviti masa lapang
Harta benda, wang dan material	Penerimaan/Redha
	Pencapaian dalam hidup
	Persekitaran harmoni

Merujuk kepada dimensi-dimensi yang ditemui, ada dimensi yang dikekalkan, ada pula yang digabungkan beberapa tema menjadi satu tema khas dan ada penambahan tema yang baru (lihat Bahagian 3.3). Isu perubahan dan penambahan dimensi kebahagiaan tidak berlaku ke atas kajian masyarakat Melayu sahaja, malah ia turut terjadi ke atas masyarakat Barat (Cummins, 2006; Hills & Argyle, 2002; Kashdan, 2004, Ryff, 1989), Korea Selatan (Kim et al. 2007), China (Lu & Shih, 1997) dan Thailand (Dayton et al., 2001; Jongudomkarn & Camfield, 2006) (lihat Bahagian 1.3). Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan beberapa faktor yang boleh diambil kira seperti pemilihan responden, tindak balas responden menyatakan perasaan bahagia dalam kehidupan (semakin banyak responden, semakin banyak maklumat diperoleh), penggunaan pelbagai kaedah penyelidikan dalam meneroka dimensi kebahagiaan dan kreativiti pengkaji dalam mengkategorikan tema-tema sesuai dengan nilai-nilai tradisi dan agama masyarakat yang dikaji (lihat Bahagian 1.1, Bahagian 2.3 dan Bahagian 3.3).

Dengan itu, faktor-faktor yang telah dinyatakan tadi turut memberi kesan kepada penambahan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu. Tambahan pula, masyarakat Melayu juga mempunyai asas nilai-nilai tradisi dan agama yang diamalkan turun temurun sama seperti masyarakat lain (sebagai contoh China, Amerika Syarikat dan Korea Selatan) yang mempunyai nilai-nilai tradisi mereka tersendiri. Pengkaji berpendapat keputusan ini tidak mengejutkan, walaupun bilangan dimensi bertambah, tema kebahagiaan tetap berasaskan nilai-nilai kolektivistik dan secara spesifik terikat dengan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip agama yang diamalkan.

Pada asasnya, isu kebahagiaan menjadi perdebatan dalam kalangan ahli-ahli Psikologi Positif sejak tiga dekad lalu, baik secara teoritikal mahupun dimensi kebahagiaan (lihat Bahagian 1.2 dan Bahagian 1.3). Hal ini disebabkan kebahagiaan

adalah satu isu yang kompleks dan sukar untuk diberi tafsiran secara nyata dan tepat. Sebelum ini, kebahagiaan banyak dilihat melalui aspek falsafah dan berbentuk abstrak oleh cendekiawan Barat dan Islam (sebagai contoh; lihat Bahagian 1.5.1). Hari ini, ahli-ahli psikologi bersetuju bahawa kebahagiaan itu ditakrif secara objektif melalui dimensi (ada juga yang menyebut domain, faktor dan komponen; Cummins, 1996; Dayton et al., 2001; Hills & Argyle, 2002; Jaafar et al., 2009; Kashdan, 2004; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Lu & Shih 1997; Ryff, 1989; Santos, 2009). Keadaan ini telah dijelaskan dalam Bahagian 1.3.1, iaitu kebahagiaan bersifat multidimensi, yang melibatkan kriteria-kriteria lain sebagai pendokong kepada kebahagiaan. Dengan itu, ahli-ahli Psikologi Positif telah melihat kebahagiaan ada dua dimensi, enam dimensi, tujuh dimensi, sembilan dimensi, 10 dimensi, 12 dimensi, 14 dimensi, dan 16 dimensi (lihat Bahagian 1.3).

Sekilas pandang, semua dimensi dilihat mempengaruhi kebahagiaan hidup individu. Walau bagaimanapun, dimensi-dimensi kebahagiaan yang ditemui oleh ahli-ahli psikologi bersifat tidak konsisten dari segi bilangan dan tema. Ada dua sebab yang boleh dikaitkan dalam isu ini. Pertama, dimensi kebahagiaan adalah bersifat terbuka dan boleh berubah mengikut interpretasi responden dan penyelidik (lihat Bahagian 2.3). Dimensi baru yang telah dikenal pasti perlu diambil kira dan diketengahkan di samping definisi kebahagiaan perlu dikembangkan supaya bersesuaian dengan kehidupan manusia yang kompleks (Aspinwall & Staudinger, 2003). Kenyataan ini jelas memberitahu bahawa bilangan dan tema dimensi sangat dipengaruhi oleh responden dan penyelidik. Setiap penemuan baru yang diperolehi dari responden akan diklasifikasikan oleh penyelidik sama ada ia tergolong dalam dimensi yang sedia ada atau wujud dimensi yang baru dalam mempengaruhi kebahagiaan.

Kedua, dimensi-dimensi kebahagiaan yang diperoleh amat bergantung sepenuhnya kepada budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat yang dikaji. Secara umum, budaya telah dikategorikan kepada dua, iaitu individualistik dan kolektivistik (lihat Bahagian 1.2.1). Kedua-dua budaya asas ini menunjukkan kriteria yang berbeza dalam menjelaskan dimensi kebahagiaan, sama ada menjurus kepada hak-hak dan kepentingan individu atau kebajikan masyarakat dan keluarga. Dengan perbezaan ini, ada kalangan ahli psikologi tidak bersetuju dimensi hanya dirujuk kepada satu budaya dan mengabaikan budaya yang satu lagi (lihat Bahagian 1.2.1 dan Bahagian 1.3; Joshanloo, 2013; Ku et al., 2008; Matsumoto & Juang, 2008; Selin & Davey, 2012).

Kesan yang dapat dilihat di sini, banyak kajian-kajian tentang dimensi kebahagiaan yang cuba diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji terutama dari Asia Timur berkaitan dimensi kebahagiaan sesuai dengan kehidupan masyarakat mereka (lihat Bahagian 1.3.1.2; Al-Naggar et al., 2010; Anggoro & Widhiarso, 2010; Dayton et al., 2001; Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Khairudin, 2009; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009). Tambahan pula, responden kajian lebih selesa memberi maklumat kepada pengkaji yang mempunyai persamaan budaya dan nilai-nilai tradisi mereka berbanding dengan orang asing (lihat Bahagian 2.3).

Ironinya, keputusan telah menunjukkan dimensi kebahagiaan yang ditemui sangat terikat dengan budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat yang dikaji termasuklah dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu sendiri (lihat Bahagian 1.3 dan Bahagian 3.4). Malah, ada kalanya keputusan menunjukkan keunikan dimensi yang ada pada budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat tertentu. Misalnya, dimensi mengambil keseronokan di atas kesusahan orang lain (*taking pleasure at others' expense*) yang wujud dalam

kalangan masyarakat China (lihat Jadual 1.4; Lu & Shih, 1997). Triandis (2000) telah menjelaskan bahawa kajian kebahagiaan akan lebih menarik sekiranya dimensi-dimensi kebahagiaan boleh ditemui dalam semua budaya dan ditambah sekiranya ada dimensi yang unik dalam budaya lain. Inilah yang cuba dilihat oleh ahli-ahli Psikologi Positif, bukan sahaja pada persamaan dimensi tetapi turut melihat melalui dimensi unik dalam budaya atau masyarakat lain (lihat Bahagian 1.3.1.2).

Seperti yang telah dihuraikan dalam Bahagian 4.4.1, keputusan menunjukkan bahawa setiap dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu yang ditemui setakat ini (12 dimensi; lihat Rajah 3.2), bukan semuanya unik (khas atau spesifik untuk orang Melayu sahaja), malah dimensi-dimensi tersebut turut dirasai dan boleh ditemui dalam masyarakat lain (sudah dijelaskan dalam Bahagian 3.4). Walau bagaimanapun, keunikan boleh dilihat melalui penjelasan yang diberikan pada setiap dimensi tersebut berdasarkan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang diamalkan dalam masyarakat Melayu (lihat bahagian 3.4). Bahkan, kajian-kajian lepas juga turut menafsirkan dimensi kebahagiaan berdasarkan kaca mata masyarakat yang dikaji melalui nilai-nilai tradisi dan fahaman agama mereka (contohnya masyarakat Barat, Korea Selatan, China, Thailand, Filipina dan Indonesia), walaupun ada dimensi yang ditunjukkan sama di antara masyarakat dengan masyarakat yang lain (lihat Bahagian 1.3).

Persamaan dimensi yang ditunjukkan bukan suatu yang di luar jangkaan tetapi sifat dimensi itu sendiri adalah universal dan boleh diterima pakai dalam semua budaya dan masyarakat seperti dimensi kesihatan, aktiviti masa lapang dan hubungan dengan orang lain. Boleh dikatakan di sini, dimensi yang diperoleh adalah hasil daripada tindak balas nilai-nilai tradisi dan fahaman agama dalam mempengaruhi pemikiran responden

bagi menyatakan kebahagiaan hidup mereka. Oleh yang demikian, setiap dimensi yang ditemui memberi peluang yang sama dalam menyalurkan kebahagiaan. Sejauh mana dimensi itu memberi impak kepada sesebuah masyarakat, bergantung pada kekuatan nilai-nilai tradisi dan agama yang diamalkan (lihat Bahagian 4.4.1). Yang pasti, dimensi kebahagiaan dapat menjelaskan kekuatan dan keutamaan masyarakat terhadap budaya asas, seperti Barat lebih kepada individualistik dan Asia Timur fokus kepada kolektivistik.

Kesimpulan yang boleh dibuat, dalam mendefinisikan kebahagiaan sesebuah masyarakat, aspek yang perlu dilihat ialah nilai-nilai tradisi dan fahaman agama yang diamalkan. Daripada nilai-nilai tradisi dan fahaman agama akan menggambarkan dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat yang dikaji. Jadi, dimensi-dimensi kebahagiaan yang ditemui dalam sesebuah masyarakat tidak boleh digeneralisasikan ke atas masyarakat lain kerana nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip agama tidak sama dan akan terabai (lihat kajian Joshanloo, 2013). Dalam konteks masyarakat Melayu, 12 dimensi kebahagiaan yang ditemui adalah hasil cerminan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang dipraktikkan dalam kehidupan.

Tidak dinafikan dimensi-dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu mungkin wujud dalam masyarakat lain, namun tafsiran terhadap dimensi tersebut adalah berbeza. Pengkaji berpendapat sekiranya kajian ini dijalankan secara jangka panjang (mungkin lima tahun atau 10 tahun akan datang), mungkin akan menemui beberapa dimensi kebahagiaan lain dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan dimensi kebahagiaan bersifat terbuka dan penemuan ini dapat dilihat melalui keputusan kajian yang telah dijalankan dalam masyarakat Barat dan Asia Konfusian (lihat Bahagian 1.3). Selain itu, dimensi kebahagiaan yang ditemui turut menjelaskan bahawa kebahagiaan

masyarakat Melayu terikat dengan budaya kolektivistik seperti kebahagiaan masyarakat Asia Timur yang lain.

6.2.2 Takat Kebahagiaan

Setakat ini, banyak kajian lepas menunjukkan bahawa takat kebahagiaan masyarakat kolektivistik rendah jika dibandingkan dengan masyarakat individualistik (Diener et al., 1995; Cheng & Furnham, 2003; Furnham & Cheng, 1999). Namun demikian, kajian ini mendapati takat kebahagiaan masyarakat Melayu adalah tinggi, setanding dengan masyarakat Barat, sama ada menggunakan kayu ukur Barat ataupun Timur (lihat Jadual 5.8). Bahkan, ada juga kajian masyarakat Timur lain yang mendapati takat kebahagiaan mereka turut berada dalam lingkungan masyarakat Barat seperti masyarakat Tibet (70.58), Thai (70.0) dan buruh Indonesia di Malaysia (70.30) (lihat Bahagian 5.3.2). Walau bagaimanapun, keputusan yang ditunjukkan masih berada dalam paras maksimum kebahagiaan masyarakat Timur (60%-70%). Berbeza dengan masyarakat Melayu, takat kebahagiaan adalah melebihi paras maksimum kebahagiaan masyarakat Timur (77.54; *Personel Wellbeing Index*) dan 76.03 (Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu). Keputusan ini dilihat selari dengan apa yang telah ditemui oleh Khairudin (2009) sebelum ini dengan menggunakan OHI (*Oxford Happiness Inventory*) sebagai kayu ukur takat kebahagiaan masyarakat Melayu. Nampaknya, masyarakat Melayu dilihat mempunyai kebahagiaan yang sama dengan masyarakat Barat. Apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku?

Kajian-kajian lepas hanya melihat tingginya takat kebahagiaan sesebuah masyarakat berasaskan pada kedudukan budaya asas yang menekankan kehidupan individualistik, pengaruh ekonomi, harta benda dan pendapatan serta instrumen yang

dibentuk oleh Barat (Cha, 2003; Compton, 2005; Diener et al., 1995; Diener & Suh, 1999; Diener, Oishi & Ryan, 2013; Joshanloo, 2012; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 2013; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Uchida & Kitayama, 2009; Ye, Ng & Lian, 2014). Aspek-aspek yang dinyatakan di atas sebagai langkah awal dalam menerangkan perbezaan takat kebahagiaan antara masyarakat Barat dan masyarakat Timur. Namun, jawapan ini barangkali hanya boleh menerangkan hanya sebahagian sahaja mengenai perbezaan takat kebahagiaan antara masyarakat Barat dan Timur. Mungkin ada lagi kebarangkalian lain yang selama ini tidak dinyatakan dengan jelas atau masih kabur dalam menerangkan takat kebahagiaan sesebuah masyarakat terutama masyarakat Melayu.

Ada beberapa faktor yang mungkin menyebabkan takat kebahagiaan masyarakat Melayu tinggi setaraf dengan Barat. Pertama, kemasukan nilai-nilai budaya Barat kesan daripada campur tangan Barat dalam struktur pentadbiran dan budaya masyarakat Melayu. Antaranya realisme, modenisasi, sekularisme, sikap individualistik dan suka bersaing (Azizah, 2008; Wan Abdul Kadir, 2007). Secara tidak langsung nilai-nilai Barat dilihat menyusur masuk ke dalam kehidupan masyarakat Melayu. Bahkan, pengaruh Barat juga turut menular dalam masyarakat Timur yang lain seperti China dan Korea Selatan (lihat Bahagian 5.4.1). Dengan masuknya pengaruh Barat ini, maka wujudlah bibit-bibit persamaan dalam elemen-elemen kebahagiaan walaupun masing-masing mengamalkan nilai dan cara hidup yang berbeza (individualistik lawan kolektivistik). Hal ini turut dijelaskan oleh Lu & Shih (1997) bahawa perasaan positif dan kebahagiaan merupakan aspek yang dikongsi bersama dalam masyarakat Barat dan Timur.

Nampaknya, nilai-nilai Barat memberi pengaruh dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga ada beberapa alat ukuran (seperti *Oxford Happiness Inventory*, *Personal Wellbeing Index*, dan *Satisfaction with Life Scale*) yang dilihat sesuai dalam menerangkan kebahagiaan hidup masyarakat setempat (sama seperti alat-alat ukuran Barat lain yang boleh diaplikasi oleh masyarakat Melayu). Selain itu, pengkaji juga berpendapat takat kebahagiaan orang Melayu adalah tinggi kerana alat ukuran takat kebahagiaan mengukur aspek-aspek positif (dan juga aspek negatif), tetapi yang penting aspek positif dalaman manusia (tidak kira dari negara mana di dunia ini) bersifat universal, malah kajian lepas banyak menunjukkan rata-rata kebanyakan semua masyarakat melebihi tahap neutral kebahagiaan (Cummins, 2003; Diener, VittersØ & Diener, 2005; Furnham & Cheng, 1999; Haslina, 2006; Lopez, Snyder & Rasmussen, 2003; Nielsen et al., 2010; Tilibouine & Meziane, 2012).

Kedua, pengkaji berpendapat ada kemungkinan tingginya takat kebahagiaan orang Melayu disebabkan adanya nilai-nilai tradisi tertentu yang sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Antaranya, hidup bersederhana sangat sinonim dengan kehidupan masyarakat Melayu (lihat Bahagian 5.4.1). Kesederhanaan disifatkan sebagai cara hidup yang tidak bermewah-mewah atau keterlaluan (Wan Abdul Kadir (1994). Masyarakat Melayu diajar supaya berbelanja mengikut kemampuan dan cukup sekadar keperluan diri dan masyarakat.

Di samping itu, masyarakat Melayu digalakkan menginfakkan harta untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang tertentu. Hal ini dapat dilihat dalam pepatah Melayu "berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing" (Norazit, 1997). Jelas menunjukkan sifat bersederhana mewujudkan kesamarataan dalam masyarakat dan menjamin kebahagiaan hidup. Selain itu, konsep bersyukur juga dilihat mempengaruhi

kebahagiaan masyarakat Melayu. Haslina (2006) telah menyatakan masyarakat Melayu lebih bahagia sekiranya mereka bersyukur dengan apa yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka. Tambahan pula, dengan bersyukur akan menjadikan seseorang itu tenang dan keadaan emosi yang stabil (lihat Bahagian 5.4.1). Berpegang dengan nilai bersederhana dan bersyukur menjadikan masyarakat Melayu tinggi takat kebahagiaan setanding dengan Barat.

Ketiga, selain nilai-nilai tradisi, fahaman agama turut mempengaruhi takat kebahagiaan sesebuah masyarakat (lihat Bahagian 5.4.1). Lazimnya, nilai-nilai tradisi harus selari dengan agama yang dianuti. Menurut Uchida et al. (2004), kebahagiaan sesebuah masyarakat dipupuk oleh ideologi dan agama. Setiap agama mempunyai cara tersendiri dalam melahirkan rasa bahagia terhadap kehidupan yang dilalui. Misalnya Kristianiti, Konfusianisme, Toisme, Hinduisme dan Buddhisme, masing-masing banyak melihat kebahagiaan sebagai ditentukan oleh individu atau masyarakat (Inglehart, 2010; Inoguchi & Shin, 2009; Lee et al., 2013). Hal ini berbeza pula dengan Islam, konsep keTuhanan adalah diutamakan. Islam meletakkan kebahagiaan adalah hak mutlak Allah dan Ia berhak memberi kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki. Manusia hanya berusaha untuk mencari dan menikmatinya (Haron & Awang, 1994). Hubungan dengan Allah adalah yang paling tinggi dan tidak sama dengan hubungan sesama manusia dan alam sekeliling (Wan Abdul Kadir, 1994). Masyarakat Melayu diajar untuk bergantung sepenuhnya kepada Allah di samping ikhtiar ke arah kebahagiaan. Dengan itu, kebahagiaan boleh dikecapi kesan daripada pertolongan Allah kepada hambaNya.

Ringkasnya, takat kebahagiaan masyarakat Melayu adalah tinggi setanding dengan kebahagiaan masyarakat Barat. Walaupun kedua-dua masyarakat mempunyai perbezaan dari segi nilai dan kepercayaan, namun persamaan wujud kesan daripada

pengaruh Barat ke atas kehidupan masyarakat Melayu. Paras yang tinggi ini juga mungkin disebabkan oleh masyarakat Melayu yang masih berpegang kepada nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam. Walau bagaimanapun, yang mana yang lebih kuat mempengaruhi takat kebahagiaan sama ada oleh keadaan masyarakat Melayu yang cara hidup dan nilai-nilai telah diserapi Barat, atau adat dan prinsip-prinsip Islam yang mengajar masyarakat Melayu supaya bersederhana dan bersyukur (lantaran inilah melaporkan kebahagiaan yang tinggi), perlu dijawab dalam kajian yang berikutnya. Ini akan diterangkan dalam bahagian saranan bagi kajian lanjutan.

6.2.3 Kedudukan Dimensi Kebahagiaan

Kedudukan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu telah dianalisa melalui dua pendekatan, iaitu kualitatif dan kuantitatif (lihat Bab 4 dan Bab 5). Keputusan telah menunjukkan ada sedikit perbezaan dalam kedudukan dimensi kebahagiaan berdasarkan kedua-dua pendekatan tersebut (lihat Jadual 4.3 dan 5.9). Hal ini bukan suatu yang menghairankan kerana kedua-dua pendekatan mempunyai paradigma tersendiri walaupun mengkaji fenomena yang sama (huraian lanjut dalam Bahagian 5.4.2). Bahagian ini hanya merumuskan dimensi yang paling utama dan kedudukan agama (prinsip-prinsip Islam) dalam kebahagiaan masyarakat Melayu berdasarkan kedua-dua pendekatan.

Dapatan kualitatif dan kuantitatif telah menunjukkan dimensi hubungan kekeluargaan adalah dimensi yang paling utama menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu berbanding dengan dimensi-dimensi lain. Kekuatan dimensi hubungan kekeluargaan Melayu terletak pada kesatuan emosi dan pengakuan adanya hak dan tanggungjawab bersama dalam menyatukan anggota keluarga sebagai satu unit

sosial (lihat Bahagian 2.2). Ikatan emosi ini penting sebagai penggerak kepada nilai-nilai lain dalam keluarga Melayu seperti kasih sayang, manfaat, kesenangan dan kepentingan (Zainal Abidin dan Zamre, 2006). Hal ini dapat dilihat melalui hubungan pertama yang dibentuk oleh orang Melayu bermula dari hubungan kekeluargaan. Segala corak dan bentuk tingkah laku yang diajar, ditiru dan diamalkan dalam keluarga akan dijadikan asas dalam mendepani hubungan yang lebih besar (lihat Bahagian 4.4.2). Secara tidak langsung kebahagiaan yang lahir dalam masyarakat Melayu adalah berdasarkan hubungan yang akrab dengan keluarga dan ini dapat dilihat melalui tindak balas responden dalam menyatakan kebahagiaan hidup mereka pada Bahagian 3.4.1.

Seperti yang telah dijelaskan dalam Bahagian 3.4.1, hubungan kekeluargaan bukanlah dimensi yang unik bagi orang Melayu sahaja. Malah, hubungan kekeluargaan dapat dilihat dalam semua budaya dan masyarakat di dunia termasuk masyarakat Barat. Namun begitu, Barat hanya melihat kepentingan keluarga sebagai jalan untuk mencapai matlamat dan kepuasan secara personal atau individu (lihat Bahagian 3.4.1). Berbeza dengan masyarakat Timur yang sering mengetengahkan hubungan kekeluargaan sebagai unit sosial yang penting dalam kehidupan (lihat Bahagian 5.4.2). Pendek kata, masyarakat Timur melihat kebahagiaan secara kolektif dan harus dikongsi bersama. Manakala, Barat pula melihat kebahagiaan hanya dari sudut individu dan berbentuk keperibadian.

Walaupun masyarakat Timur (China, Korea Selatan, Filipina, Melayu, Indonesia dan Thailand) sama dari segi meletakkan keluarga sebagai kedudukan yang paling utama dalam hidup, namun wujud perbezaan dari segi perlaksanaan dan praktikal, yang menggambarkan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip agama yang diamalkan oleh setiap masyarakat tersebut (lihat Bahagian 4.4.2). Apa yang penting di sini, masyarakat

Melayu masih mengekalkan pola kehidupan masyarakat kolektivistik yang mengutamakan hubungan kekeluargaan berbanding hak-hak dan kepentingan individu dalam memberikan kebahagiaan hidup. Nilai-nilai tradisional dan prinsip-prinsip Islam adalah asas bagi membezakan kebahagiaan masyarakat Melayu dengan masyarakat Timur yang lain dan Barat. Jadi, keputusan ini bukan suatu yang mengejutkan apabila mendapati hubungan kekeluargaan sebagai penyumbang utama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu.

Keputusan kajian turut menunjukkan agama berada di kedudukan yang kurang penting dalam kebahagiaan hidup masyarakat Melayu (kualitatif berada ditangga kelapan dan kuantitatif di kedudukan ke-10) (lihat Jadual 4.3 dan Jadual 5.9). Keputusan ini juga tidak menunjukkan perubahan dengan dapatan yang telah ditemui oleh Khairudin pada tahun 2009. Isu keagamaan bukan satu yang boleh diambil mudah dalam masyarakat Melayu kerana nilai-nilai tradisi yang dipupuk selama ini disesuaikan dengan prinsip-prinsip Islam (lihat Bahagian 2.2 dan Bahagian 4.4.2). Nilai-nilai yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam adalah ditolak (Wan Abdul Kadir, 2007). Kerisauan sarjana-sarjana alam Melayu tentang kesan agama yang kian terhakis dalam kehidupan orang Melayu bermula semenjak campur tangan orientalis Barat di Tanah Melayu yang membatasi pengaruh agama dalam pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sosial (lihat Bahagian 4.4.2; Mohd. Azhar et al., 2004; Muhammad Haji, 1993; Nazri, 2012; Syed Husin, 2008; Wan Abdul Kadir, 2007). Secara tidak langsung kesan orientalis Barat ke Tanah Melayu mempengaruhi keutamaan agama dalam kebahagiaan masyarakat Melayu.

Selain itu, ada beberapa sebab lain yang boleh menyebabkan agama menjadi kurang penting dalam kebahagiaan masyarakat Melayu. Pertama, kedudukan nilai-nilai

tradisi dilihat lebih utama berbanding prinsip-prinsip Islam (sedangkan nilai-nilai tradisi hendaklah sesuai atau selari dengan prinsip-prinsip Islam). Kedua, agama dilihat hanya dari sudut ibadat sahaja dan ketiga, pemodenan yang menjadikan agama kurang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu (huraian lanjut telah diberi dalam Bahagian 4.4.2).

Walaupun keputusan kajian ini menunjukkan agama tidak begitu penting tetapi ia tetap masih berperanan dalam menentukan kebahagiaan orang Melayu dan hanya dilihat dalam skop yang kecil. Khairudin dan Jas Laile (2010) telah mendapati adanya hubungan yang positif di antara kebahagiaan dan agama dalam masyarakat Melayu walaupun hubungan yang ditunjukkan adalah rendah. Begitu juga Inglehart (2010), yang melaporkan kebanyakan negara ada hubungan yang rendah antara kebahagiaan dan agama termasuk negara Malaysia. Di sini, dapat dijelaskan walaupun agama tidak berada di kedudukan yang penting, namun masih lagi memberi kebahagiaan dalam masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan Islam telah menjadi anutan orang Melayu dan memainkan peranan yang besar kepada segenap segi kehidupan masyarakat (Zakaria et al., 2003). Bahkan orang Melayu akan melenting sekiranya ada yang mempermainkan agama Islam (Nazri, 2012; Syed Husin, 2008).

Agama dan kepercayaan merupakan asas utama dalam menentukan *world-view* orang Melayu. Adakala sesuatu itu tidak dapat diterangkan dengan akal fikiran biasa, tetapi dapat dijelaskan dengan berkesan berasaskan kepada *world-view* yang diberikan oleh agama (Wan Abdul Kadir, 1994). Misalnya, masyarakat Melayu akan kembali kepada agama sekiranya menghadapi kesulitan dalam hidup. Hal ini jelas menunjukkan agama masih dominan dalam kehidupan orang Melayu sekaligus memberikan ketenangan, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam hidup. Bukan sahaja agama Islam dan masyarakat Melayu tetapi agama-agama lain (Kristianiti,

Konfusianisme, Hinduisme, Toisme, Buddhisme) juga telah menunjukkan pengaruhnya ke atas budaya sesebuah masyarakat dan dipertahankan seperti Kristian yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Amerika Syarikat, *United Kingdom*, dan Australia. Manakala, Konfusianisme mempengaruhi budaya dan nilai-nilai tradisi masyarakat Jepun, Taiwan, China dan Korea Selatan (Cha, 2003; Liou et al., 2005; Lu et al., 2001; Lu & Gilmour, 2006; Synder & Lopez, 2007).

6.2.4 Psikometrik Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu

Kebanyakan pengkaji dari Asia Timur kurang bersetuju dengan alat ukuran yang dibentuk oleh Barat bagi tujuan mengukur kebahagiaan masyarakat Timur (Jaafar et al., 2009; Jongudomkarn & Camfield, 2006; Joshanloo, 2013; Kim et al., 2007; Ku et al., 2008; Lee et al., 1999; Lee et al., 2007; Lu, Gilmour & Kao, 2001; Lu & Shih, 1997; Santos, 2009; Uchida et al., 2004; Uchida & Kitayama, 2009). Hal ini disebabkan oleh budaya asas yang tidak sama dan nilai-nilai tradisi masyarakat setempat boleh terabai (lihat Bahagian 1.3.3). Setakat ini, hanya masyarakat China dan Korea Selatan yang telah membentuk alat pengukuran sesuai dengan nilai-nilai tradisi dan budaya masyarakat mereka (lihat Bahagian 1.3.3). Jadi, sebagai langkah permulaan, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dibentuk bagi tujuan mengukur kebahagiaan sesuai dengan nilai-nilai tradisi dan budaya hidup masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, skala kebahagiaan ini adalah adaptasi dari skala yang sedia ada disebabkan hanya kekurangan dari sudut nilai-nilai tradisi dalam sesebuah masyarakat.

Keputusan kesahan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dilihat turut mengukur apa yang sepatutnya diukur (kebahagiaan). Berdasarkan keputusan kesahan yang diperolehi, terdapat tiga rumusan yang boleh dibuat (lihat Bahagian 5.4.4).

Pertama, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu bersifat unidimensi (selari dengan PWI; lihat Bahagian 5.1). Walaupun bersifat unidimensi, namun item-item pertanyaan mewakili dimensi yang berlainan (berdasarkan 12 dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu). Seperti yang telah disebut dalam Bahagian 5.4.3.1, secara teknikal ada perbezaan dalam menentukan dimensi kebahagiaan, tetapi tema-tema yang diberikan kepada setiap dimensi kebahagiaan hampir sama antara satu pengukuran dengan pengukuran yang lain (lihat Bahagian 1.3 dan Bahagian 4.4.1). Sebenarnya, penentuan tema bergantung kepada interpretasi pengkaji berdasarkan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip agama yang diamalkan oleh masyarakat yang dinilai (lihat Bahagian 4.4.1).

Kedua, keputusan kesahan menumpu (*convergent*) dan membeza (*divergent*) telah mendapati Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu mempunyai hubungan signifikan yang kuat dengan alat ukuran kebahagiaan yang lain (PWI, SWLS dan kepuasan hidup secara keseluruhan) dan ada hubungan signifikan yang rendah dengan alat ukuran yang tidak mengukur kebahagiaan (RSES dan ABS; lihat Bahagian 5.3.4.2). Jelas menunjukkan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu yang baru dibentuk mengukur kebahagiaan kesan daripada hubungan yang ditunjukkan.

Selain kesahan pengukuran, nilai kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu didapati tinggi dan melebihi nilai minimum bagi pembentukan skala baru (lihat Bahagian 5.3.5). Uji-uji semula turut menunjukkan nilai yang tinggi terhadap Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu. Tingginya nilai kebolehpercayaan Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu disebabkan oleh kurangnya ralat dalam pengukuran (lihat Bahagian 5.4.3.3). Ia dapat dilihat melalui tindak balas responden menjawab soalan yang diberikan. Sistem penskoran mengikut format skala likert seperti pengukuran yang lain (seperti PWI dan SWLS) (lihat Bahagian 5.2.3 dan

Bahagian 5.2.4). Jadi, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu adalah konsisten dan stabil bagi mengukur satu gagasan (*construct*) atau dimensi yang sama.

Keseluruhannya, Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan yang baik, namun ia perlu kepada perincian yang mendalam seperti yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Misalnya, Fordyce (1987) telah menjalankan kajian ke atas *Happiness Measures* selama 15 tahun, Cummins (1996-2006) pula 10 tahun dalam merangka *Personel Wellbeing Index* dan kajian Lee et al. (2007-2013) ke atas *Measurement of Peace of Mind* mengambil masa tujuh tahun. Hal ini menjelaskan pembentukan skala kebahagiaan yang baik perlu diuji dan dianalisis menggunakan pelbagai pendekatan dan ciri-ciri penting yang lain dalam psikometrik. Bagi langkah seterusnya, Skala Kebahagiaan Masyarakat perlu dikembangkan dengan menggunakan pendekatan psikometrik yang lain seperti *confirmatory factor analysis*, *multitrait-multimethod matrix*, pembentukan norma dan banyak lagi. Jadi, proses penelitian Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu tidak berhenti di sini sahaja.

Fordyce (1987) tidak beranggapan bahawa *Happiness Measures* adalah alat ukuran yang terbaik, tetapi hasil daripada uji dan diuji semula mendapati *Happiness Measures* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang kuat, kestabilan pengukuran yang baik, dan mempunyai sokongan daripada kesahan menumpu, konstruk, dan membeza. Dengan mengambil kira apa yang dikatakan oleh Fordyce (1987), Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dibentuk bukan bertujuan untuk menidakkan skala yang telah kukuh, tetapi cuba untuk menjawab isu kebahagiaan dari perspektif masyarakat Melayu dengan menggunakan kayu ukur yang diberikan oleh responden Melayu yang telah melaporkan kebahagiaan hidup mereka (lihat Bahagian 3.4). Tambahan pula, alat

ukuran yang dibina adalah hasil adaptasi dari skala yang sedia ada. Jadi, dengan adanya Skala Kebahagiaan masyarakat Melayu, sekurang-kurangnya dapat meneroka kebahagiaan dari perspektif nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip agama yang diamalkan oleh masyarakat Melayu hingga hari ini. Begitu juga masyarakat Korea Selatan dan China, masing-masing telah menggunakan alat ukuran yang dibentuk sendiri sesuai dengan nilai-nilai tradisi dan fahaman agama mereka. Secara tidak langsung, alat ukuran dari Timur dapat menyeimbangkan antara dimensi yang bersifat universal dan dimensi unik khusus untuk masyarakat tertentu yang selama ini kurang penerokaan.

6.3 Limitasi/Batasan Kajian

Kajian ini merupakan penerokaan semula dimensi kebahagiaan dan percubaan pertama dalam pembentukan alat ukuran khusus kepada masyarakat Melayu. Setiap pengkaji inginkan kesempurnaan dalam kajian yang dijalankan dan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Namun, pengkaji mendapati ada beberapa limitasi atau batasan dalam menjalankan kajian ini. Pertama, fokus utama kajian ini adalah meneroka dimensi kebahagiaan mengikut perspektif masyarakat Melayu. Sudah tergambar kajian ini hanya melibatkan satu kelompok budaya sahaja, sedangkan di Malaysia terdiri daripada tiga etnik utama yang berbeza dari segi bahasa, budaya dan fahaman, iaitu Melayu, Cina dan India (Syed Husin, 2008). Hasil kajian yang ditunjukkan hanya terikat dengan masyarakat Melayu dan keputusan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada dua etnik tersebut (Cina dan India) walaupun mereka berada di bawah sistem pemerintahan yang sama.

Fee (2004) menjelaskan walaupun masyarakat Cina sebahagian daripada penduduk di Malaysia, tetapi jiwa mereka masih terikat dengan tanah air mereka.

Dengan itu, ada kemungkinan dua etnik ini mempunyai takrifan sendiri tentang kebahagiaan seperti mana kajian yang telah dijalankan oleh Diener et al. (2005) dan Ostroot et al. (1982) masing-masing mendapati adanya perbezaan dalam menentukan dimensi kebahagiaan berdasarkan etnik yang dikaji. Maka, dengan itu, dimensi kebahagiaan perlu dijalankan ke atas setiap etnik yang ingin diterokai disebabkan faktor budaya, ekologi dan geografi yang tidak sama dan ini akan dapat mengurangkan *bias* kesan daripada penggunaan dimensi kebahagiaan masyarakat lain.

Batasan kedua, kajian ini juga tidak mengukur aspek individualistik dan kolektivistik ke atas masyarakat Melayu. Tujuan utama adalah untuk mengenalpasti sama ada masyarakat Melayu masih benar-benar mengamalkan nilai-nilai kolektivistik atau sebaliknya. Kajian ini dijalankan semata-mata berpandukan kepada apa yang dikaji oleh Barat yang mendapati Malaysia sebuah negara yang bersifat kolektivistik (Diener et al., 1995; Hofstede, 2001) dan juga ahli-ahli pengkaji Melayu mendapati nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu lebih kepada keluarga dan keharmonian masyarakat (Haslina, 2007; Khairudin, 2009; Mahathir, 2011; Wan Abdul Kadir, 2007; Zulkiflee et al., 2011). Berdasarkan kajian Teo (1998), masyarakat Melayu sememangnya bersifat kolektivistik jika dibandingkan dengan Cina dan India di Malaysia, namun kajian beliau hanya melibatkan responden mahasiswa sahaja dan tidak melibatkan orang dewasa dan bekerja.

Berkemungkinan dengan pengambilan responden dewasa, akan memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan aspek individualistik dan kolektivistik dalam kalangan masyarakat Melayu dan begitu juga dengan etnik yang lain di Malaysia. Justeru itu, dirasakan perlu dimasukkan alat ujian individualistik dan kolektivistik. Hal ini bertujuan supaya tidak menimbulkan kekeliruan, sedangkan yang digunapakai

adalah hasil kajian yang terdahulu. Berkemungkinan ada perubahan-perubahan dalam masyarakat Melayu pada masa kini. Tambahan pula, terdapat anasir-anasir luar yang bercanggah dengan budaya orang Melayu (Metzger, 2007; Wan Kadir, 2002).

Batasan ketiga, kajian ini adalah percubaan awal dalam membina alat ukuran kebahagiaan khusus kepada masyarakat Melayu. Pembentukan alat ukuran ini disebabkan wujudnya perbezaan budaya dan agama berdasarkan masyarakat yang dikaji (lihat Bahagian 1.2) sehingga memberi implikasi terhadap takrifan kebahagiaan. Tambahan pula, menggunakan alat ukuran masyarakat lain boleh menyebabkan pengabaian terhadap budaya dan agama masyarakat tempatan (Joshnloo, 2013). Walaupun keputusan yang diperoleh menunjukkan reliabiliti yang tinggi dan kesahan yang baik. Namun, alat ujian ini hanya digunakan bagi tujuan kajian ini sahaja dan ia masih memerlukan penelitian selanjutnya. Hal ini turut berlaku kepada Kim et al. (2007) dan Cummins (2006) apabila melakukan percubaan awal dalam membentuk alat ukuran kebahagiaan dan masing-masing memerlukan kajian lanjutan dalam mengesahkan alat ukuran tersebut (lihat Bahagian 1.3.2).

Selain itu, alat ukuran ini juga tidak melibatkan perbandingan dengan masyarakat lain. Berkemungkinan kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahan (*validity*) adalah baik ke atas masyarakat Melayu tetapi tidak pada masyarakat lain atau sebaliknya. Misalnya alat ukuran *Satisfaction With Life Scale* telah menunjukkan konsistensi kebolehpercayaan dan kesahannya apabila diterjemahkan dalam pelbagai bahasa (lihat Bahagian 5.2.4.3). Hal ini menunjukkan dengan adanya perbandingan dengan masyarakat lain dalam menentukan kebolehpercayaan dan kesahan akan menguatkan lagi alat ukuran yang dibentuk dan diterima dalam pelbagai latar belakang masyarakat yang ingin dikaji.

Walaupun terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini, sekurang-kurangnya kajian ini memberitahu masyarakat Melayu turut mempunyai dimensi kebahagiaannya sendiri dan satu percubaan awal dalam membentuk alat pengukuran kebahagiaan hasil daripada dimensi yang diperolehi. Kajian ini juga menunjukkan nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam turut menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat Melayu walaupun keputusan kajian menunjukkan sumbangan yang lemah antara agama dan kebahagiaan.

6.4 Saranan dan Cadangan Kajian

Kajian berkaitan kebahagiaan bukan satu isu yang agak mudah untuk diterokai. Tambahan pula, kebahagiaan bersifat subjektif dan sukar untuk ditafsirkan melalui tingkah laku. Walau bagaimanapun, isu kebahagiaan telah diterokai lebih tiga dekad dan banyak penemuan yang telah ditemui oleh pengkaji-pengkaji terdahulu terutama pengkaji dari Barat (Bradburn, 1969; Cummins, 1996; Diener, 1984; Fordyce, 1987; Ryff, 1989). Hari ini, kebahagiaan bukan sahaja diukur dari sudut subjektif, malah ia boleh dilihat dari sudut objektif dan merentasi budaya dan ideologi masyarakat yang ingin dikaji.

Pengkaji mengharapkan kajian yang akan datang dapat meneruskan penelitian berkaitan dengan kebahagiaan terutama dalam kalangan masyarakat Melayu. Berdasarkan kajian-kajian lepas, isu kebahagiaan masyarakat Melayu yang diterokai oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia masih boleh dikatakan baru berkembang dan memerlukan penelitian yang selanjutnya (lihat Bahagian 1.3.2). Tambahan pula, kebanyakan masyarakat Melayu sukar memberi pandangan tentang perkara-perkara atau isu-isu sensitif (Mahathir, 2011). Hal ini membuka ruang dan cabaran kepada pengkaji

lain untuk meneliti lebih mendalam soal kebahagiaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Ada kemungkinan, dimensi kebahagiaan baru akan ditemui atau boleh dikembangkan dimensi-dimensi yang sedia ada secara mendalam dan terperinci satu persatu. Tambahan pula, nilai-nilai tradisi dan prinsip-prinsip Islam yang mempengaruhi kebahagiaan tidak hanya berdasarkan 12 dimensi kebahagiaan sahaja, mungkin lebih dari itu. Ini lah yang cuba dijelaskan dalam Bahagian 6.3.2.

Setiap peringkat perkembangan manusia mempunyai pandangan yang berbeza dalam menerangkan kebahagiaan. Kajian tentang kebahagiaan boleh dikembangkan kepada tahap umur bukan hanya dilihat pada satu tahap umur sahaja (golongan dewasa), malah ia perlu diteroka pada setiap tahap umur perkembangan seperti zaman akhir kanak-kanak, remaja dan golongan tua. Dengan kata-kata lain, tahap umur di mana mereka sudah mula mempunyai hubungan sosial, emosi, kognitif yang konkrit. Ada kemungkinan tahap umur memberikan takrifan yang berbeza tentang kebahagiaan. Dengan melibatkan semua tahap umur membolehkan pengkaji menganalisa sejauh mana takat kebahagiaan dan keutamaan dimensi kebahagiaan masyarakat Melayu, adakah sama dengan golongan dewasa ataupun sebaliknya?

Terdapat pelbagai etnik Di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India serta Bumiputra Sabah dan Sarawak. Setiap etnik mempunyai budaya dan nilai-nilai tradisi tersendiri (Syed Husin, 2008). Tambahan pula, etnik-etnik ini mempunyai fahaman dan kepercayaan yang berbeza di antara satu dengan yang lain walaupun berada di bawah sistem politik yang sama (Nazri et al., 2011). Howell et al. (2012) berpandangan bahawa perbezaan budaya, sistem kepercayaan, penilaian moral, nilai dan kebahagiaan seharusnya diukur secara berasingan mengikut kumpulan etnik yang ada di Malaysia. Dengan demikian, perlu kajian selanjutnya berkaitan perspektif kebahagiaan etnik selain

masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini dapat menerangkan tentang persamaan atau perbezaan dalam mendefinisikan kebahagiaan dalam kalangan etnik yang berada di bawah sistem pentadbiran yang sama.

Selain itu, kajian ini boleh meluaskan skopnya melalui perbandingan takat kebahagiaan dengan negara-negara lain yang ada di dunia. Setiap negara mempunyai nilai-nilai tradisi dan budaya tersendiri kesan daripada sejarah dan kedudukan geografi yang tidak sama. Kemungkinan adanya persamaan dan perbezaan walaupun tidak ketara dalam mentakrifkan kebahagiaan. Misalnya, perbandingan kebahagiaan dengan negara-negara di Benua Asia, Asia Tenggara, Eropah dan sebagainya. Seperti mana kajian yang telah dijalankan oleh Jas et al. (2007) ke atas masyarakat Malaysia dan Indonesia yang mempunyai budaya yang sama namun adanya perbezaan dalam isu kebahagiaan. Dengan melibatkan pelbagai negara dalam konteks kebahagiaan, maka kita akan didedahkan dengan keunikan nilai-nilai tradisi sesebuah masyarakat dan negara di samping memberi ilmu pengetahuan yang baru terhadap kebahagiaan.

Isu kebahagiaan tidak hanya melibatkan takrifan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kebahagiaan juga boleh dinilai berdasarkan hubungan atau perbezaan dengan aspek-aspek psikologi yang lain seperti sokongan sosial, kualiti hubungan melalui persahabatan dan perkahwinan, sosioekonomi, kerjaya dan banyak lagi. Dengan melibatkan pemboleh ubah - pemboleh ubah psikologi, secara tidak langsung akan dapat menerangkan kedudukan kebahagiaan dalam mempengaruhi aspek-aspek psikologi tersebut dalam kehidupan manusia yang kompleks.

Walaupun Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu telah dibentuk dan mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang baik. Namun, ia masih lagi

berada di peringkat awal dan memerlukan penelitian yang selanjutnya. Diharapkan, kajian akan datang dapat mengemaskini Skala Kebahagiaan Masyarakat Melayu dengan lebih komprehensif. Sekurang-kurangnya, alat ukuran yang dibentuk ini akan dapat memberikan maklumat baru tentang kebahagiaan masyarakat Melayu di samping menyeimbangkan maklumat yang diperoleh dari pengkaji-pengkaji Barat terhadap kebahagiaan masyarakat di Asia Timur khasnya masyarakat Melayu.

University of Malaya

RUJUKAN

- Abdel-Khalek, A.M. (2010). Quality of life, subjective well-being, and religiosity in Muslim college students. *Quality of Life Research*, 19, 1133-1143.
- Abdo, A., & Alamuddin, R. (2007). Predictors of subjective well-being among college youth in Lebanon. *The Journal of Social Psychology*: 265-285.
- Abdul Halim, O. (1993). Budi dalam masyarakat Melayu berdasarkan interpretasi psikologi moden. Dalam Abdul Halim Othman (Eds). *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 198-243.
- Albo, J.M., Núñez, J.L., Navarro, J.G., & Grijalvo, F. (2007). The Rosenberg Self Esteem Scale: translation and validation in university students. *The Spanish Journal of Psychology*. 10, 2 458-467.
- Al-Attas, S.M.N. (2002). *Ma'na kebahagiaan dan pengalamannya dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Al-Faruqi, I. (2009). *Islam dan kepercayaan lain*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia
- Al-Naggar, R., Al-Jashamy, K.A., Yun, L.W., Isa, Z.M., Alsaror, M.I., & Al-Naggar, A.A. (2010). Perception and opinion of happiness among university students in a Malaysian university. *Asian Journal of Psychiatry*, 11, 2, 1-8.
- Anaby, D., Jarus, T., & Zumbo, B.D. (2010). Psychometric evaluation of the Hebrew language version of the satisfaction with life scale. *Social Indicators Research*, 96, 267-274.
- Anggoro, W.J. & Widhiarso, W. (2010). Konstruksi dan identifikasi properti psikometris instrumen pengukuran kebahagiaan berbasis pendekatan indigenous psychology: Studi multitrait-multimethod. *Jurnal Psikologi*, 37, 176-188.
- Argyle, M., & Crossland, J. (1987). The dimension of positive emotion. *British Journal of Social Psychology* 26, 127-137.

- Argyle, M., Martin, M., & Crossland, J. (1989). Happiness as a function of personality and social encounters. Dalam J.P. Forgas, & J.M. Inners, *recent advances in social psychology: An international perspective* (pp. 189-203). North Holland: Elsevier.
- Argyle, M. (2001). *The psychology of happiness*. Routledge, New York.
- Arrindell, W.A., Hatzichristou, C., Wensink, J., Rosenberg, E., Twillert, B.V., Stedema, J. & Meijer, D. (1997). Dimensions of national culture as predictors of cross-national differences in subjective well-being. *Personality Individual Differences*, 23, 1, 37-53.
- Asma, A. (2007). *Ke arah glokal: dimensi budaya dalam pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Aspinwall, L.G., & Staudinger, U.M. (2003). *A psychology of human strengths: fundamental questions and future directions for a positive psychology*. Washington DC: American Psychological Association.
- Azahan, A., Abdul Hadi, H.S., & Kadaruddin, A. (2008). Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika* 72, 45-68.
- Berg, B.L. (2004). *Qualitative research methods for social sciences (5th edition)*. London: Pearson.
- Bradburn, N.M. (1969). *The structure of psychological well-being*. Chicago: Aldine.
- Bonn, G., & Tafarodi, R. W. (2013). Chinese and South Asian conceptions of the good life and personal narratives. *Journal of Happiness Studies*, 15, 741-755
- Campbell, A., Converse, P.E., & Rogers, W.L. (1976). *The quality of American life*. New York, Sage.
- Campbell, A. (1981). *The sense of well-being in America: recent pattern and trends*. New York: McGraw-Hill.
- Cha, K.H. (2003). Subjective well-being among college students. *Social Indicators Research* 62,63: 455-477.

- Chen, S.X., Cheung, F.M., Bond, M.H., & Leung, J.P. (2006). Going beyond self-esteem to predict life satisfaction: the chinese case. *Asian Journal of Social Psychology* 9: 24-35.
- Chen, Z. & Davey, G. (2008). Happiness and subjective wellbeing in Mainland China. *Journal Happiness Studies*, 9, 589-600.
- Cheng, H., & Furnham, A. (2003). Personality, self-esteem, and demographic predictions of happiness and depression. *Personality and Individual Differences*, 34, 921-942.
- Cheung, F.M. (2007). Introduction to CPAI. 7th Conference of Asian Association of Social Psychology. Anjuran Universiti Malaysia Sabah. 25-28 july.
- Clark, V.L.P., & Creswell, J.W. (2008). *The mixed methods reader*. USA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five approach (2th edition)*. London: Sage Publications.
- Cummins, R.A. (1995). On the trail of the gold standard for subjective well-being. *Social Indicators Research*, 35, 179-200.
- Cummins, R.A. (1996). The domains of life satisfaction: An attempt to order chaos. *Social Indicators Research*, 38, 303-328.
- Cummins, R.A. (1997). *Comprehensive quality of life scale-adults (5th edition)*. Australia: Deakin University.
- Cummins, R.A. (2000). Objective and subjective quality of life: An interactive model. *Social Indicators Research*, 52, 55-72.
- Cummins, R.A. (2004). The personal wellbeing index and international wellbeing group. *Proceedings of the 6th Australian Conference on Quality of Life*. 25 November; Australia.
- Cummins, R. A. (2006). *Personel Wellbeing Index*. Melbourne: Australia Centre on Quality of life, Deakin University
(http://www.deakin.edu.au/research/acqol/instruments/wellbeing_index.htm)

- Cummins, R.A. (2010). Subjective wellbeing, homeostatically protected mood and depression: a synthesis. *Journal Happiness Studies*, 11, 1-17.
- Cummins, R.A., Eckersley, R., Pallant, J., Van Vugt, J., & Misajon, R. (2003). Developing a national index of subjective wellbeing. The Australian Unity Wellbeing Index. *Social Indicators Research*, 64, 159-190.
- Cummins, R.A. & Lau A.L.D. (2012). Subjective wellbeing homeostasis. Dalam Land, K.C., Michalos, A.C. & Sirgy, M.J. (Eds.). *Handbook of social indicators and quality of life research*. USA: Springer.
- Compton, W. C. (2005). *An introduction positive psychology*. USA: Thomson Wadsworth.
- Dahlan, A., Nicol, M., & Maciver, D. (2010). Elements of life satisfaction amongst elderly people living in institutions in Malaysia: a mixed methodology approach. *Hong Kong Journal of Occupational Therapy*, 20, 2, 71-79.
- D'Acci, L. (2010). Measuring well-being and progress. *Social Indicators Research*: Published online.
- Day, J.M. (2010). Religion, spirituality, and positive psychology in adulthood: a developmental view. *Adult developmental*, 17, 215-229.
- Dayton, B.I., Saengtienchai, C., Kespichayawattana, J., & Aunguroch, Y. (2001). Psychological well-being Asian style: The perspectives of Thai elders. *Journal of Cross-Cultural Gerontology*, 16, 283-302.
- Diener, E. (1984). Subjective well-being. *Psychological Bulletin*, 95, 542-575.
- Diener, E. (2000). Subjective well-being: the science of happiness and a proposal for a national index. *American Psychological Association*, 5, 34-43.
- Diener, E. (2006). Guidelines for national indicators of subjective well-being and ill-being. *Applied Research in Quality of Life*, 1, 151-157.
- Diener, E., Emmons, R. A., Larsen, R.J., & Griffin, S. (1985). The satisfaction with life scale. *Journal of Personality Assessment*. 49, 1, 71-75.

- Diener, E., Diener, M. & Diener, C. (1995). Factors of predicting the subjective well-being of nations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 69, 851-864.
- Diener, E., & Diener, M. (1995). Cross-cultural correlates of life satisfaction and self-esteem. *Journal of Personality and Social Psychology*, 68, 653-663.
- Diener, E., Larsen, R.J., Levine, S., & Emmons, R. (1985). Intensity and Frequency: Dimensions underlying positive and Negative Affect. *Journal of Personality and Social Psychology*, 48, 1253-1265.
- Diener, E., & Suh, E. M. (2003). National differences in subjective well-being. Dalam Kahneman, D., Diener, E., & Schwarz, N. (Eds.), *Well-being: the foundations of hedonic psychology* (pp 434-450). New York: Russell Sage Foundation.
- Diener, E., Suh, E.M., Lucas, R.E., & Smith, H.L. (1999). Subjective well-being: three decades of progress. *Psychological Bulletin*, 125, 2, 276-302.
- Diener, R.B., Vittersø, J. & Diener, E. (2005). Most people are pretty happy, but there is cultural variation: The Inughuit, The Amish, and The Maasai. *Journal of Happiness Studies*, 6, 205-226.
- Dierendonck, D. (2005). The construct validity of Ryff's Scale of Psychological Well-being and its extension with spiritual well-being. *Personality and Individual Differences*, 36, 629-643.
- Durak, M., Durak, E.S, & Gencoz, T. (2010). Psychometric properties of the satisfaction with life scale among Turkish university students, correctional officers, and elderly adults. *Social Indicators Research*, 99, 413-429.
- Eddington, N. and Shuman, R. (2005). *Subjective Well-Being. Continuing Psychology Education*.
- Eid, M. (2008). Measuring the immeasurable: psychometric modeling of subjective well-being data. Dalam Eid, M., & Larsen, R. J. (Eds.), *The science of subjective well-being* (pp 141-167). New York: The Guilford Press.
- Esterberg, K. G. (2002). *Qualitative methods in social research*. New York: McGraw-Hill.
- Faghirzadeh, S. (2008). *Sosiologi sosiologi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

- Fatimah, A. (1995). Nilai kekeluargaan dalam persekitaran yang sedang berubah: Kes keluarga Melayu bandar. Dalam Hanapi, D. & Lokman, M. Z. (Eds). *Kebudayaan Melayu di ambang abad baru: satu himpunan makalah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah, I., Rashidah, B.R., Aishah Rohani, N., Rosinah, E., Suria, B. & Sarimah, A. (2008). Pensampelan dan kaedah kutipan data. Dalam Noraini, I. (2010). *Persampelan*. Dalam Noraini, I. (Eds.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill
- Fischer, J., & Corcoran, K. (1994). *Measure for clinical practise: A sourcebook 2nd edition*. New York: The Three Press, A Division of Macmillan, inc.
- Flick, U. (1998). An introduction to qualitative research. London: Sage Publication. Dalam Tamam, T., Zamri, M., & Afendi, H. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1, 89-107.
- Furnham, A., & Cheng, H. (1999). Personality as predictor of mental health and happiness in the east and west. *Personality and Individual Difference* 27: 395-403.
- Fordyce, M.W. (1987). A review of research on the happiness measures: a sixty second index of happiness and mental health. *Social Indicators Research*, 373-399
- Francis, L.J. (1999). Happiness is a thing called stable extraversion: a further examination of the relationship between the Oxford Happiness Inventory and Eysenck's dimensional model of personality and gender. *Personality and individual difference* 26: 5-11
- Francis, L.J., Ziebertz, H.G., & Lewis, C.A. (2003). The relationship between religion and happiness among german students. *Pastoral psychology* 51: 273-281.
- George, D., & Mallery, P. (2006). *SPSS for windows step by step: a simple guide and reference 13.0 update (6th edition)*. Boston: Pearson.
- Goddard, C. (1997). Cultural values and 'cultural scripts' of Malay (Bahasa Melayu). *Journal of Pragmatics*, 27, 183-201.
- Goddard, C., & Wierzbicka, A. (1997). Discourse and culture. Dalam Teun A. & Van Dijk (Eds.), *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publications, 231-259.

- Goddard, R.D., & Villanova, P. (2006). Designing surveys and questionnaires for research. Dalam Leong, F. T. L., & Austin, J. T. (Eds). *The psychology research handbook: A guide for graduate students and research assistants*. California: Sage Publication
- Gupta, V., Hanges, P.J., & Dorfman, P. (2002). Cultural cluster: methodology and findings. *Journal of World Business*, 37, 11-15.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate data analysis (6th edition)*. New Jersey: Pearson Education International.
- Haron, D., & Awang, A. (1994). Konsep dan falsafah keluarga bahagia. *Simposium perkahwinan dan kekeluargaan Islam ke IV*. 27 Mei.
- Hashim, M. (2008). *Hati budi Melayu: pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Haslina, M. (2006). *The applicability of the Big Five Inventory to the Malays*. Disertasi M.A, Universiti Malaya.
- Harding, S. D. (1982). Psychological well-being in Great Britain: an evaluation of the Bradburn affect balance scale. *Personality Individual Differences*, 3, 167-175.
- Hazwani, R. (2010). Hubungan di antara penglibatan dalam aktiviti sosial dengan kebahagiaan orang tua di Malaysia. *Seminar Psikologi Kebangsaan*. Universiti Malaysia Sabah, 28-29 Oktober.
- Headey, B., & Wooden, M. (2004). The effect of wealth and income on subjective well-being and ill-being. *Economic Record*, 80,
- Heatherton, T.F., & Wyland, C.L. (2003). Assessing Self-Esteem. Dalam Lopez, S.J., & Snyder, C.R. (Eds.). *Positive psychological assessment: a handbook of models and measures*. Washington D.C: American Psychological Association
- Hills, P., & Argyle, M. (2001). Emotional stability as a major dimension of happiness. *Personality and Individual Differences*, 31, 1357-1364.
- Hills, P. & Argyle, M. (2002). The Oxford Questionnaire: a compact scale for the measurement of psychological well-being. *Personality and Individual Differences* 33: 1073-1082.

- Hills, P. & Argyle, M. (1998). Positive mood derived from leisure and their relationship to happiness and personality. *Personality and Individual Differences*, 25, 253-235.
- Hofstede, G. (2001). *Cultures Consequences (2nd edition)*. Sage Publication, London.
- Hooghe, M., & Vanhoutte, B. (2011). Subjective well-being and social capital in Belgian communities. The impact of community characteristics on subjective well-being indicators in Belgium. *Social Indicators Research*, 100, 17-36.
- Hussein, A. (2009). The use triangulation in Social Science research: can qualitative and quantitative methods be combined? *Journal of Comparative Social Work*, 1, 1-12.
- Idris, Z. (2012). Islam dan falsafahnya dalam kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 91-108.
- Inoguchi, T., & Shin, D.C. (2009). The quality of life in Confucian Asia: from physical welfare to subjective well-being. *Social Indicators Research*, 92, 183-190.
- Ismail, H. (1991). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar, J. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Selangor: Arah Publications.
- Jaafar, J., & Khairudin, C.T. (2008). Hubungan antara takat kebahagiaan dan harga sendiri orang Melayu. *Manusia dan Masyarakat*, 16, 180-192.
- Jaafar, J., Muhamad, H., Che Tak, K., Afiatin, T. & Sugandi, Y.S. (2009). The level of happiness of Malaysians and Indonesians. Dalam Jaafar, J. L. S., & McCarthy, S. (Eds.), *Building Asian families and communities in the 21st century: Selected Proceedings of the 2nd Asian Psychological Association Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, June, 2008* (pp 538-570). Newcastle-upon-Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Jaafar, J., Che Tak, K., Ismuni, J., & Fei, Y. (2010). The sources of happiness to the Malaysians: data from a non-western sample. *10th ISQOLS International Conference*, Bangkok, Thailand, 8-11 December.
- Jamal, I., Yoo, F., & Jaafar, J. (2010). Does psychological well-being differ by identity statuses? A preliminary study on the Malaysian adolescents. *10th ISQOLS International Conference*, Bangkok, Thailand, 8-11 December.

- Jamaluddin, K. (1986). *Kebahagiaan menurut pandangan Islam: Apa? Darimana? Dan Bagaimana mencapainya*. P.T Bina Ilmu.
- Jang, D. & Kim, D.Y. (2004). Subjective well-being across cultures: Why do differences exist? Proceedings of the 6th Australian Conference on Quality of Life. 25 November; Australia.
- Jarden, A. (2011). *Positive psychology assessment: a practical introduction to empirically validated research tools for measuring wellbeing*. (website: www.aaronjarden.com)
- Jongudomkarn, D., & Camfield, L. (2006). Exploring the quality of life of people in north eastern and southern Thailand. *Social Indicators Research*, 78, 489-529.
- Joseph, S., & Linley, P. A. (2006). *Positive therapy: a meta-theory for positive psychological practice*. New York: Routledge.
- Joshanloo, M. (2013). Eastern conceptualizations of happiness: Fundamental differences with western views. *Journal of Happiness Studies*, 15, 475-593.
- Joshanloo, M. (2012). A comparison of western and Islamic conceptions of happiness. *Journal of Happiness Studies*, 14, 1857-1874.
- Kafka, G. T., & Kozma, A. (2002). The construct validity of Ryff's Scales of Psychological Well-Being (SPWB) and their relationship to measures of subjective well-being. *Social Indicators Research*, 57, 171-190.
- Kahneman, D. (2003). Objective happiness. Dalam Kahneman, D., Diener, D., Schwarz, N. (Eds), *Well-being: the foundations of hedonic psychology* (pp 3-25). New York: Russel Sage Foundation.
- Kashdan, T. B. (2004). The assessment of subjective well-being (issues raised by the Oxford Happiness Questionnaire). *Personality and Individual Differences*, 36, 1225-1232.
- Khairudin, C.T. (2006). *Sokongan sosial, personaliti dan kepuasan hidup di kalangan transeksual lelaki*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairudin, C.T. (2009). *Takat kebahagiaan dan harga sendiri orang Melayu*. Disertasi M.A, Univesity Malaya.

- Khairudin, C.T., & Jaafar, J. (2010). Religiositi dan hubungan positif dengan orang lain sebagai penyumbang kepada kebahagiaan orang Melayu. *Seminar Psikologi Kebangsaan*, Universiti Malaysia Sabah, 28-29 Oktober.
- Kheirabadi, M. (2004). *Religion of the world: Islam*. Philadelphia: Chelsea House Publishers
- Kim, M.S., Cha K.H. & Lim, J. (2002). *The structure of good life and the relationship with subjective well-being among college students*. Paper presented at the annual convention of Korean Psychological Association.
- Kim, M.S., Kim, H.W., Cha, K.H., & Lim, J. (2007). What makes Koreans happy?: exploration on the structure of happy life among Korean adults. *Social Indicators Research*, 82, 265-286.
- Kim, K.A., & Mueller, D.J. (2001). To balance or not balance: Confirmatory factor analysis of the Affect-Balance Scale. *Journal of Happiness Studies*, 2, 289-306.
- Kimweli, D.M.S., & Stilwell, W.E. (2002). Community subjective well-being, personality traits and quality of life therapy. *Social Indicators Research*, 60, 193-225.
- King, N., & Horrocks, C. (2010). *Interviews in qualitative research*. London: Sage Publication
- Krueger, R. A., & Casey, M. N. (2009). *Focus group (4th edition): A practical guide for applied research*. London: Sage Publication.
- Ku, P.W., Fox, K.R., & McKenna, J. (2008). Assessing subjective well-being in Chinese older adults: the Chinese aging profile. *Social Indicators Research*, 87, 445-460.
- Kuan, T.S., & Juan, T.S. (2010). Subjective Wellbeing in ASEAN: a cross-country study. *10th ISQOLS International Conference*, Bangkok, Thailand, 8-11 December.
- Kwan, V. S. Y., Bond, M. H., & Singelis, T. M. (1997). Pancultural explanation for life satisfaction: adding relationship harmony to self-esteem. *Journal of Personality and Social Psychology*. 73, 5, 1038-1051.

- Kwon, S.Y. (2008). Well-being and spirituality from a Korean perspective: Based on the study of culture and subjective well-being. *Pastoral Psychological*, 56, 573-584.
- Landis, J.R., & Koch, G.G. (1977). The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics*, 45, 255-268. Dalam Tamam, T., Zamri, M., & Afendi, H. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1, 89-107.
- Larsen, R.J., & Eid, M. (2008). Ed Diener and the science of subjective well-being. Dalam Eid, M., & Larsen, R.J. (Eds). *The science of subjective well-being*. London: The Guilford Press.
- Larsen, R.J., & Prizmic, Z. (2008). Regulation of emotional well-being: overcoming the hedonic treadmill. Dalam Eid, M., & Larsen, R.J. (Eds). *The science of subjective well-being*. London: The Guilford Press.
- Lavric, M., & Flere, S. (2008). The role of culture in the relationship between religiosity and psychological well-being. *Journal of Religion Health*, 47, 164-175.
- Lee, D. Y., Park, S. H., Uhlemann, M. R., & Patsula, P. (1999). What makes you happy? a comparison of self-reported criteria of happiness between two cultures. *Social Indicators Research*, 50, 351-362.
- Lee, Y.C., Lin, Y.C., Huang, C.L., & Fredrickson, B.L. (2012). The construct and measurement of Peace of Mind. *Journal of Happiness Studies*. Published Online.
- Lee, Y.H., Lin, Y.C., and Huang, C.L. (2007). Mind-balanced happiness: A new perspective of subjective well-being. *7th Conference of Asian Association of Social Psychology*. Anjuran Universiti Malaysia Sabah. 25-28 July.
- Liao, P.S., Fu, Y.C., and Yi, C.C. (2005). Perceived quality of life in Taiwan and Hong Kong: An intra-culture comparison. *Journal of Happiness Studies*, 6, 43-67
- Lim, H.E., (2008) The use of different happiness rating scales: bias and comparison problem? *Social Indicators Research*, 87, 259-267.
- Lu, L., & Gilmour, R. (2004). Culture and conceptions of happiness: individual oriented and social oriented SWB. *Journal of Happiness Studies*, 5, 269-291.

- Lu, L., & Gilmour, R. (2006). Individual-oriented and socially oriented cultural conceptions of subjective well-being: Conceptual analysis and scale development. *Asian Journal of Social Psychology*, 9, 36-49.
- Lu, L., Gilmour, R. and Koa, S. F. (2001). Culture values and happiness: An East-West dialogue. *Journal of Social Psychology* 141: 477-493
- Lu, L., Gilmour, R., Kao, S.F., Weng, T.H., Hu, C.H., Chern, J.G., Huang, S.W., & Shih, J.B. (2001). Two ways to achieve happiness: when the East meets the West. *Personality and Individual Differences* 30: 1161-1174.
- Lu, L., & Lin, Y.Y. (1998). Family roles and happiness in adulthood. *Personality and Individual Differences*, 25, 195-207.
- Lu, L., & Shih, J.B. (1997). Personality and happiness: Is mental health a mediator? *Personality and Individual Differences*, 22, 2, 246-256.
- Lu, L., & Shih, J.B. (1997). Sources of happiness: a qualitative approach. *Journal of Social Psychology*, 137, 181-188.
- Liao, P.H., Fu, Y.H and Yi, C.C. (2005). Perceived quality of life in Taiwan and Hong Kong: an intra-culture comparison. *Journal of Happiness Studies* 6: 43-67
- Lounsbury, J.W, Gibson, L.W., & Saudargas, R.A. (2006). Dalam Leong, F.T., & Austin, J.T. (Eds). *The psychology research handbook: a guide for students and research assistants (2nd edition)*. London: Sage Publications.
- Lyubomirsky, S., & Lepper, H. S. (1999). A measure of subjective happiness: Preliminary reliability and construct validation. *Social Indicators Research*, 46, 137-155
- M. Bakri Musa. (2016). *Merdeka Minda Melayu*. Selangor: ZI Publications.
- Ma'rof, R. & Asnarulkhadi, A.S (2006). Hubungan latar belakang terpilih dengan kesejahteraan subjektif di kalangan orang tua. *Prosiding Seminar Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM*. 20-21 Dis.
- Mahathir, M. (2011). *Dilema Melayu*. Selangor: Marshall Cavendish.

- Markus, H.R. & Hamedani, M.G. (2010). Sociocultural psychology: The dynamic interdependence among self systems and social systems. Dalam Kitayama, S. & Cohen, D. (Eds). *Handbook of Cultural Psychology*. New York; The Guilford Press.
- Markus, H.R. & Kitayama, S. (1991). Culture and the self: Implications for cognition, emotion, and motivation. *Psychological Review*, 98, 224-253.
- Mat Saat, B. (1993). Tingkah laku tak normal. Dalam Abdul Halim Othman (Eds). *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 344-385.
- Matsumoto, D., & Juang, L. (2008). *Culture and Psychology* (4th edition). Singapore: Thomson Wadsworth.
- McGillivray, M., & Clarke, M. (2006). Human well-being: concepts and measures. Dalam McGillivray, M., & Clarke, M. (Eds.). *Understanding human well-being*. New York: United Nations University Press.
- McIntyre, L.J. (2005). *Need to know social science research methods*. Singapore: McGraw-Hill.
- Metzger, L., (2007). *Nilai-nilai Melayu: satu sudut pandangan orang luar*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim.
- Mimura, C., & Griffiths, P. (2007). A Japanese version of the Rosenberg Self Esteem Scale: translation and equivalence assessment. *Journal Psychosomatic Research*, 62, 589-594
- Mohd Azhar, A.H., Mohd Koharuddin, B., Muhamed Fauzi, O. & Othman, A.K. (2004). Wajah moral masyarakat Melayu pascamoden: Antara realiti, harapan dan gagasan pendidikan moral tinggi. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca modenisme* (SIVIC), 4-6 September.
- Mohamad, A.B. (2004). Wagas Islam, warisan Melayu dan *welstanschauung* Malaysia. Dalam Mohd. Nakhaie, A., Mohamad, A.B., & Mahmood Zuhdi, A.M. (Eds.). *Dialog intraperadaban Melayu: wagas Islam, warisan Melayu dan welstanschauung Malaysia*. Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya.
- Mohamood Nazar, M. (2005). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia* (Edisi ke-5). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mohd. Fadli, S. (2003). *Kebahagiaan: Definisi Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors SDN BHD.
- Mohd. Koharuddin, M.B. (2005). *Peradaban Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Koharuddin, M.B. (2007). Tamadun Melayu. Dalam Esa, K. & Mohd. Azhar, A.H. (Eds). *Beberapa aspek tamadun Melayu, India, China dan Jepun*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Ridhuan, T.A., (2011). *Nasib Melayu di bumi Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd. Ridwan, T.A. (2001). Bahasa Melayu: peranan dan nilai-nilai moralisme di dalamnya. Dalam Yaacob Harun (Eds.). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd. Taib, O. (1989). *Masyarakat Melayu: Struktur, organisasi dan manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji, M.T. (1993). *Melayu baru*. Kuala Lumpur: ITC Book Publisher
- Najib, A.M., Shukri, A., & Kamarudin, A. (2008). Transisi sosial dalam amalan budaya hidup masyarakat tempatan: satu perspektif hukum dan psikologikal. Dalam Che Su, M., Abd. Rahman, A.A., Rohani, A.G., Jamaludin, M., & Nuredayu, O. (Eds.). *Isu-isu budaya dalam pembangunan sosial*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Nielsen, I., Smyth, R., & Zhai, Q. (2010). Subjective well-being of China's off-farm migrants. *Journal Happiness Studies*, 11, 315-333.
- Noraini, M.N. (2001). Work, family, and Malaysian women's well-being. In Haque, A. (ed). *Mental health in Malaysia: Issues and Concerns*, pp. 69-96, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Noraini, A.R. & Nor Ba'yah, A.K. (2011). Pengertian hidup, syukur dan hubungan dengan kegembiraan subjektif di kalangan pekerja. *Journal of Social Science and Humanities*, 6, 2, 349-358.
- Noraini, I. (2010). Persampelan. Dalam Noraini, I. (Eds.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill

- Noraini, K. (2010). Kajian tinjauan (secara kuantitatif). Dalam Noraini, I. (Eds.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Norazit, S. (1997). Adat: Antara tradisi dan kemodenan. Dalam Norazit S., Hashim A., dan Nor Hisham, O. (Eds.). *Meniti zaman: masyarakat melayu antara tradisi dan moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noriati, A.R. (2007). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norizan, E., Nordin A.R., & Mohd. Ali, S. (2010). Analisis data kuantitatif. Dalam Noraini, I. (Eds.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Nor Ba'yah, A.K. dan Kamsiah A. (2002). Indicator of well-being amongst Malay single mothers in sarawak. *Jurnal Kerja Sosial Malaysia*. 1, 57-74.
- Nor Ba'yah, A.K. dan Asmawati, D. (2004). Sokongan sosial dan keceriaan: Tinjauan awal di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal e-Bangi*, Vol 3, 1-12.
- Nur zahidah, H. J., & Raihanah, H. A. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.
- Oishi, S. (2010). Culture and wellbeing: Conceptual and methodological issues. Dalam Diener, E., Helliwell, J. F., & Kahneman, D. (Eds.). *International differences in well-being*. New York: Oxford University Press.
- Ostroot, N., Shin, D. & Snyder, W. (1982). Quality of life perceptions in two cultures. *Social Indicators Research*, 11, 113-138.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pavot, W. (2008). The assessment of subjective well-being: successes and shortfalls. Dalam Eid, M., & Larsen, R. (Eds). *The science of subjective well-being* (pp. 97-123). New York: The Guilford Press.
- Piaw, C.Y. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

- Piaw, C.Y. (2009). *Statistik penyelidikan lanjutan: ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM (buku 5)*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Pollio, H. R., Graves, T. R., & Arfken, M. (2006). Qualitative methods (pp 254-274). Dalam Leong, F. T. L., & Austin, J. T. (Eds). *The psychology research handbook: A guide for graduate students and research assistants*. California: Sage Publication
- Puvenesvary, M., Radziah Abdul Rahim, Sivabala, R., Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan, & Noor Hashima Abd Aziz. (2008). *Qualitative research: data collection & data analysis techniques*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Roberts, P. & Priest, H. (2006). Reliability and validity in research. *Nursing Standard*, 20, 41-45.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rozita Radhiah, S., & Abdul Rashid, J. (2012). Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Education*, 27, 51-68.
- Rubinstein, G. (2006). The big five and self-esteem among overweight dieting and non-dieting women. *Eating behaviors*, 7, 355-361.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57, 1069-1081.
- Ryff, C.D., & Keyes, C.L.M. (1995). The structure of psychological well-being revisited. *Journal of Personality and Social Psychology* 69: 719-727.
- Salasiah Hanim, H. (1999). *Falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazali: Kajian terhadap kefahaman masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Disertasi, M.A, Universiti Malaya.
- Salleh, A., & Zuria, M. (2009). Hubungan antara ketegasan diri dan kepuasan hidup dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34, 2, 49-65.

- Santos, G. M. (2009). A Filipino concept of subjective well-being (SWB) and its correlates. Dalam Jaafar, J. L. S., & McCarthy, S. (Eds.), *Building Asian families and communities in the 21st century: Selected Proceedings of the 2nd Asian Psychological Association Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, June, 2008* (pp 538-570). Newcastle-upon-Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Sam, L.C., & Mang, C.K. (2010). Kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Dalam Noraini, I. (Eds.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Schensul, S.L., Schensul, J.J., & LeCompte, M.D. (1999). Essential ethnographic methods: Observations, interviews, and questionnaires. *Ethnographer's Toolkit, vol. 2*. Walnut Creek, CA: AltaMira,
- Schimmack, U. (2008). The structure of subjective well-being. Dalam Eid, M., & Larsen, R. (Eds.), *The science of subjective well-being* (pp. 97-123). New York: The Guilford Press.
- Schmitt, D.P., & Allik, J. (2005). Simultaneous administration of the Rosenberg self-esteem scale in 53 nations: Exploring the universal culture-specific features of global self-esteem. *Journal of Personality and Social Psychology*, 89, 4, 623-642.
- Seman, H.J. (2012). *Pengetahuan wajib setiap muslim*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Shahabuddin, H. & Rohizani, Y. (2007). *Teori personaliti dari aspek Islam, Timur dan Barat*. Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Sinaiko, H.W., & Brislin, R.W. (1973). Evaluating language translation: experiments on three assessment methods. *Journal of Applied Psychology*, 57, 3, 328-334.
- Shin, D.C., & Inoguchi, T. (2009). Avowed happiness in Confucian Asia: ascertaining its distribution, patterns, and sources. *Social Indicators Research*, 92, 405-427.
- Snoep, L. (2008). Religiousness and happiness in three nations: a research note. *Journal of Happiness Studies*, 9, 207-211.
- Snyder, C.R. & Lopez, S.J. (2007). *Positive psychology: The scientific and practical explorations of human strengths*. London: Sage Publications.
- Spartz, C., & Kardas, E. (2008). *Research methods: ideas, techniques and reports*. New York: McGraw-Hill.

- Suh, E.M. (2002). Culture, identity consistency, and subjective well-being. *Journal of Personality and Social Psychology* 83: 1378-1391.
- Suh, E.M. & Oishi, S. (2004). Culture and subjective well-being: Introduction to the Special Issue. *Journal of Happiness Studies* 5:219-222.
- Susniene, D. & Jurkauskas, A. (2009). The concepts of quality of life and happiness-correlation and differences. *Inzinerine Ekonimika-Engineering Economics*, 3, 58-66
- Swami, V. (2008). Translation and validation of the Malay Subjective Happiness Scale. *Social Indicators Research*, 88, 347-353.
- Swami, V., & Premuzic, T.C. (2009). Psychometric evaluation of the Malay satisfaction with life scale. *Social Indicators Research*, 92, 25-33.
- Swinyard, W.R., Kau, A.H., & Phua, H.Y. (2001). Happiness, materialism, and religious experience in the US and Singapore. *Journal of Happiness Studies*, 2, 13-32.
- Syed Husin, A. (2008). *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah
- Tiliouine, H. (2009). Measuring satisfaction with religiosity and its contribution to the personal wellbeing index in a Muslim sample. *Applied Research Quality of Life*, 4, 91-108.
- Tiliouine, H. & Belgoumidi, A. (2009). An exploratory study of religiosity, meaning in life and subjective wellbeing in Muslim students from Algeria. *Applied Research Quality of Life*, 4, 109-127.
- Tiliouine, H., & Meziane, M. (2012). The quality of life of Muslim population: the case of Algeria. Dalam Land, K.C., Michalos, A.C. & Sirgy, M.J. (Eds.). *Handbook of social indicators and quality of life research*. USA: Springer.
- Torras, M. (2008). The subjectivity inherent in objective measures of well-being. *Journal of Happiness Studies*, 9, 475-487.
- Tov, W., & Diener, E. (2010). Culture and subjective well-being. Dalam Kitayama, S., & Cohen, D. (Eds.). *Handbook of cultural psychology*. London: The Guilford Press.

- Triandis, H.C. (2000). Cultural syndrome and subjective well-being. Dalam Diener, E., & Suh, E.M. (Eds). *Culture and Subjective Well-Being*. Cambridge: A Bradford Book.
- Uchida, Y., & Kitayama, S. (2009). Happiness and unhappiness in east and west: themes and variations. *Emotion*, 9, 441-456.
- Uchida, Y., Norasakkunkit, V., & Kitayama, S. (2004). Cultural constructions of happiness: Theory and empirical evidence. *Journal of Happiness Studies*, 5, 223-239.
- Van Hemert, D. A., Van De Vijver, F. J. R., & Poortinga, Y. H. (2002). The beck depression inventory as a measure of subjective well-being: a cross-national study. *Journal of Happiness Studies*, 3, 257-286.
- Vaughn, S., Schumm, J. S., & Sinagub, J. (1996). *Focus group interviews in education and psychology*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Vaughn, L.M. (2010). *Psychology and culture: thinking, feeling and behaving in a global context*. New York: Psychology Press.
- Vitrano, C. (2010). The subjective of happiness. *Journal Value Inquiry*, 44, 47-54.
- Veenhoven, R. (1984). *Conditions of happiness*. Dordrecht: D. Reidel Publishing Company.
- Vun Schuur, W.H., & Kruijtbosch, M. (1995). Measuring subjective well-being: unfolding the Bradburn Affect Balance Scale. *Social Indicators Research*, 36, 49-74.
- Wan Abdul Halim, O. (1993). Hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. Dalam Abdul Halim Othman (Eds). *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 61-101.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (1993). *Tradisi dan perubahan Melayu*. Petaling Jaya: Masfami enterprise.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (1994). *Nilai dan world-view orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami enterprise

- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2000). *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfahmi Enterprise.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2002). *Tradisi dan perubahan masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2002). *Budaya bandaran: Perubahan budaya popular Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu,.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2007). *Masyarakat dan budaya Melayu: Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ilmu.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2007). *Proses urbanisasi dan modenisasi budaya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2007). *Asas nilai dan norma Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Wan Abdul Kadir, W.Y. (2007). *Nilai dan norma: Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Yaacou, H. (1995). *Keluargaan dan perkahwinan Melayu: konsep asas*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Abidin, B., & Zamre, A.H. (2006). Nilai keluarga Melayu dan cabarannya dalam pembangunan. Dalam Abd. Rahim, A.R., Sufean, H., & Jamaludin, T. (Eds.). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors SDN BHD.
- Zakaria, S., Faudzinain, B., Zainab, I., Mohd Zamro, M., & Roziah, S. (2003). Nilai keagamaan masyarakat Melayu dalam arus globalisasi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Arus Perdana 2*: 82-112.
- Zakaria, S., Noranizah, Y., Abdul Fatah, S. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad dan Farahwahida Mohd Yusof. (2011). *Tamadun Islam dan tamaduan Asia*. Johor: Penerbit UTM Press